BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PRAKATA

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015 ini membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem ini untuk terus melaksanakan peranan pengantaraan kewangannya dalam ekonomi negara. Laporan ini juga menghuraikan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan agar sektor ini akan terus menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi negara. Selain itu, laporan ini turut mengandungi langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan kekal selamat dan kukuh serta terus menggalakkan kestabilan sistem kewangan dan pembayaran secara keseluruhannya.

Penerbitan laporan ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu dan perkembangan yang memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, termasuk hala tuju dasar Bank.

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Kestabilan Kewangan
PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2015

15 Tinjauan Keseluruhan
16 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Keberhutangan Isi Rumah
20 Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri
25 Mengurus Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan
33 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan
39 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi di Luar Negeri
45 Kesalinghubungan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB) dengan Sistem Kewangan
47 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan
56 *Rencana: Pendalaman Kewangan dan Implikasi terhadap Kestabilan Kewangan*

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Menggalakkan Pengantaraan Dana yang Berkesan dan Cekap
69 Menggalakkan Sektor Insurans dan Takaful yang Berdaya Saing dan Inovatif
71 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
72 *Rencana: Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran*
76 Memajukan Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
77 Membangunkan Tenaga Mahir Untuk Memacu Pertumbuhan dan Dinamisme Dalam Sektor Kewangan
79 Mengukuhkan Rangkaian Kewangan dan Ekonomi Antarabangsa
81 *Rencana: Merungkaikan Manfaat Bersama Menerusi Rangkuman Kewangan untuk Semua*

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

91 Memperkukuhkan Rangka Kerja Kehematan
98 Memelihara Integriti Sistem Kewangan
101 Aktiviti Penguatkuasaan
103 *Rencana: Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti*

AMALAN PASARAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

109 Mengurus Risiko Pengguna Kewangan
112 Memperkukuh Mekanisme Penyelesaian untuk Pengguna
113 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab

Laporan Sistem Pembayaran
SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

119 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
123 Trend dan Perkembangan Utama Dalam Sistem Pembayaran Runcit
130 Kerjasama Serantau Dalam Sistem Pembayaran

TAMBAHAN

PERUTUSAN GABENOR

Sistem kewangan Malaysia kekal stabil dan kukuh, meskipun dalam persekitaran risiko yang meningkat, ketika perkembangan ketara pada peringkat global dan dalam negeri terus mempengaruhi sistem kewangan negara. Tahun 2015 turut menyaksikan ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan awal dengan turun naik pasaran kewangan yang ketara. Hakikatnya, pembangunan dan pembaharuan sektor kewangan sedekad yang lalu, yang diperkukuh oleh langkah-langkah awalan yang diperkenalkan sejak tahun 2006 untuk menangani risiko yang berkaitan dengan leveraj isi rumah dan kenaikan harga harta tanah, telah membendung kesan daripada perkembangan tersebut. Rangkuman kewangan dan pendidikan kewangan yang lebih meluas juga menyokong pelarasan yang diperlukan oleh isi rumah. Meskipun keadaan sektor kewangan dijangka terus mencabar pada tahun 2016, kekukuhan dan daya tahan industri perbankan dan insurans negara yang berterusan akan kekal disokong oleh pengurusan risiko yang mantap serta mudah tunai dan penampan modal yang lebih daripada mencukupi. Faktor-faktor ini akan memberikan sokongan kukuh terhadap aktiviti pengantaraan kewangan dan mengekalkan keupayaan sistem kewangan untuk menghadapi perkembangan ini.

Satu lagi perkembangan utama dalam sektor kewangan negara yang memberikan implikasi penting terhadap kestabilan kewangan ialah pembaharuan perundangan yang menyeluruh sepanjang 15 tahun lalu, yang menghasilkan enakmen 12 undang-undang untuk sektor kewangan. Undang-undang ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan selanjutnya dalam rangka-rangka kerja pengawalan, penyeliaan dan institusi untuk menangani cabaran-cabaran baharu dalam pengurusan kestabilan kewangan. Cabaran ini juga termasuk peranan lebih besar pengantara kewangan bukan bank dalam aktiviti pengantaraan kewangan dalam penggemblengan dan pengagihan dana, kesan daripada usaha untuk memperdalam sektor kewangan. Hubungan antara sistem kewangan dengan ekonomi benar turut mengambil dimensi baharu yang lebih luas. Sistem kewangan juga semakin saling berhubung merentas sempadan dengan penyertaan institusi kewangan yang meningkat pada peringkat global dan serantau, selain pasaran kewangan antarabangsa yang lebih bersepadu. Selain itu, langkah memanfaatkan kemajuan teknologi telah meningkatkan kebergantungan operasi, yang mungkin mempengaruhi kestabilan fungsi-fungsi kritikal bank di Malaysia secara langsung. Akhir sekali, penjajaran rangka kerja pengawalseliaan domestik yang teratur dengan agenda pembaharuan pengawalseliaan global yang meluas telah diurus dengan sewajarnya untuk mencapai daya tahan jangka panjang yang lebih teguh tanpa gangguan yang tidak dijangka.

Sebagai respons kepada perkembangan-perkembangan tersebut, Bank juga telah meningkatkan pengawasannya serta mengkaji semula dan mempertingkatkan piawaian kehematan, amalan dan integriti untuk institusi kewangan. Langkah ini turut diperkukuh oleh rangka kerja dan pengaturan kerjasama yang lebih luas dengan pihak berkuasa yang lain.

Peningkatan penyeliaan, termasuk ke atas kumpulan kewangan, akan terus menjadi prioriti utama Bank pada masa akan datang. Dalam persekitaran semasa, Bank turut memberikan lebih perhatian terhadap tanda-tanda kecenderungan kitaran perlakuan bank (cyclical tendencies in bank behaviour). Berikutan pelaksanaan pelbagai langkah untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang kukuh, penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko dan amalan penyediaan peruntukan sepanjang tempoh pertumbuhan kredit yang kukuh, kecenderungan kitaran perlakuan bank kini telah dapat dikurangkan dengan nyata.

Satu lagi fokus Bank adalah untuk membangunkan satu set instrumen fungsian yang pelbagai bagi mengurus krisis, dengan berpandukan rangka kerja pengurusan krisis peringkat negara dan serantau. Pada masa akan datang, fokus adalah pada pelan pemulihan dan penyelesaian untuk meningkatkan disiplin pasaran serta memastikan fungsi-fungsi kritikal tidak akan terjejas oleh risiko sistem kewangan.

Sehubungan dengan itu, pembangunan dan kecanggihan sistem kewangan Malaysia yang semakin meningkat memerlukan semakan asas berhubung dengan pengukuran risiko kepada sistem secara tradisional. Didorong sebahagiannya oleh episod ketidaktentuan pasaran pendanaan pada tahun 2015, Bank memperkenalkan metrik mudah tunai baharu (nisbah perlindungan mudah tunai dan nisbah pinjaman kepada dana) untuk menyediakan pengukuran yang lebih komprehensif bagi risiko mudah tunai dalam sistem perbankan. Memandangkan bank semakin banyak memanfaatkan pasaran modal yang lebih maju untuk memperoleh dana, ditambah pula dengan saluran lebih luas yang dibangunkan untuk isi rumah dan perniagaan menyimpan dan melabur, pengukur mudah tunai yang lebih meluas kini diperlukan untuk mengukur kekukuhan aktiviti pendanaan bank. Usaha untuk meningkatkan kualiti dan menyediakan maklumat yang relevan kepada orang ramai adalah bertujuan untuk menggalakkan tindakan pasaran yang boleh menyumbang kepada kestabilan kewangan. Langkah-langkah juga telah diambil untuk melaksanakan piawaian yang konsisten dengan piawaian global bagi pendanaan dan mudah tunai, termasuk pengukuran dan penzahirannya.

Sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001), Bank bekerjasama dengan pihak berkuasa lain yang relevan di Malaysia untuk memastikan kawalan dilaksanakan dan dikendalikan dengan berkesan bagi mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Dalam tempoh dua tahun yang lalu, usaha-usaha ini mendapat pemerhatian teliti antarabangsa di bawah penilaian bersama terhadap rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter-terrorist financing, AML/CFT) Malaysia oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). Pada bulan September 2015, FATF telah menerbitkan laporan mengenai Malaysia yang mengesahkan tahap pematuhan teknikal negara yang tinggi dengan piawaian antarabangsa dalam usaha membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Bank, dengan kerjasama agensi lain yang menganggotai Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering), memberikan komitmen sepenuhnya dalam pelaksanaan langkah tambahan yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan piawaian ini berkesan merentas semua entiti pelapor yang aktivitinya terdedah kepada risiko penyelewengan kewangan. Berdasarkan komitmen Malaysia yang

ditunjukkan dalam pelan tindakannya dan kemajuan berterusan yang dicapai dalam usaha meningkatkan pelaksanaan program AML/CFT, Malaysia telah diberikan keahlian penuh dalam FATF pada bulan Februari 2016. Keberkesanan usaha Malaysia dalam melindungi integriti sistem kewangan negara daripada penyalahgunaan untuk aktiviti jenayah dan keganasan, banyak bergantung pada kekukuhan kawalan yang dilaksanakan oleh institusi pelapor, khususnya pengantara kewangan, untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan risiko yang mereka hadapi. Oleh itu, langkah ini perlu terus menjadi keutamaan yang tinggi dalam kalangan institusi pelapor kita.

Pada tahun 2015, sektor kewangan Islam turut meraih beberapa pencapaian penting. Terbitan sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab yang pertama bagi Malaysia serta terbitan rintis instrumen pasaran wang kelas baharu oleh Bank, akan terus menambah kedalaman dan kepelbagaian pasaran kewangan Islam di negara ini. Bank-bank Islam di Malaysia juga telah menyempurnakan proses selama dua tahun untuk melaraskan sepenuhnya semua akaun deposit pelanggan sedia ada dengan kontrak berlandaskan Syariah mereka. Ini akan menyumbang kepada potensi pengantaraan dalam bentuk akaun pelaburan yang menggalakkan perkongsian risiko secara langsung. Pada peringkat global, sememangnya diakui bahawa kewangan Islam berpotensi besar untuk menangani kebimbangan berhubung dengan perbezaan paras pendapatan dan mengatasi masalah sedia ada berkaitan dengan sistem pembiayaan, yang sebahagian besarnya berasaskan hutang. Bank terus menyokong pembangunan kewangan Islam melalui penglibatannya yang aktif dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang menetapkan piawaian global dalam bidang pengawalan dan penyeliaan kewangan Islam yang berkesan untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

Selepas lima tahun pelaksanaan pelan strategik terperinci e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan, Bank telah melaksanakan sebahagian besar daripada inisiatif yang dirancang berhubung dengan pengawalan dan insentif pasaran. Ini bertujuan menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas. Walaupun usaha-usaha ini telah menyumbang kepada kemajuan penting dalam pencapaian sasaran e-pembayaran seperti yang ditetapkan di bawah Pelan tersebut, namun masih banyak lagi tugas yang perlu dilaksanakan. Pada tahun-tahun yang akan datang, penambahbaikan kepada infrastruktur pembayaran dan peluasan jangkauan akan dipercepat supaya lebih banyak entiti perniagaan dan agensi kerajaan beralih kepada e-pembayaran. Sokongan lebih meluas juga diperlukan dalam pelaksanaan inisiatif yang berinovasi dalam industri kewangan untuk terus meningkatkan kemudahan e-pembayaran dan penentuan harga yang kompetitif dalam persekitaran ini.

Usaha menjadikan sistem kewangan negara lebih inklusif terus menjadi bahagian penting dalam mandat Bank untuk memajukan agenda kestabilan kewangan negara yang juga merupakan faktor yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan. Setelah mencapai kemajuan yang besar dalam usaha meningkatkan akses kewangan, yang menyaksikan perkhidmatan kewangan kini lebih mudah digunakan oleh 99% penduduk di seluruh negara, Bank menggiatkan usahanya untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan secara lebih berkesan. Khususnya, Bank menggalakkan inovasi yang berterusan, dengan tumpuan lebih inklusif terhadap seluruh spektrum perkhidmatan kewangan – termasuk simpanan, insurans, kredit dan pembayaran. Memandangkan tahap keberhutangan isi rumah semakin meningkat, Bank juga telah menumpukan perhatian terhadap usaha untuk mengekang trend ini dengan menyediakan

mekanisme bantuan yang lebih berkesan untuk isi rumah yang menghadapi kesukaran kewangan. Usaha ini terus disokong oleh program pendidikan dan juga pengawalan agar seimbang dengan objektif kestabilan, rangkuman dan integriti kewangan.

Meskipun banyak kemajuan telah dicapai oleh Bank dalam usahanya untuk menggalakkan kestabilan kewangan, namun masih banyak tugas yang perlu dilakukan, dan ini meliputi tugas yang semakin kompleks dari segi pertimbangan dan dimensinya. Oleh itu, pengawalan dan penyeliaan sistem kewangan oleh Bank dengan kerjasama pihak berkuasa lain yang relevan, akan terus berkembang pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Sama pentingnya juga ialah Bank terus mengukuhkan keupayaan organisasinya yang kini disokong dengan baik oleh rangka kerja institusi yang kukuh, tenaga kerja berkemahiran tinggi dan rangkaian hubungan domestik, serantau dan antarabangsa yang utama, yang terbina sejak bertahun yang lalu, bagi memajukan lagi usaha ini pada masa akan datang.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2016

2015

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2015

Ketidaktentuan pasaran kewangan kekal ketara pada tahun 2015. Prospek pengembalian semula kadar faedah Federal Reserve Amerika Syarikat ke paras yang lebih wajar, prospek pertumbuhan global yang lebih lemah, termasuk bagi Republik Rakyat China (RR China) dan ekonomi sedang pesat membangun, serta kejatuhan harga minyak mentah ke paras yang tidak pernah berlaku sebelum ini merupakan teras utama yang mempengaruhi perlakuan para pelabur pada sebahagian besar tahun 2015. Di Malaysia, aliran portfolio didorong terutamanya oleh aliran keluar dana global secara meluas daripada pasaran sedang pesat membangun dan negara pengeluar komoditi, serta pelaburan ke luar negara oleh pelabur institusi domestik sebagai sebahagian daripada strategi untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan. Seperti dalam episod ketidaktentuan yang ketara dan aliran modal yang besar sebelum ini, kedalaman pasaran kewangan domestik dan kehadiran pelabur institusi yang kukuh di negara ini terus menyokong keadaan pasaran yang teratur. Meskipun keadaan pendanaan ada kalanya lebih ketat dalam keadaan aliran keluar portfolio dalam jumlah yang besar, agregat lebihan mudah tunai sistem kewangan domestik yang ditempatkan di Bank kekal tinggi sebanyak RM205.1 bilion pada akhir tahun 2015. Penyediaan mudah tunai menerusi kemudahan repo berbalik Bank dan penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) baru-baru ini telah memastikan keadaan mudah tunai yang mencukupi yang turut membantu melancarkan pelarasan oleh bank individu terhadap persaingan yang lebih sengit untuk mendapatkan deposit serta pengagihan deposit yang lebih tidak sekata merentas bank. Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful domestik terus mengekalkan keberuntungan dan kedudukan modal yang kukuh. Bank, khususnya, menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi untuk menjana perolehan meskipun keadaan perniagaan kian mencabar. Ini lantas membolehkan mereka mengekalkan penampan yang kukuh menerusi dasar pengekalan perolehan berhemat. Modal bank yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum terus meningkat sebanyak 9.5% kepada RM117.3 bilion. Agregat permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful juga kekal kukuh, dengan lebihan penampan modal berjumlah RM46 bilion mengatasi keperluan minimum pengawalseliaan. Faktor-faktor ini terus menyokong kuat aktiviti pengantaraan domestik dan mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan Malaysia.

Risiko kepada kestabilan kewangan domestik akibat keberhutangan isi rumah dan harga harta tanah yang meningkat, terus sederhana. Peminjaman isi rumah terkumpul daripada bank dan bukan bank meningkat 7.3%, lantas melanjutkan kadar pertumbuhan lebih perlahan yang dicatat sejak langkah kehematan makro yang pertama kali dilaksanakan pada tahun 2010. Ini mencerminkan terutamanya peningkatan pembiayaan untuk tujuan peribadi yang terus lebih perlahan sementara pembiayaan untuk pembelian rumah kekal kukuh. Nisbah paras hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kekal tinggi pada 89.1% dalam keadaan pertumbuhan KDNK nominal yang lebih sederhana pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang pada amnya kekal kukuh, disokong oleh prospek guna tenaga dalam negeri dan pendapatan yang secara amnya stabil. Bahagian peminjaman isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai leveraj (atau hutang) yang tinggi terus merosot, mencerminkan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik. Agregat aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang isi rumah. Bagi sesetengah isi rumah, aset tersebut telah menyokong pelarasan terhadap kos sara hidup yang meningkat. Namun demikian, dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, tahap leveraj kekal agak tinggi. Oleh itu, usaha mengurangkan paras hutang isi rumah terus menjadi perkara penting untuk menyediakan penampan bagi kejadian yang tidak dijangka dan kenaikan kos.

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik daripada leveraj isi rumah terus berkurang, disebabkan sebahagian besarnya oleh piawaian pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko bank yang mantap. Penambahbaikan

terhadap amalan pemberian pinjaman bank bagi mencerminkan pengukuhan proses penilaian kemampuan, kebanyakannya telah dilaksanakan. Langkah ini penting untuk mengekalkan kekukuhan kualiti aset bank pada masa akan datang. Kualiti keseluruhan bagi pinjaman perumahan bank terus meningkat, dengan pinjaman terjejas dan delinkuensi isi rumah kekal rendah bagi semua jenis kemudahan pembiayaan. Kebimbangan terhadap penentuan harga risiko yang tidak tepat di tengah-tengah persaingan yang sengit dalam segmen pembiayaan runcit juga dinilai oleh Bank sebagai semakin berkurang. Ini disebabkan langkah-langkah yang diambil oleh bank, sama ada menyelaraskan kadar pemberian pinjaman mereka bagi mencerminkan andaian risiko kredit dan mudah tunai yang lebih realistik, atau meningkatkan penampan modal. Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, risiko kepada kestabilan kewangan daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah kekal terurus memandangkan kemungkinan kerugian, meskipun di bawah andaian keadaan tekanan yang teruk, akan dapat ditampung dengan baik oleh lebihan penampan modal bank.

Dalam pasaran harta tanah, pertumbuhan agregat harga rumah didapati stabil disebabkan pembeli rumah dan pemaju perumahan terus membuat penyesuaian terhadap langkah kehematan makro dan fiskal yang bertujuan untuk membendung kegiatan spekulasi dan pengambilan risiko yang berlebihan. Pertumbuhan purata harga rumah yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia, menurun daripada 9.6% dalam tempoh tahun 2010 – 2014 kepada kira-kira 8% yang dicatat selama lima suku tahunan berturut-turut sejak suku kedua 2014. Transaksi perumahan yang lebih perlahan, terutamanya dalam segmen rumah berharga lebih tinggi, serta permintaan yang terus kukuh terhadap unit rumah mampu milik telah menggalakkan penyeimbangan semula penawaran perumahan. Ini akan mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan penawaran perumahan yang tidak mampan, yang tertumpu dalam segmen tertentu. Memandangkan kini terdapat jurang yang besar antara permintaan dengan penawaran dalam segmen perumahan mampu milik, penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa risiko pembetulan harga rumah yang lebih menyeluruh dijangka kekal rendah. Pertambahan penawaran perumahan mampu milik oleh pihak Kerajaan dan sektor swasta adalah penting untuk mengurangkan tekanan menaik terhadap harga rumah. Bagi harta bukan kediaman, risiko dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah telah meningkat. Dengan keadaan perniagaan yang kian mencabar dan pertambahan penawaran dalam masa dua tahun akan datang terus menambah tekanan terhadap penawaran, usaha untuk memastikan pengurusan penawaran baharu yang berkesan bagi segmen tersebut adalah penting. Pada masa ini, dedahan bank dalam segmen ini agak terhad, dengan tahap kegagalan membayar hutang (atau delinkuensi) masih didapati rendah dan stabil.

Pertumbuhan peminjaman korporat bukan kewangan terus dipacu aktiviti pelaburan dalam negeri dan disokong kedudukan kewangan korporat yang pada amnya kukuh. Hutang terkumpul sektor korporat bukan kewangan Malaysia meningkat kepada RM1,212.9 bilion atau 104.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2015. Meskipun paras leveraj korporat meningkat pada tahun 2015, ia masih berada pada paras kehematan yang wajar. Nisbah median hutang kepada ekuiti syarikat bukan kewangan Malaysia ialah 46.8% pada akhir bulan September 2015. Walaupun keberuntungan lebih rendah dalam beberapa segmen perniagaan yang lebih terjejas akibat harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lemah, keupayaan keseluruhan entiti perniagaan untuk membayar balik hutang kekal kukuh dan terus disokong oleh penampan mudah tunai yang mencukupi. Nisbah median perlindungan kadar faedah perniagaan pada 5.3 kali jauh melebihi piawaian kehematan iaitu dua kali, manakala nisbah median tunai kepada hutang jangka pendek kekal melebihi satu kali. Ini membolehkan perniagaan untuk menangani pergerakan lebih ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi yang dialami pada tahun 2015. Tambahan lagi, risiko kepada kestabilan kewangan domestik daripada hutang luar negeri dan hutang mata wang asing korporat terus dikurangkan oleh proses kelulusan pengawalseliaan berhemat yang sedia ada, dan juga syarikat konglomerat domestik (termasuk GLC) dan syarikat multinasional yang kukuh dari segi kewangan, yang mencakupi bahagian yang besar daripada hutang luar negeri.

Kualiti keseluruhan bagi peminjaman perniagaan adalah mampan. Meskipun prestasi pinjaman dalam beberapa sektor merosot sejajar dengan perkembangan ekonomi, namun impaknya ke atas prestasi pinjaman perniagaan keseluruhan adalah kecil. Dedahan bank kepada sektor minyak sawit mentah serta minyak dan gas

adalah kecil, masing-masing pada kira-kira 4% dan 2% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Kemungkinan kerugian kredit kumulatif daripada kejutan teruk yang disimulasi pada kumpulan peminjam besar juga kekal terurus, dengan lebihan penampan modal bank mencukupi untuk menampung lebih dua kali kerugian yang dianggarkan. Ketidakpastian dalam permintaan global, ketidaktentuan kadar pertukaran selanjutnya dan pergerakan harga komoditi dijangka terus mempengaruhi prospek risiko kredit perniagaan pada tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, keupayaan keseluruhan syarikat Malaysia untuk membayar balik hutang dijangka kekal kukuh pada tahun 2016, memandangkan terdapat asas-asas syarikat yang lebih teguh.

Kumpulan perbankan domestik (domestic banking group, DBG) terus memperluas operasi serantau mereka pada tahun 2015. Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri terus meningkat untuk mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah aset DBG (22.8%; 2014: 20.7%). Dedahan luaran bank Malaysia turut meningkat sejajar dengan pertumbuhan operasi bank domestik di luar negeri, kehadiran bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks, LIFB) yang terus kukuh dan stabil di negara ini dan aktiviti perdagangan dan pelaburan syarikat bukan kewangan Malaysia pada peringkat serantau. Walaupun aset dan liabiliti luaran bank Malaysia meningkat pada tahun 2015, kedudukan liabiliti luaran bersih sistem perbankan lebih tinggi sedikit, iaitu RM138.7 bilion (2014: RM131 bilion), disebabkan terutamanya oleh LIFB. Sebahagian besar tuntutan tersebut merupakan pelaburan modal dalam bentuk ekuiti dan perolehan tertahan LIFB, yang operasinya telah lama bertapak dan penting di Malaysia. Oleh itu, risikonya kepada sistem perbankan Malaysia adalah kecil. Dedahan luaran (aset dan liabiliti) bank yang meningkat juga disebabkan oleh amalan pengurusan mudah tunai berpusat dalam kalangan DBG yang beroperasi merentas negara. Amalan sedemikian juga perlu mematuhi peraturan mudah tunai khusus sesebuah negara, seterusnya dapat mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan tuntutan terhadap bank Malaysia.

Operasi DBG di luar negeri terus mencatat prestasi yang baik dan menyumbang antara 10% hingga 21% kepada keuntungan kumpulan keseluruhan bagi setiap DBG. Ini telah disokong oleh dasar risiko seluruh kumpulan dan pengaturan pengawasan DBG yang lebih mantap. Kualiti pinjaman keseluruhan daripada operasi di luar negeri secara amnya kekal teguh, meskipun beberapa DBG mencatat nisbah jejas nilai lebih tinggi yang mencerminkan peningkatan risiko kredit perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pinjaman perniagaan kepada sektor yang telah menerima kesan yang lebih ekoran permintaan dari RR China yang lebih perlahan.

Bank akan meneruskan tahap kewaspadaannya yang tinggi terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah, harta tanah dan perniagaan. Ini akan terus disokong oleh tumpuan yang besar terhadap piawaian pemberian pinjaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam kalangan bank dan pemberi pinjaman bukan bank. Rintangan dalam negeri dan luaran akan terus menjadi cabaran kepada perniagaan dan isi rumah dalam tempoh yang akan datang. Oleh itu, penting bagi institusi kewangan untuk meningkatkan pengurusan risiko mereka serta mempergiatkan usaha mengenal pasti dan mengurus peminjam yang mungkin terjejas dalam persekitaran begini. Lebih penting lagi adalah bagi sistem kewangan Malaysia untuk berada pada kedudukan yang lebih kukuh bagi menghadapi perkembangan ini serta kesan ketidaktentuan yang dijangka dalam sistem kewangan global pada masa akan datang.

Pembangunan sektor kewangan

Sektor kewangan kekal menjurus ke arah mencapai matlamat yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 untuk menyokong peralihan Malaysia kepada status ekonomi pendapatan tinggi dan ekonomi nilai ditambah tinggi. Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, jumlah pembiayaan terkumpul kepada aktiviti ekonomi terus berkembang pada kadar yang kukuh, dengan usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan terus menunjukkan hasil. Pembiayaan terkumpul sistem perbankan berkembang 7.9% kepada RM1,445.1 bilion, dengan pembiayaan kepada PKS meningkat 15% kepada RM259.7 bilion. Pertambahan kemudahan pembiayaan untuk bidang pertumbuhan baharu seperti pembiayaan perdagangan dan komoditi berstruktur serta pembiayaan sektor hijau juga terus menyokong aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Ini termasuk penawaran lebih besar bagi penyelesaian pembiayaan perdagangan dan komoditi berstruktur oleh bank domestik serta

penggunaan Obligasi Pembayaran Bank mengikut aku janji tidak boleh batal di bawah peraturan seragam yang diterima pakai oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Chambers of Commerce). Sebanyak RM1 bilion dana tambahan telah disediakan oleh Kerajaan untuk diberikan sebagai subsidi kepada kos pembiayaan berlandaskan Syariah untuk PKS. Sementara itu, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad juga memperkenalkan skim baharu untuk memenuhi keperluan pembiayaan khusus bagi usahawan wanita dan perniagaan permulaan.

Dalam sektor perbankan Islam, kejayaan perpindahan deposit pelanggan kepada akaun deposit atau akaun pelaburan Islam dijangka meningkatkan peranan kewangan Islam dalam menyokong keusahawanan. Pada akhir bulan Jun 2015, sebanyak 8% atau RM32 bilion deposit sedia ada dalam sistem perbankan Islam telah dipindahkan kepada akaun pelaburan. Operasi akaun pelaburan ini mendapat sokongan selanjutnya apabila Platform Akaun Pelaburan dilancarkan pada bulan Februari 2016, yang dijangka menambah jumlah pelabur, usaha niaga dan bank yang mengambil bahagian dalam penyediaan akaun pelaburan. Dalam industri insurans dan takaful, pembaharuan terhadap struktur penentuan harga dan komisen yang dilaksanakan secara berperingkat akan mendorong inovasi yang lebih giat, menggalakkan kemampanan dan menambah pilihan dan nilai bagi pengguna. Ini termasuk pelaksanaan pengukuran prestasi yang lebih luas untuk menjajarkan dengan lebih baik ganjaran pengantara insurans supaya lebih setara dengan kualiti perkhidmatan dan nasihat yang diberikan, dan peralihan secara beransur-ansur kepada penentuan harga polisi insurans motor dan kebakaran yang lebih mencerminkan risiko.

Inisiatif untuk memastikan tenaga kerja sektor kewangan mempunyai kemahiran yang berkaitan, kecekapan serta asas etika yang kukuh terus menjadi prioriti utama Bank. Ini diteruskan melalui kerjasama rapat dengan institusi-institusi utama. Pada tahun 2015, beberapa inisiatif strategik dilaksanakan untuk terus meningkatkan tahap piawaian profesionalisme, amalan beretika dan kecekapan teknikal tenaga kerja. Ini termasuk inisiatif oleh Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council) yang merumuskan strategi bagi memenuhi permintaan untuk tenaga mahir daripada industri perkhidmatan kewangan pada masa akan datang, penerbitan kod etika (code of ethics, CoE) sukarela oleh Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board) yang menetapkan tahap profesionalisme dan etika yang tinggi untuk industri perkhidmatan kewangan, serta penambahan program latihan berkualiti tinggi dan kelayakan profesional kewangan oleh badan-badan profesional industri yang utama. Bank juga mengumumkan penubuhan Asia School of Business hasil kerjasamanya dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management untuk menyediakan pendidikan eksekutif bertaraf dunia yang berteraskan perspektif Asia untuk golongan profesional perniagaan, termasuk mereka dari kalangan sektor kewangan.

Sepanjang tempoh Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, beberapa kemajuan penting dicapai dalam integrasi kewangan serantau, termasuk usaha memuktamadkan dan melancarkan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN untuk menyediakan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang lebih luas kepada Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks). Pada masa yang sama, rangka kerja pengiktirafan bersama telah dirumuskan untuk memudahkan penawaran merentas sempadan produk skim pelaburan kolektif di ASEAN. Ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan pasaran modal serantau. Bank juga terus memperluas pengaturan bank pusat untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian perdagangan, dengan pengaturan terkini ditandatangani dengan Bank of Thailand.

Pasaran kewangan Malaysia kekal sebagai saluran penting bagi aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan. Mencerminkan keadaan pasaran yang lebih lembap pada tahun 2015, jumlah sekuriti hutang terkumpul meningkat dengan lebih perlahan pada 5.2% kepada RM1,175.1 bilion. Walau bagaimanapun, peminjam dan pelabur terus yakin terhadap daya tahan pasaran, lantas membuat terbitan dalam pelbagai mata wang yang terus menambah kedalaman pasaran ini. Terbitan utama pada tahun itu termasuk terbitan pertama bon dan sukuk dalam denominasi dolar Singapura dan terbitan bon dolar korporat terbesar di Asia oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang berjaya memperoleh sebanyak USD5 bilion. Semakan yang dibuat oleh Bank terhadap Dokumen Dasar Urus Niaga Perjanjian Belian Semula (Repo) yang mentadbir perjanjian pembelian semula turut menambah mudah tunai dalam pasaran wang. Usaha terus dilaksanakan

untuk menggalakkan penggunaan renminbi sebagai mata wang penyelesaian. Perkembangan penting pada tahun itu ialah kemasukan Malaysia ke dalam program Pelabur Institusi Asing yang Layak Renminbi (Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor, RQFII) oleh RR China pada bulan November 2015, dengan agregat kuota pelaburan sebanyak RMB50 bilion disediakan untuk Malaysia bagi pelaburan dana renminbi dalam pasaran kewangan RR China. Program RQFII dijangka menggalakkan pembangunan produk kewangan dalam denominasi renminbi berikutan permintaan yang bertambah terhadap peluang pelaburan di RR China. Malaysia merupakan negara ke-14 yang dimasukkan ke dalam program tersebut.

Kedudukan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam antarabangsa dan destinasi terbitan terkemuka diperkukuh dengan beberapa terbitan paling penting dalam pasaran sukuk. Terbitan sukuk USD500 juta oleh Kerajaan merupakan sukuk berdaulat dengan tempoh pemegangan paling lama setakat ini dan berfungsi sebagai keluk kadar hasil tanda aras jangka panjang untuk negara lain. Sukuk itu juga adalah yang pertama menerima pakai struktur yang menggunakan aset penjana pendapatan bukan fizikal dalam bentuk hak untuk turut serta dalam penyediaan perkhidmatan. Malaysia turut menerbitkan sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab yang pertama di bawah program RM1 bilion, yang hasilnya akan disalurkan untuk tujuan tanggungjawab sosial dan tanggungjawab dari segi etika, termasuk pembiayaan projek pendidikan. Selain itu, Bank berjaya menyempurnakan terbitan rintis Nota Monetari Islam tiga bulan berasaskan konsep *Mudarabah* yang diterima pada peringkat global. Terbitan ini dijangka akan menambah jumlah pelabur dan menjadikan pasaran kewangan Islam Malaysia lebih mendalam dan teguh.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Bank terus memperkukuh tunggak rangka kerja kehematan yang mantap pada tahun 2015. Aktiviti pengawalan dan penyeliaan dilaksanakan dengan berpandukan fokus domestik untuk memastikan tadbir urus yang utuh dan pengambilan risiko yang wajar oleh institusi kewangan dalam persekitaran risiko yang semakin meningkat. Selain itu, keutamaan dasar Bank turut mengambil kira kemajuan yang dicapai dalam pembaharuan pengawalseliaan pada peringkat global.

Bank telah menyempurnakan kajian semula menyeluruh piawaian tadbir urus korporatnya bagi institusi kewangan untuk mencerminkan amalan yang diperkukuh dalam industri selain perkembangan dalam piawaian global serta risiko yang mungkin timbul, terutamanya daripada aktiviti kumpulan dan kesalinghubungan yang lebih meluas. Piawaian yang disemak ini menerapkan keperluan yang diperkukuh berhubung komposisi lembaga pengarah, struktur pampasan, budaya korporat dan tanggungjawab pengawasan kumpulan. Bank turut menyempurnakan kajian semula piawaian kehematan sedia ada mengenai pengurusan risiko kredit untuk memastikan piawaian tersebut kekal relevan. Fokus utama kajian semula ini adalah untuk meningkatkan kecanggihan kaedah pengukuran risiko kredit yang digunakan di seluruh industri. Ini termasuk menghendaki semua institusi perbankan untuk membangunkan, menguji dan melaksanakan model anggaran kerugian yang lebih mantap. Piawaian tadbir urus korporat dan pengurusan risiko kredit yang disemak ini akan dikeluarkan untuk maklum balas industri pada separuh pertama tahun 2016. Selain itu, Bank mencapai lebih banyak kemajuan dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif yang mengambil kira parameter Syariah dan keperluan operasi. Ikhtisar piawaian berasaskan kontrak Syariah yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh Bank setakat ini disediakan dalam Laporan ini.

Piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) yang terakhir bagi institusi perbankan iaitu salah satu komponen penting dalam pakej pembaharuan pengawalseliaan Basel III, dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 untuk bank-bank di Malaysia. Peraturan ini menghendaki institusi perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk menghadapi kejutan mudah tunai jangka pendek yang ketara untuk tempoh 30 hari. Seperti yang dijangka, peralihan institusi perbankan kepada keperluan mudah tunai baharu ini berjalan lancar dengan LCR purata sektor perbankan pada 127%, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum yang terpakai iaitu 60%, pada akhir tahun 2015.

Dalam sektor insurans dan takaful, Bank telah menyiapkan semakan piawaian kehematan yang menyokong peranan yang utama dan bebas bagi aktuari dilantik dalam usaha menggalakkan pengurusan insurans/takaful dan risiko kewangan yang mantap. Bagi memperlengkap Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Pengendali

Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT), Bank turut berbincang dengan industri mengenai cadangan bagi pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) oleh pengendali takaful. ICAAP bertujuan menggalakkan proses yang lebih mantap untuk pengurusan modal yang sejajar dengan profil risiko setiap pengendali takaful. Seperti juga ICAAP bagi penanggung insurans, pengendali takaful dikehendaki menetapkan dan mematuhi tahap modal sasaran individu yang mencerminkan risiko melangkaui skop yang sedia diambil kira dalam RBCT. Bank dijangka akan memuktamadkan keperluan ini pada tahun 2016 untuk pelaksanaan pada tahun 2017.

Perkembangan penting pada tahun 2015 ialah kelulusan pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2016. Pindaan tersebut memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) untuk memastikan mandat tertentu yang diberikan kepada IKP dicapai dengan cara yang mampan dari segi kewangan. Untuk tujuan ini, peruntukan sedia ada dalam AIKP yang berkaitan dengan tadbir urus korporat, aktiviti perniagaan dan skop pengawasan pengawalseliaan Bank telah ditambah baik. Selain itu, pindaan terhadap Akta ini memasukkan peruntukan baharu dalam pengawalan tadbir urus Syariah dan perlindungan pengguna, dengan kaedah penguatkuasaan tambahan untuk memastikan pematuhan.

Usaha untuk mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) kekal sebagai prioriti utama bagi Bank. Pada bulan September 2015, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) telah menerbitkan laporan tentang Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) mengenai rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) Malaysia. Laporan tersebut memperakui pengaturan undang-undang dan pengawalseliaan Malaysia yang baik, dan penyelarasan antara agensi yang kukuh untuk penyeliaan ML/TF. Dalam melaksanakan sebahagian daripada saranan Laporan ME, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) telah merumuskan Pelan Strategik AML/CFT Kebangsaan (National AML/CFT Strategic Plan, NSP) lima tahun untuk menggalakkan dan melindungi integriti sistem kewangan Malaysia bagi jangka masa panjang dan menyumbang kepada pengurangan aktiviti jenayah di negara ini. Berdasarkan komitmen yang ditunjukkan oleh pelan tindakan Malaysia dan kemajuan berterusan dalam usaha menambah baik program AML/CFT, Malaysia telah diberikan keahlian penuh FATF pada bulan Februari 2016.

Pada tahun 2015, tindakan penguatkuasaan terus dijalankan oleh Bank untuk melindungi integriti sistem kewangan. Bank berjaya membuat dakwaan terhadap 182 kesalahan jenayah dan memperoleh enam perintah mahkamah yang menghendaki entiti dan/atau individu menghentikan aktiviti haram. Selain itu, denda berjumlah RM69.5 juta dikenakan terhadap pemegang lesen yang melanggar keperluan pengawalseliaan dan 26 siasatan baharu telah dibuka oleh Bank pada tahun itu berhubung dengan kesalahan aktiviti yang disyaki haram dan pelanggaran terhadap keperluan pengawalseliaan.

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Pada tahun 2015, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK). Risiko utama kepada pengguna kewangan pada tahun itu berpunca terutamanya daripada tekanan persaingan dan prestasi pelaburan yang tidak menentu yang seterusnya memberikan tekanan ke atas margin keuntungan PPK serta mempengaruhi kelakuan PPK. Oleh itu, langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan ditumpukan pada usaha memastikan PPK membuat penilaian secukupnya terhadap kesesuaian produk kewangan untuk pengguna serta meningkatkan kualiti dan kejelasan maklumat yang diberikan kepada pengguna. Bank membuat penilaian bahawa risiko kepada pengguna kekal tinggi dalam tempoh terdekat memandangkan keadaan operasi yang terus mencabar untuk PPK. Tumpuan lebih yang diberikan oleh PPK untuk memperkukuh amalan perniagaan yang menitikberatkan kepentingan pengguna akan terus memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko ini.

Beberapa piawaian amalan pasaran telah diperkukuh untuk menerapkan keperluan

yang meningkatkan hasil yang saksama untuk pengguna. Ini termasuk piawaian baharu yang dikeluarkan oleh Bank mengenai pengurusan perniagaan insurans hayat sertaan pada bulan Julai 2015. Piawaian ini bertujuan memastikan keuntungan daripada dana insurans diagihkan dengan adil antara kumpulan pemegang polisi, dan semakan atas bonus mencerminkan prestasi dana dengan sewajarnya. Atas desakan Bank, industri perbankan dan insurans juga terus menggalakkan penggunaan huraian terma kontrak yang seragam dan bahasa yang mudah dalam kontrak kewangan. Sehingga hari ini, lebih dua pertiga daripada kontrak pinjaman dan pembiayaan rumah yang dikeluarkan oleh bank menerima pakai huraian terma kontrak yang seragam, dan hampir satu perlima polisi insurans peribadi disampaikan dalam bahasa yang mudah.

Aduan yang diterima Bank terhadap PPK berkurang pada tahun 2015, terutamanya disebabkan oleh pengurusan aduan yang lebih proaktif oleh PPK dan tumpuan pengawalseliaan yang berterusan oleh Bank untuk menangani amalan yang tidak konsisten dengan layanan yang adil kepada pengguna kewangan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Pada tahun itu, tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap 38 PPK kerana kegagalan mematuhi pelbagai keperluan amalan perniagaan. Pada 14 September 2015, Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 dan Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 (Peraturan) telah dikuatkuasakan, lantas membuka laluan kepada penubuhan skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) untuk menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian kewangan di Malaysia. Langkah persediaan untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) yang sedia ada kepada FOS yang diluluskan kini pada peringkat akhir dengan FOS dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2016.

Agenda pendidikan kewangan terus mencapai kemajuan sebagai strategi utama untuk memperkasakan pengguna dan meningkat kesejahteraan kewangan mereka. Kerjasama Bank yang berterusan dengan Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah terus mendapat sokongan, dengan matlamat untuk melengkapkan proses integrasi ini bagi semua sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2021. Bank juga terus memanfaatkan kemajuan teknologi dalam reka bentuk serta penyampaian maklumat dan nasihat kewangan, dan antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun itu ialah pembangunan aplikasi mudah alih baharu dan portal pendidikan kewangan. Selain itu, Bank turut menjalankan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang akan membolehkan Bank mengesan tahap celik kewangan pengguna Malaysia menggunakan Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan (Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC) yang mengukur pengetahuan, kelakuan dan sikap rakyat Malaysia berkaitan dengan hal ehwal kewangan. Maklumat yang didapati daripada kaji selidik ini diperincikan dalam Laporan ini dan akan digunakan oleh Bank untuk melaksanakan intervensi pendidikan kewangan yang lebih bersasaran dengan tujuan menambah baik indeks MYFLIC mengikut peredaran masa.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar sepanjang tahun 2015, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik iaitu Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar pada tahun itu. Aktiviti pengawasan Bank ke atas sistem ini dan sistem pembayaran runcit utama yang lain terus tertumpu pada pengurusan risiko dan pengaturan kesinambungan perniagaan yang mencukupi, khususnya memandangkan jumlah urus niaga yang meningkat yang disokong oleh sistem ini.

Untuk terus meningkatkan prestasi RENTAS, penambahbaikan juga dibuat untuk mentransformasikan RENTAS secara beransur-ansur kepada sistem pelbagai mata wang yang menerima pakai piawaian pesanan Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT), lengkap dengan pelbagai saluran akses dan fungsi tambahan yang akan meningkatkan lagi kecekapan operasi dan mengurangkan

risiko bagi peserta. Proses penambahbaikan ini dijangka selesai menjelang akhir tahun 2016 dan akan turut memudahkan integrasi RENTAS dengan infrastruktur pasaran kewangan serantau yang lain bagi urus niaga kewangan merentas sempadan yang lancar, selamat dan cekap. Kerugian akibat penipuan berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran dan perbankan dalam talian kekal kecil berikutan usaha berterusan oleh Bank dan industri untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan langkah keselamatan secara berterusan. Usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai langkah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa cubaan penipuan turut diperhebat.

Tahun 2015 merupakan titik pertengahan pelan hala tuju strategik 10 tahun Bank untuk mempercepat perpindahan Malaysia kepada e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Pada lima tahun yang pertama (2011-2015), penekanan diberikan untuk membangunkan persekitaran yang kondusif dengan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan, menangani herotan pasaran dan mewujudkan struktur insentif. Hasilnya, penggunaan cek berkurang daripada 205 juta setahun kepada 148 juta pada tahun 2015, kekal pada landasan untuk mencapai sasaran 100 juta menjelang tahun 2020. Pada tempoh yang sama, bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat hampir dua kali daripada 49 pada tahun 2011 kepada 82 pada tahun 2015. Usaha untuk menggantikan penggunaan wang tunai dengan e-pembayaran akan terus mendapat faedah daripada pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) yang berkuat kuasa 1 Julai 2015. Langkah pengawalseliaan yang diperkenalkan di bawah PCRF telah menyebabkan kos penerimaan kad menjadi sederhana sedikit dan kadar pertumbuhan terminal semasa jualan (point-of-sale, POS) meningkat tiga kali daripada 4.9% pada tahun 2014 kepada 18.1% pada tahun 2015. Industri ini telah juga memberikan komitmen untuk melabur kira-kira RM1.1 bilion antara tahun 2015 hingga 2020 untuk penambahbaikan infrastruktur kad pembayaran, termasuk meningkatkan penyediaan perkhidmatan transaksi pembayaran yang lebih meluas.

BAB 1

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2015

15 Tinjauan Keseluruhan

16 Mengurus Risiko yang Berpunca daripada Keberhutangan Isi Rumah

20 Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri

25 Mengurus Dedahan Risiko Kredit Terhadap Perniagaan

33 Mengurus Risiko daripada Ketidaktentuan Pasaran Kewangan

39 Mengurus Risiko Penularan daripada Dedahan Luaran dan Operasi di Luar Negeri

45 Kesalinghubungan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB) dengan Sistem Kewangan

47 Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

56 *Rencana: Pendalaman Kewangan dan Implikasi terhadap Kestabilan Kewangan*

PERKEMBANGAN RISIKO DAN PENILAIAN KESTABILAN KEWANGAN PADA TAHUN 2015

TINJAUAN KESELURUHAN

Ketidaktentuan pasaran kewangan kekal ketara pada tahun 2015. Prospek trajektori pengembalian semula kadar faedah Federal Reserve AS ke paras yang lebih wajar, prospek pertumbuhan global yang lebih lemah, termasuk bagi Republik Rakyat (RR) China dan ekonomi sedang pesat membangun, serta kejatuhan harga minyak mentah ke paras yang tidak pernah berlaku sebelum ini merupakan teras utama yang mempengaruhi perlakuan para pelabur pada sebahagian besar tahun 2015. Di Malaysia, aliran portfolio didorong terutamanya oleh aliran keluar dana global secara meluas daripada pasaran sedang pesat membangun dan negara pengeluar komoditi, serta pelaburan ke luar negara oleh pelabur institusi dalam negeri sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan portfolio pelaburan. Seperti episod ketidaktentuan yang ketara dan aliran modal besar sebelum ini, pasaran kewangan yang dalam dan kehadiran pelabur institusi dalam negeri yang kukuh terus menyokong keadaan pasaran yang teratur. Meskipun keadaan pendanaan ada kalanya lebih ketat di dalam keadaan aliran keluar portfolio yang besar, mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi. Penyediaan mudah tunai menerusi kemudahan repo berbalik Bank dan penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) baru-baru ini telah memastikan keadaan mudah tunai mencukupi, yang turut membantu melancarkan pelarasan oleh bank individu dengan persaingan untuk mendapat deposit yang lebih sengit. Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia terus mengekalkan keberuntungan dan kedudukan modal yang kukuh. Khususnya, bank menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi untuk menjana perolehan meskipun keadaan peniagaan kian mencabar. Ini membolehkan mereka mengekalkan penampan yang kukuh menerusi dasar pengekalan perolehan yang konservatif. Faktor-faktor ini telah terus menyokong dengan kukuh aktiviti pengantaraan dalam negeri dan mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan Malaysia.

Risiko kepada kestabilan kewangan dalam negeri akibat keberhutangan isi rumah dan harga harta tanah yang meningkat terus menjadi sederhana. Peminjaman isi rumah terkumpul didapati meningkat dengan lebih perlahan sejak langkah kehematan makro yang pertama kali dilaksanakan pada tahun 2010. Bahagian peminjaman isi rumah berpendapatan rendah dengan leveraj yang tinggi terus menurun, mencerminkan penambahbaikan dalam penilaian kemampuan. Penambahbaikan amalan pemberian pinjaman oleh bank bagi mencerminkan pengukuhan proses penilaian kemampuan, sebahagian besarnya telah dilaksanakan. Meskipun Bank telah mengeluarkan piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, namun keputusan pemberian pinjaman mencerminkan kesanggupan menanggung risiko oleh institusi kewangan dan model perniagaan masing-masing. Piawaian ini kekal penting bagi memastikan kualiti aset bank yang kukuh pada masa hadapan. Kebimbangan terhadap kesilapan menentukan harga risiko dalam keadaan persaingan yang sengit dalam segmen pembiayaan runcit, telah dinilai oleh Bank sebagai telah reda disebabkan bank telah sama ada menyelaraskan kadar pemberian pinjaman mereka bagi mencerminkan andaian risiko kredit dan mudah tunai yang lebih realistik, atau meningkatkan penampan modal mereka. Agregat nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang kekal melebihi dua kali sejak lima tahun yang lalu, meskipun paras leveraj nyata lebih tinggi dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Usaha menurunkan paras hutang bagi segmen isi rumah ini adalah penting untuk menyediakan penampan bagi kejadian yang tidak dijangka dan kenaikan kos. Risiko kepada kestabilan kewangan kekal terurus kerana sebarang kemungkinan kerugian daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah, yang meskipun di bawah andaian keadaan tekanan yang sangat teruk, akan dapat ditampung dengan baik oleh lebihan penampan modal bank.

Dalam pasaran harta tanah, pertumbuhan agregat harga rumah telah menjadi stabil sementara pembeli rumah dan pemaju perumahan terus membuat penyesuaian terhadap langkah kehematan makro dan fiskal yang bertujuan membendung kegiatan spekulasi dan pengambilan risiko yang berlebihan. Transaksi perumahan yang lebih perlahan terutamanya dalam segmen rumah berharga tinggi bersama-sama dengan permintaan yang terus kukuh

untuk unit rumah mampu milik, telah mendorong kepada penyeimbangan semula penawaran rumah. Ini seterusnya mengurangkan risiko berkaitan dengan penawaran perumahan yang tidak mampan yang tertumpu pada segmen tertentu. Memandangkan terdapat jurang yang besar antara permintaan dengan penawaran dalam segmen perumahan mampu milik, penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa risiko pembetulan harga rumah secara amnya kekal rendah. Pertambahan penawaran perumahan mampu milik oleh Kerajaan dan sektor swasta terus penting untuk melegakan tekanan menaik terhadap harga rumah. Dalam segmen harta bukan kediaman, risiko dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah didapati bertambah. Dengan keadaan perniagaan yang lebih mencabar dan pertumbuhan penawaran dalam dua tahun yang akan datang, yang terus meningkatkan tekanan penawaran, langkah untuk memastikan pengurusan yang berkesan terhadap penawaran baharu ini adalah penting. Pada masa ini, dedahan bank dalam segmen ini terhad, dengan delinkuensi terus didapati rendah dan stabil.

Kestabilan kewangan terpelihara dan disokong teguh oleh institusi yang kukuh serta keadaan pasaran kewangan yang teratur

Pertumbuhan peminjaman korporat bukan kewangan terus dipacu oleh aktiviti pelaburan dalam negeri dan disokong oleh kedudukan kewangan korporat yang pada amnya kukuh. Meskipun leveraj korporat lebih tinggi pada tahun 2015, ia masih berada pada paras kehematan yang wajar. Walaupun keberuntungan lebih rendah dalam beberapa segmen perniagaan yang lebih terjejas akibat harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lemah, keupayaan keseluruhan entiti perniagaan untuk membayar balik hutang kekal kukuh dan terus disokong oleh penampan mudah tunai yang mencukupi. Ini membolehkan perniagaan menangani pergerakan yang lebih ketara dalam kadar pertukaran dan kejatuhan harga komoditi pada tahun 2015. Selain itu, risiko kepada kestabilan kewangan domestik daripada hutang luar negeri dan hutang mata wang asing korporat terus dikurangkan oleh proses kelulusan pengawalseliaan yang tersedia, dan juga kedudukan kewangan yang kukuh oleh syarikat konglomerat domestik (termasuk syarikat berkaitan kerajaan) serta syarikat multinasional yang mencakupi bahagian yang besar daripada hutang luar negeri. Oleh itu, kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan adalah mampan. Meskipun prestasi pinjaman dalam beberapa sektor telah merosot selaras dengan perkembangan ekonomi, namun ia memberikan impak yang kecil terhadap prestasi pinjaman perniagaan keseluruhan.

Bank akan meneruskan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap perkembangan dalam sektor isi rumah, harta tanah dan perniagaan. Ini akan terus disokong oleh tumpuan yang kukuh terhadap piawaian pemberian pinjaman dan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam kalangan bank dan pemberi pinjaman bukan bank. Bank juga akan mempertingkatkan penyeliaannya terhadap penanggung insurans hayat, dengan tumpuan pada kecukupan pengaturan pengawasan dalaman dan kawalan terhadap pengurusan dan strategi pengurusan pelaburan dalam persekitaran turun naik pasaran yang semakin ketara. Rintangan dalam negeri dan luaran akan terus mencabar sektor perniagaan dan isi rumah dalam tempoh yang akan datang. Oleh itu, penting bagi institusi kewangan untuk meningkatkan pengurusan risiko mereka serta mengenal pasti dan mengurus peminjam yang mungkin terjejas dalam persekitaran begini. Yang penting, sistem kewangan Malaysia berada dalam keadaan yang lebih kukuh untuk menghadapi perkembangan ini dan juga kesan daripada ketidaktentuan berterusan dalam sistem kewangan global yang dijangka berlaku pada masa hadapan.

MENGURUS RISIKO YANG BERPUNCA DARIPADA KEBERHUTANGAN ISI RUMAH

Pertumbuhan agregat peminjaman isi rumah terus sederhana pada tahun 2015. Peminjaman isi rumah daripada bank dan bukan bank yang meningkat 7.3% pada akhir tahun 2015 terus mencatat kadar pertumbuhan lebih perlahan sejak tahun 2010. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan untuk tujuan peribadi (+4.6%) yang terus menjadi lebih perlahan, manakala pembiayaan untuk pembelian rumah kekal memberangsangkan (+11%). Pinjaman untuk pembelian sekuriti dan pembelian harta bukan kediaman juga lebih sederhana. Sebahagian besar (61.4%) hutang isi

rumah di Malaysia dicagarkan pada harta tanah dan sekuriti (pelaburan yang prinsipalnya dijamin), dengan itu mengurangkan dedahan bersih kepada hutang isi rumah dengan ketara (Rajah 1.1, Rajah 1.2 dan Rajah 1.3).

Hutang isi rumah mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sejak tahun 2010

Nisbah paras hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kekal tinggi pada 89.1% dalam keadaan pertumbuhan KDNK nominal yang lebih sederhana pada tahun 2015 (Rajah 1.4). Namun begitu, keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang pada amnya kekal kukuh dan terus disokong oleh prospek guna tenaga dan pendapatan dalam negeri yang secara amnya stabil. Bahagian peminjaman sektor isi rumah dengan pendapatan bulanan RM3,000 atau kurang yang mempunyai leveraj yang tinggi terus menurun dan mencakupi 23.6% (2014: 24.3%; 2013: 28.4%) daripada jumlah hutang isi rumah atau 20.4% (2014: 20.9%; 2013: 25.1%) daripada jumlah pembiayaan sistem perbankan kepada sektor isi rumah. Ini mencerminkan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik. Agregat leveraj (diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan) isi rumah dalam kumpulan ini kekal pada paras kira-kira tujuh kali sejak langkah kehematan makro dilaksanakan. Penurunan tahap keberhutangan bagi kumpulan ini berkemungkinan berlaku secara beransur-ansur memandangkan purata baki tempoh matang peminjaman isi rumah secara relatifnya panjang (kira-kira sembilan tahun). Walau bagaimanapun, pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan penurunan dalam kadar pertumbuhan pembiayaan baharu akan menyumbang kepada pengurangan leveraj secara beransur-ansur. Isi rumah berpendapatan rendah terus disokong oleh pelbagai program bantuan kewangan Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan mereka dalam keadaan kos yang meningkat. Tambahan pula, bagi isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi, separuh daripada peminjaman adalah dalam bentuk pembiayaan berkadar tetap yang mengurangkan kepekaan mereka terhadap perubahan dalam kos pembiayaan. Bagi kumpulan berpendapatan lebih tinggi, agregat tahap leveraj kekal stabil pada purata kira-kira tiga kali.

Bahagian peminjaman isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai leveraj yang tinggi, terus menurun

Kedudukan kewangan isi rumah secara agregat kekal kukuh memandangkan isi rumah terus mengumpulkan lebih banyak aset kewangan berbanding dengan hutang. Pada tahun 2015, agregat aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak RM97.9 bilion berbanding dengan peningkatan hutang isi rumah sebanyak RM70.4 bilion. Deposit dan instrumen mirip deposit terus menjadi komponen utama (43%) aset kewangan isi rumah (Rajah 1.5). Ini lantas membantu isi rumah membuat penyesuaian terhadap kos sara hidup yang lebih tinggi, khususnya mereka yang tinggal di pusat bandar. Penyesuaian tersebut sebahagiannya menjelaskan faktor bagi kadar pertumbuhan deposit isi rumah di bank dan bukan bank yang lebih sederhana (+4.8%) bagi tahun 2015 dan pelaburan isi rumah yang lebih rendah dalam ekuiti dan dana amanah saham. Di samping itu, pelaburan isi rumah dalam ekuiti dan pelaburan yang prinsipalnya tidak dijamin turut mengalami sedikit penurunan nilai, mencerminkan pergerakan dalam pasaran kewangan domestik. Satu lagi faktor yang menyebabkan peningkatan aset kewangan isi rumah lebih sederhana ialah permintaan yang berterusan terhadap perumahan, termasuk daripada kalangan pembeli rumah kali pertama, dalam persekitaran harga rumah yang tinggi. Kekayaan perumahan dianggarkan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun kira-kira 11% sepanjang lima tahun yang lalu apabila lebih banyak isi rumah melabur dalam harta tanah untuk membantu membiayai pendidikan anak, menyediakan satu bentuk jaminan kewangan untuk generasi akan datang serta persediaan untuk persaraan termasuk kos perubatan. Walau bagaimanapun, nisbah agregat aset kewangan kepada hutang isi rumah kekal melebihi dua kali, menunjukkan daya tahan yang berterusan. Perkembangan yang menggalakkan ialah nisbah agregat aset kewangan mudah tunai kepada hutang isi rumah kekal lebih daripada

1.4 kali, lantas mengekalkan akses kepada dana yang telah tersedia bagi isi rumah untuk memenuhi obligasi hutang.

Nisbah agregat aset kewangan kepada hutang isi rumah kekal melebihi dua kali sepanjang lima tahun yang lalu

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik daripada leveraj isi rumah terus diimbangi sebahagian besarnya oleh piawaian pengunderaitan kredit dan amalan pengurusan risiko bank yang mantap. Bank-bank kekal sebagai penyedia pembiayaan terbesar kepada isi rumah, mencakupi kira-kira 80% daripada jumlah hutang isi rumah. Dalam kalangan bank, penambahbaikan terhadap amalan pemberian pinjaman untuk mengukuhkan proses menilai kemampuan membayar balik pinjaman pada umumnya telah dilaksanakan. Langkah ini penting untuk mengekalkan kekukuhan kualiti aset bank dan daya tahan isi rumah pada masa akan datang. Kebimbangan terhadap penentuan harga risiko yang tidak tepat dalam keadaan persaingan yang sengit dalam segmen pembiayaan runcit juga dinilai oleh Bank sebagai semakin kurang. Kadar pinjaman purata bagi pembiayaan baharu untuk pembelian harta kediaman meningkat pada tahun 2015 sebanyak kira-kira 15 mata asas berikutan anggaran yang lebih realistik oleh beberapa bank terhadap risiko kredit dan mudah tunai. Beberapa bank juga mengambil langkah untuk meningkatkan penampan modal memandangkan terdapat persaingan yang berterusan dalam segmen pembiayaan kenderaan yang telah memberikan tekanan ke atas kadar pinjaman. Bagi tahun 2015 secara keseluruhan, kadar pinjaman purata keseluruhan bagi semua pinjaman baharu kepada isi rumah berpurata pada 5.1% (2014: 4.9%).

Amalan pemberian pinjaman dalam kalangan institusi bukan bank kekal menjadi fokus utama penyeliaan serta perbincangan dan interaksi Bank dengan pihak berkuasa lain yang terutamanya bertanggungjawab terhadap institusi tersebut. Pada tahun 2015, pembiayaan peribadi terkumpul yang diberikan oleh institusi kewangan bukan bank (IKBB) termasuk koperasi kredit utama, mencatat peningkatan lebih rendah sebanyak RM3 bilion (2014: RM4.4 bilion; 2013: RM10.2 bilion). Jumlah pembiayaan purata yang dikeluarkan turut berkurang kepada kira-kira RM22,000 bagi setiap kemudahan, daripada paras setinggi RM68,000 sebelum pelaksanaan langkah-langkah yang menggalakkan penilaian lebih berhemat terhadap keupayaan peminjam untuk mengambil hutang tambahan. Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terus bekerjasama rapat untuk menambah baik proses penilaian kemampuan membayar balik pinjaman, khususnya dalam kalangan koperasi kredit bersaiz sederhana dan besar yang mencakupi sebahagian besar pembiayaan peribadi kepada isi rumah. Penurunan piawaian pemberian pinjaman secara yang tidak wajar oleh IKBB terus menjadi kebimbangan memandangkan ia boleh mengakibatkan beban kewangan yang berlebihan terhadap isi rumah dalam jangka panjang serta meningkatkan risiko arbitraj. Pendidikan kewangan kepada peminjam dan pengawasan yang rapi akan terus kekal penting. Bagi tujuan ini, Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah terus memperluas jangkauannya dengan menyediakan khidmat kaunseling dan nasihat kewangan kepada lebih 80,000 individu pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, kadar penyertaan dalam program pengurusan hutang (debt management programme, DMP) AKPK adalah stabil, menunjukkan bahawa peminjam mendapatkan bantuan yang diperlukan untuk mengurus hutang mereka secara proaktif.


Pinjaman terjejas dan delinkuensi isi rumah kekal rendah bagi semua jenis kemudahan pembiayaan, meskipun terdapat delinkuensi lebih tinggi dalam segmen tertentu

Kualiti keseluruhan bagi pinjaman bank kepada isi rumah terus meningkat dengan pinjaman terjejas dan delinkuensi (pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) kekal rendah bagi semua jenis kemudahan pembiayaan (Jadual 1.1). Berdasarkan perbincangan dan interaksi semasa Bank dengan bank dan pemberi pinjaman IKBB utama, delinkuensi lebih tinggi diperhatikan dalam segmen sewa beli kereta kompak dan pembiayaan peribadi. Ini mungkin mencerminkan masalah kewangan yang dihadapi isi rumah dalam kumpulan peminjam berpendapatan rendah yang mempunyai leveraj lebih tinggi. Hal ini adalah sejajar

Hutang isi rumah terus disokong oleh pengumpulan aset dan kekayaan terkumpul

Rajah 1.1


Sektor Isi Rumah: Profil Peminjaman dan Aset Kewangan



Pertumbuhan hutang lebih sederhana...

Rajah 1.2


Sektor Isi Rumah: Hutang dan Aset Kewangan



...disokong peningkatan lebih perlahan dalam pembiayaan tidak bercagar

Rajah 1.3


Sektor Isi Rumah: Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang



Aset kewangan isi rumah kekal melebihi dua kali hutang...

Rajah 1.4


Sektor Isi Rumah: Nisbah Utama



...termasuk kekayaan perumahan, aset isi rumah kekal melebihi tiga kali hutang pada 2015

Rajah 1.5

Sektor Isi Rumah: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

* Nilai serahan

Jadual 1.1

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar

	Pinjaman Terjejas Kasar						Pinjaman Delinkuen Kasar					
	Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)			Nisbah (%)			Perubahan Tahunan (%)		
	2013	**2014**	**2015**	**2013**	**2014**	**2015**	**2013**	**2014**	**2015**	**2013**	**2014**	**2015**
Keseluruhan	**1.3**	**1.2**	**1.1**	**-1.1**	**-1.0**	**-1.6**	**2.1**	**1.8**	**1.5**	**-7.4**	**-5.3**	**-10.5**
Pembelian harta kediaman	1.5	1.3	1.1	-7.0	-3.9	-1.4	1.6	1.4	1.3	-4.5	-2.6	1.7
Pembelian harta bukan kediaman	0.7	0.6	0.6	-1.4	0.3	-0.1	0.8	0.7	0.7	-3.2	6.9	-1.6
Sewa beli kenderaan bermotor	1.2	1.2	1.0	19.4	1.8	-19.8	4.6	3.9	2.9	-11.8	-11.4	-25.5
Pembiayaan peribadi	1.7	1.7	1.9	-1.6	3.4	16.1	1.2	1.1	1.1	-3.1	-0.3	2.7
Kad kredit	1.3	1.2	1.3	4.1	-6.6	10.8	1.5	1.5	1.3	1.8	1.2	-13.3

Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan penyertaan dalam DMP AKPK dengan kira-kira separuh daripada peminjam mempunyai pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, dan lebih banyak kes baharu yang melibatkan peminjaman dalam segmen pembiayaan ini. Bagi sesetengah peminjam, keadaan ini semakin mencabar keupayaan mereka mengekalkan pembayaran balik pembiayaan perumahan secara tetap, lantas mengakibatkan peningkatan yang sedikit dalam delinkuensi pembiayaan perumahan.

Kemungkinan kerugian kepada bank sekiranya berlaku insiden kemungkiran di bawah senario tekanan, kekal terhad dan masih dalam lingkungan lebihan penampan modal bank

Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank menunjukkan bahawa kemungkinan kerugian kepada bank sekiranya berlaku insiden kemungkiran serentak merentas semua jenis peminjaman isi rumah di bawah andaian yang teruk dianggarkan terhad kepada RM65.4 bilion (Jadual 1.2). Daripada jumlah ini, anggaran kemungkinan kerugian yang berpunca daripada isi rumah yang berpendapatan RM3,000 atau kurang sebulan hanyalah kira-kira RM15 bilion. Ini masih dalam lingkungan lebihan penampan modal (melebihi had minimum pengawalseliaan) sebanyak RM117.3 bilion yang dipegang oleh bank pada akhir tahun 2015. Kemungkinan kerugian ini tidak mengambil kira simpanan dan penampan kewangan isi rumah individu yang sedia ada atau respons bank untuk menangani senario sedemikian. Sepanjang dua tahun yang lalu, bank juga telah secara beransur-ansur meningkatkan jumlah peruntukan dan rizab pengawalseliaan bagi pinjaman terjejas kolektif kepada 1.5% (2014: 1.4%) daripada jumlah pinjaman terkumpul. Ini merupakan sebahagian daripada langkah yang sedang dijalankan dalam tempoh keuntungan yang baik untuk memperkukuh penampan terhadap peristiwa yang berkemungkinan menyebabkan kerugian. Pada masa ini, paras ini melebihi keperluan pengawalseliaan minimum yang ditetapkan oleh Bank, iaitu sebanyak 1.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul, yang tidak termasuk peruntukan pinjaman terjejas individu.

MENGURUS PERKEMBANGAN DALAM PASARAN HARTA TANAH DALAM NEGERI

Jumlah dedahan institusi kewangan Malaysia kepada pasaran harta tanah dalam negeri berjumlah RM733.4 bilion. Ini merupakan 25.7% (2014: 24.1%) daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2015. Bank-bank terus mencakupi sejumlah besar daripada dedahan

Jadual 1.2

Sektor Isi Rumah, Sistem Perbankan: Kemungkinan Kerugian Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir

		Pinjaman perumahan	Sewa beli kenderaan bermotor	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah[1]
Kebarangkalian mungkir tertekan (%) (Kebarangkalian mungkir dasar, %)		12.3 (4.1)	14.4 (4.8)	13.2 (4.4)	18.0 (6.0)	
Kerugian akibat mungkir tertekan (%) (Kerugian akibat mungkir dasar, %)		40.0 (22.5)	75.0 (55.8)	95.0 (84.7)	95.0 (85.5)	
Kemungkinan kerugian (RM bil)	Semua peminjam – Peminjam berpendapatan ≤ RM3,000 sebulan – Peminjam berpendapatan ≤ RM5,000 sebulan	20.2 2.5 6.2	15.8 5.0 9.4	7.9 2.6 4.3	6.1 1.1 2.6	65.4 15.3 28.2

[1] Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama

Sumber: Bank Negara Malaysia

tersebut, dengan kira-kira 90% dedahan adalah berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman (Rajah 1.6). Pertumbuhan pembiayaan bank untuk pembelian harta kediaman kekal kukuh, dan berkembang 11.7% dengan pertumbuhan yang lebih sederhana sejajar dengan pertumbuhan lebih perlahan dalam pasaran perumahan.

Pertumbuhan dalam agregat harga rumah menjadi stabil pada kira-kira 8% berikutan langkah membendung kegiatan spekulasi


Pasaran harta kediaman

Agregat harga rumah terus mencatat pertumbuhan lebih sederhana sejak suku kedua 2014. Ini mencerminkan pelarasan dalam permintaan pelabur terhadap perumahan dan keupayaan untuk meminjam berdasarkan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman. Kesemua ini merupakan kesan yang dikehendaki daripada langkah awalan kehematan makro dan fiskal yang dilaksanakan sejak tahun 2010 yang bertujuan mengurangkan kemungkinan risiko terhadap kestabilan kewangan berikutan pertumbuhan harga rumah yang kukuh. Ini akan menjadikan kemampuan memiliki rumah bertambah baik, khususnya bagi pembeli rumah kali pertama. Pertumbuhan purata harga rumah yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM), menurun daripada 9.6% dalam tempoh tahun 2010-2014 kepada kira-kira 8% yang dicatat selama lima suku tahunan berturut-turut sejak suku kedua 2014 (Rajah 1.7 dan Jadual 1.3). Indeks pada paras ini masih melebihi pertumbuhan purata harga rumah jangka panjang pada 5.5% dalam tempoh tahun 1990-2009.

Kenaikan harga rumah terus mencerminkan ketidakseimbangan akibat kekurangan ketara dalam penawaran rumah dalam segmen harga rumah mampu milik (di bawah RM250,000) dan pertambahan bahagian penawaran rumah harga lebih tinggi (melebihi RM500,000). Kebelakangan ini, transaksi perumahan yang lebih perlahan terutamanya dalam

Rajah 1.6


Pasaran Harta Tanah: Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah



Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan institusi kewangan bukan bank

Rajah 1.7

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) dan Purata Jangka Panjang



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

segmen rumah berharga lebih tinggi, serta permintaan yang terus kukuh terhadap unit rumah mampu milik telah menggalakkan penyeimbangan semula penawaran perumahan. Ini akan mengurangkan risiko berkaitan dengan penawaran perumahan yang tidak mampan, yang tertumpu dalam segmen rumah berharga lebih tinggi dan pembetulan harga seterusnya. Pada sembilan bulan pertama 2015, jumlah unit dan nilai keseluruhan transaksi perumahan masing-masing menguncup 4.9% dan 12.7% (2014: +0.4% dan +13.9%). Sebaliknya, jumlah unit dan nilai transaksi rumah berharga sehingga RM250,000 terus mencatat pertumbuhan positif, masing-masing pada 4.9% dan 4.7%. Penyediaan perumahan mampu milik di bawah pelbagai program kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bagi pembeli rumah kali pertama, berserta peningkatan pelancaran rumah baharu oleh pemaju swasta dalam segmen rumah mampu milik sebagai respons kepada peralihan pemacu permintaan, sepatutnya mengurangkan kenaikan harga rumah pada masa akan datang sekiranya pertambahan penawaran dapat direalisasikan.

Inisiatif yang berterusan untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik merupakan faktor penting untuk melegakan tekanan menaik terhadap harga rumah

Risiko pembetulan harga rumah yang lebih menyeluruh dijangka kekal rendah memandangkan terdapat jurang penawaran-permintaan yang agak besar (Rajah 1.8). Faktor demografi, seperti tenaga kerja Malaysia yang secara relatif muda dan proses perbandaran yang pesat, terus menjadi pemacu utama permintaan terhadap perumahan mampu milik. Sebaliknya, pelancaran baharu rumah mampu milik berharga kurang daripada RM250,000 hanya mencakupi kurang 30% daripada jumlah pelancaran rumah pada sembilan bulan pertama 2015. Peningkatan

Jadual 1.3

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Pertumbuhan IHRM Mengikut Negeri Terpilih dan Jenis Rumah

	S2 '14	S3 '14	S4 '14	S1 '15	S2 '15	S3 '15*a*
	Perubahan tahunan (%)					
Kuala Lumpur	8.5	8.0	7.2	9.4	6.9	5.3
Selangor	8.3	7.3	7.2	7.7	8.7	6.2
Johor	10.5	11.1	9.9	6.8	5.3	3.0
Pulau Pinang	12.1	11.2	8.9	8.6	6.8	3.5
Malaysia	8.4	7.9	8.0	7.8	7.5	5.4
Rumah teres	9.5	8.6	8.2	7.7	7.4	5.2
Rumah berkembar	4.8	4.6	8.1	7.7	8.7	6.0
Rumah sesebuah	5.8	7.3	6.9	8.1	5.3	4.1
Rumah bertingkat tinggi	10.6	9.5	7.9	8.2	7.9	6.0

a Awalan


Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

yang nyata dalam pembinaan perumahan baharu dalam segmen ini diperlukan sebelum tekanan menaik terhadap harga rumah mula berkurang secara lebih meluas. Majlis Perumahan Negara (National Housing Council) yang ditubuhkan pada bulan Januari 2014 sedang melaksanakan strategi bagi inisiatif bersama antara Kerajaan dengan sektor swasta untuk membina satu juta unit rumah mampu milik menjelang tahun 2018. Selain itu, Kerajaan turut mengumumkan rancangan untuk menumpukan pembinaan unit rumah kos rendah dan mampu milik di lokasi strategik yang lebih dekat dengan stesen transit pengangkutan awam. Ini akan meningkatkan kadar pembelian rumah di samping mengurangkan keperluan isi rumah untuk mengambil hutang untuk membeli kenderaan. Inisiatif sebegini akan menyumbang kepada memperbaiki keadaan kekurangan penawaran. Walau bagaimanapun, tanpa peningkatan yang berterusan dan lebih nyata dalam penawaran rumah mampu milik yang didorong sektor swasta, permintaan akan terus melebihi penawaran dalam masa terdekat.

Portfolio pinjaman perumahan bank kekal dalam keadaan yang baik, disokong oleh amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang mantap. Meskipun persaingan semakin sengit dalam keadaan pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana, penilaian penyeliaan oleh Bank tidak menunjukkan kelonggaran yang tidak berhemat dalam piawaian pemberian pinjaman. Bank-bank menjalankan usaha wajar yang berterusan dalam pemberian pinjaman bagi segmen rumah yang kadar kenaikan harganya lebih tinggi. Penilaian yang menyokong keputusan kredit dan penilaian pinjaman terjejas juga agak konservatif. Kira-kira 70% daripada pinjaman perumahan terkumpul mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) semasa di bawah 80%, sekali gus menyediakan bank dengan penampan yang mencukupi untuk menghadapi risiko kejatuhan harga.

Rajah 1.8

Pasaran Harta Tanah, Kediaman: Transaksi dan Penambahan Stok Rumah



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Profil pinjaman perumahan bank kekal stabil. Pembiayaan yang diberikan untuk pembelian rumah berharga di bawah RM500,000, yang mempunyai risiko lebih rendah bagi pembetulan harga yang ketara disebabkan permintaan yang terus kukuh, mencakupi 85% daripada pembiayaan perumahan terkumpul. Dari segi peminjam, kira-kira 84% peminjam kredit perumahan hanya mempunyai satu pinjaman perumahan terkumpul, dan daripada jumlah ini 88% merupakan pembeli rumah kali pertama. Peminjam sedemikian mempunyai insentif yang kukuh untuk terus membayar balik pinjaman sekiranya berlaku tekanan kewangan atau ekuiti negatif terhadap rumah mereka, berbanding dengan peminjaman untuk tujuan pelaburan. Secara perbandingan, peningkatan tahunan bagi bilangan peminjam yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan terkumpul (proksi untuk menentukan pembeli spekulatif) kekal rendah dan stabil pada 3.1%, lebih rendah daripada kadar peningkatan yang tinggi pada tahun 2010 (+15.8%). Peminjam sedemikian hanya mencakupi 3% daripada jumlah peminjam kredit perumahan. Bukti 'pengeluaran ekuiti' oleh peminjam yang membiayai semula pinjaman perumahan mereka untuk meminjam dengan lebih banyak bercagarkan nilai semasa harta tanah mereka yang lebih tinggi, juga terhad. Bagi pembiayaan tambahan tersebut, Bank menghendaki penyedia perkhidmatan kewangan untuk membuat penilaian kemampuan membayar balik pinjaman berdasarkan parameter yang selaras dengan kaedah penilaian pinjaman yang digunakan untuk pembiayaan peribadi tidak bercagar.

Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman perumahan yang diambil pada tahun-tahun terdahulu sejak tahun 2007 terus bertambah baik (Rajah 1.9). Ini mencerminkan profil kredit pinjaman perumahan bank yang stabil dan bertambah baik. Bank-bank telah mengekalkan keuntungan kumulatif yang positif untuk menampung sehingga dua kali mungkir sebenar yang lalu, bagi pinjaman perumahan asal yang diambil sejak bertahun yang lalu. Bahagian pinjaman perumahan terjejas

dan pinjaman delinkuen juga kekal rendah pada 2.4% daripada jumlah pinjaman perumahan. Berdasarkan analisis kepekaan faktor tunggal terhadap portfolio pinjaman perumahan bank, lebihan penampan modal sistem perbankan terus mencukupi untuk menampung kira-kira enam kali anggaran kerugian yang dijangka. Analisis kepekaan ini dijalankan terhadap kebarangkalian mungkir (probability of default, PD) tertekan lebih 12% (tiga kali berbanding PD semasa 4.1%) dan pembetulan yang besar terhadap harga rumah sebanyak 40%.

Lebihan penampan modal bank dijangka kira-kira enam kali anggaran kerugian berdasarkan simulasi penguncupan harga rumah sebanyak 40% dan kadar mungkir tertekan


Pasaran harta bukan kediaman

Dedahan institusi kewangan kepada pasaran harta bukan kediaman mencakupi kira-kira 27% daripada jumlah dedahan kepada pasaran harta tanah keseluruhan dan merupakan kurang 7% daripada jumlah aset sistem kewangan. Meskipun bahagiannya tidak begitu besar, namun perkembangan dalam pasaran harta bukan kediaman mempunyai implikasi penting terhadap kestabilan kewangan. Ini disebabkan oleh kemungkinan kesan limpahannya menular ke seluruh ekonomi dan kesalinghubungannya yang kukuh dengan perkembangan harta kediaman yang mencakupi bahagian yang besar daripada pemberian pinjaman bank kepada isi rumah. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pembinaan harta tanah pembangunan yang pelbagai terus mengukuhkan hubungan sektor ini dengan ekonomi. Sebahagian besar dedahan dalam pasaran harta bukan kediaman ialah pembiayaan akhir bank untuk pembelian kedai (39%), tanah (19.7%), bangunan industri (17%), kompleks membeli-belah (9.7%) dan harta bukan kediaman lain yang meliputi ruang pejabat dan hotel. Pertumbuhan pembiayaan bank untuk tujuan sedemikian menjadi sederhana kepada 10.6% (2014: +14.9%) pada tahun 2015 (Rajah 1.10), dengan keadaan yang berbagai-bagai merentas pelbagai subsegmen.

Perkembangan dalam segmen rumah kedai lazimnya mencerminkan pasaran perumahan, memandangkan rumah kedai dianggap oleh pelabur sebagai pelaburan alternatif kepada harta kediaman. Meskipun aktiviti dalam segmen ini lebih perlahan, kadar sewa, khususnya di Lembah Klang, secara relatif kekal stabil. Pada sembilan bulan pertama 2015, jumlah unit dan nilai transaksi rumah kedai masing-masing menurun 9.3% dan 5.3% (2014: -0.6% dan +5.9%). Berikutan itu, nilai transaksi purata berkembang dengan lebih perlahan pada 4.5% (2014: +6.5%). Kadar ini dianggap lebih rendah berbanding dengan kadar pertumbuhan lebih kukuh pada

Rajah 1.9


Pasaran Harta Tanah, Sistem Perbankan: Analisis Vintaj bagi Pinjaman Perumahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman: Pertumbuhan Pinjaman dan Sumbangan kepada Pertumbuhan Mengikut Segmen




Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2011, iaitu kira-kira 17.7%. Pertumbuhan yang makin sederhana ini mencerminkan permintaan pelabur yang lebih rendah seperti ditunjukkan oleh peningkatan yang lebih perlahan dalam jumlah peminjam yang membeli berbilang unit rumah kedai atau unit kedai bersama dengan kediaman (2015: +9.4%; 2014: +11.1%). Ini seterusnya mengurangkan risiko pelarasan harga yang mendadak pada masa akan datang. Sebaliknya, harga tanah purata di pusat pekerjaan utama terus mengekalkan trend peningkatan yang kukuh sejak tahun 2009 dengan pertumbuhan tahunan terkompaun 26.8% bagi tempoh sehingga suku ketiga 2015. Harga tanah yang kukuh terus mendapat manfaat daripada kekurangan bekalan tanah untuk pembangunan harta tanah dan pembinaan infrastruktur serta pengangkutan awam, selain pertukaran status tanah pertanian untuk tujuan komersial.

Risiko dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah didapati meningkat. Dalam segmen ruang pejabat, kadar kekosongan yang sedia tinggi, terus meningkat kepada 16.3% (2014: 14.7%) berikutan langkah penjimatan oleh syarikat sektor minyak dan gas (oil and gas, O&G) (Rajah 1.11). Kadar kekosongan di Lembah Klang juga meningkat kepada 20.4% (2014: 18.6%). Walaupun kadar sewa kini terus kukuh, tekanan penawaran dijangka lebih teruk berikutan penawaran ketara yang dirancang untuk tempoh dua tahun yang akan datang. Ini boleh menyebabkan kadar kekosongan meningkat dan kadar sewa lebih rendah. Kadar sewa bangunan

Rajah 1.11

Pasaran Harta Tanah, Bukan Kediaman, Ruang Pejabat dan Kompleks Beli-belah: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa



* Pada suku ketiga tahun 2015

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank, Jones Lang Wootton dan pengiraan dalaman

pejabat yang lebih lama mungkin terus tertekan disebabkan penyewa lebih gemar menyewa bangunan baharu atau bangunan mesra alam yang dilengkapi kemudahan lebih baik selain berhampiran dengan tempat pengangkutan awam. Malah, beberapa pemilik harta tanah menawarkan tempoh sewaan percuma bersama-sama dengan manfaat lain untuk memastikan penyewa terus menyewa dalam jangka masa sederhana. Proses membaik pulih dan menaik taraf yang berterusan terhadap banyak bangunan yang lebih lama ini dijangka menyokong kadar penghunian dan kadar sewa pada masa akan datang. Pada masa yang sama, usaha untuk memastikan pengurusan penawaran baharu yang berkesan kekal penting. Segmen kompleks membeli-belah juga menghadapi cabaran yang sama pada masa akan datang. Kini, lebih 50 kompleks membeli-belah sedang dalam pembinaan di pusat pekerjaan utama dalam persekitaran sentimen pengguna yang lebih lembap. Lebihan penawaran harta komersial jika tidak ditangani boleh mengakibatkan ketidakseimbangan yang lebih teruk dalam pasaran harta tanah, dengan kesan limpahannya kepada bahagian ekonomi yang lain. Dasar perancangan kebangsaan yang komprehensif dan dirumuskan dengan cukup teliti, termasuk penawaran ruang pejabat dan kompleks membeli-belah yang besar secara berperingkat, adalah diperlukan (rujuk rencana bertajuk `Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia' dalam Bab 1 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015). Risiko langsung kepada bank berikutan dedahannya kepada segmen ruang pejabat, kompleks membeli-belah dan hotel, kekal kecil. Bahagian pinjaman bank dalam kesemua segmen ini pada amnya tidak berubah pada 3.3% (2014: 3.2%) daripada jumlah pinjaman bank. Secara lebih umum, kadar delinkuensi keseluruhan bagi pembiayaan akhir yang disediakan bank untuk pembelian harta bukan kediaman juga kekal rendah dan stabil pada 0.4%.

MENGURUS DEDAHAN RISIKO KREDIT TERHADAP PERNIAGAAN

Hutang terkumpul sektor korporat bukan kewangan Malaysia (terdiri daripada pembiayaan dalam negeri dan pembiayaan luar, sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dan sukuk) meningkat kepada RM1,212.9 bilion atau 104.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2015. Analisis pemacu leveraj korporat menunjukkan

bahawa peningkatan dalam leveraj korporat di Malaysia sejak sedekad yang lalu sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor berkaitan firma dan faktor makroekonomi dalam negeri, dan bukannya peningkatan kesanggupan mengambil risiko yang dikaitkan dengan kadar faedah global yang rendah dan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi (rujuk rencana bertajuk Leveraj Korporat Malaysia dan Implikasi Sistemik dalam Laporan yang diterbitkan pada 2014). Hal ini disokong lagi oleh pertambahan hutang oleh syarikat di Malaysia yang secara relatif lebih rendah berbanding dengan kebanyakan syarikat ekonomi pasaran sedang pesat membangun (emerging market economies, EME) lain. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa, nisbah hutang korporat kepada KDNK purata bagi EME meningkat dengan pesat berikutan Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), iaitu peningkatan sebanyak 23 mata peratusan antara tahun 2007 hingga 2014. Secara perbandingan, hutang korporat Malaysia meningkat pada kadar tahunan terkompaun sebanyak 8.4% sejak GFC, dengan nisbah hutang korporat kepada KDNK meningkat sebanyak 1.9 mata peratusan pada tempoh yang sama (Rajah 1.12).

Peningkatan dalam peminjaman korporat bukan kewangan telah didorong aktiviti pelaburan dalam negeri dan disokong oleh kedudukan kewangan yang pada umumnya kukuh

Meskipun leveraj korporat bukan kewangan telah meningkat, ia tetap berada pada paras kehematan yang wajar. Median nisbah hutang kepada ekuiti syarikat Malaysia (berdasarkan 160 firma yang tersenarai di Bursa Malaysia dan mencakupi 80% daripada permodalan pasaran (tidak termasuk institusi kewangan)) berada pada 46.8% (tempoh yang sama pada tahun 2014: 42.8%) pada akhir bulan September 2015. Kedudukan kewangan yang pada amnya kukuh membolehkan kebanyakan perniagaan menyerap dan menyesuaikan diri dengan pergerakan yang ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi, yang dialami pada tahun itu (Rajah 1.13). Walaupun keberuntungan adalah lebih rendah bagi beberapa segmen yang lebih terjejas akibat harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan yang lebih lembab, median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal tinggi pada 5.3 kali (tempoh yang sama pada tahun 2014: 6.5 kali), yang melebihi standard kehematan dengan selesa sebanyak dua kali. Yang penting, hutang korporat berisiko, yang diukur sebagai bahagian hutang yang ditanggung oleh firma yang mempunyai ICR kurang daripada 1.5 kali, kekal rendah dan stabil pada 8.9% daripada jumlah hutang korporat (Rajah 1.14). Keupayaan perniagaan membayar balik hutang juga terus disokong oleh kedudukan mudah tunai yang kukuh, dengan median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short term debt, CASTD) pada 1.2 kali (tempoh yang sama pada tahun 2014: 1.3 kali) (Rajah 1.15). Kira-kira tiga perempat daripada hutang korporat terkumpul merupakan pembiayaan dalam negeri. Pada tahun 2015, peminjaman dalam negeri (tidak termasuk stok pinjaman) meningkat sebanyak 9.5% (2014: +8.7%) (Rajah 1.16) selaras dengan perbelanjaan modal yang berterusan untuk pelaburan sektor swasta dan projek infrastruktur awam (Rajah 1.17). Peningkatan dalam peminjaman dalam negeri kekal hampir dengan trend jangka panjang sebanyak 8.6% antara tahun 2005 hingga 2015.

Risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri akibat hutang korporat luar negeri dan hutang korporat mata wang asing terus dikurangkan

Pada tahun 2015, jumlah hutang korporat bukan kewangan meningkat hampir dua kali ganda (+13.2%) berbanding dengan tahun sebelumnya (Rajah 1.18), disebabkan terutamanya oleh ringgit yang lebih lemah yang meningkatkan obligasi hutang luar negeri dalam nilai yang bersamaan dengan ringgit. Kesan penilaian kadar pertukaran mencakupi kira-kira 75% daripada peningkatan hutang luar negeri korporat yang dicatatkan pada tahun itu. Tanpa mengambil kira kesan tersebut, peminjaman luar negeri baharu (tolak pembayaran balik hutang) adalah kira-kira bersamaan dengan RM15 bilion, didorong oleh usaha pemerolehan modal yang besar yang dirancang oleh satu peserta O&G pada suku pertama. Kesannya, jumlah hutang luar negeri korporat sebagai bahagian daripada KDNK meningkat kepada 24.8% (2014: 20.5%) pada

akhir tahun 2015. Peminjaman dalam denominasi mata wang asing (foreign currency, FCY) daripada institusi kewangan tempatan mencakupi 4% daripada KDNK. Pada masa ini, risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri akibat paras hutang luar negeri dan hutang FCY tempatan bagi syarikat – disebabkan terutamanya oleh risiko mata wang dan kos pelanjutan yang lebih tinggi di bawah syarat pembiayaan global yang lebih ketat – terus dikurangkan. Kredit perdagangan serta pemegangan PDS dan sukuk dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin menimbulkan risiko mata wang yang terhad, mencakupi kira-kira 22% daripada jumlah hutang luar negeri korporat. Kira-kira 43% daripada jumlah hutang luar negeri korporat juga terdiri daripada obligasi antara syarikat, yang mengurangkan lagi risiko pendanaan dan mudah tunai terhadap syarikat. Tambahan lagi, hampir 73% daripada peminjaman luar negeri juga mempunyai tempoh matang yang lebih panjang, iaitu melebihi satu tahun, lantas mengurangkan lagi risiko pelanjutan jangka pendek (Rajah 1.19). Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, konglomerat Malaysia telah meningkatkan terbitan sekuriti hutang antarabangsa menerusi subsidiari mereka di luar negeri yang disokong terutamanya oleh penerimaan FCY daripada operasi dan pelaburan luar negeri yang semakin berkembang. Pada keseluruhannya, paras hutang luar negeri korporat, termasuk terbitan tersebut, dianggarkan kira-kira satu pertiga lebih tinggi berdasarkan data yang dikumpulkan oleh Bank for International Settlements.

Menurut keperluan pengawalseliaan, syarikat mesti mendapatkan kelulusan Bank untuk peminjaman FCY dalam amaun agregat melebihi amaun yang bersamaan dengan RM100 juta daripada institusi kewangan bukan pemastautin, syarikat tujuan khas dan entiti lain yang tidak berkaitan. Langkah ini bertujuan membendung leveraj FCY yang berlebihan dengan menghendaki syarikat menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang sewajarnya daripada aliran hasil FCY atau menerusi penggunaan derivatif kewangan untuk melindung nilai terhadap risiko mata wang. Peminjaman juga mestilah bagi tujuan produktif. Institusi kewangan dan syarikat juga mesti mematuhi keperluan pelaporan yang membolehkan Bank memantau dedahan yang besar dan mendapat pemahaman awal tentang kelemahan yang ketara. Data yang dilaporkan kepada Bank menunjukkan bahawa sebahagian besar hutang luar negeri korporat terkumpul ditanggung oleh syarikat multinasional yang mempunyai operasi di Malaysia (terutamanya dalam bentuk pinjaman antara syarikat) dan konglomerat dalam negeri. Syarikat seperti ini adalah antara 5% teratas dari segi jumlah bilangan peminjam dengan peminjaman luar negeri yang mencakupi kira-kira 70% daripada jumlah hutang luar negeri korporat. Kebanyakan peminjaman ini disokong oleh penerimaan FCY daripada operasi luar negeri atau lindung nilai dengan institusi kewangan tempatan. Mencerminkan pergerakan mata wang yang lebih tidak menentu sejak kebelakangan ini, derivatif kewangan berkaitan pertukaran asing dengan syarikat Malaysia meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 20.7% kepada RM74.1 bilion dari segi nosional pada tahun 2015.

Kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan dikekalkan, walaupun sesetengah sektor lebih terjejas akibat perkembangan dalam negeri dan global


Berdasarkan perbandingan serantau, perniagaan di Malaysia terus menunjukkan prestasi yang agak baik dengan perniagaan yang menanggung bahagian hutang yang lebih tinggi mempunyai penunjuk leveraj dan keupayaan membayar balik hutang yang baik. Perkara ini seterusnya dicerminkan dalam kualiti keseluruhan pinjaman perniagaan yang kukuh dalam sistem perbankan. Bahagian agregat pinjaman perniagaan terjejas dan delinkuen, termasuk bagi peminjam PKS, pada amnya stabil meskipun keadaan perniagaan lebih mencabar (Rajah 1.20). Perniagaan yang memperoleh hutang dalam pasaran modal juga pada amnya mengekalkan kedudukan kredit mereka. Pada tahun 2015, terdapat tujuh penurunan gred bagi PDS dan sukuk yang diberi penarafan pada peringkat domestik, berbanding dengan enam pada tahun sebelumnya, yang mencerminkan kelemahan khusus sesebuah syarikat dan bukannya kebimbangan sistemik, dan hanya berkait dengan 1.8% daripada jumlah terkumpul PDS dan sukuk.

Namun begitu, prestasi pinjaman dalam sesetengah sektor merosot selaras dengan

Hutang korporat bukan kewangan di Malaysia meningkat dengan sederhana selepas GFC berbanding dengan korporat bukan kewangan EME

Rajah 1.12

Sektor Perniagaan: Perbandingan Perubahan Hutang Korporat Merentas Rantau




Nota: Data bagi semua negara adalah berdasarkan *IMF Global Financial Stability Report October 2015* bagi tempoh 2007-2014

Peminjaman disokong oleh kedudukan kewangan perniagaan yang kukuh dan hutang berisiko yang rendah

Rajah 1.13


Sektor Perniagaan: Pengagihan Hutang Mengikut Penunjuk Kewangan



Keberuntungan lebih rendah dalam sektor komoditi yang mencakupi 6.2% daripada dedahan kredit bank

Rajah 1.14


Sektor Perniagaan: Keberuntungan dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Berkaitan Komoditi



Keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhan terus disokong oleh mudah tunai yang kukuh

Rajah 1.15


Sektor Perniagaan: Penunjuk Keberuntungan dan Mudah Tunai



Pertumbuhan berterusan dalam peminjaman korporat dalam negeri merentas pelbagai sektor...

Rajah 1.16


Sektor Perniagaan: Pertumbuhan Hutang Domestik dan Sumbangan Kepada Pertumbuhan Mengikut Industri



...selaras dengan aktiviti ekonomi dalam negeri

Rajah 1.17

Sektor Perniagaan: Pembiayaan dan Pembentukan Modal Tetap Kasar




* Bagi Malaysia, data adalah pada sembilan bulan pertama
** Termasuk pinjaman terkumpul dari sistem perbankan, PDS dan sukuk terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Hutang luar negeri korporat bukan kewangan lebih tinggi pada tahun 2015 disebabkan oleh kesan penilaian kadar pertukaran

Rajah 1.18

Sektor Perniagaan: Nisbah Hutang Korporat kepada KDNK




[1] Termasuk hutang kepada bank asing yang diperbadankan di Malaysia

Bahagian pinjaman antara syarikat yang besar dan peminjaman bertempoh matang lebih panjang mengurangkan risiko mudah tunai dan risiko pelanjutan

Rajah 1.19


Sektor Perniagaan: Profil Hutang Luar Negeri



Trend pinjaman terjejas dan delinkuensi keseluruhan stabil dalam persekitaran perniagaan yang lebih mencabar

Rajah 1.20


Sektor Perniagaan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar



Lebihan modal bank mencukupi untuk menampung lebih dua kali kemungkinan kerugian kredit daripada peminjam besar* di bawah simulasi kejutan teruk

Rajah 1.21

Sektor Perniagaan: Kemungkinan Kerugian Kredit bagi Peminjam Besar di Bawah Ujian Tekanan




Nota: FX: Kejutan mata wang asing
IR: Kenaikan kos peminjaman bagi pinjaman dalam denominasi ringgit
PDS: Kenaikan kadar kupon bagi terbitan baharu bon korporat dan sukuk

Keupayaan membayar balik hutang syarikat secara keseluruhan dijangka kekal utuh walaupun prospek risiko kredit lebih lemah pada 2016

Rajah 1.22


Sektor Perniagaan: Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Prospek Risiko Kredit



Prospek lebih lembap bagi segmen komoditi dan harta tanah disokong oleh kedudukan kewangan yang mampan (rujuk Jadual 1.5)

Rajah 1.23

Sektor Perniagaan: Prospek Risiko Kredit bagi Sektor Terpilih



r Ramalan
* Termasuk maklumat terkini daripada penyata kewangan peminjam besar syarikat tidak tersenarai

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Moody's KMV CreditEdge™ dan pengiraan dalaman

Jadual 1.4

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar

	% daripada Jumlah Dedahan Hutang Domestik[1]	% daripada Jumlah Pinjaman Perniagaan	Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (%)			Nisbah Pinjaman Delinkuen Kasar (%)		
	2015		2013	2014	2015	2013	2014	2015
Keseluruhan			**2.8**	**2.6**	**2.5**	**0.4**	**0.3**	**0.3**
***antaranya:* PKS**		**48.7**	**2.7**	**2.6**	**2.4**	**0.5**	**0.4**	**0.4**
Aktiviti harta tanah	16.8	18.1	0.7	0.7	1.5	0.1	0.1	0.1
Perkilangan	16.5	19.0	6.1	5.0	3.9	0.1	0.1	0.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	14.6	19.9	2.0	1.8	1.8	0.4	0.3	0.2
Pembinaan	10.7	11.6	3.1	3.0	2.8	0.3	0.2	0.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.3	6.0	6.2	6.1	6.5	0.9	0.8	0.7
Pertanian utama	6.0	6.8	0.8	0.7	1.0	0.2	0.1	0.03
antaranya: Minyak sawit	4.0	4.5	0.8	0.5	1.2	0.1	0.02	0.01
Perlombongan dan kuari	2.5	2.3	2.0	0.4	0.2	0.02	0.03	0.03
antaranya: Minyak dan gas[2]	2.2	2.0	2.0	0.3	0.1	0.01	0.01	0.004

[1] Termasuk pinjaman/pembiayaan perniagaan, PDS dan sukuk
[2] Termasuk aktiviti huluan dan hiliran

Sumber: Bank Negara Malaysia

perkembangan ekonomi, walaupun perkara ini tidak banyak memberikan kesan kepada prestasi pinjaman perniagaan secara keseluruhan. Bahagian pinjaman terjejas adalah lebih tinggi dalam sektor harta tanah, pengangkutan dan minyak sawit mentah (crude palm oil, CPO) (Jadual 1.4). Antara ketiga-tiga sektor ini, perniagaan dalam sektor harta tanah mencakupi secara relatif sebahagian besar daripada dedahan sistem perbankan dan oleh itu mempunyai kesan yang lebih ketara ke atas risiko terhadap kestabilan kewangan. Dalam keadaan jualan harta tanah baharu yang lebih perlahan, keupayaan membayar balik hutang oleh pemaju yang lebih besar kekal utuh, disokong oleh projek yang lebih pelbagai dan penampan kewangan yang lebih kukuh, manakala beberapa pemaju yang lebih kecil dan PKS menghadapi lebih banyak cabaran untuk membayar balik hutang mereka. Walaupun margin operasi menjadi sederhana, median ICR bagi syarikat dalam segmen harta tanah kekal kukuh pada 5.3 kali (tempoh yang sama pada tahun 2014: 6.6 kali). Pada 1.5%, nisbah pinjaman terjejas dalam sektor ini juga kekal rendah. Dalam menangani cabaran tersebut, pemaju telah memulakan strategi dengan memberikan lebih banyak tumpuan pada segmen perumahan mampu milik, termasuk membina unit yang lebih kecil di lokasi yang boleh diakses dan melaksanakan pelancaran baharu secara berperingkat bagi meningkatkan kadar pengambilan.

Harga CPO yang lebih rendah telah menyumbang kepada harga saham yang lebih rendah bagi beberapa syarikat minyak sawit dan nisbah pinjaman terjejas yang lebih tinggi iaitu sebanyak 1.2% (2014: 0.5%). Namun begitu, keberuntungan dan keupayaan membayar balik hutang peserta utama dalam industri ini kekal kukuh, dengan median ICR sebanyak 5.2 kali (tempoh yang sama pada tahun 2014: 9.5 kali). Dedahan kredit bank kepada segmen CPO mencakupi 4% daripada jumlah dedahan kredit sektor perbankan. Sektor O&G juga, terutamanya syarikat yang beroperasi dalam segmen kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan (engineering, procurement, construction and commissioning, EPCC) huluan, menghadapi keberuntungan yang lebih rendah dengan kemerosotan harga minyak dunia tidak banyak membantu keadaan ini. Kesan terhadap sektor O&G ditampan oleh median ICR yang agak tinggi yang kekal pada kira-kira 4.4 kali.

Jadual 1.5

Sektor Perniagaan, Sistem Perbankan: Kemungkinan Kerugian Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir bagi Sektor Terpilih

	Nisbah perlindungan faedah (Kali)	Kebarangkalian mungkir tertekan (%)	Kerugian akibat mungkir tertekan (%)	Kemungkinan kerugian (RM bilion)	% daripada modal sistem perbankan
Aktiviti harta tanah	5.3	11.3	55.0	6.5	2.7
Minyak kelapa sawit	5.2	11.6	55.6	1.6	0.7
Logam	1.0	10.9	54.3	1.6	0.6
Keluaran getah	26.5	8.3	48.7	0.7	0.3
Minyak dan gas	4.4	8.3	48.7	0.6	0.2
Elektrik dan elektronik	13.3	8.3	48.7	0.4	0.2
Produk berkaitan kimia dan petroleum	11.3	8.3	48.7	0.3	0.1
Jumlah				**11.7**	**4.8**

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Dedahan bank kepada sektor O&G adalah kecil pada 2.2% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Permintaan yang lebih rendah terhadap pengangkutan, sebahagiannya disebabkan oleh sektor O&G, menjejaskan segmen pengangkutan darat dan perkapalan – terutamanya segmen perkapalan yang turut terjejas akibat pelaburan global yang berlebihan dalam keupayaan perkapalan pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sektor pengangkutan mencakupi 3.9% daripada jumlah dedahan kredit bank kepada perniagaan.

Limpahan daripada sektor-sektor perniagaan yang lebih terdedah kepada permintaan daripada RR China – yang terdiri terutamanya daripada keluaran elektrik dan elektronik, keluaran petroleum dan kimia, komoditi (CPO, O&G, logam dan getah) serta keluaran getah – dinilai sebagai terurus. Secara kumulatif, dedahan bank kepada sektor-sektor ini mencakupi kira-kira 16% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan, dan median ICR merentasi semua sektor kekal selesa antara 4.4 kali hingga 26.5 kali melebihi ambang kehematan, kecuali industri keluli yang menghadapi masalah struktur yang diwarisi dan persaingan sengit daripada RR China. Berdasarkan PD dan LGD tertekan dalam senario buruk yang mensimulasikan kemelesetan ekonomi, kemungkinan kerugian akibat dedahan kepada sektor-sektor ini, termasuk segmen harta tanah yang menghadapi prospek kredit yang lebih lemah disebabkan oleh cabaran dalam negeri, dianggarkan berjumlah RM11.7 bilion atau 4.8% daripada jumlah modal bank (Jadual 1.5).

Agregat keupayaan membayar balik hutang bagi kumpulan peminjam besar terus disokong oleh penampan tunai yang stabil dan agak kukuh

Dalam sektor perniagaan, keadaan kewangan peminjam besar mempunyai kesan yang penting terhadap kestabilan institusi kewangan memandangkan institusi kewangan mempunyai dedahan yang ketara kepada peminjam besar. Pada tahun 2015, dedahan institusi kewangan Malaysia kepada kumpulan peminjam besar, yang ditakrifkan sebagai syarikat yang mempunyai dedahan kredit (termasuk pembiayaan langsung serta pemegangan PDS dan sukuk) melebihi RM2 bilion dengan institusi kewangan Malaysia, adalah lebih rendah pada 28.3% (2014: 30.1%) daripada jumlah dedahan perniagaan bagi bank dan IKP, dan 80.8% (2014: 84.2%) daripada dedahan perniagaan bagi syarikat insurans dan takaful. Agregat keupayaan membayar balik hutang bagi 43 kumpulan peminjam besar

yang dipantau oleh Bank terus disokong oleh penampan tunai yang agak kukuh. Pada akhir bulan September 2015, median nisbah CASTD bagi kumpulan peminjam besar kekal melebihi satu kali, walaupun lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.2 kali (tempoh yang sama pada tahun 2014: 1.6 kali), manakala median ICR kekal stabil pada 4.6 kali. Dedahan kredit kepada kumpulan peminjam besar yang mempunyai ICR di bawah median menurun kepada 12.3% (2014: 12.7%) daripada jumlah dedahan perniagaan bagi bank dan IKP, dan 24.3% (2014: 26.1%) daripada dedahan perniagaan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful. Dalam kalangan peminjam ini, dedahan kredit kepada kumpulan yang mempunyai ICR dan CASTD yang secara relatif lebih lemah atau tumpuan hutang luar negeri yang lebih tinggi kekal rendah. Agregat dedahan institusi kewangan Malaysia kepada 16 kumpulan peminjam besar dengan tumpuan peminjaman FCY yang lebih tinggi (>30%) mencakupi kira-kira 11% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Sebanyak tiga daripada 16 kumpulan peminjam besar ini mempunyai ICR dan CASTD yang secara relatif lebih lemah, dengan jumlah gabungan hutang kepada institusi kewangan Malaysia mencakupi kurang daripada 3% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan.

Keadaan ini terus membendung risiko terhadap kestabilan kewangan, dengan kebanyakan

Jadual 1.6

Mekanisme Pengurusan dan Penyelesaian Hutang di Malaysia

Satu set pengaturan institusi yang komprehensif dan bersepadu bagi penyelesaian hutang adalah penting untuk memudahkan pemulihan awal hutang yang mungkin bermasalah, dan dengan itu mengelakkan kemungkiran kredit yang meluas. Menyedari keperluan dan ciri khusus kumpulan peminjam yang pelbagai, Bank telah mewujudkan mekanisme pengurusan dan penyelesaian hutang yang berasingan untuk isi rumah, PKS dan syarikat besar.

Menggunakan pengalaman daripada Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC), mekanisme sukarela ini menyediakan platform untuk peminjam dan pemiutang merancang penyusunan semula hutang yang boleh laksana dan berdasarkan pasaran tanpa menggunakan prosiding undang-undang yang melibatkan kos yang tinggi dan memakan masa. Pendekatan tiga serampang ini bertujuan: (i) menyokong usaha pemulihan kedudukan kewangan dan aliran tunai, pada masa yang sama, mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju; (ii) meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang; dan (iii) meminimumkan kemungkinan kerugian kepada institusi kewangan, dan seterusnya memelihara kesinambungan proses pengantaraan kewangan dan aktiviti ekonomi. Ciri setiap mekanisme yang fleksibel juga membolehkan skop, saiz dan tumpuan dipertingkat dengan sewajarnya, bergantung pada tahap isu atau persekitaran operasi semasa.

	Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang (AKPK)	Skim Penyelesaian Hutang Kecil	Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat
Tarikh penubuhan	2006	2003	1998-2002, ditubuhkan semula pada tahun 2009
Matlamat	Memberikan kaunseling secara percuma kepada individu tentang pengurusan hutang dan kewangan, serta membantu penyusunan semula hutang	Memudahkan penyelesaian dan penyusunan semula hutang bagi perniagaan yang menghadapi kesukaran untuk memenuhi obligasi pembiayaan daripada pelbagai pemberi pinjaman	
Kumpulan sasaran	Individu	PKS	Peminjam korporat yang berdaya maju yang mempunyai hutang sebanyak RM30 juta atau lebih dengan pelbagai pemberi pinjaman
Skop perkhidmatan yang disediakan	• Program pengurusan hutang (Debt management programme, DMP) • Program pendidikan kewangan • Kaunseling dan khidmat nasihat tentang pengurusan kewangan	• Penyusunan semula/ penjadualan semula hutang • Menyediakan pembiayaan baharu, jika bersesuaian	• Penyusunan semula/ penjadualan semula hutang • Memudahkan penyediaan pembiayaan baharu oleh pemberi pinjaman, jika bersesuaian

peminjam besar dijangka dapat menampung pembayaran balik hutang jika keberuntungan berkurang dengan ketara, ringgit menjadi semakin lemah atau kos peminjaman meningkat. Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank ke atas 43 kumpulan peminjam besar, kerugian kredit kumulatif yang mungkin dialami akibat kejutan teruk yang disimulasikan (ringgit susut nilai sehingga 50% sejak akhir tahun 2014, kos peminjaman bagi pinjaman, PDS dan sukuk meningkat sehingga 100 mata asas, dan keuntungan operasi berkurang sebanyak 50%) akan kekal terurus, dengan lebihan penampan modal bank mencukupi untuk menampung lebih daripada dua kali kerugian yang dianggarkan (Rajah 1.21). Kemungkinan kerugian dikurangkan lagi dengan piawaian pengunderaitan dan pengurusan risiko yang baik oleh bank, di samping amalan peruntukan kerugian pinjaman yang konservatif, dalam pengurusan dedahan kepada sektor perniagaan. Had yang lebih komprehensif dan terperinci untuk menguruskan dedahan kepada rakan niaga tunggal telah mengurangkan tumpuan kredit yang timbul daripada kesalingbergantungan kewangan dan ekonomi selaras dengan keperluan kehematan yang diperkukuh yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2013. Bank-bank juga telah menguntukkan sumber penyelesaian dan pemulihan khusus bagi membantu peminjam berdaya maju yang menghadapi cabaran operasi yang bersifat sementara (Jadual 1.6).

Faktor-faktor yang menjejaskan prospek risiko kredit bagi perniagaan pada tahun akan datang akan terus mencerminkan ketidakpastian dalam permintaan global, ketidaktentuan kadar pertukaran dan pergerakan dalam harga komoditi. Kekerapan jangkaan mungkir (expected default frequency, EDF) keseluruhan bagi syarikat Malaysia, berdasarkan model Moody's Analytics Public Firm EDF generasi ke-9 yang terkini, meningkat kepada 0.61% (2014: 0.43%) pada akhir tahun 2015, menandakan prospek risiko kredit yang lebih lemah (Rajah 1.22). Pada tahap ini, EDF terus berada pada tahap yang jauh lebih rendah daripada tahap tertinggi 3.44% yang dicatatkan semasa tempoh GFC, dengan keupayaan membayar balik hutang syarikat Malaysia dijangka secara amnya kekal kukuh pada tahun 2016. Industri yang mempunyai dedahan kredit terbesar kepada sistem perbankan secara amnya mencatatkan tahap EDF yang rendah, manakala kedudukan kewangan yang secara relatif kukuh terus menyokong prospek yang lebih lembab bagi segmen O&G, pembinaan dan harta tanah (Rajah 1.23). Prospek kredit kekal mencabar bagi industri bahan bangunan dan pembinaan, mencerminkan cabaran persaingan dan produktiviti yang berterusan, manakala keupayaan berlebihan terus membebani prestasi syarikat dalam industri perkapalan.


MENGURUS RISIKO DARIPADA KETIDAKTENTUAN PASARAN KEWANGAN

Pasaran kewangan dalam negeri mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan yang sangat ketara pada tahun 2015. Ketidakpastian global yang berpunca daripada kejatuhan harga minyak mentah yang berpanjangan, data ekonomi RR China yang lemah dan pengaturan masa kadar faedah akan kembali ke paras yang wajar oleh Federal Reserve AS banyak mempengaruhi sentimen dan tingkah laku pelabur sepanjang tahun 2015, terutamanya pada suku ketiga. Perkembangan dalam negeri yang didominasi oleh kebimbangan mengenai kesan harga komoditi yang lebih rendah terhadap prospek fiskal Malaysia terus menjejaskan sentimen. Aliran keluar portfolio yang dicatat pada tahun 2015 didorong terutamanya oleh pengunduran dana global yang lebih meluas daripada pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi pengeluar komoditi, dan pelaburan di luar negeri oleh pelabur institusi domestik sebagai sebahagian daripada strategi pempelbagaian portfolio terutamanya pada separuh pertama tahun 2015. Oleh itu, bagi tahun 2015 secara keseluruhan, aliran keluar portfolio bersih oleh bukan pemastautin meningkat kepada RM19 bilion (2014: aliran keluar bersih berjumlah RM10.4 bilion). Aliran keluar portfolio bersih, termasuk pelabur pemastautin, adalah lebih rendah pada RM28.2 bilion (2014: aliran keluar bersih berjumlah RM38.5 bilion) bagi tahun 2015 disebabkan terutamanya oleh aliran masuk bersih pada suku terakhir tahun itu (Rajah 1.24).

Ketidaktentuan pasaran kekal tinggi hampir sepanjang tahun 2015 (Rajah 1.25). Seperti aliran keluar portfolio pada tempoh sebelum ini, institusi kewangan Malaysia dan pelabur institusi domestik yang besar memberikan sokongan dan mudah tunai yang diperlukan kepada pasaran kewangan domestik sekali gus membendung paras ketidaktentuan yang melampau (overshooting). Oleh itu, pasaran kewangan kekal teratur dan memudahkan pengantaraan kewangan pada tahun 2015. Yang penting, mudah tunai pasaran,

Rajah 1.24


Pasaran Kewangan: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.26

Pasaran Kewangan: Spread Bida-Tawar Purata FBM KLCI dan MGS (% daripada Harga Penengah)




Sumber: Bloomberg, Reuters dan pengiraan dalaman

seperti yang diukur oleh spread bida-tawar purata dan nisbah pusing ganti bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan FBM KLCI, kekal terpelihara (Rajah 1.26 dan Rajah 1.27). Kejatuhan harga minyak yang ketara, berserta sentimen pelabur yang lemah memberikan tekanan menurun yang ketara kepada ringgit, yang menyusut nilai sebanyak 18.6% pada tahun 2015. Ini diburukkan lagi oleh sentimen yang lebih lembap dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward) yang menambah ketidaktentuan pada kadar pertukaran USD/RM. Pada tahun 2015, FBM KLCI juga ditutup lebih rendah pada 1,692.5 mata (2014: 1,761.3 mata), dengan nisbah harga kepada perolehan FBM KLCI meningkat kepada 17.8 kali (2014: 16.3 kali) berikutan pendapatan korporat menjadi sederhana (Rajah 1.28). Pada paras ini, penilaian ekuiti adalah setara dengan rakan serantau (Thailand: 17.2 kali; Filipina: 20.9 kali; Indonesia: 25.7 kali), meskipun tinggi berbanding dengan paras purata yang pernah dicatatkan untuk jangka panjang (2000-2015) sebanyak 16.7 kali.

Rajah 1.25

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Nota: 1. FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibangunkan berdasarkan penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik-pertukaran asing, ekuiti, bon, wang dan institusi kewangan.
2. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menandakan tahap tekanan dari paling rendah ke paling tinggi.


Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Pasaran kewangan domestik kekal teratur dan memudahkan pengantaraan kewangan dalam keadaan ketidaktentuan yang berterusan

Bahagian MGS yang dipegang oleh bukan pemastautin kekal agak stabil pada 47.7%

Rajah 1.27


Pasaran Kewangan: Nisbah Pusing Ganti Bulanan FBM KLCI dan MGS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.28


Pasaran Kewangan: Indeks Harga dan Nisbah Harga kepada Perolehan FBM KLCI



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.30

Pasaran Kewangan: Spread Swap Mungkir Kredit 5 tahun




Sumber: Bloomberg

(2014: 44.1%) (Rajah 1.29), menunjukkan minat pelabur yang berkekalan di Malaysia. Ini berlaku meskipun risiko hutang kerajaan berdasarkan anggapan pasaran (market-perceived sovereign risk) yang lebih tinggi, seperti yang dicerminkan oleh spread swap mungkir kredit Malaysia yang meningkat seiring dengan negara serantau yang lain, terutamanya ekonomi pengeksport komoditi (Rajah 1.30). Hasil MGS menunjukkan trend yang lebih tinggi pada tahun 2015 tetapi berkurang menjelang akhir tahun apabila permintaan untuk sekuriti yang mempunyai tempoh matang yang lebih pendek menjadi kukuh (Rajah 1.31). Berikutan itu, spread kredit PDS yang mempunyai tempoh matang yang sama meningkat menjelang akhir tahun, tetapi kekal pada paras yang terus menyokong aktiviti pemerolehan dana sektor swasta melalui terbitan baharu (termasuk sukuk) yang berjumlah RM128.8 bilion pada tahun 2015 (semua penerbit termasuk institusi kewangan) (Rajah 1.32).

Sebagai tindak balas kepada berlakunya turun naik dalam pasaran kewangan, bank-bank mengurangkan portfolio perbendaharaan sebanyak 9.4% kepada RM359 bilion. Ini didorong terutamanya oleh nota Bank Negara Malaysia yang matang dan pemegangan MGS lebih rendah yang menurun 53.4% kepada RM43.9 bilion, terutamanya bagi tempoh matang jangka pendek apabila beberapa bank mengambil peluang untuk mendapatkan keuntungan berikutan permintaan kukuh yang berterusan daripada pelabur bukan pemastautin. Ini digantikan dengan pemegangan Terbitan Pelaburan Kerajaan oleh bank yang meningkat 7.9% kepada RM88.2 bilion untuk

Rajah 1.29

Pasaran Kewangan: Pemegangan MGS, BNMN dan Ekuiti oleh Bukan Pemastautin




Pemegangan MGS dan BNMN disebut sebagai peratusan daripada jumlah terkumpul manakala pemegangan ekuiti disebut sebagai peratusan daripada jumlah permodalan pemasaran.

Sumber: Bursa Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Rajah 1.31


Pasaran Kewangan: Kadar Hasil MGS dan Aliran Portfolio Bersih Suku Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.32

Pasaran Kewangan: Kadar Hasil PDS




Sumber: Bank Negara Malaysia

mengekalkan pemegangan keseluruhan bagi aset mudah tunai berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan nisbah perlindungan mudah tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

Pengurusan yang aktif terhadap dedahan risiko pasaran oleh bank telah membendung kesan ketidaktentuan yang sangat ketara dalam pasaran kewangan (Rajah 1.33). Jumlah modal yang diperuntukkan terhadap risiko kadar faedah dalam akaun dagangan stabil pada 1.2% (2014: 1.4%) daripada jumlah modal bank, manakala dedahan kepada risiko ekuiti kekal minimum pada kurang 1% daripada jumlah modal. Agregat dedahan FCY bank turun naik seiring dengan pergerakan yang lebih tidak menentu dalam kadar pertukaran dan jumlah urus

Rajah 1.33

Sistem Perbankan: Risiko Ekuiti, Pertukaran Asing dan Kadar Faedah (% daripada Jumlah Modal)




Sumber: Bank Negara Malaysia

niaga perlindungan nilai yang lebih tinggi dengan entiti perniagaan. Dedahan risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX) keseluruhan meningkat kepada 6.1% (2014: 4.7%) daripada jumlah modal, dan terus berada pada paras yang konsisten dengan had kehematan dalaman bagi nilai berisiko (value-at-risk) dan kerugian yang ditetapkan oleh bank individu untuk setiap mata wang penting dan gabungan semua mata wang. Bank-bank juga terus menggunakan hasil ujian tekanan dalaman berkala untuk menetapkan had risiko serta menentukan strategi pengurusan portfolio dan aktiviti perancangan modal. Secara keseluruhan, bank mencatat keuntungan bersih yang lebih tinggi berjumlah RM5.1 bilion (2014: RM4 bilion) daripada portfolio perdagangan dan pelaburan, yang mencakupi 17.6% (2014: 12.6%) daripada jumlah keuntungan sebelum cukai. Keuntungan bersih daripada derivatif menyumbang 64.6% (2014: 39.3%) daripada jumlah keuntungan perdagangan dan pelaburan.

Penanggung insurans (termasuk pengendali takaful), khususnya penanggung insurans hayat, lebih terjejas oleh pergerakan dalam pasaran ekuiti domestik (Rajah 1.34 dan Rajah 1.35). Berbanding dengan tahun sebelumnya, industri insurans hayat dan takaful keluarga mencatat keuntungan bersih yang kecil bagi pelupusan dan penilaian semula pelaburan berjumlah RM0.1 bilion (2014: keuntungan bersih berjumlah RM0.3 bilion). Beberapa penanggung insurans hayat mengambil peluang untuk membeli

Rajah 1.34


Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Hubungan antara Keberuntungan dengan Aktiviti Berkaitan Pelaburan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.35

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Hubungan antara Keberuntungan dengan Aktiviti Berkaitan Pelaburan




Sumber: Bank Negara Malaysia

saham terpilih pada harga ekuiti lebih rendah yang menyebabkan pengembangan dalam agregat pemegangan ekuiti sebanyak 5.7% (2014: +0.2%). Berikutan itu, modal yang diperuntukkan untuk pelaburan ekuiti meningkat sedikit untuk mencakupi 7.7% (2014: 7.6%) daripada jumlah modal tersedia (Rajah 1.36). Dalam keadaan ketidaktentuan pasaran yang sangat ketara, Bank mempergiat tumpuan penyeliaannya terhadap pengaturan pengawasan dalaman dan kawalan terhadap pengurusan pelaburan dan strategi yang sedia ada dalam kalangan penanggung insurans hayat. Secara keseluruhan, penanggung insurans terus agak berhati-hati. Pelaburan ekuiti penanggung insurans terus amat pelbagai merentas sektor ekonomi. Ini mengurangkan kesan prestasi yang lebih lemah dalam beberapa sektor, termasuk sektor O&G yang mencakupi kurang 5% daripada jumlah dedahan penanggung insurans kepada ekuiti.

Rajah 1.36


Sektor Insurans: Komposisi Risiko Pasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.37

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Aset




Sumber: Bank Negara Malaysia

Selaras dengan struktur liabiliti mereka, pelaburan penanggung insurans hayat sebahagian besarnya kekal dalam bentuk aset pendapatan tetap jangka panjang (Rajah 1.37 dan Rajah 1.38). Ini terdiri terutamanya daripada PDS bertaraf AA dan ke atas yang mencakupi hampir 70% daripada portfolio PDS keseluruhan.

Agregat lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi sebanyak RM205.1 bilion (2014: RM269.9 bilion) pada akhir tahun 2015. Meskipun pengembangan deposit lebih sederhana, keseluruhan aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong kukuh oleh asas deposit bank yang besar dan stabil yang mencakupi 70% daripada jumlah asas pendanaan bank. Pertumbuhan deposit isi rumah kekal stabil, manakala deposit korporat meningkat pada

Rajah 1.38

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Komposisi Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia


kadar yang lebih perlahan. Ini disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, termasuk pelaburan yang lebih tinggi di luar negeri bagi operasi serantau konglomerat perniagaan domestik, pembayaran yang lebih tinggi untuk import berikutan ringgit yang lebih lemah dan pengklasifikasian semula akaun daripada deposit kepada pelaburan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Act, IFSA) 2013. Profil deposit bank sebahagian besarnya kekal tidak berubah (Rajah 1.39), meskipun persaingan yang meningkat dalam pasaran deposit baru-baru ini menyebabkan perbezaan yang lebih besar dalam pengagihan deposit isi rumah dan korporat merentas bank. Bank-bank di Malaysia tidak bergantung pada deposit bukan pemastautin yang hanya mencakupi 4.1% (2014: 3.8%) daripada jumlah deposit.

Nisbah pinjaman kepada deposit (loan-to-deposit ratio, LDR) menjadi kurang relevan sejak beberapa tahun lalu berikutan pertumbuhan pasaran kewangan Malaysia

Sejak beberapa tahun lalu, pengurusan penempatan deposit yang lebih aktif oleh beberapa syarikat besar telah memperhebatkan persaingan untuk deposit. Ini seterusnya mendorong kadar dalam pasaran antara bank menjadi lebih tinggi, terutamanya menjelang akhir tahun berikutan tekanan yang dihadapi bank untuk merangsang nisbah pinjaman kepada deposit (loan-to-deposit, LDR) (Rajah 1.40). LDR kekal sebagai penunjuk yang dipantau rapi oleh penganalisis kewangan dan agensi penarafan, meskipun telah menjadi kurang relevan sejak beberapa tahun lalu disebabkan oleh sistem kewangan Malaysia yang semakin mendalam, dan juga usaha berterusan bank untuk mempelbagaikan struktur pendanaan mereka.

Rajah 1.39

Sistem Perbankan: Komposisi Deposit Mengikut Penyimpan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF) menunjukkan dengan lebih baik struktur pendanaan yang lebih pelbagai dan asas pendanaan bank yang lebih luas

Meskipun deposit kekal sebagai sumber utama pendanaan bank di Malaysia, bank-bank semakin giat memanfaatkan pasaran modal untuk memperoleh dana jangka sederhana dan jangka panjang. Dana ini meningkat 23.2% (2014: +18.2%) kepada RM107.2 bilion, mencakupi bahagian yang lebih besar iaitu 4.6% (2014: 3.9%) daripada jumlah pendanaan. Ini telah menyumbang kepada pemanjangan profil pendanaan bank, lantas mengurangkan ketidaksepadanan tempoh matang. Dengan mengambil kira asas pendanaan bank yang lebih luas, nisbah pinjaman kepada dana (loan-to-fund, LTF) (termasuk pendanaan daripada instrumen hutang) secara relatif stabil pada

Rajah 1.40

Pasaran Kewangan: Kadar Antara Bank bagi Ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia


83% (S3 2015: 82.8%; 2014: 82.1%). LDR yang dilaraskan (tidak termasuk pembiayaan yang dibiayai khusus oleh akaun pelaburan Islam, selaras dengan pengecualian akaun pelaburan daripada deposit) turut stabil pada 88.7% (S3 2015: 88.3%; 2014: 86.7%).

Agregat kos pendanaan bank meningkat 15 mata asas pada tahun 2015, selaras dengan kos deposit purata lebih tinggi yang meningkat kepada 2.53% (2014: 2.38%). Penyediaan mudah tunai menerusi operasi monetari Bank (termasuklah kemudahan repo berbalik) yang berjumlah kira-kira RM40 bilion pada tahun 2015, dan terkini, penurunan Keperluan Rizab Berkanun daripada 4.00% kepada 3.50% yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016, telah memastikan mudah tunai mencukupi dalam sistem perbankan. Pada akhir tahun 2015, LCR sistem perbankan berjumlah 130% (Rajah 1.41), dengan kebanyakan bank melaporkan paras yang jauh melebihi keperluan minimum 60% dan 70% yang masing-masing dikenakan mulai 1 Jun 2015 dan 1 Januari 2016.

Keadaan mudah tunai USD dalam negeri adalah lebih ketat pada tahun 2015, terutamanya pada suku ketiga tahun itu apabila aliran keluar portfolio terbesar dicatat. Penunjuk Kos Pendanaan USD 3 bulan (3-month USD Funding Cost Indicator, 3M USDFCI) oleh Bank dan spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun (5-year cross currency basis swap spreads, CCBS) meningkat pada bulan Ogos 2015 kepada paras yang kali terakhir dilihat semasa *taper tantrum* pada pertengahan tahun 2013, tetapi kini telah berkurangan berikutan bermulanya semula aliran masuk bukan pemastautin pada suku terakhir (Rajah 1.42). Pendanaan FCY bank

Rajah 1.41


Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.42

Pasaran Kewangan: Penunjuk Kos Pendanaan USD (USDFCI) 3 bulan dan Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang (CCBS) USD/RM 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

kekal kecil pada 16.3% (2014: 14%) daripada jumlah liabiliti. Daripada jumlah ini, deposit dalam denominasi FCY hanya mencakupi 8.4% daripada jumlah deposit yang diterima. Ini terus disokong oleh amalan pengurusan mudah tunai berhemat oleh bank, yang termasuk pemanjangan struktur tempoh kematangan liabiliti bank dan pempelbagaian sumber pendanaan untuk merangkumi pendanaan pasaran modal jangka sederhana yang stabil.


MENGURUS RISIKO PENULARAN DARIPADA DEDAHAN LUARAN DAN OPERASI DI LUAR NEGERI

Risiko rakan niaga daripada dedahan luaran institusi kewangan

Dedahan luaran bank Malaysia berkembang sejajar dengan pertumbuhan dalam operasi bank domestik di luar negeri serta kehadiran bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign banks, LIFB) yang terus kukuh dan stabil serta aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau syarikat bukan kewangan Malaysia. Aset dan liabiliti luaran bank Malaysia (termasuk entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) meningkat pada tahun 2015 (Rajah 1.43). Tuntutan oleh bank Malaysia terhadap semua rakan niaga luar meningkat 11.1% (2014: +19.3%) kepada RM254.1 bilion, mengatasi peningkatan tuntutan luaran terhadap bank Malaysia sebanyak 9.2% (2014: +21.8%) kepada RM392.8 bilion. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam liabiliti luaran sebahagian besarnya mencerminkan pengembangan yang lebih sederhana dalam hutang luar negeri bank (2015: +11.2%; 2014: +22.2%) yang mencakupi

Rajah 1.43

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran




Nota: - Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC
- Liabiliti luaran: Hutang luar negeri (antara bank + deposit dan nostro + pinjaman + sekuriti hutang) + dana modal + sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan + lain-lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

kira-kira tiga perempat daripada liabiliti luaran. Pada asas bersih, sistem perbankan mencatat sedikit peningkatan dalam kedudukan liabiliti luaran bersih, (2015: RM138.7 bilion; 2014: RM131 bilion). Dedahan luaran sistem perbankan adalah terutamanya dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (AS) dan dengan rakan niaga yang kebanyakannya berpangkalan di Singapura dan Hong Kong SAR (Rajah 1.44 dan Rajah 1.45).

Rajah 1.44

Sistem Perbankan: Komposisi Liabiliti Luaran Mengikut Lokasi




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.45

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Luaran Mengikut Lokasi




Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedudukan liabiliti luaran bersih sistem perbankan mencerminkan dedahan bersih LIFB. Risiko kepada sistem perbankan Malaysia yang berbangkit daripada sebarang tuntutan luaran terhadap LIFB adalah terhad. Ini memandangkan bahagian yang besar (28%) daripada tuntutan tersebut merupakan pelaburan modal dalam bentuk ekuiti dan perolehan tertahan LIFB yang beroperasi di Malaysia (Rajah 1.46). LIFB ini, terutamanya yang berpangkalan di Singapura dan United

Rajah 1.46

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran LIFB



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia


Kingdom, mempunyai operasi yang telah lama bertapak dan penting di Malaysia yang terus mencatat keuntungan yang kukuh. Komponen utama lain bagi liabiliti luaran LIFB terdiri daripada pemegangan sekuriti bagi pihak pelanggan (24%) dan penempatan antara bank oleh syarikat induk dan syarikat keluarga (sister company) (18.6%), yang menunjukkan risiko kredit dan mudah tunai yang lebih rendah kepada operasi domestik. Penempatan deposit lain daripada bukan pemastautin kekal stabil pada kira-kira 21% daripada liabiliti luaran LIFB.

Aset dan liabiliti luaran bank berkembang sejajar dengan peningkatan operasi di luar negeri, pengurusan mudah tunai berpusat dan kehadiran LIFB di Malaysia yang terus kukuh

Sebaliknya, kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBG) terus mencatat kedudukan aset luaran bersih yang lebih tinggi pada RM7.9 bilion (2014: RM3.5 bilion). Peningkatan ini, sebahagiannya mencerminkan penilaian yang lebih tinggi dalam denominasi ringgit bagi pelaburan modal dalam subsidiari DBG di luar negeri (Rajah 1.47). Sebahagian besar daripada liabiliti luaran DBG menyokong secara langsung operasi mereka di luar negeri, termasuk aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan yang kebanyakannya dibiayai deposit mata wang tempatan. Penempatan antara bank

Rajah 1.47

Sistem Perbankan: Aset dan Liabiliti Luaran DBG



Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia


dalam kalangan DBG juga meningkat, dan ini paling nyata dalam tempoh tiga tahun yang lalu, berikutan operasi mudah tunai berpusat DBG. Jumlah dan nilai kontrak derivatif mata wang asing (foreign currency, FCY) yang lebih tinggi, terutamanya bertujuan untuk memudahkan perlindungan nilai bagi pertukaran asing (foreign exchange, FX) oleh syarikat bukan kewangan Malaysia, terus menyumbang kepada kedudukan ini. Walau bagaimanapun, kesan terhadap dedahan risiko FX DBG kekal terhad seperti yang ditunjukkan dalam kedudukan FX terbuka bersih yang stabil, pada 6.1% daripada jumlah modal.

Sebahagian besar peningkatan dedahan luaran (aset dan liabiliti) bank adalah disebabkan amalan pengurusan mudah tunai berpusat dalam kalangan DBG yang beroperasi merentas negara (Gambar Rajah 1.1).

Gambar Rajah 1.1

Sistem Perbankan: Ilustrasi Pengurusan Mudah Tunai Berpusat

Bukan pemastautin



- Kedudukan jurang mudah tunai diurus secara berpusat di ibu pejabat untuk mengoptimumkan kelebihan pendanaan secara relatif merentas operasi kumpulan.
- Ini membolehkan pengumpulan *(a,b,c,d,e)* dan pengagihan semula *(f,g,h)* lebihan dana secara efektif merentas entiti tempatan dan luar negeri.
- DBG mula memperoleh lebih banyak pendanaan FCY bertempoh lebih panjang melalui terbitan hutang subordinat dan nota berstruktur dalam mata wang utama, dalam pasaran modal antarabangsa terutamanya di Hong Kong dan Singapura, untuk mengurus dengan lebih baik ketidakpadanan kematangan dan mata wang dalam operasi merentas sempadan.
- LIFB mendapat manfaat daripada pendanaan FCY yang lebih murah dan bertempoh lebih panjang, yang diperoleh melalui bank induk dan bank keluarga (sister banks) dalam pasaran modal asing untuk mengurangkan risiko mata wang dan kematangan dalam portfolio pinjaman FCY.

Sumber: Bank Negara Malaysia


Pada akhir tahun 2015, tuntutan luaran keseluruhan oleh bank Malaysia hanya mencakupi 10.8% (2014: 10.3%) daripada jumlah aset sistem perbankan. Berdasarkan analisis penularan rangkaian oleh Bank berhubung dengan dedahan merentas sempadan bank Malaysia kepada rakan niaga perbankan utama di luar negeri, kesan ke atas sistem perbankan domestik daripada keadaan kesukaran (distress) dalam sistem perbankan rakan niaga tersebut masih terhad. Kesan penularan yang disimulasikan daripada andaian senario kesukaran sistem perbankan yang berpunca dari Singapura, yang bank Malaysia mempunyai dedahan terbesar, hanya dirasai dalam pusingan penularan ketiga (rujuk rencana 'Kesalinghubungan Luaran dan Risiko Penularan kepada Sistem Perbankan Malaysia' dalam Laporan 2013).

Dedahan luaran jangka pendek bank meningkat disebabkan terutamanya oleh penempatan antara bank oleh entiti yang berkaitan sebagai sebahagian daripada operasi pengurusan mudah tunai berpusat

Tuntutan luaran oleh penanggung insurans Malaysia (termasuk pengendali takaful) kebanyakannya adalah dalam bentuk dedahan insurans semula am. Jumlah insurans semula tersid (ceded) oleh penanggung insurans am berjumlah RM4.9 bilion pada akhir tahun 2015. Jumlah ini mencakupi 30.9% (2014: 29.5%) daripada jumlah modal tersedia semua penanggung insurans am dan terutamanya berkaitan dengan risiko besar dan khusus dalam kelas perniagaan penerbangan, aktiviti berkaitan minyak di luar pesisir, kapal marin dan kejuruteraan (Rajah 1.48). Sebahagian besar dedahan insurans semula di luar negeri adalah kepada penanggung insurans (termasuk penanggung insurans semula) AS dan Eropah yang beribu pejabat di Jerman dan UK (Rajah 1.49). Risiko rakan niaga kekal rendah memandangkan rakan niaga insurans semula global yang utama terus mengekalkan penarafan yang kukuh dan kedudukan kewangan yang teguh meskipun menjana keuntungan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh prestasi pelaburan yang lebih

Rajah 1.48


Sektor Insurans dan Takaful: Nisbah Insurans Semula Tersid



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.49

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Insurans Semula Asing mengikut Negara Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia


tidak menentu sepanjang tahun 2015. Dengan kapasiti lebihan berterusan dalam pasaran insurans semula global, kadar insurans (termasuk insurans semula) secara keseluruhan dijangka kekal rendah pada tahun 2016. Penanggung insurans pada amnya masih agak berhati-hati untuk mengembangkan pelaburan mereka di luar negeri, lantas mengawal dedahan tersebut dalam had pelaburan dalaman yang secara relatif rendah selain menumpukan pada pasaran ekuiti yang lebih cair di Asia (Rajah 1.50). Walaupun pelaburan di luar negeri meningkat pada kadar yang lebih cepat dalam tempoh dua tahun yang lalu, bahagiannya kekal kecil, mencakupi kurang daripada 5% daripada aset dana insurans atau 13.3% daripada modal asas industri.

Operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri

DBG terus memperluas operasi serantau mereka pada tahun 2015. Pada asas tahunan, jumlah aset

Rajah 1.50

Sektor Insurans dan Takaful: Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau



Ekuiti

Sekuriti hutang

Aset lain (termasuk pelaburan yang diurus dana ekuiti swasta)


Sumber: Bank Negara Malaysia

subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri (aset luar negeri) terus bertambah sebanyak 32.8% kepada RM521.6 bilion pada akhir suku ketiga 2015, lantas mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah aset DBG (2015: 22.8%; 2014: 20.7%). Setelah mengecualikan kesan penilaian pertukaran asing berikutan penyusutan nilai ringgit, aset luar negeri DBG berkembang 9.5% (2014: +18.8%) secara tahunan. Pinjaman dan pelaburan dalam sekuriti kerajaan dan terbitan hutang swasta gred pelaburan terus mencakupi sebahagian besar aset luar negeri DBG, masing-masing sebanyak 66.2% dan 13.8% daripada jumlah aset luar negeri. Bahagian aset luar negeri bagi setiap DBG mencakupi antara 0.1% hingga 35.4% daripada jumlah aset DBG secara individu, dan sebahagian besarnya tertumpu di Singapura (48.5%) dan Indonesia (23.2%) (Rajah 1.51).

Meskipun operasi luar negeri menjadi semakin penting kepada prestasi DBG, risiko kepada sistem perbankan Malaysia masih terkawal. Operasi DBG di luar negeri tertumpu terutamanya pada aktiviti pemberian pinjaman tradisional dan sebahagian besarnya dibiayai deposit mata wang tempatan (Rajah 1.52). Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh Bank di premis serta perbincangan dengan pihak berkuasa negara tuan rumah di forum penyeliaan anjuran Bank, DBG juga terus memastikan amalan pengurusan risiko dan peruntukan terus kukuh di cawangan dan subsidiari mereka di luar negeri. Hal ini diperkukuh oleh dasar risiko seluruh kumpulan dan pengaturan pengawasan yang lebih mantap, termasuk ujian tekanan global yang lebih komprehensif, sesuai dengan saiz

Rajah 1.51

Sistem Perbankan: Komposisi Aset Operasi Luar Negeri DBG



Singapura Indonesia Hong Kong SAR Thailand

Lain-lain Jumlah aset operasi luar negeri (skala kanan)

Nota: Data pada akhir S3 2015
Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC


Sumber: Bank Negara Malaysia

operasi mereka di luar negeri yang semakin berkembang. Hasilnya, operasi DBG di luar negeri terus menunjukkan prestasi yang baik dan menyumbang antara 10% hingga 21% kepada keuntungan kumpulan keseluruhan DBG secara individu (2014: antara 7.4% hingga 28.8%).

Di Singapura dan Indonesia, yang DBG mempunyai operasi terbesar, pinjaman runcit dan PKS mencakupi lebih separuh daripada dedahan kredit DBG (Rajah 1.53). Pinjaman runcit terutamanya tertumpu pada segmen pembiayaan gadai janji, kereta dan peribadi

Rajah 1.52

Sistem Perbankan: Struktur Pendanaan Operasi Luar Negeri Terpilih




Deposit Pinjaman antara bank

Nota: Data pada akhir S3 2015
Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.53

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih




Nota: Data pada akhir S3 2015
Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

(Rajah 1.54). Kualiti pinjaman keseluruhan secara amnya kekal teguh. Median nisbah pinjaman terjejas kasar kekal di bawah 1% walaupun taburan merentas DBG secara individu adalah lebih luas dengan beberapa daripadanya mencatat nisbah pinjaman terjejas yang lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya (Rajah 1.55). Hal ini mencerminkan risiko kredit yang lebih tinggi bagi pinjaman kepada PKS dan perniagaan yang menerima kesan yang lebih nyata akibat permintaan yang lebih rendah dari RR China. Sehubungan dengan itu, DBG telah pun menyediakan peruntukan bagi kemungkinan kerugian kredit. Nisbah modal subsidiari besar DBG di luar negeri kekal kukuh antara 9.2% hingga 19.8% (2014: antara 11% hingga 17.4%). Nisbah ini telah pun

Rajah 1.54

Sistem Perbankan: Komposisi Pinjaman Runcit Operasi Luar Negeri Terpilih




Nota: Data pada akhir S3 2015
Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.55

Sistem Perbankan: Julat Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: Angka-angka untuk 2015 merujuk kepada data suku ketiga
Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC

Sumber: Bank Negara Malaysia

mencerminkan keperluan kecukupan modal yang diperkukuh dalam beberapa ekonomi yang telah melaksanakan piawaian Basel III.

Risiko dan perkembangan dalam operasi DBG di luar negeri dirangkumi dalam rangka kerja penyeliaan bersepadu dan ujian tekanan Bank. Maklumat yang dilaporkan secara kerap oleh DBG berhubung dengan prestasi dan profil risiko operasi mereka di luar negeri serta pemeriksaan berkala oleh Bank di premis entiti berkenaan, membolehkan Bank mengenal pasti kesan ke atas kedudukan kewangan bank Malaysia apabila timbul sebarang keperluan untuk menyediakan sokongan modal atau mudah tunai bagi operasi di luar negeri. Secara keseluruhan, tahap modal yang kukuh dan penampan mudah tunai yang mencukupi terus kekal dalam setiap operasi di luar negeri, memandangkan bank terus mengurus secara aktif kesalingbergantungan dalam kumpulan masing-masing. Pada tahun 2015, Bank terus mengadakan perbincangan dan interaksi yang kerap dengan pengawal selia negara tuan rumah melalui forum penyeliaan yang ditubuhkan, di samping mengadakan mesyuarat dua hala. Platform ini memudahkan perbincangan secara mendalam mengenai isu-isu penyeliaan yang khusus bagi bank dalam negara masing-masing, serta penyelarasan tindak balas penyeliaan untuk menangani isu-isu tersebut. Rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis serantau merentas sempadan juga dilaksanakan oleh Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) untuk menyokong kerjasama yang berkesan antara ahli bank pusat dengan pihak berkuasa penyeliaan

sekiranya tercetus krisis yang berpunca daripada institusi kewangan bermasalah yang mempunyai operasi yang besar dalam rantau ini.

KESALINGHUBUNGAN INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK (IKBB) DENGAN SISTEM KEWANGAN


Profil risiko IKBB (iaitu institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank) (Rajah 1.56) dan sifat kesalinghubungannya dengan sistem kewangan pada amnya tidak berubah. Saluran utama bagi transmisi risiko daripada IKBB yang lebih besar kekal melalui pemegangan aset yang sama dan pelaburan ekuiti dalam institusi kewangan. IKBB turut memegang jumlah aset isi rumah yang besar dalam bentuk tabungan dalam kumpulan wang pencen dan institusi pengurusan dana yang melabur dalam pasaran modal (Rajah 1.57). Kesalinghubungan dan saluran transmisi risiko utama tersebut memerlukan Bank mengambil pandangan yang lebih luas mengenai punca potensi risiko kepada kestabilan kewangan, dan menjadi fokus pengawasan serta perbincangan dan interaksi Bank dengan IKBB yang lebih besar (rujuk kepada rencana 'Pendalaman Kewangan dan Implikasi Terhadap Kestabilan Kewangan').

IKBB mencakupi kira-kira 39% (2014: 38.6%; 2013: 38.8%) daripada jumlah aset sistem kewangan dan pada amnya tidak berubah sepanjang dua tahun yang lalu. Kumpulan wang simpanan dan pencen serta industri pengurusan dana merangkumi majoriti (83%) daripada jumlah aset IKBB, manakala tujuh IKBB yang terbesar mencakupi 68% daripada jumlah aset IKBB. Aktiviti pengantaraan kewangan domestik oleh IKBB (Rajah 1.58) terus didorong sebahagian besarnya oleh pembiayaan dan pelaburan dalam sekuriti hutang yang lazim dan ekuiti. Pada tahun 2015, pengantaraan kewangan domestik mencakupi bahagian KDNK yang lebih rendah, mencerminkan aktiviti pembiayaan dan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah. Bagi IKBB yang lebih besar, pelaburan ekuiti lazimnya mencakupi antara 23% hingga 69% daripada jumlah aset IKBB. Satu perkembangan utama dalam tahun-tahun kebelakangan ini, khususnya dalam kalangan kumpulan wang pencen dan pengurus dana yang lebih besar ialah peningkatan saiz dan bahagian pelaburan dalam aset bukan kewangan (termasuk pemegangan harta tanah dan usaha niaga) serta aset luar negara dan aset dalam denominasi mata wang asing. Aset luar negara mencakupi antara 7.4% hingga 26.2% daripada jumlah aset IKBB individu (2014: antara 7.2% hingga 23.6%).

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada aktiviti IKBB boleh timbul sekiranya IKBB mengalami tekanan kewangan yang menyebabkan pelaburan yang turut dipegang

Rajah 1.56

Saiz dan Komposisi Aset Sistem Kewangan



a Awalan
Nombor dalam kurungan merujuk kepada peratus aset kepada aset sistem kewangan

^ Merujuk kepada pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia pembiayaan sewa beli bukan bank, syarikat pemegang amanah milik kerajaan, dan pertubuhan keselamatan sosial


* Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang dikawal selia oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 – Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Development Bank Malaysia, Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (sebuah koperasi), Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

** Merujuk kepada sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji kebangsaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

Rajah 1.57

Kesalinghubungan IKBB dengan Sistem Kewangan




a Awalan
*Tidak termasuk pinjaman yang diberikan oleh IKBB yang dikawal selia Bank Negara Malaysia dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman.

oleh institusi kewangan lain, dilupuskan dalam jumlah yang amat besar lantas menjejaskan harga aset. IKBB yang mengalami tekanan kewangan juga boleh meningkatkan risiko reputasi atau risiko kewangan institusi kewangan yang IKBB mempunyai pemegangan ekuiti yang tinggi. Satu sumber potensi tekanan kewangan ialah saiz dan tahap transformasi tempoh matang yang dilaksanakan oleh IKBB. Walau bagaimanapun, risiko ini kekal rendah. IKBB yang lebih bergantung pada pendanaan pasaran mempunyai PDS (termasuk sukuk) dengan baki tempoh matang purata 9.8 tahun manakala tempoh matang pembiayaan purata biasanya tidak melebihi 10 tahun. Pergantungan IKBB kepada pendanaan jangka pendek kekal rendah, dengan kertas perdagangan (commercial papers) hanya mencakupi 4.4% daripada jumlah PDS domestik yang diterbitkan oleh IKBB. Dalam kalangan IKBB, kumpulan syarikat Cagamas mencakupi kira-kira setengah (56%) daripada PDS domestik yang diterbitkan oleh IKBB. Pada akhir tahun 2015, PDS domestik terkumpul terbitan Cagamas berjumlah RM28.7 bilion yang merupakan 2.5% daripada jumlah PDS domestik terkumpul. Selain itu, profil tempoh matang Cagamas pada amnya dipadankan dengan setara.

Rajah 1.58

Pengantaraan Kewangan Domestik oleh IKBB



Nota: Pengantaraan kewangan terdiri daripada (i) pelaburan dalam ekuiti; (ii) pembiayaan; (iii) pelaburan dalam sekuriti hutang; (iv) pensekuritian; dan (v) jaminan atau penambahbaikan kredit. Pengantaraan kredit terdiri daripada (ii) - (v).
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

Beberapa IKBB terdedah kepada ketidakpadanan kematangan yang lebih besar memandangkan jumlah asas deposit lebih besar yang digunakan untuk membiayai aset jangka lebih panjang, termasuk pinjaman. Namun, sejak akhir-akhir ini IKBB mengambil langkah kehematan untuk meningkatkan profil kematangannya dan mengukuhkan penampan mudah tunainya.

Kedudukan leveraj (ditakrif sebagai aset berbanding dengan modal) oleh IKBB yang lebih besar kekal rendah pada paras kira-kira satu kali. Penyusutan nilai ringgit pada tahun 2015 tidak memberikan kesan yang nyata terhadap IKBB memandangkan sebahagian besar dedahan hutangnya adalah dalam denominasi ringgit. Beberapa IKBB yang lebih besar mencatat keuntungan pertukaran asing berikutan penilaian aset luar negara yang meningkat. Keberuntungan keseluruhan pada amnya mampan, namun pada paras yang lebih rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Pulangan atas aset bagi IKBB yang lebih besar berpurata antara 3.3% hingga 6.3% (2014: 4.6% hingga 7%; 2013: 5.6% hingga 7.3%). IKBB perlu terus berhati-hati dalam keadaan pasaran yang tidak menentu untuk mengekalkan tahap keberuntungannya pada masa akan datang.

Kesalinghubungan langsung aset-liabiliti dengan sistem perbankan dan industri insurans kekal rendah dan terhad, kecuali bagi pemegangan saham dalam kumpulan bank domestik oleh IKBB yang agak tinggi. Berikutan penilaian saham kewangan yang menjadi kompetitif pada tahun 2015, IKBB telah mengambil peluang untuk meningkatkan pemegangannya dalam saham institusi kewangan. Khususnya, agregat pemegangan saham kumpulan perbankan domestik oleh IKBB lebih besar meningkat kepada 35.2% (2014: 32.7%) daripada jumlah permodalan pasaran kumpulan perbankan. Dedahan semasa sistem perbankan terhadap IKBB dalam bentuk swap kadar faedah dan pertukaran asing adalah kecil, mencakupi 5.1% daripada jumlah modal bank.

KEKUKUHAN DAN DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN


Institusi kewangan Malaysia terus menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh, disokong oleh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap. Berserta dengan modal berkualiti tinggi dan penampan mudah tunai yang terkumpul sejak beberapa tahun lalu, institusi kewangan kekal berdaya tahan terhadap ketidaktentuan yang ketara dan keadaan perniagaan yang semakin mencabar pada tahun 2015. Kebanyakan institusi kewangan mengekalkan profil risiko yang secara relatif stabil. Ini turut dicerminkan melalui penarafan risiko komposit (composite risk ratings, CRR) yang stabil untuk kebanyakan bank. CRR merangkumi penilaian berterusan oleh Bank ke atas risiko sedia ada dan kualiti pengurusan risiko institusi kewangan bagi seluruh aktiviti utama dan subsidiarinya, dengan mengambil kira amalan pengurusan modal dan mudah tunai serta kemampanan perolehan.

Permodalan kekal kukuh dan berkualiti tinggi

Permodalan industri perbankan, insurans dan takaful kekal kukuh sepanjang tahun 2015. Pada akhir tahun 2015, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal (total capital ratio, TCR) sistem perbankan kekal melebihi paras pengawalseliaan minimum masing-masing pada 12.8%, 13.8% dan 16.1% (2014: 13.3%, 14%, 15.9%). Penampan modal bank yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum kekal kukuh, meningkat sebanyak 9.5% kepada RM117.3 bilion (Rajah 1.59). Dengan mengambil kira paras modal minimum Basel III yang hanya akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai tahun 2019, bank masih mempunyai penampan sebanyak RM79.6 bilion melebihi keperluan minimum jumlah modal. Paras penampan yang kukuh ini disokong oleh modal

Rajah 1.59

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia


berkualiti tinggi. Lebih 90% daripada jumlah modal bank terdiri daripada instrumen CET1 yang berkualiti tinggi dan mampu menyerap kerugian dalam bentuk ekuiti, perolehan tertahan dan rizab. Bank terus menunjukkan tahap daya tahan pendapatan yang tinggi dan dasar perolehan tertahan yang konservatif, dengan perolehan tertahan secara relatif stabil pada RM68.7 bilion (2014: RM70.1 bilion) pada peringkat sistem. Walau bagaimanapun, ekuiti dan terbitan hutang subordinat kumpulan 2 adalah lebih rendah pada RM22.3 bilion (2014: RM26.5 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh kesan instrumen modal Basel II yang sedang dilupuskan secara berperingkat di bawah Basel III (2015: RM6.6 bilion; 2014: RM8.5 bilion). Meskipun aset berwajaran risiko (risk weighted asset, RWA) meningkat dengan lebih cepat sebanyak 12.3% pada suku ketiga (purata ST1 2015: +8.5%), sebahagiannya disebabkan oleh penilaian aset FCY dalam bentuk ringgit yang lebih tinggi, nisbah jumlah RWA kepada jumlah aset secara relatif kekal tidak berubah pada 64.4% (2014: 64.3%). Nisbah leveraj (modal kumpulan 1 sebagai nisbah jumlah dedahan) yang dilaporkan oleh bank semasa tempoh pemerhatian semasa juga tidak berubah pada dua kali paras minimum 3% yang ditetapkan di bawah Basel III.

Permodalan dan keberuntungan institusi kewangan berterusan dalam keadaan kualiti aset, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang kukuh

Permodalan industri insurans dan takaful juga kekal kukuh dengan agregat nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) pada 245.4% (2014: 243.5%). Jumlah modal tersedia sebahagiannya terjejas oleh rizab sedia untuk dijual (available-for-sale, AFS) dan perolehan tertahan yang lebih rendah disebabkan oleh penilaian pelaburan yang lebih tidak menentu. Hal ini memberikan kesan kecil ke atas agregat lebihan penampan modal yang kekal kukuh pada RM46 bilion (Rajah 1.60). Modal keseluruhan yang dipegang terhadap risiko insurans dan takaful (komponen risiko terbesar yang mencakupi kira-kira 50% daripada jumlah modal yang diperlukan) sebahagian besarnya kekal tidak

Rajah 1.60

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

berubah, mencerminkan gabungan perniagaan yang stabil dan paras rizab yang kukuh untuk memenuhi liabiliti insurans dan takaful. Modal yang diperuntukkan terhadap risiko pasaran meningkat kepada 13% (2014: 12.2%) daripada jumlah modal tersedia. Ini mencerminkan dedahan ekuiti yang lebih besar daripada pembelian ekuiti yang oportunistik oleh penanggung insurans pada tahun 2015. Dedahan risiko kredit juga meningkat sedikit untuk mencakupi 4.1% daripada jumlah modal tersedia (2014: 3.9%) kerana pelabur mempunyai pemegangan PDS yang lebih luas di seluruh gred pelaburan untuk meningkatkan kadar hasil.

Keberuntungan kukuh dalam keadaan margin yang kecil

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan, termasuk bank-bank Islam, menyusut sedikit pada RM29 bilion (2014: RM31.9 bilion) pada tahun 2015. Pulangan atas aset dan ekuiti turut menurun masing-masing kepada 1.3% dan 12.4% (2014: 1.5% dan 15.2%). Seperti tahun lalu, pemacu utama prestasi perolehan ini ialah faedah/keuntungan bersih daripada aktiviti pembiayaan dan pendanaan (+1.5%), meskipun sebahagiannya terjejas oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan faedah yang ditanggung yang lebih tinggi sebanyak 14.5% (2014: +8.5%) pada tahun 2015. Hasil yang lebih tinggi daripada fi dan komisen daripada aktiviti berkaitan pembiayaan juga meningkatkan perolehan bank (+5.1%), bersama-sama dengan aktiviti perbendaharaan yang aktif oleh bank, yang menyumbang kepada keuntungan perdagangan bersih dan pelaburan yang lebih tinggi (+27.3%). Namun begitu, sumbangan daripada hasil aktiviti pembrokeran adalah lebih rendah


memandangkan pelabur lebih berhati-hati dalam keadaan prestasi pasaran kewangan yang lebih tidak menentu.

Pada peringkat sistem, margin faedah/pembiayaan bersih selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian mengecil kepada 0.55 mata peratusan (2014: 0.68 mata peratusan), mencerminkan terutamanya persaingan dalam pasaran deposit yang menyebabkan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi untuk pendanaan antara bank dan deposit (Rajah 1.61). Meskipun paras jejas nilai yang lebih tinggi sedikit dicatat dalam beberapa sektor yang terjejas oleh keadaan ekonomi semasa, bahagian pinjaman terjejas sebahagian besarnya tidak berubah pada 1.2% (Rajah 1.62). Menjelang akhir tahun 2015, semua bank dikehendaki memenuhi paras minimum peruntukan jejas nilai kolektif (collective impairment provision, CIP) sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul (ditolak peruntukan tertentu). Ini memberikan kesan minimum terhadap kebanyakan bank yang sudah mencatat nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi (96.2%; 2014: 100.4%).

Keberuntungan bank juga meraih manfaat daripada inisiatif yang berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi, termasuk kajian semula yang menyeluruh terhadap operasi cawangan bank dan kadar penembusan pengguna perbankan digital yang lebih tinggi. Bank juga terus mengawal kos overhed, meskipun pelaburan masih dibuat untuk terus meningkatkan keupayaan pengurusan risiko dan menyokong operasi serantau yang berkembang. Penambahbaikan ini telah mengukuhkan pengenalpastian dan pengukuran

Rajah 1.61


Sistem Perbankan: Margin Faedah Kasar dan Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.62

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

risiko yang mungkin timbul, khususnya dalam keadaan perniagaan yang semakin tidak pasti. Bank terus memantau dengan rapi kesan langkah kawalan kos terhadap keupayaan pengurusan risiko dan fungsi pematuhan untuk memastikan aspek ini tidak terjejas. Usaha untuk mengekalkan tenaga mahir, terutamanya dalam fungsi khusus, terus menjadi cabaran utama bagi bank dalam persekitaran mobiliti kakitangan yang lebih tinggi dan permintaan tinggi terhadap kakitangan yang mempunyai pengalaman yang mencukupi bukan sahaja di dalam negeri malahan juga pada peringkat rantau. Meskipun bilangan pekerja lebih rendah sedikit (-0.2%) pada tahun 2015, kos pekerja meningkat sebanyak 11.6% disebabkan oleh pembayaran gaji yang lebih tinggi untuk mengekalkan tenaga mahir. Ini telah meningkatkan kos keseluruhan bagi setiap kakitangan sebanyak 1.1% pada tahun 2015. Dalam mengurus kos kakitangan, bank diingatkan supaya memastikan insentif terus sejajar dengan pengambilan risiko berhemat, dan fungsi kawalan utama terus disokong dengan baik oleh kakitangan yang kompeten, termasuk dalam bidang seperti pematuhan.

Sektor insurans dan takaful mengalami keberuntungan yang lebih rendah pada tahun 2015 dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan yang ketara (Rajah 1.63). Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful adalah lebih rendah pada RM12 bilion (2014: RM13.8 bilion) didorong terutamanya oleh keuntungan yang lebih rendah daripada

Rajah 1.63

Sektor Insurans dan Takaful: Keberuntungan




Sumber: Bank Negara Malaysia

pelupusan aset, khususnya ekuiti, yang berjumlah RM0.4 bilion (2014: RM1.4 bilion) (Rajah 1.64). Pendapatan terus disokong oleh pertumbuhan mampan premium bersih meskipun lebih sederhana (+4.6%; 2014: +7.5%) (Rajah 1.65). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini didorong terutamanya oleh premium insurans berkaitan pelaburan yang meningkat pada kadar yang nyata lebih perlahan sebanyak 9.4% (2014: +20.7%), sebahagian besarnya mencerminkan keadaan pasaran kewangan. Bahagian perniagaan hayat yang dikaitkan dengan produk berkaitan pelaburan yang semakin meningkat (37.4% daripada premium bersih) telah menyumbang kepada ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam pendapatan premium bagi penanggung insurans hayat sejak beberapa tahun lalu. Ini disebabkan

Rajah 1.64


Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Komposisi Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.65

Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Pertumbuhan Premium Bersih dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh permintaan yang lebih berubah-ubah yang dipengaruhi oleh keadaan pasaran kewangan dan fleksibiliti lebih luas yang diberikan kepada pemegang polisi untuk mempelbagaikan caruman premium. Ini seterusnya meningkatkan keperluan bagi penanggung insurans untuk mengawal kos dengan berkesan dan memastikan penilaian kesesuaian yang wajar dibuat terhadap produk yang dijual kepada pemegang polisi untuk mengekalkan keberuntungan pada masa akan datang. Faedah polisi bersih meningkat disebabkan oleh tuntutan perubatan dan penyerahan untuk produk berkaitan pelaburan yang lebih tinggi. Penyerahan ini mencerminkan pelarasan isi rumah kepada kos sara hidup yang lebih tinggi.


Jumlah pendapatan pelaburan bersih bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat kepada RM8.9 bilion (S4 2014: RM8.4 bilion). Meskipun bahagian pelaburan dalam aset yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi semakin meningkat, kadar hasil pelaburan keseluruhan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful kekal dalam julat antara 5% hingga 6% setahun. Seperti tahun sebelumnya, beberapa penanggung insurans hayat mengurangkan bonus yang diberikan berdasarkan budi bicara pada tahun 2015, mencerminkan prestasi pelaburan yang lebih lemah daripada yang diandaikan dalam penentuan harga produk yang dijual sebelum GFC. Berikutan itu, bonus tunai yang dibayar pada tahun 2015 meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.9%, berbanding dengan purata sebanyak 20.8% antara tahun 2010 hingga tahun 2014. Penanggung insurans yang membuat semakan terhadap bonus mesti mematuhi keperluan piawaian

yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai `Pengurusan Perniagaan Hayat Sertaan´. Ini termasuk keperluan untuk memastikan pelarasan kepada pembayaran bonus adalah saksama merentas kumpulan pemegang polisi dan telah mengambil kira jangkaan pemegang polisi yang wajar yang mungkin disebabkan oleh tindakan atau gambaran yang diberikan oleh penanggung insurans.

Keuntungan operasi penanggung insurans am dan pengendali takaful menurun sedikit kepada RM2.7 bilion (2014: RM3.2 bilion) disebabkan oleh tuntutan bersih yang lebih tinggi yang ditanggung terutamanya dalam sektor kebakaran dan marin, penerbangan dan transit (marine, aviation and transit, MAT). Oleh yang demikian, nisbah kerugian keseluruhan meningkat sedikit kepada 60.2% (2014: 57.5%) dengan kerugian daripada perniagaan insurans liabiliti motor kecederaan anggota pihak ketiga (motor 'Akta') yang terus menjejaskan kos tuntutan. Nisbah kerugian sektor kebakaran dan MAT masing-masing meningkat kepada 49.8% dan 59.1% (2014: 44.2% dan 47.1%) (Rajah 1.66). Premium langsung kasar bagi penanggung insurans am dan pengendali takaful meningkat pada kadar yang lebih perlahan, terutamanya dalam perniagaan MAT dan motor (Rajah 1.67). Premium yang dicarum oleh industri O&G tidak terjejas oleh harga minyak global yang lebih rendah kerana risiko yang ditanggung oleh insurans tertumpu terutamanya dalam aktiviti penapisan dan pemprosesan hiliran. Peralihan kepada persekitaran penentuan harga berdasarkan pasaran yang lebih berdaya saing dijangka memberikan kesan positif kepada industri, menerusi penentuan harga yang akan

Rajah 1.66


Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Nisbah Gabungan dan Nisbah Kerugian bagi Kelas Perniagaan Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.67

Sektor Insurans Am dan Takaful Am: Pertumbuhan Premium dan Komposisi Perniagaan




Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih mencerminkan risiko. Ini adalah penting untuk menggalakkan penyediaan insurans motor yang mampan oleh syarikat swasta dan pada masa yang sama membolehkan pemegang polisi yang mempunyai profil risiko yang lebih baik untuk menikmati premium yang lebih rendah.

Risiko kadar pulangan sektor perbankan Islam masih terurus dengan agak baik, disokong oleh strategi pengurangan risiko yang aktif oleh bank-bank Islam. Dari segi aset, aset kadar boleh ubah dalam akaun pembiayaan, terutamanya dalam bentuk kontrak *musyarakah* (perkongsian), *ijarah* (pajakan) dan *murabahah* (tokokan) boleh ubah, terus berkembang sebanyak 24.6% (2014: +28%) untuk mencakupi 58.4% (2014: 54.4%) daripada jumlah pembiayaan. Dari segi liabiliti, bank-bank Islam mengeluarkan lebih banyak instrumen pendanaan berkadar tetap seperti *tawarruq* (deposit berkadar tetap) (Rajah 1.68) dengan tempoh matang berkontrak yang lebih panjang untuk mengecilkan jurang penentuan semula harga berbanding dengan aset berkadar tetap bank-bank Islam. Pada akhir tahun 2015, deposit berkadar tetap bank-bank Islam meningkat untuk mencakupi bahagian yang ketara lebih tinggi sebanyak 56.8% (2014: 35.7%) daripada jumlah deposit, atau 42.7% (2014: 30%) daripada jumlah pendanaan asas. Peralihan kepada *tawarruq* juga merupakan sebahagian daripada tindak balas kepada keperluan pengawalseliaan untuk membezakan dengan jelas antara produk akaun deposit dengan produk akaun pelaburan mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini meningkatkan permintaan terhadap produk deposit yang dijamin prinsipalnya. Sebaliknya, deposit pelaburan awam dan khusus yang berasaskan *mudarabah* berkurang sebanyak 84% untuk mencakupi 3.1% (2014: 19.7%) daripada

Rajah 1.68


Perbankan Islam: Perubahan Tahunan dalam Komposisi Deposit mengikut Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.69

Sistem Perbankan: Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

pendanaan asas. Bank-bank Islam individu berjaya membuat penyelarasan terhadap perkembangan ini dengan agak lancar, terutamanya dengan menawarkan produk yang boleh diterima oleh pelanggan sebagai produk pengganti.


Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menyerap kejutan

Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan keupayaan institusi kewangan yang kukuh, pada peringkat sistem dan institusi, untuk menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk (Jadual 1.7 dan Jadual 1.8). Pada akhir tempoh ujian tekanan ini, nisbah modal TCR agregat dan nisbah modal CET1 agregat sistem perbankan pascakejutan masing-masing melebihi 10% dan 7% di bawah senario buruk pertama (SB1), dan masing-masing melebihi 9% dan 6% di bawah senario buruk kedua (SB2) (Rajah 1.69 dan Rajah 1.70). Pada peringkat institusi, permodalan kumpulan perbankan utama kekal melebihi keperluan minimum Basel III TCR, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah modal CET1. Hasil bersih sebelum peruntukan kerugian pinjaman menyusut sebanyak 10.1% dan 16% berbanding dengan senario dasar masing-masing dalam SB1 dan SB2. Kerugian berpunca terutamanya daripada kejutan risiko kredit, yang mencakupi lebih daripada 96% kerugian keseluruhan dalam kedua-dua senario.

Daripada peratusan ini, kemungkiran peminjam korporat besar terpilih masing-masing merangkumi 9.5% dan 13.5% daripada jumlah kerugian dalam SB1 dan SB2. Kerugian bersih kumulatif bagi tempoh ujian tekanan empat tahun masing-masing berjumlah RM27 bilion dan RM51 bilion (atau 23% dan 48% daripada lebihan penampan modal) dalam SB1 dan SB2. Nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat antara 5% hingga 8% pada tempoh ujian tekanan dalam kedua-dua senario

Rajah 1.70

Sistem Perbankan: Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan dalam Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan bagi Bank dan Penanggung Insurans

Ujian tekanan berasaskan kesolvenan berbilang tahun menggunakan satu siri peristiwa risiko yang jarang-jarang berlaku (risiko hujung atau `tail-risk´) berdasarkan tiga andaian landasan pertumbuhan KDNK domestik (satu senario dasar dan dua senario buruk) dan susulan keadaan makroekonomi dan kewangan dalam tempoh empat tahun dari tahun 2016 hingga 2019. Kesan yang terhasil, yang menggabungkan kejutan serentak ke atas hasil, pendanaan, risiko kredit dan pasaran digunakan pada pendapatan dan perbelanjaan operasi, pertumbuhan lembaran kewangan dan tahap permodalan institusi kewangan, tanpa mengambil kira sebarang tindak balas pengurangan kerugian oleh institusi kewangan atau intervensi dasar oleh pihak berkuasa.

Jadual 1.7

Andaian dan Parameter Kejutan Utama Ujian Tekanan Kesolvenan yang Digunakan untuk Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	Senario buruk pertama (SB1)	Senario buruk kedua (SB2)
Unjuran lembaran imbangan dan pendapatan		
• Penurunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan merentas segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)	• sehingga 43%	• sehingga 22%
• Pertumbuhan kredit yang sederhana	• sehingga 5.5 mata peratusan daripada senario dasar	• sehingga 3.8 mata peratusan daripada senario dasar
• Penurunan pendapatan premium penanggung insurans	• sehingga 72%	• sehingga 54%
Kejutan risiko kredit		
• Kejutan kebarangkalian mungkir (Probability of default, PD)	• Purata berwajaran	• Purata berwajaran
- Pinjaman perniagaan	- 8%-9% (sehingga 12% untuk segmen tertentu)	- 8%-10% (sehingga 13% untuk segmen tertentu)
- Pinjaman isi rumah	- 4%-5% (sehingga 7% untuk segmen tertentu)	- 4%-6% (sehingga 8% untuk segmen tertentu)
• Kejutan kerugian akibat mungkir (Loss given default, LGD)	• Purata berwajaran	• Purata berwajaran
- Pinjaman perniagaan	- 48%-49% (sehingga 56% untuk segmen tertentu)	- 47%-53% (sehingga 60% untuk segmen tertentu)
- Pinjaman isi rumah	- 36%-38% (sehingga 88% untuk segmen tertentu)	- 37%-39% (sehingga 88% untuk segmen tertentu)
• Kemungkiran syarikat terpilih dengan dedahan besar kepada sistem perbankan	• Syarikat di bawah senarai amatan (watch list) dan lebih mudah terjejas oleh kejutan kepada kedudukan kewangan, iaitu: - Pergerakan kadar pertukaran yang tidak menentu - Peningkatan kos peminjaman - Penurunan untung kendalian	
Kejutan risiko pasaran		
• Peningkatan kadar hasil MGS	• sehingga 130 mata asas	• sehingga 100 mata asas
• Peningkatan kadar hasil PDS	• sehingga 241 mata asas	• sehingga 156 mata asas
• Risiko asas	• 10%	• 10%
• Penurunan FBM KLCI	• 51%	• 30%
• Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	• 12%-29%	• 11%-15%
Kejutan risiko pendanaan luar		
• Kebalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin	• 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank	• 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko insurans am		
• Peningkatan dalam tuntutan	• sehingga 28%	• sehingga 15%
• Peningkatan dalam liabiliti premium (kelas motor)	• sehingga 1.5 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara	• sehingga 1 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang ketara

Senario buruk pertama (SB1) ialah senario berbentuk V yang melibatkan kemelesetan pada tahun 2016, diikuti oleh pemulihan dalam pertumbuhan sebelum kembali ke tahap wajar yang hampir kepada pertumbuhan potensi. Kemelesetan adalah bersamaan dengan sisihan daripada senario dasar sebanyak 2.5 sisihan piawaian kadar pertumbuhan jangka panjang, yang lebih teruk daripada kemelesetan (-1.5%) yang dicatat pada tahun 2008. Senario ini mengandaikan: (i) kelembapan yang ketara di AS yang didorong oleh pelarasan dasar monetari yang tidak teratur; (ii) kemerosotan yang besar dalam kedudukan kewangan bank di RR China disebabkan oleh pembetulan pasaran ekuiti yang ketara dan kelembapan yang lebih mendalam dalam pasaran harta tanah; (iii) peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkatkan aktiviti penghindaran risiko dan menjejaskan sentimen pelabur, yang menyebabkan pembetulan dalam pasaran kewangan dan pengurangan kekayaan isi rumah; (iv) kejatuhan harga komoditi yang ketara dan penyusutan nilai ringgit; dan (v) pemulihan ekonomi global mulai tahun 2017 hasil daripada rangsangan monetari dan fiskal oleh AS dan RR China.

Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi landasan pertumbuhan berbentuk L dengan penurunan sederhana pada awalnya, diikuti pertumbuhan lemah yang berpanjangan, mencakupi sisihan negatif kumulatif daripada senario dasar sebanyak 6 sisihan piawaian kadar pertumbuhan jangka panjang. Senario ini mengandaikan: (i) pembetulan ekuiti yang kecil dan isu fiskal yang tidak diselesaikan di AS menyebabkan ketidakpastian yang berpanjangan; (ii) kelemahan yang berpanjangan di RR China, yang dikaitkan dengan pembetulan pasaran saham yang kurang teruk, keberhutangan sektor swasta yang meningkat, dan kedudukan fiskal yang lebih lemah; (iii) turun naik pasaran kewangan yang berpanjangan yang meningkatkan aktiviti penghindaran risiko, menjejaskan sentimen pelabur dan mengurangkan kekayaan isi rumah; dan (iv) kejatuhan harga komoditi yang berpanjangan, yang memberi kesan kepada hasil fiskal Malaysia. Ruang fiskal yang berkurang untuk merangsang ekonomi menyebabkan peningkatan pengangguran dan kemerosotan sentimen yang seterusnya.

kemelesetan yang disimulasikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa walaupun di bawah tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk, bank terus berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kesan kerugian dengan menggunakan penampan modal tersedia, tanpa mengambil kira sebarang tambahan modal sepanjang tempoh tersebut.

Agregat CAR bagi penanggung insurans hayat dan insurans am juga kekal melebihi pengawalseliaan minimum pada keseluruhan tempoh ujian tekanan dalam SB1 dan SB2. Dengan kebanyakan aset penanggung insurans merupakan pemegangan untuk perdagangan, penanggung insurans hayat lebih terjejas oleh kejutan risiko pasaran yang diandaikan pada tahun 2016 apabila penurunan mendadak yang disimulasikan bagi harga aset adalah lebih ketara, terutamanya dalam SB1 apabila CAR menurun daripada 252% kepada 182%. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi yang cepat yang disimulasikan pada tahun-tahun berikutnya menyebabkan CAR meningkat kepada 270% pada akhir tahun 2019. Kejutan risiko pasaran mencakupi 60% dan 55% daripada jumlah kejutan pada tahun 2016 masing-masing di bawah SB1 dan SB2. Permodalan agregat penanggung insurans am kekal melebihi 150% pada kedua-dua senario buruk, dengan kesan yang utama disebabkan oleh kejutan berkaitan dengan tuntutan motor yang lebih tinggi.

Jadual 1.8

Ringkasan Keputusan Ujian Tekanan Utama yang Dijalankan oleh Bank


Peristiwa risiko yang disimulasikan	Andaian kejutan	Keputusan secara umum
	Analisis senario luas	
Limpahan daripada siri peristiwa risiko pertumbuhan yang lebih perlahan dan risiko yang jarang-jarang berlaku dalam tempoh empat tahun	Kejutan terhadap hasil, pendanaan, dedahan risiko kredit, pasaran dan insurans	• Nisbah modal agregat TCR dan CET1 sistem perbankan pascakejutan masing-masing kekal melebihi 9% dan 6% di bawah senario yang lebih teruk • CAR penanggung insurans am dan insurans hayat kekal melebihi 150% di bawah senario yang lebih teruk
	Analisis kepekaan	
Kerugian kepada sistem perbankan yang diakibatkan oleh insiden kemungkiran serentak dalam sektor isi rumah merentas semua kumpulan pendapatan (Jadual 1.2)	Tiga kali PD dasar dan LGD tertekan	• Anggaran kemungkinan kerugian sebanyak kira-kira RM65.4 bilion atau 55.8% daripada lebihan modal • Kemungkinan kerugian yang disebabkan oleh peminjam berpendapatan RM3,000 sebulan atau kurang dianggarkan kira-kira RM15 bilion atau 13% daripada lebihan modal
Kerugian kepada sistem perbankan disebabkan oleh pelarasan harga rumah yang teruk (bahagian bertajuk `Mengurus Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah Dalam Negeri')	Tiga kali PD dasar untuk pinjaman perumahan dan harga rumah menyusut sebanyak 40%	• Modal lebihan adalah lebih enam kali anggaran kemungkinan kerugian
Implikasi daripada turun naik kadar pertukaran, kos peminjaman yang lebih tinggi dan keuntungan operasi lebih rendah bagi peminjam besar (Rajah 1.21)	i. Penyusutan nilai ringgit sehingga 50% sejak akhir tahun 2014 ii. Kenaikan kos peminjaman sehingga 100 mata asas iii. Keuntungan operasi menurun sehingga 50%	• *Kesan peminjaman dalam denominasi FCY yang lebih tinggi* – Pengurangan sehingga 0.4 mata peratusan bagi median ICR • *Kesan peminjaman ringgit berdasarkan kadar terapung yang lebih tinggi* – Pengurangan sehingga 0.1 mata peratusan bagi median ICR • *Kesan pelanjutan kematangan PDS/ sukuk dengan kadar hasil yang lebih tinggi* – Kesan yang kecil pada median ICR • *Kesan penurunan keuntungan operasi* – Pengurangan sehingga 1.4 mata peratusan bagi median ICR • Kemungkinan kerugian kredit kumulatif* kekal boleh diurus, dengan lebihan penampan modal bank mencukupi untuk menampung lebih dua kali anggaran kerugian *Kemungkinan kerugian daripada andaian kemungkiran peminjam besar dengan CASTD<1 kali dan ICR<2 kali pascakejutan

Pendalaman Kewangan dan Implikasi terhadap Kestabilan Kewangan

Malaysia telah melalui pendalaman kewangan yang ketara, terutamanya sepanjang dua dekad kebelakangan ini. Pendalaman ini terbukti daripada keluasan dan kedalaman komponen utama sistem kewangan, akses dan kecekapan, serta kepelbagaian peserta dan instrumen (Rajah 1). Sistem kewangan telah berkembang lima kali sejak tahun 1998 kepada kira-kira 400%[1] daripada KDNK pada akhir tahun 2015, mencerminkan strategi yang telah diambil untuk menyokong keperluan ekonomi yang sedang berkembang dan pada masa yang sama, mengukuhkan daya tahannya terhadap kejutan. Peranan institusi kewangan bukan bank (IKBB)[2] yang semakin penting, khususnya, telah meningkatkan akses isi rumah, perniagaan dan institusi kewangan kepada rangkaian pilihan pendanaan dan pelaburan yang lebih meluas. Perkembangan ini telah menyumbang kepada peruntukan sumber kewangan dan sebaran risiko yang lebih cekap dalam ekonomi dan pada masa yang sama memerlukan pemahaman yang lebih meluas tentang sumber risiko terhadap kestabilan kewangan serta saluran pemindahan risiko kepada dan dalam sistem kewangan (Rajah 2). Rencana ini membincangkan evolusi pengantaraan kewangan di Malaysia dan implikasinya terhadap pengurusan kestabilan kewangan, termasuk kebimbangan yang mungkin timbul akibat kesalinghubungan sistem perbankan dengan pengantara kewangan lain, dan aktiviti yang menggalakkan leveraj berlebihan atau yang melibatkan transformasi tempoh matang dan mudah tunai serta pemindahan risiko kredit yang tidak sempurna.

Rajah 1

Indeks Kedalaman Kewangan Malaysia



Nota: Indeks dibina daripada penunjuk-penunjuk berikut sebagai nisbah kepada KDNK: (i) permodalan pasaran saham; (ii) sekuriti hutang awam domestik terkumpul; (iii) sekuriti hutang swasta domestik terkumpul; (iv) aset sistem perbankan; (v) aset industri pengurusan dana; (vi) aset kumpulan wang simpanan dan pencen; (vii) aset industri insurans; dan (viii) aset institusi kewangan bukan bank (IKBB) lain

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

Evolusi Pengantaraan Kewangan di Malaysia


Meskipun bank mengekalkan peranan utamanya dalam pengantaraan kewangan di Malaysia, satu ciri penting dalam evolusi sistem kewangan sepanjang sedekad yang lalu ialah peningkatan ketara peranan pasaran modal dalam negeri dan IKBB (Rajah 3). Jumlah sekuriti hutang terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) 10.4% sepanjang sedekad yang lalu kepada RM1,127.2 bilion atau 97.4% daripada KDNK pada akhir tahun 2015. Purata matang sekuriti hutang juga bertambah, daripada 3.1 tahun pada tahun 2005

[1] Dikira berdasarkan pinjaman terkumpul yang diberi oleh institusi kewangan, permodalan pasaran dalam pasaran ekuiti dan sekuriti hutang terkumpul.

[2] Untuk tujuan rencana ini, IKBB terdiri daripada penanggung insurans dan pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan, kumpulan wang simpanan dan pencen, industri pengurusan dana, pertubuhan keselamatan sosial, entiti pensekuritian dan pemberi pinjam bukan bank yang lain seperti pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, koperasi, penyedia pembiayaan sewa beli, syarikat pemfaktoran dan pemajakan, institusi kredit perumahan dan penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank.

Rajah 2

Kesalinghubungan antara Komponen Sistem Kewangan



— Pelaburan, simpanan atau penempatan deposit

— Penyediaan pembiayaan atau pemegangan sekuriti hutang

····· Kesalinghubungan tidak langsung melalui pemegangan instrumen kewangan yang sama (contoh, ekuiti)

Nota: Ketebalan garisan biru dan oren menunjukkan tahap dedahan yang diskalakan kepada saiz
Rajah di atas menunjukkan kesalinghubungan yang penting antara komponen sistem kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

kepada 6.1 tahun pada tahun 2015, disokong oleh terbitan sekuriti dengan tempoh matang yang lebih panjang sehingga 30 tahun. Ini membolehkan perniagaan memperoleh pendanaan untuk projek yang mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang atau untuk merancang perkembangan jangka lebih panjang dengan lebih berkesan, di samping mengurangkan risiko pembiayaan semula. Bagi syarikat insurans serta kumpulan wang simpanan dan pencen, keupayaan untuk melabur dalam instrumen kewangan dengan tempoh matang yang lebih panjang juga telah mengurangkan risiko ketidakpadanan aset-liabiliti.

Perkembangan pasaran derivatif dan pensekuritian di Malaysia berlaku secara beransur-ansur dan lebih berhati-hati. Meskipun permintaan terhadap derivatif untuk tujuan perlindungan nilai menunjukkan trend menaik, pasaran ini secara relatif kekal kecil. Aktiviti pensekuritian yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan pinjaman perumahan yang diberi kepada penjawat awam, distrukturkan terutamanya untuk mengurangkan ketidakpadanan tempoh matang dan bukan untuk memindahkan risiko kredit. Dengan kedudukan modal yang kukuh, mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan dedahan risiko kredit yang terurus, bank di Malaysia secara amnya tidak bergantung kepada pasaran pensekuritian bersandarkan aset untuk menyokong aktiviti pemberian pinjaman mereka. Pada akhir tahun 2015, sekuriti bersandarkan aset berjumlah RM11.4 bilion atau kira-kira 1% (2005: 3.4%) daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul.


Selaras dengan pasaran modal yang lebih maju, peranan IKBB dalam penggemblengan simpanan dan pelaburan juga menjadi semakin penting. Ini sebahagian besarnya berpunca daripada pasaran modal yang lebih teguh dan cair, dan juga mencerminkan tahap kecanggihan dan kesedaran kewangan yang lebih tinggi dalam kalangan isi rumah tentang adanya rangkaian instrumen simpanan dan pelaburan alternatif yang lebih meluas. Sepanjang dekad yang lalu, aset IKBB telah meningkat tiga kali, dan kini mencakupi kira-kira separuh (49%) (2005: 41%) daripada jumlah aset institusi kewangan pada akhir tahun 2015. Kira-kira 70% daripada pertumbuhan IKBB dipacu oleh industri pengurusan dana

serta kumpulan wang simpanan dan pencen. Nilai aset bersih dana borong untuk pelabur institusi meningkat lebih daripada empat kali sejak lima tahun lalu untuk mencakupi kira-kira 13% daripada aset industri pengurusan dana. Meskipun sebahagian besar daripada dana borong dilaburkan dalam instrumen pasaran wang termasuk deposit, dana ini dianggarkan mewakili kurang daripada 3% deposit bank. Permintaan terhadap simpanan persaraan swasta untuk melengkapi skim simpanan persaraan wajib dan jaring keselamatan kebajikan sedia ada juga telah meningkat, dengan aset di bawah pengurusan skim persaraan swasta meningkat kira-kira empat kali kepada RM1.2 bilion (2013: RM0.3 billion) sejak pelancarannya pada tahun 2012. Sebahagian besar IKBB (mewakili lebih daripada 95% jumlah aset IKBB) tertakluk di bawah pengawasan Bank, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau kementerian.

Kesan yang dijangka daripada rangkaian instrumen pengurusan kekayaan yang lebih meluas dan pasaran kewangan yang lebih mendalam ialah pertumbuhan deposit yang sederhana (CAGR antara tahun 2010 hingga tahun 2015: 7.9%, CAGR antara tahun 2005 hingga tahun 2010: 10.5%). Dalam tempoh kebelakangan ini, pencarian kadar hasil dalam keadaan persekitaran kadar faedah rendah yang berpanjangan dan jumlah aliran modal yang lebih tinggi juga memberikan kesan kepada pertumbuhan deposit. Perkembangan ini mencerminkan pendalaman kewangan dan sistem kewangan yang lebih matang dan terbuka. Sejak beberapa tahun lalu, institusi perbankan di Malaysia juga telah mula mendapatkan sumber alternatif bagi pendanaan yang stabil menerusi pasaran modal domestik. Ini mencerminkan penyesuaian yang dibuat oleh bank terhadap pertumbuhan deposit yang lebih perlahan serta langkah yang diambil oleh bank untuk mempelbagai dan meningkatkan kestabilan asas pendanaan mereka. Pada akhir tahun 2015, instrumen pendanaan jangka sederhana, dalam mata wang ringgit dan asing, telah meningkat untuk mencakupi 5.1% (2010: 2.9%) daripada jumlah liabiliti bank. Peningkatan ini menyebabkan profil kematangan sumber pendanaan bank dipanjangkan secara beransur-ansur kepada antara tiga hingga lima tahun (berbanding dengan tempoh kurang daripada satu tahun untuk pendanaan berasaskan deposit). Ketidakpadanan tempoh matang antara pendanaan bank dengan aset (yang mempunyai tempoh purata 11.9 tahun) juga bertambah baik.

Rajah 3

Komponen Sistem Kewangan



*Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan (IKP), koperasi, institusi kredit perumahan, syarikat pemfaktoran dan pemajakan, pertubuhan keselamatan sosial, perbadanan gadai janji kebangsaan, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang dan sekuriti bersandarkan aset terkumpul. Aset untuk tahun 2015 adalah berdasarkan angka awalan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pengiraan dalaman

Implikasi kepada Pengurusan Kestabilan Kewangan

Gabungan sistem kewangan berasaskan bank dan berasaskan pasaran telah mengurangkan risiko berkaitan dengan tumpuan dalam pasaran kewangan, institusi atau instrumen tertentu untuk memenuhi keperluan pembiayaan (Jadual 1). Yang ketara, tumpuan dedahan bank kepada perniagaan besar telah menurun (2015: 18.9%; 2005: 22.6%), selaras dengan bahagian pembiayaan perniagaan

Jadual 1

Profil Pembiayaan Syarikat Bukan Kewangan

	1998	2015
	RM bilion	
Institusi kewangan domestik*	307.5 (78%)	672.4 (52%)
Pasaran sekuriti hutang	5.1 (1%)	337.3 (26%)
Peminjaman luar negeri	83.5 (21%)	287.4 (22%)

*Merujuk kepada peminjaman dari bank-bank di Malaysia, IKP dan IKBB.

Nota: Angka-angka dalam kurungan merujuk kepada peratusan daripada jumlah hutang syarikat bukan kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pengiraan dalaman

yang lebih tinggi daripada pasaran sekuriti hutang swasta. Pada tempoh yang sama, dedahan sektor perbankan kepada isi rumah dan PKS telah meningkat (2015: 74.8%; 2005: 72.4%), didorong oleh keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, seiring usaha berterusan untuk menggalakkan rangkuman kewangan.

Peningkatan kepentingan pinjaman kepada isi rumah dan PKS telah menyebabkan sebaran risiko kredit yang lebih meluas dalam sistem perbankan, diiringi perubahan dalam pendekatan pengurusan risiko kredit oleh institusi perbankan. Ini termasuk penggunaan model penskoran kredit yang lebih meluas untuk penilaian risiko, disokong oleh maklumat kredit daripada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) yang terus berperanan sebagai komponen utama model penskoran kredit. CCRIS juga menyediakan asas yang kukuh untuk menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan agensi pelaporan kredit swasta untuk meningkatkan lagi penyediaan maklumat kredit pengguna yang berkualiti tinggi untuk membantu peminjam dan pemberi pinjaman membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Dengan peningkatan dedahan institusi kewangan kepada isi rumah dan PKS, pengaturan keinstitusian juga telah diwujudkan untuk memberikan tindak balas awal terhadap potensi tekanan dalam segmen ini. Pengaturan ini termasuk penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil oleh Bank untuk memudahkan penyelesaian hutang dan menyediakan khidmat nasihat pengurusan kewangan.

Sejak tahun 2010, Bank juga telah melaksanakan langkah kehematan makro untuk menguruskan risiko akibat keberhutangan isi rumah yang lebih tinggi. Tumpuan utama langkah ini adalah untuk memastikan bank mematuhi amalan pembiayaan bertanggungjawab melalui keperluan untuk bank menjalankan penilaian kemampuan yang sewajarnya dan mematuhi nisbah khidmat hutang yang berhemat dalam proses pemberian pinjaman dan penetapan keputusan mereka. Langkah ini juga diperluas kepada IKBB untuk mengurangkan peluang arbitraj pengawalseliaan memandangkan peranan IKBB yang semakin meningkat dalam pengantaraan keperluan pendanaan isi rumah. Dengan pertumbuhan pinjaman perumahan yang berterusan dan harga harta tanah yang meningkat, langkah-langkah (termasuk langkah fiskal) juga dilaksanakan untuk mengurangkan pembelian spekulatif dalam pasaran harta tanah. Secara kolektif, langkah ini telah mengawal pertambahan risiko dalam sektor isi rumah dan harta tanah.


Satu lagi dimensi risiko dalam pemberian pinjaman isi rumah adalah berkaitan dengan perubahan komposisi aset isi rumah dan potensi kesan perubahan tersebut terhadap penampan kewangan

isi rumah (Rajah 4). Meskipun sebahagian besar (73.8%) aset kewangan isi rumah kekal disimpan dalam bentuk deposit, instrumen mirip deposit dan kumpulan simpanan wang dan pencen, bahagian aset yang dilaburkan dalam kelas aset yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi seperti ekuiti dan amanah saham telah meningkat. Dalam tempoh kebelakangan ini, ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran ekuiti telah mengakibatkan nilai pelaburan ekuiti isi rumah turun sedikit (2015: -0.7%; 2014: -3.6%). Nilai polisi insurans berkaitan pelaburan dan polisi lain yang tidak dijamin, yang sebahagian besarnya dilaburkan dalam ekuiti dan sekuriti hutang, juga terjejas. Meskipun ini mungkin meningkatkan risiko kemerosotan prestasi pinjaman isi rumah, risiko seperti ini sebahagian besarnya diimbangi oleh tahap piawaian pemberian pinjaman yang mantap yang terus dipatuhi oleh bank.

Pasaran kewangan domestik yang lebih maju juga membolehkan Malaysia menghadapi tempoh ketidakpastian ekonomi global dan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa dengan lebih baik. Sejak Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC) pada tahun 2008, episod ketidaktentuan pasaran yang berulang dikekang oleh kehadiran pelabur institusi yang besar dan kukuh, termasuk syarikat insurans, dan kumpulan simpanan wang dan pencen. Kehadiran institusi-institusi ini telah menyokong harga aset dan menyumbang kepada pengekalan mudah tunai dalam pasaran sekuriti hutang dan ekuiti domestik apabila berlakunya penjualan yang berterusan oleh bukan pemastautin. Semasa kemuncak GFC dan tempoh *taper tantrum* pada tahun 2013, spread bida-tawar dan nisbah pusing ganti secara relatif kekal stabil (Rajah 5). Aktiviti pengantaraan berterusan tanpa gangguan, mencerminkan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan berikutan sumber pendanaan dalam negeri yang lebih meluas telah mengurangkan kelemahan terhadap perkembangan luaran.

Rajah 4


Komposisi Aset Kewangan Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 5

Nisbah Pusing Ganti Bulanan dan Spread Bida-Tawar MGS dan FBM KLCI



Nota: Spread bida-tawar purata MGS dan FBM KLCI merupakan % daripada harga penengah

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pada masa ini, risiko kepada kestabilan kewangan akibat daripada peningkatan instrumen berasaskan pasaran dan IKBB dalam pengantaraan kewangan berpunca terutamanya daripada kesalinghubungan yang semakin meningkat antara pelbagai komponen sistem kewangan. Institusi perbankan terdedah kepada risiko melalui pemegangan aset yang sama yang dipegang oleh IKBB utama, seperti kumpulan simpanan wang dan pencen, syarikat insurans dan pelabur bukan pemastautin. Sebarang tekanan pada IKBB tersebut, yang mengakibatkan pelupusan secara meluas aset yang dipegang bersama dengan bank boleh menyebabkan pergerakan harga aset yang ketara dan tidak menentu, lantas memberikan kesan langsung kepada kedudukan kewangan bank. Pada masa ini, risiko ini secara relatif rendah memandangkan pemegangan bank terdiri terutamanya daripada sekuriti hutang bertaraf lebih tinggi dan lebih cair, yang pada amnya lebih berdaya tahan terhadap risiko penentuan semula harga. Pada akhir tahun 2015, pemegangan sekuriti hutang awam dan sekuriti hutang swasta bertaraf 'AA' dan ke atas mencakupi 58% daripada portfolio perbendaharaan bank manakala pelaburan ekuiti kekal kecil pada 1.1% daripada pelaburan perbendaharaan (sila rujuk Bab 1 mengenai 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada tahun 2015').

Berikutan ciri pengantaraan kewangan di Malaysia yang terus berkembang selaras dengan keperluan ekonomi yang kian meningkat dan berubah-ubah, dasar yang fleksibel untuk mengenal pasti dan mengimbangi potensi risiko dan kelemahan adalah amat penting. Di Malaysia, dasar ini disokong oleh rangka kerja undang-undang dan pengawasan yang mantap (Gambar Rajah 1) serta diperkukuh oleh pengaturan kerjasama antara agensi pada peringkat dalam negeri dan serantau yang memudahkan pertukaran maklumat dan penyelarasan dasar yang berkesan, lantas menggalakkan keberkesanan pengurusan risiko kestabilan kewangan.

Gambar Rajah 1

Rangka Kerja Undang-undang dan Pengaturan Kerjasama untuk Memelihara Kestabilan Kewangan

Akta Bank Negara Malaysia 2009

- Menyatakan dengan jelas mandat kestabilan kewangan Bank dan tanggungjawab statutorinya untuk mengawal dan menyelia institusi kewangan, menyediakan pengawasan terhadap pasaran wang dan pasaran pertukaran asing, menjalankan pengawasan terhadap sistem pembayaran, dan membangunkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan merangkumi semua.
- Memberikan Bank pelbagai kuasa dan alat untuk memelihara kestabilan kewangan.

Kuasa pengawasan ex-ante untuk mengenal pasti risiko tepat pada masanya

- Akses kepada maklumat untuk memantau risiko kepada kestabilan kewangan

Kuasa awalan untuk mengelak atau mengurangkan risiko sistemik

- Mengeluarkan langkah kehematan makro
- Memberi arahan untuk mengambil langkah pembetulan bagi mengelak atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan
- Menyediakan bantuan mudah tunai dan sokongan modal

Kuasa untuk memulakan pengaturan, memberi khidmat nasihat dan cadangan kepada pihak berkuasa penyeliaan lain

- Bekerjasama dan menyelaras langkah kestabilan kewangan
- Menggalakkan undang-undang dan dasar yang konsisten dengan kestabilan kewangan

Kuasa ex-post untuk mengurangkan impak ketidakstabilan

- Mengarahkan pindahan wajib (sebahagian atau keseluruhan perniagaan, saham, aset dan liabiliti)
- Menubuhkan institusi penghubung

Dikukuhkan oleh undang-undang pengawalseliaan yang ditadbir oleh Bank

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 & Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Mengawal aktiviti bank-bank, penanggung insurans, pengendali takaful dan pengendali sistem pembayaran, dan urusan kawalan pertukaran

Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Mengawal aktiviti institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan

Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

Mengawal aktiviti perniagaan pertukaran wang, pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Mengawal kesalahan, langkah pencegahan dan kuasa penguatkuasaan dari segi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram

Tumpuan undang-undang:

- Pengawalan berhemat dan penyeliaan
- Amalan perniagaan saksama, bertanggungjawab dan profesional
- Pencegahan jenayah kewangan
- Jaring keselamatan kewangan
- Pasaran kewangan dan sistem pembayaran yang teratur
- Pematuhan Syariah
- Alat pengurusan dan pencegahan krisis

Pengaturan kerjasama dalam negeri dan serantau yang dipertingkat

Kerjasama dengan pengawalselia dalam negeri

- Memorandum Persefahaman (MoU) dengan **Suruhanjaya Sekuriti Malaysia**
- MoU dengan **Suruhanjaya Koperasi Malaysia**
- Perjanjian Perikatan Strategik dengan **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**
- Pengaturan serta perbincangan dan interaksi dua hala yang lain dengan pelbagai kementerian Kerajaan

Kerjasama merentas sempadan

- **Pengaturan cagaran merentas sempadan antara Bank dengan bank pusat lain -** untuk memperkukuh pengurusan mudah tunai merentas sempadan dan menjadikan hubungan kewangan dan ekonomi lebih erat
- **Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai –** untuk menyediakan sokongan kewangan menerusi urus niaga swap mata wang dalam kalangan peserta[1] apabila memerlukan mudah tunai, untuk menangani masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek di rantau
- **Pengaturan penyeliaan setempat - tuan rumah -** untuk membolehkan pertukaran maklumat dan penyelarasan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan
- **Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik -** organisasi kerjasama bank pusat dan pihak berkuasa monetari. Sumbangan meliputi pemantauan makro dan mekanisme pengurusan krisis

[1] Merujuk kepada 10 anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Republik Rakyat China (termasuk Hong Kong SAR), Jepun dan Korea Selatan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rujukan

Allen, M., Rosenberg, C., Keller, C., Setser, B. and Roubini, N. (2002): `A Balance Sheet Approach to Financial Crisis', IMF Working Paper WP/02/210.

Bank for International Settlements (2015): `What Do New Forms of Finance Mean for Emerging Market Central Banks?', BIS Papers No. 83.

Bank Negara Malaysia (2011), `Financial Sector Blueprint 2011–2020'.

Committee on the Global Financial System (2007): `Financial Stability and Local Currency Bond Markets', CGFS Papers No. 28.

International Monetary Fund (2014): `Moving from Liquidity- to Growth-Driven Markets', Global Financial Stability Report, April.

Nier, E. W. (2009): `Financial Stability Frameworks and the Role of Central Banks: Lessons from the Crisis', IMF Working Paper WP/09/70.

Sahay, R. et al (2015), `Rethinking Financial Deepening: Stability and Growth in Emerging Markets', IMF Staff Discussion Note SDN/15/08.

C10

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Menggalakkan Pengantaraan Dana yang Berkesan dan Cekap

69 Menggalakkan Sektor Insurans dan Takaful yang Berdaya Saing dan Inovatif

71 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh

72 *Rencana: Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran*

76 Memajukan Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa

77 Membangunkan Tenaga Mahir Untuk Memacu Pertumbuhan dan Dinamisme Dalam Sektor Kewangan

79 Mengukuhkan Rangkaian Kewangan dan Ekonomi Antarabangsa

81 *Rencana: Merungkaikan Manfaat Bersama Menerusi Rangkuman Kewangan untuk Semua*

Sektor kewangan kekal menjurus ke arah mencapai matlamat yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 untuk menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan ekonomi nilai ditambah tinggi. Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, jumlah pembiayaan terkumpul kepada aktiviti ekonomi terus berkembang pada kadar yang kukuh, dengan usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan untuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan terus menunjukkan hasil. Kemudahan untuk pembiayaan bidang pertumbuhan baharu seperti pembiayaan sektor hijau, pembiayaan perdagangan dan komoditi berstruktur, serta pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga terus menyokong aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Dalam sektor perbankan Islam, perpindahan deposit pelanggan kepada akaun deposit atau akaun pelaburan Islam dijangka meningkatkan peranan kewangan Islam dalam menyokong keusahawanan. Langkah pembaharuan pasaran dalam struktur penentuan harga dan komisen industri insurans dan takaful terus dimajukan secara berperingkat untuk merangsang lebih banyak inovasi, menggalakkan kemampanan dan meningkatkan pilihan dan nilai untuk pengguna.

Inisiatif untuk memastikan tenaga kerja sektor kewangan mempunyai kemahiran yang berkaitan, kecekapan serta asas etika yang kukuh terus menjadi prioriti utama Bank Negara Malaysia (Bank). Langkah ini diteruskan melalui kerjasama erat dengan institusi utama. Pada tahun 2015, beberapa inisiatif strategik dilaksanakan untuk terus meningkatkan tahap piawaian profesionalisme, amalan beretika dan kecekapan teknikal tenaga kerja. Bank juga mengumumkan penubuhan Asia School of Business, hasil kerjasamanya dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management, untuk menyediakan pendidikan eksekutif bertaraf dunia dengan memasukkan perspektif Asia untuk pengamal perniagaan profesional, termasuk mereka dari kalangan sektor kewangan.


Sepanjang tempoh Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, beberapa kemajuan penting dicapai dalam integrasi kewangan serantau, termasuk usaha memuktamadkan dan melancarkan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) bagi menyediakan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang lebih besar kepada Bank ASEAN Bertauliah. Pada masa yang sama, rangka kerja pengiktirafan bersama diwujudkan untuk memudahkan tawaran merentas sempadan bagi produk skim pelaburan kolektif di ASEAN. Inisiatif ini telah menyumbang kepada pembangunan pasaran modal serantau. Bank juga terus memperluas pengaturan bank pusat untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan bagi penyelesaian perdagangan, terkini dengan Bank of Thailand.

MENGGALAKKAN PENGANTARAAN DANA YANG BERKESAN DAN CEKAP

Meskipun berdepan persekitaran luaran yang mencabar, kegiatan pemberian pinjaman terus menyokong ekonomi. Pembiayaan terkumpul sistem perbankan berkembang 7.9% kepada RM1,445.1 bilion (2014: RM1,339.7 bilion), dengan sektor perbankan Islam mencatat pertumbuhan yang nyata lebih tinggi sebanyak 16.4% untuk mencakupi 27% daripada jumlah pembiayaan terkumpul bank kepada ekonomi. Pembiayaan terkumpul isi rumah dan perniagaan masing-masing meningkat 7.7% dan 8%, manakala pembiayaan untuk PKS bertambah 15% kepada RM259.7 bilion (2014: RM225.9 bilion).

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Usaha untuk menggalakkan pembiayaan bidang pertumbuhan baharu terus digiatkan pada tahun 2015, terutamanya dalam pembiayaan perdagangan dan sektor hijau, selaras dengan tumpuan untuk meningkatkan kapasiti sektor kewangan bagi menyokong aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Tawaran solusi bagi pembiayaan perdagangan dan komoditi berstruktur (structured trade and commodity financing, STCF) yang lebih luas oleh institusi kewangan domestik telah menambah akses kepada pembiayaan bagi pengeluar komoditi dan syarikat perdagangan. Ini seterusnya membawa kepada penubuhan kaunter STCF khas di 12 buah bank bagi menyokong urus niaga pembiayaan untuk perdagangan antarabangsa bagi komoditi yang bernilai tinggi. Satu lagi inovasi dalam solusi pembiayaan perdagangan ialah penggunaan Obligasi Pembayaran Bank (Bank Payment Obligation, BPO), iaitu aku janji tak boleh batal oleh bank untuk membayar bank lain apabila pemadanan data elektronik berjaya dibuat. Lima bank domestik telah menggunakan BPO sejak Peraturan Keseragaman untuk BPO diperkenalkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Chambers of Commerce) pada tahun 2013. Semua perkembangan ini akan terus meningkatkan daya saing Malaysia sebagai hab perdagangan di rantau ini.

Dalam usaha menyokong agenda teknologi hijau negara, Kerajaan telah melanjutkan tempoh Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme, GTFS) selama dua tahun sehingga tahun 2017, dengan penyediaan dana sebanyak RM1 bilion. GTFS, yang dilancarkan pada tahun 2010, setakat ini telah memberikan pembiayaan sebanyak RM2.5 bilion kepada 214 institusi yang layak, yang kebanyakannya merupakan syarikat yang menggalakkan penjanaan tenaga yang bersih dan cekap, seperti pengeluar tenaga solar. Pelaksanaan sistem tarif *feed-in* oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (Sustainable Energy Development Authority Malaysia) yang menggalakkan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui, dijangka terus meningkatkan kadar penggunaan pembiayaan daripada GTFS dan menyumbang kepada peningkatan mampan dalam pelaburan sektor tenaga hijau.

Pada tahun 2015, sektor perbankan Islam berjaya menyempurnakan pelaksanaan di seluruh industri untuk memindahkan akaun deposit Islam pelanggan mereka ke dalam akaun deposit atau pelaburan Islam menurut keperluan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA). Menerusi inisiatif yang dijalankan selama dua tahun ini, bergantung pada kesanggupan pelanggan mengambil risiko, mereka boleh memilih untuk mengubah deposit kepada akaun pelaburan yang menawarkan kadar pulangan berbeza tetapi tanpa jaminan atas prinsipal. Apabila tempoh dua tahun ini tamat pada bulan Jun 2015, sebanyak RM32 bilion atau 8% daripada jumlah deposit sistem perbankan Islam telah dikelaskan kepada akaun pelaburan. Ini diikuti oleh pelancaran Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform, IAP) oleh pihak industri pada bulan Februari 2016 untuk melengkapkan pelaksanaan akaun pelaburan. IAP merupakan platform pelaburan bersepadu berbilang bank yang membolehkan pelanggan runcit dan korporat meninjau, melabur dan memantau dengan cekap pelbagai rangkaian usaha niaga berlandaskan prinsip Syariah yang dinilai oleh bank-bank Islam yang berlainan. IAP turut memperluas peluang pembiayaan kepada usahawan yang mempunyai projek berdaya maju untuk menjangkau jumlah pelabur yang lebih banyak, di samping meningkatkan kecekapan kos dan operasi bank-bank peserta dengan membolehkan mereka memanfaatkan platform dan perkhidmatan perkongsian.

Platform pelaburan berbilang bank yang dilancarkan pada bulan Februari 2016 memperluas peluang pelanggan untuk melabur dalam pelbagai rangkaian usaha niaga berlandaskan Syariah

Bagi mencapai matlamat meningkatkan sumbangan sektor PKS kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kepada 42% menjelang tahun 2020 (2015: 35.9%), salah satu pendorong utama ialah peningkatan akses kepada pembiayaan untuk PKS. Berbagai-bagai program diperkenalkan untuk meningkatkan penawaran dan kepelbagaian pendanaan untuk PKS. Program tersebut terus memanfaatkan peranan penting dan penyertaan bank dalam pertumbuhan dan pembangunan PKS. Di bawah peruntukan Bajet 2016, dana tambahan

Penyediaan Perkhidmatan Kiriman Wang oleh Bukan Bank kepada PKS

Di bawah rejim pengawalseliaan Bank sedia ada, penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank dibenarkan menawarkan perkhidmatan kiriman wang sebagai sebahagian daripada penyediaan penyelesaian kiriman wang yang lengkap kepada pasaran. PKS, terutamanya, dijangka mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini memandangkan bahagian aktiviti perdagangan merentas sempadan yang melibatkan PKS semakin meningkat. Pada tahun 2015, jumlah kiriman wang meningkat 122.1% kepada RM722.1 juta (2014: RM325 juta), mencerminkan terutamanya permintaan daripada PKS. Dengan akses yang lebih baik dan waktu operasi yang lebih panjang, perkhidmatan kiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kiriman wang memberi PKS alternatif yang mudah dan cekap, selain menerusi bank, untuk pembayaran merentas sempadan yang tidak melebihi RM50 juta.

sebanyak RM1 bilion yang boleh digunakan sehingga 31 Disember 2017 telah disediakan oleh Kerajaan untuk Skim Pembiayaan Berlandaskan Syariah PKS (Shariah-compliant SME Financing Scheme, SSFS). Skim ini menyediakan subsidi kadar keuntungan sebanyak 2% bagi kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh bank-bank Islam. Lebih daripada 879 PKS telah mengambil peluang daripada SSFS sejak diperkenalkan pada tahun 2012.

Dana tambahan sebanyak RM1 bilion diperuntukkan Kerajaan untuk Skim Pembiayaan Berlandaskan Syariah PKS

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) terus menyokong ekosistem yang inklusif bagi pembiayaan PKS. Dalam usaha memenuhi keperluan pembiayaan khas usahawan wanita, CGC memperkenalkan BizWanita-I, skim berlandaskan Syariah berjumlah RM30 juta yang membolehkan pemilik perniagaan wanita yang layak untuk membuat pinjaman tanpa cagaran sehingga RM300,000 untuk tempoh maksimum tujuh tahun. Skim BizWanita-I melengkapkan skim BizMula-I, yang menyediakan pembiayaan untuk syarikat permulaan yang beroperasi kurang daripada tiga tahun sebagai usaha menyokong keperluan perniagaan dan usahawan PKS yang berbeza.

Melangkah ke hadapan, pendorong utama pertumbuhan masa depan sektor kewangan akan terhasil dengan memanfaatkan peranan teknologi kewangan untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan nilai tambah dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna


Kemajuan dalam teknologi kewangan telah membawa kepada pengenalan model dan teknologi perniagaan baharu, seperti platform untuk mendapatkan dana daripada orang ramai menerusi Internet (crowdfunding), penasihat *robo* serta mata wang digital dan inovasi pembayaran yang semakin menggantikan bentuk pengantaraan kewangan yang lebih tradisional. Meskipun perkembangan ini mungkin memberikan cabaran kepada model perniagaan sedia ada, namun ia juga boleh meningkatkan potensi pertumbuhan. Bank mempunyai matlamat untuk menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif kepada institusi kewangan untuk berinovasi dan memberikan respons pantas kepada perubahan teknologi yang mungkin mengganggu operasi institusi kewangan, dalam parameter risiko yang bersesuaian bagi melindungi keselamatan dan kekukuhan sistem kewangan.

MENGGALAKKAN SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL YANG BERDAYA SAING DAN INOVATIF

Pada tahun 2015, jumlah aset industri insurans dan takaful meningkat 5.6% kepada RM264 bilion. Dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga, pertambahan caruman takaful amat ketara hingga mencakupi hampir 18% daripada premium dan caruman baharu. Insurans dan takaful menyediakan saluran penting kepada orang ramai untuk menabung dan melabur, selain menawarkan satu bentuk pelindungan risiko jika berlaku kematian, hilang upaya dan persaraan. Dalam hal ini, Malaysia masih jauh lagi daripada sasaran kadar penembusannya sebanyak 75%, yang diukur mengikut peratusan penduduk yang dilindungi polisi insurans hayat dan takaful keluarga. Pada tahun 2015, kadar penembusan turun sedikit kepada 54.9% (2014: 55.5%).

Rajah 2.2

Insurans dan Takaful: Premium dan Caruman Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi sektor insurans dan takaful am, nisbah tuntutan gabungan meningkat sedikit kepada 60.2% (2014: 58.4%), mencerminkan keadaan perniagaan yang lebih mencabar, terutamanya dalam bidang perniagaan marin, penerbangan dan pengangkutan.

Selepas beberapa tahun merancang dan mengadakan perbincangan yang intensif, pelbagai komponen pembaharuan dalam seluruh sektor insurans dan takaful telah dimuktamadkan. Kertas Kerja Pemberitahuan Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Life Insurance and Family Takaful Framework, LIFE Framework) (Rangka Kerja LIFE), yang dikeluarkan pada bulan November 2015, menggariskan strategi serampang tiga mata yang memberikan fleksibiliti operasi yang lebih besar dalam mereka bentuk struktur insentif untuk penjualan produk insurans hayat dan takaful keluarga, menggalakkan pembentukan saluran pengagihan alternatif, serta mengukuhkan pengaturan bagi memastikan perkhidmatan dan nasihat yang berkualiti tinggi daripada pengantara. Pendekatan pelaksanaan secara berperingkat, dari tahun 2016 hingga tahun 2019, akan membolehkan perubahan yang diperlukan dicerminkan dalam amalan penanggung insurans dan pengendali takaful serta diperkenalkan kepada pengguna, yang berperanan penting dalam usaha menggalakkan disiplin pasaran yang lebih baik dalam industri pada masa hadapan.

Salah satu inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada peringkat permulaan ialah pengenalan kad skor seimbang (balanced scorecard, BSC) supaya struktur ganjaran semasa untuk pengantara dapat lebih dijajarkan dengan pemberian perkhidmatan dan nasihat yang berkualiti. Matlamat BSC adalah untuk menggalakkan pengantara supaya:

(i) memastikan nasihat yang diberikan adalah sesuai dengan keperluan kewangan pengguna;
(ii) memberikan perkhidmatan yang efektif sepanjang tempoh kuat kuasa sijil polisi hayat/ takaful keluarga; dan
(iii) meneruskan pembangunan profesional dengan memberi tumpuan sepenuhnya pada amalan beretika dan profesional semasa penjualan dan pemasaran produk insurans hayat/takaful keluarga.

Rangka Kerja LIFE menggariskan strategi serampang tiga mata yang membolehkan fleksibiliti operasi yang lebih besar, menggalakkan saluran pengagihan yang pelbagai dan mengukuhkan amalan pasaran pengantara

Sehubungan dengan ini, penunjuk prestasi utama (KPI) yang tidak berkaitan dengan jualan akan diambil kira semasa menentukan ganjaran pengantara. KPI tersebut termasuklah penunjuk berkaitan dengan pengisian borang pencarian fakta pelanggan yang lengkap dan jumlah aduan pengguna. Pelaksanaan rintis BSC akan bermula pada tahun 2016 sebelum pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2018. Bersama-sama komponen lain dalam Rangka Kerja LIFE tersebut, pembaharuan ini dijangka mempunyai kesan yang penting dalam meningkatkan kadar penembusan insurans di Malaysia.

Pembaharuan selari dalam sektor insurans dan takaful am turut dilaksanakan dengan pengeluaran dokumen dasar Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran Berfasa (Dokumen Dasar) pada tahun 2016. Pembaharuan ini merupakan susulan semakan terhadap tarif sejak tahun 1992, dan dibangunkan berdasarkan langkah yang diambil

sebelum ini untuk mempersiapkan industri dan orang ramai menghadapi persaingan harga yang lebih ketara dalam satu-satunya segmen pasaran yang harganya masih dikawal. Langkah ini juga merintis jalan bagi penentuan harga polisi insurans motor dan kebakaran yang lebih mencerminkan risiko. Maklumat lanjut Dokumen Dasar terdapat dalam rencana ``Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran´´.


Pembaharuan dalam sektor insurans dan takaful am akan menyebabkan penentuan harga polisi insurans motor dan kebakaran lebih mencerminkan risiko

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Sepanjang tahun lepas, pasaran kewangan Malaysia terus menyokong aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan untuk tujuan produktif dalam ekonomi. Mencerminkan keadaan pasaran yang lebih lembap pada tahun 2015, jumlah sekuriti hutang terkumpul meningkat dengan lebih perlahan pada 5.2% (2014: 8.2%) kepada RM1,175.1 bilion, dengan sukuk mencakupi bahagian lebih besar daripada jumlah terkumpul, sebanyak 54.8% atau

Rajah 2.3


Sekuriti Hutang dan Sukuk Terkumpul (Awam dan Swasta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4

Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



Sumber: Asian Bonds Online

RM644.4 bilion (2014: 52.2%). Terbitan baharu adalah lebih sederhana, dengan jumlah sebanyak RM276 bilion diperoleh pada tahun 2015 (2014: RM495 bilion). Dalam pasaran pertukaran asing, jumlah dagangan harian purata juga lebih rendah pada USD10.2 bilion (2014: USD11.8 bilion).

Pasaran sekuriti hutang Malaysia yang merupakan 101.6% daripada KDNK, kekal sebagai salah sebuah pasaran terbesar di Asia Tenggara. Peminjam dan pelabur terus yakin terhadap daya tahan pasaran ini, lantas membuat terbitan dalam pelbagai mata wang yang terus menambah kedalaman pasaran ini. Terbitan oleh Cagamas Berhad pada tahun 2015 berjumlah lebih daripada RM7 bilion, melepasi sasaran terbitan sebanyak RM6 bilion. Terbitan utama yang lain termasuk terbitan pertama bon dan sukuk dalam denominasi dolar Singapura berjumlah SGD362.8 juta, susulan terbitan penting ``Tiger Emas Bond´´ bernilai RMB1.5 bilion pada tahun lalu. Selain itu, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang menerbitkan bon dolar korporat terbesar di Asia bagi tahun 2015, berjaya memperoleh sebanyak USD5 bilion dalam empat *tranche*, dengan nisbah bida kepada lindungan yang kukuh sebanyak 2.5 kali.

Dalam usaha untuk terus menggalakkan pembangunan pasaran wang, Bank mengkaji semula Dokumen Dasar Urus Niaga Perjanjian Belian Semula (Repo) (Dokumen Dasar Repo) untuk membolehkan institusi kewangan menggunakan sekuriti mata wang asing yang layak sebagai cagaran untuk mendapatkan pendanaan mata wang asing di bawah urus niaga Repo. Usaha ini dijangka meningkatkan jumlah

Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran

Bank Negara Malaysia (Bank) akan meliberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran secara beransur-ansur dengan permulaan fasa pertama pada tahun 2016. Dalam persekitaran baharu ini, industri insurans dan takaful akan mempunyai fleksibiliti untuk menawarkan produk motor dan kebakaran yang mempunyai ciri baharu atau skop perlindungan yang dibezakan, pada harga yang berasaskan pasaran. Fleksibiliti ini dijangka memacu inovasi produk manakala penggunaan penentuan harga berdasarkan risiko akan menggalakkan amalan pengurusan risiko yang baik dalam kalangan pengguna. Persaingan sihat yang terhasil akan turut memberikan manfaat kepada pengguna yang akan mendapat akses kepada pelbagai jenis produk motor dan kebakaran, di samping kualiti perkhidmatan yang lebih baik yang disediakan oleh pengantara profesional. Untuk memudahkan peralihan secara teratur bagi pemilik risiko dan industri kepada persekitaran operasi yang baharu ini, Bank telah menggariskan hala tuju liberalisasi. Hala tuju ini menetapkan fasa-fasa apabila keperluan tarif sedia ada yang berkaitan dengan ciri produk, had perlindungan dan harga produk akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Hala tuju ini juga penting bagi pelaksanaan keperluan kehematan dan amalan pasaran yang diperkukuh, yang perlu bagi memastikan penanggung insurans dan pengendali takaful terus beroperasi dengan cara yang selamat dan teguh serta melayan pengguna dengan adil. Rencana ini menghuraikan tentang pelaksanaan hala tuju dan objektif khusus di sebalik pendekatan liberalisasi secara berperingkat ini.

Liberalisasi Secara Berperingkat untuk Menyokong Peralihan yang Teratur

Hala tuju liberalisasi ini memperuntukkan pemansuhan keperluan tarif secara berperingkat (Gambar Rajah 1). Pendekatan ini penting bagi membolehkan industri dan pengguna membuat penyesuaian secara beransur-ansur memandangkan produk motor dan kebakaran diperlukan secara meluas oleh pemilik kenderaan dan harta benda, sama ada dikehendaki oleh undang-undang atau untuk melindungi aset di bawah pembiayaan. Motor dan kebakaran juga merupakan dua kelas perniagaan terbesar untuk penanggung insurans am dan pengendali takaful am, yang mencakupi kira-kira 65% daripada purata jumlah premium (termasuk caruman dalam konteks takaful) industri sejak lima tahun lalu.

Pada tahun pertama pelaksanaan, industri akan dibenarkan untuk menawarkan produk baharu atau tambahan kepada skop perlindungan produk yang sedia ada di bawah tarif. Harga produk baharu dan perlindungan tambahan ini akan ditentukan oleh pasaran. Ini akan memberikan peserta industri peluang awal untuk membangunkan dan memperhalusi strategi produk dan penentuan harga serta meningkatkan keupayaan pengedaran dan operasi. Kepelbagaian produk motor dan kebakaran yang dijangka ditawarkan oleh industri juga dapat memberi pilihan tambahan kepada pengguna untuk membeli perlindungan insurans atau takaful yang menepati keperluan mereka secara individu.

Pada tahun kedua pelaksanaan, kadar premium untuk produk Motor Komprehensif dan Motor Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian (Motor Third Party Fire and Theft, TPFT) akan ditentukan oleh pasaran. Kadar premium semasa barisan produk ini yang dinilai agak hampir dengan tahap teknikal (berdasarkan pengalaman kerugian purata) dapat mengurangkan risiko pelarasan mendadak yang mungkin memberikan kesan tidak seimbang kepada pengguna. Seiring dengan perubahan ini ialah keperluan perlindungan pengguna yang bertambah baik bagi memastikan tadbir urus yang sewajarnya terhadap reka bentuk produk dan penentuan harga serta layanan yang adil kepada pengguna. Penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki menambah baik prosedur dan keupayaan dalaman yang sedia ada bagi membolehkan penilaian risiko dibuat dengan wajar dan penentuan harga dibuat dengan sesuai dan secara konsisten. Tahap penzahiran juga akan ditingkatkan, khususnya dari segi komponen premium dan skop perlindungan, untuk memudahkan perbandingan dan membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Kadar premium produk Motor Pihak Ketiga akan terus dikawal selia dengan pelarasan yang beransur-ansur untuk lebih menggambarkan kerugian yang dialami daripada produk ini. Pada masa ini, beberapa kadar premium yang diterima pakai masih ketara berada di bawah tahap teknikal yang tidak akan berterusan untuk jangka panjang. Berdasarkan kaji selidik terkini, jumlah premium yang dikutip setiap tahun untuk

produk Motor Pihak Ketiga dianggarkan kira-kira RM520 juta, manakala tuntutan dan perbelanjaan yang ditanggung telah meningkat kepada hampir RM680 juta. Ini bermakna bagi setiap ringgit yang diterima untuk premium produk Motor Pihak Ketiga, penanggung insurans dan pengendali takaful membayar purata RM1.30 untuk tuntutan dan kos yang berkaitan, dengan beberapa kelas kenderaan melibatkan jumlah sehingga RM2.90. Memandangkan jurang penentuan harga berbanding dengan risiko adalah agak besar, penyahkawalseliaan kadar premium yang dibuat secara serta-merta mungkin mengakibatkan kenaikan premium yang mendadak dan seterusnya menjejaskan banyak pengguna. Oleh itu, pendekatan yang lebih berhati-hati adalah perlu bagi memberikan masa kepada inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mengurangkan jurang penentuan harga memberikan kesan, termasuk inisiatif untuk mengawal inflasi kos tuntutan serta menangani ketirisan dan penipuan. Inisiatif ini akan dilengkapi usaha untuk memupuk tabiat pemanduan yang bertanggungjawab dan melaksanakan langkah keselamatan jalan raya. Pendekatan secara berfasa ini juga akan memudahkan pengumpulan data yang berkualiti lebih tinggi pada tahap yang lebih terperinci oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menentukan harga berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Gambar Rajah 1

Liberalisasi Kelas Motor dan Kebakaran Secara Berperingkat



Nota:
* Penerangan yang lebih terperinci mengenai jenis insurans motor boleh didapati dalam Panduan Tuntutan Motor di laman sesawang InsuranceInfo, http://www.insuranceinfo.com.my/landing_pages/accident_info/download/guide.pdf.
** Merujuk kepada jenis produk/perlindungan baharu yang tidak ditakrifkan di bawah Tarif Motor dan Tarif Kebakaran atau apa-apa variasi atau lanjutan kepada produk/perlindungan yang ditakrifkan di bawah Tarif Motor dan Tarif Kebakaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia


Liberalisasi kadar premium motor akan diiringi oleh pengurangan kadar premium kebakaran untuk kelas risiko tertentu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengimbang semula penentuan harga keseluruhan antara kelas perniagaan ini. Dengan peredaran masa, apabila pengumpulan risiko menjadi lebih terperinci, kadar premium untuk dua kelas ini dijangka lebih konsisten dengan profil risiko yang wujud. Kemajuan liberalisasi akan dikaji semula pada tahun 2019, dan penilaian akan dibuat mengenai kesan langkah-langkah ini terhadap pengguna serta industri.

Matlamat dan Hasil yang Dikehendaki daripada Liberalisasi

Matlamat utama inisiatif liberalisasi adalah untuk mengukuhkan insentif bagi meningkatkan kecekapan dan pengurusan risiko yang mantap dalam sektor insurans dan takaful am. Fleksibiliti yang lebih tinggi untuk industri menentukan harga produk motor dan kebakaran akan menggalakkan persaingan, dan seterusnya memacu penambahbaikan dalam pengurusan pengunderaitan dan tuntutan bagi memberikan perkhidmatan dan nilai terbaik kepada pengguna. Selain daripada keperluan untuk penanggung insurans dan pengendali takaful meningkatkan keupayaan dan kompetensi teknikal, adalah dijangkakan usaha kerjasama yang lebih meluas merentas industri dan dalam kalangan penyedia perkhidmatan juga akan dipercepat bagi menyelaras amalan sedia ada dan meminimumkan ketirisan dan kelewatan dalam penyelesaian tuntutan. Usaha ini termasuk penubuhan Sistem Perisikan Penipuan (Fraud Intelligence System) oleh industri untuk menangani penipuan insurans, meningkatkan kemahiran pengantara untuk menaikkan lagi tahap profesionalisme dan meningkatkan standard industri pembaikan kenderaan bagi memudahkan pemprosesan tuntutan yang lebih cekap.

Gambar Rajah 2

Hasil yang Dikehendaki dalam Persekitaran Operasi Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dengan peredaran masa, kadar premium akan ditentukan dengan adil dan menjadi lebih selaras dengan risiko yang wujud, dan dengan itu membolehkan pemilik kenderaan dan harta benda yang mempunyai profil risiko yang lebih rendah dikenakan kadar premium yang lebih rendah. Mereka yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi juga akan digalakkan dengan sewajarnya untuk mengambil langkah mengurangkan dedahan risiko atau menambah baik profil risiko masing-masing. Hasil daripada perubahan tingkah laku terhadap risiko ini juga boleh mengurangkan kejadian kemalangan dan kecurian secara keseluruhan. Oleh itu, inflasi kos tuntutan dan kadar premium akan menjadi sederhana, dan memastikan industri lebih mampan dalam jangka panjang.

Satu lagi matlamat penting liberalisasi adalah untuk menggalakkan peningkatan inovasi produk yang responsif kepada keperluan dan keutamaan pemilik kenderaan dan harta benda yang berbeza. Ini akan merangkumi penggunaan teknologi baharu dalam pembangunan produk yang membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful memberi insentif supaya pengguna menerima pakai amalan yang lebih selamat, di samping memberikan tawaran nilai yang lebih baik kepada pengguna yang bertanggungjawab. Pengguna juga sewajarnya boleh mengakses produk motor dan kebakaran melalui saluran edaran pilihan masing-masing, termasuk saluran yang lebih cekap dari segi kos seperti Internet. Selain mempunyai pilihan produk yang lebih luas, pengguna juga akan mendapat manfaat tambahan daripada keupayaan untuk mempelbagaikan had perlindungan atau membeli perlindungan tambahan pilihan. Ini bagi membolehkan skop dan tahap perlindungan, serta kadar premium disesuaikan supaya berpadanan dengan profil risiko individu. Walau bagaimanapun, semasa tempoh peralihan, produk sedia ada akan terus ditawarkan bagi memberikan masa kepada pengguna untuk menilai semula dan membuat penyesuaian kepada keputusan pembelian mereka. Untuk memudahkan pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang cukup, penzahiran untuk ciri produk, had perlindungan dan kadar premium akan ditingkatkan. Pengantara juga dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar untuk menerangkan ciri-ciri dan pilihan produk baharu serta membantu pengguna mengoptimumkan pembelian perlindungan masing-masing.

Industri berada pada kedudukan yang baik untuk beralih dengan lancar ke arah rejim yang lebih berasaskan pasaran. Usaha pengawalan dan penyeliaan yang dilaksanakan oleh Bank selama ini telah mengukuhkan daya tahan industri dengan ketara dan memupuk tadbir urus, pengurusan risiko dan amalan pasaran yang lebih baik. Khususnya, keperluan kehematan yang berkaitan dengan modal berasaskan risiko dan pengurusan risiko yang mantap dijangka mengekalkan insentif untuk amalan penentuan harga yang berterusan dan memastikan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh dari segi kewangan dalam persekitaran yang semakin kompetitif.

Fleksibiliti yang lebih tinggi dalam reka bentuk produk dan penentuan harga yang masing-masing sepadan dengan kesanggupan mengambil risiko dan modal penanggung insurans dan pengendali takaful juga akan menggalakkan penentuan harga risiko yang lebih saksama. Berserta dengan penjimatan kos hasil daripada inisiatif lain yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan kendalian, liberalisasi ini akan menyumbang ke arah memastikan kemampanan industri untuk jangka panjang.

urus niaga bercagar, yang seterusnya meningkatkan mudah tunai pasaran. Langkah juga diambil untuk menyeragamkan amalan pasaran Repo selaras dengan Perjanjian Utama Belian Semula Global (Global Master Repurchase Agreement), iaitu perjanjian urus niaga Repo yang diakui pada peringkat antarabangsa. Kajian semula terhadap Dokumen Dasar Repo, yang menghendaki sekurang-kurangnya satu pihak dalam urus niaga Repo merupakan bank berlesen atau bank pelaburan berlesen, berperanan memastikan perlindungan pengurusan risiko yang sewajarnya adalah terpakai bagi semua urus niaga Repo.

Usaha terus dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan renminbi sebagai mata wang penyelesaian. Satu perkembangan penting pada tahun 2015 ialah kemasukan Malaysia ke dalam program Pelabur Institusi Asing yang Layak Renminbi (Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor, RQFII) oleh Republik Rakyat China (RR China) pada bulan November 2015, dengan agregat kuota pelaburan negara sebanyak RMB50 bilion. Program RQFII dilancarkan oleh RR China pada bulan Disember 2011 bertujuan menyediakan saluran alternatif kepada pelabur asing untuk melabur semula dana renminbi luar pesisir mereka di pasaran kewangan RR China. Sejak program tersebut diperkenalkan, kuota RQFII telah diberikan kepada 16 negara dengan jumlah kuota sebanyak RMB1.2 trilion. Malaysia merupakan negara ke-14 yang dimasukkan ke dalam program tersebut.

Kemasukan Malaysia ke dalam program Pelabur Institusi Asing yang Layak Renminbi menggalakkan penggunaan renminbi sebagai mata wang penyelesaian

Program RQFII dijangka menggalakkan pembangunan lebih banyak produk kewangan dalam denominasi renminbi berikutan permintaan yang semakin bertambah terhadap peluang pelaburan di RR China. Bagi memudahkan pelaksanaan RQFII di Malaysia, Bank bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Kawal Selia Sekuriti China (China Securities Regulatory Commision) untuk merumuskan peraturan dan prosedur am bagi proses permohonan kuota RQFII oleh institusi Malaysia yang layak.

MEMAJUKAN MALAYSIA SEBAGAI PASARAN KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Malaysia terus memperkukuh reputasinya sebagai pasaran kewangan Islam antarabangsa. Jumlah aset mata wang asing bank-bank Islam meningkat 10.1% pada tahun 2015 kepada RM30.5 bilion (2014: RM27.7 bilion), mencerminkan peningkatan urus niaga kewangan Islam merentas sempadan. Berikutan kejayaan Agrobank menjadi bank Islam sepenuhnya, bilangan bank Islam yang beroperasi di Malaysia adalah sebanyak 27, termasuk 11 bank yang kini beroperasi sebagai jendela Islam.

Dalam pasaran sukuk, Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi utama untuk terbitan sukuk, dengan bahagian yang agak besar, sebanyak 53% atau USD34.8 bilion bagi terbitan sukuk baharu global pada tahun 2015. Antara perkembangan utama pada tahun itu ialah terbitan dua sukuk ``Emas´´ oleh Kerajaan dan PETRONAS, menjadikan jumlah sukuk ``Emas´´ yang diterbitkan sejak tahun 2009 kepada 22. Daripada kesemua sukuk ini, terbitan sukuk 30 tahun yang pertama berjumlah USD500 juta oleh Kerajaan pada bulan April 2015 merupakan yang paling penting, kerana merupakan sukuk berdaulat dengan tempoh pemegangan paling lama setakat ini dan berfungsi sebagai keluk kadar hasil tanda aras Islam jangka panjang untuk negara lain. Sukuk berdaulat itu menetapkan paras harga untuk sekuriti Islam dengan kadar hasil sebanyak 4.2% pada masa terbitan, dengan harganya lebih tinggi daripada bon konvensional syarikat yang lebih baik penarafannya seperti PETRONAS. Sukuk itu juga adalah yang pertama menerima pakai struktur yang menggunakan aset penjana pendapatan bukan fizikal dalam bentuk hak untuk turut serta dalam penyediaan perkhidmatan.

Tahun 2015 juga menyaksikan pelancaran sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab (sustainable and responsible investment) yang pertama di Malaysia pada bulan Mei 2015 oleh Khazanah Nasional Berhad.


Sukuk RM100 juta itu merupakan terbitan pertama di bawah program RM1 bilion yang akan disalurkan untuk tujuan tanggungjawab sosial dan tanggungjawab dari segi etika (socially and ethically responsible), termasuk membiayai projek pendidikan. Selain itu, Bank juga berjaya menyempurnakan terbitan rintis Nota Kewangan Islam tiga bulan berjumlah RM50 juta, yang berasaskan konsep perkongsian untung *Mudarabah* yang diterima pada peringkat global. Terbitan ini dijangka menambah jumlah pelabur dan menjadikan pasaran kewangan Islam Malaysia lebih mendalam dan teguh.

Terbitan sukuk USD500 juta 30 tahun pada tahun 2015 merupakan pencapaian penting kerana ia merupakan sukuk berdaulat dengan tempoh pemegangan paling lama yang pernah diterbitkan setakat ini dan bertindak sebagai penanda aras bagi negara lain

Bank kekal aktif dalam menggalakkan pembangunan kewangan Islam yang mampan pada peringkat global, dengan memanfaatkan pengalamannya yang luas. Pada bulan April 2015, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan kumpulan ekonomi G-20 menganjurkan secara bersama seminar kewangan Islam bersempena dengan Mesyuarat Musim Bunga tahunan IMF dan

Rajah 2.5

Aset, Pembiayaan dan Deposit Mata Wang Asing bagi Bank-bank Islam*




*Termasuk Bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6

Jumlah Sukuk Terkumpul Global 2015



Sumber: Zawya

Bank Dunia. Ini merupakan kali pertama kewangan Islam diketengahkan dalam sesuatu acara pada peringkat ini. Bank menyokong acara ini sebagai sumber pakar yang membantu menggalakkan pengiktirafan kewangan Islam sebagai satu bentuk pembiayaan berdaya maju untuk pelaburan infrastruktur selain memperkukuh kepentingannya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Selain itu, kewangan Islam juga lebih diterima dalam kalangan negara anggota ASEAN dengan penerimaan resolusi oleh Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN pada tahun 2015 untuk menggalakkan sumber dana yang pelbagai, termasuk kewangan Islam, bagi merangsang perdagangan antara rantau dan dalam rantau.

MEMBANGUNKAN TENAGA MAHIR UNTUK MEMACU PERTUMBUHAN DAN DINAMISME DALAM SEKTOR KEWANGAN

Bank terus memberikan prioriti utama bagi memastikan tenaga kerja sektor kewangan mempunyai kemahiran yang berkaitan serta kecekapan dan asas etika yang kukuh. Langkah ini diteruskan melalui kerjasama rapat dengan institusi dan badan penting yang ditubuhkan dan disokong oleh Bank.

Sejak penubuhannya pada bulan Julai 2014, Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Majlis) membuat persediaan asas bagi mengukuhkan pembangunan tenaga mahir untuk industri

kewangan. Pandangan dan perspektif yang diperoleh daripada perbincangan dan perundingan meluas dengan pihak berkepentingan utama telah menyediakan banyak input untuk perumusan strategi Majlis bagi memenuhi permintaan tenaga mahir oleh industri pada masa akan datang. Majlis kini sedang pada peringkat akhirnya untuk merumuskan saranan dan dijangka menerbitkan saranannya pada tahun 2016. Saranan tersebut dijangka melengkapkan usaha organisasi tenaga mahir sedia ada dalam industri, dengan tujuan mengukuhkan keseluruhan ekosistem pembangunan tenaga kerja mahir untuk melahirkan barisan tenaga mahir yang berkualiti tinggi dan mampan untuk sektor kewangan.

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board, FSPB), merupakan inisiatif yang diterajui industri untuk memacu pembangunan dan sokongan tahap piawaian profesional dan etika. FSPB telah menerbitkan kod etika (Code of Ethics, CoE) sukarela untuk industri pada bulan Januari 2016. Dengan mengambil kira perspektif pengamal terkemuka dan pakar yang berpengaruh, CoE menggariskan lima prinsip asas dengan tumpuan pada kecekapan, integriti, keadilan, kerahsiaan dan objektiviti. Penerapan CoE ini akan menetapkan tahap profesionalisme dan etika yang tinggi untuk industri perkhidmatan kewangan. Usaha ke arah meningkatkan tahap profesional dalam industri juga sedang diambil, seperti yang diterangkan dalam Gambar Rajah 2.1.

Kod etika yang diterbitkan secara sukarela oleh Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan menetapkan tahap profesionalisme dan etika yang tinggi untuk industri kewangan

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) terus memainkan peranan penting dalam pendidikan

Gambar Rajah 2.1

Meningkatkan Piawaian Profesional dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Melalui Transformasi Strategik Persatuan Profesional dengan Mandat Berimpak Tinggi

Dahulu dikenali sebagai	Transformasi strategik kepada	Peranan dan fungsi semasa
Institut Bank-bank Malaysia (Institute of Bankers Malaysia)	Asian Institute of Chartered Bankers, AICB Asian Banking School, ABS	**AICB, badan profesional untuk industri perbankan yang menerajui usaha pembangunan profesional, kelayakan dan kepimpinan berwibawa dengan kerjasama ABS, penyedia industri yang khusus dalam pendidikan perbankan profesional** • Memperkenalkan peringkat akhir Program Jurubank Bertauliah pada bulan Februari 2016, berikutan kejayaan pengenalan dua peringkat pertama, Jurubank Eksekutif (2013) dan Jurubank Profesional (2015) • Menawarkan program pensijilan khusus, (contohnya, pematuhan pengawalseliaan dan pengurusan risiko) bagi memenuhi permintaan industri
Association of Chartered Islamic Finance Professionals	Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, CIIF	**Menggalakkan piawaian profesionalisme global dalam kalangan pengamal kewangan Islam** • Mengeluarkan piawaian pertama tentang kelayakan Profesional Bertauliah dan institusi kewangan latihan bertauliah, bersempena dengan pelancaran CIIF pada November 2015
Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam Malaysia (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance)	Association of Certified Shariah Advisors, ACSA	**Badan profesional terkemuka yang komited untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan status pengamal Syariah** • Membangunkan program untuk memperakui penasihat Syariah dalam industri perkhidmatan kewangan • Membangunkan program peningkatan tahap profesional secara berterusan untuk ahlinya

untuk golongan profesional kewangan Islam dengan menyediakan tenaga mahir teras untuk institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Bilangan pelajar yang mendaftar telah bertambah lebih tiga kali kepada 2,212 pelajar yang mewakili 79 kerakyatan sejak pengambilan 600 pelajar pertama dari 21 buah negara pada tahun 2006. Jumlah siswazah juga meningkat, dengan 248 pelajar menerima ijazah pada tahun 2015. Dengan pelancaran Dana Endowmen INCEIF pada bulan November 2015, sektor swasta kini boleh menyumbang kepada aspirasi INCEIF, terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan program yang ditawarkan. INCEIF juga sedang merumuskan rangka tindakan sepuluh tahun yang akan menggariskan prioriti strategiknya bagi memastikan ia terus responsif terhadap keperluan pembangunan tenaga mahir yang kian berubah dalam industri kewangan Islam.

Pelancaran Dana Endowmen INCEIF pada bulan November 2015 membolehkan sektor swasta menyumbang kepada aspirasi INCEIF, terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan program yang ditawarkan

Satu lagi perkembangan penting pada tahun 2015 ialah penubuhan Asia School of Business (ASB) pada bulan April. ASB yang akan berpangkalan di Kuala Lumpur, merupakan hasil perkongsian strategik antara Bank dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management sebagai menyokong usaha yang lebih luas untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia, bagi melahirkan pemimpin yang berwawasan dan berprinsip, yang boleh menyumbang kepada kemajuan negara sedang pesat membangun, terutamanya Asia.

MENGUKUHKAN RANGKAIAN KEWANGAN DAN EKONOMI ANTARABANGSA

Usaha meningkatkan integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih besar di rantau ini terus digiatkan semasa Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Pada tahun itu juga, Komuniti ASEAN (ASEAN Community) berjaya ditubuhkan, lantas merintis jalan kepada kewujudan pasaran tunggal seperti yang dicadangkan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC). Sistem kewangan yang dibangunkan dengan cukup baik dengan kesalinghubungan rantau yang kukuh yang membantu aktiviti ekonomi, merupakan prasyarat penting untuk mencapai matlamat AEC.

Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF) yang dilancarkan pada bulan Mac 2015 merupakan pencapaian penting ke arah mencapai integrasi kewangan serantau yang lebih kukuh. Melalui ABIF, Bank ASEAN Bertauliah akan mendapat akses pasaran dan mempunyai fleksibiliti operasi yang lebih besar, berdasarkan komitmen yang dipersetujui bersama antara negara asal dengan negara tuan rumah di rantau ini. Bagi menyokong penyertaan anggota ASEAN yang baharu dalam ABIF, Bank menyumbang dalam pembentukan hala tuju berkaitan bina upaya ABIF, yang matlamatnya adalah untuk menyediakan pendekatan yang kohesif dan terselaras bagi inisiatif bina upaya di rantau ini. Ia telah dibangunkan dengan kerjasama South East Asian Central Banks, Asian Development Bank dan negara anggota ASEAN yang lain.

Memorandum Persefahaman dengan Bank of Thailand bertindak sebagai skim rintis dalam penggunaan mata wang ASEAN untuk penyelesaian perdagangan

Melangkah ke hadapan, Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN juga meluluskan rangka kerja umum untuk melanjutkan Integrasi Kewangan ASEAN melangkaui tahun 2015. Rangka kerja ini menetapkan rancangan sepuluh tahun berdasarkan tiga tonggak, iaitu integrasi kewangan, kestabilan kewangan dan rangkuman kewangan. Ini akan membantu pelbagai jawatankuasa kerja ASEAN untuk menetapkan prioriti mereka dalam meneruskan peluang integrasi selanjutnya, termasuk dalam bidang liberalisasi sektor kewangan, pembangunan pasaran modal serta sistem pembayaran dan penyelesaian.

Di bawah rangka kerja pengiktirafan bersama yang dibangunkan oleh Forum Pasaran Modal ASEAN untuk membantu tawaran produk skim pelaburan kolektif (collective investment scheme, CIS) merentas sempadan ASEAN, Bank memberikan beberapa fleksibiliti dalam pentadbiran pertukaran asing. Hal ini dapat mewujudkan peluang yang lebih besar kepada pengurus dana yang dibenarkan di bawah rangka kerja ASEAN CIS untuk menerbitkan dana saham berdenominasi ringgit di luar Malaysia dan melabur dana ASEAN CIS yang diperoleh di Malaysia ke luar negeri tanpa perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Rangka kerja ASEAN CIS dijangka dapat menggalakkan pembangunan pelbagai produk pelaburan yang ditawarkan untuk memanfaatkan dan menyalurkan dana lebihan di rantau ini untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan serantau.

Sebagai sebahagian daripada usaha yang sedang dijalankan untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan dan pelaburan, Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Bank of Thailand pada bulan Ogos 2015 untuk menggalakkan penggunaan ringgit dan baht Thailand dalam aktiviti penyelesaian perdagangan. Kerjasama ini menjadi skim rintis dalam penggunaan mata wang ASEAN untuk penyelesaian perdagangan, yang dijangka mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan mengurangkan dedahan terhadap ketidaktentuan pertukaran asing. Bank juga memperbaharui pengaturan swap mata wang bilateralnya dengan RR China buat kali ketiga sejak dimulakan pada tahun 2009. Pengaturan bertempoh tiga tahun itu dikekalkan pada RMB180 bilion atau bersamaan dengan RM90 bilion dan akan terus mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan sedia ada antara Malaysia dengan RR China.

Merungkaikan Manfaat Bersama Menerusi Rangkuman Kewangan untuk Semua

Usaha menggalakkan rangkuman kewangan, supaya semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan formal yang sesuai dan berpatutan, merupakan tumpuan utama dan mandat khusus Bank dalam menyumbang ke arah pertumbuhan yang saksama dan mampan. Perkhidmatan kewangan asas menyediakan peluang untuk rakyat Malaysia, termasuk golongan masyarakat berpendapatan rendah, untuk menyimpan dan melabur dengan selamat, meminjam untuk aktiviti produktif dan melindungi diri daripada kejutan yang tidak dijangka. Bagi mencapai mandat rangkuman kewangan, Bank memperkenalkan Rangka Kerja Rangkuman Kewangan pada tahun 2011, iaitu pelan komprehensif yang menggariskan strategi untuk sistem rangkuman kewangan sepanjang dekad seterusnya. Selepas itu, Indeks Rangkuman Kewangan dibentuk untuk mengukur kemajuan dan kesan dasar rangkuman kewangan Bank. Rencana ini melaporkan kemajuan rangkuman kewangan di Malaysia sejak tahun 2011 apabila Kaji Selidik Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang pertama dijalankan.

Gambar Rajah 1

Rangka Kerja Rangkuman Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pencapaian Penting dalam Rangkuman Kewangan

Skor Indeks Rangkuman Kewangan untuk penduduk di Malaysia meningkat dengan ketara kepada 0.90 pada tahun 2015 daripada 0.77 pada tahun 2011 (1.00 mencerminkan rangkuman penuh). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertambahan akses kepada pusat akses kewangan di seluruh negara, penggunaan produk dengan lebih bertanggungjawab dan tahap kepuasan yang lebih tinggi dalam kalangan pengguna perkhidmatan kewangan. Sementara itu, masih terdapat jurang dalam penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.


Perbankan Ejen sebagai Pemangkin Rangkuman

Perbankan ejen membolehkan pengguna mendapatkan perkhidmatan perbankan daripada institusi kewangan berlesen menerusi ejen pihak ketiga seperti kedai runcit dan pejabat pos. Pertama kali diperkenalkan pada tahun 2012, rangka kerja pengawalseliaan perbankan ejen dipertingkat lagi pada bulan April 2015 untuk membenarkan ejen membantu dalam proses pembukaan akaun simpanan[1] bagi pihak institusi kewangan menerusi sistem masa nyata dalam talian dan penentusahan identiti biometrik.


Pada akhir tahun 2015, sebanyak 6,902 ejen bank telah dilantik di seluruh negara, dengan lebih daripada 13,600 akaun baharu dibuka dan 63 juta transaksi berjumlah RM5.7 bilion diuruskan oleh ejen bank. Kebanyakan transaksi ini melibatkan pembayaran bil (59.2%; RM3.4 bilion) dan deposit tunai (28.1%; RM1.6 bilion).

Rajah 1

Jumlah Ejen Bank Meningkat



Disokong Terutamanya oleh Ejen Runcit



[1] Contoh seperti kedai runcit, kedai telekomunikasi
[2] Contoh seperti stesen minyak, persatuan petani, pusat transformasi luar bandar mini

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Tambahan kepada perkhidmatan yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Perbankan Ejen (2012) iaitu menerima deposit, memudahkan pengeluaran, pemindahan dana, pembayaran bil dan pembayaran balik pembiayaan.

(i) Tahap Boleh Akses yang Mudah

Tahap boleh akses yang mudah, yang mengukur ketersediaan pusat akses kewangan pada peringkat daerah dan mukim, telah mencatat peningkatan ketara. Kesemua 144 daerah dan 97% (2011: 46%) daripada 886 mukim yang mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 2,000 orang kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan asas. Peningkatan pusat akses kewangan di seluruh negara menyediakan akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan yang selamat, diyakini dan berpatutan kepada 99% (2011: 82%) rakyat Malaysia.

Pencapaian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kewujudan ejen bank, yang memberikan kesan penting dalam usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, khususnya di kawasan luar bandar. Berikutan operasi ejen bank, jumlah transaksi kewangan yang dijalankan meningkat daripada tiga juta transaksi pada akhir tahun 2012 kepada 63 juta pada akhir tahun 2015 (bernilai RM5.7 bilion).

Satu lagi perkembangan penting yang semakin ketara sejak tahun 2011 ialah peningkatan perbankan Internet dan perbankan mudah alih. Pada akhir tahun 2015, jumlah pelanggan perbankan Internet meningkat kepada 19.8 juta (2011: 11.9 juta) mewakili 63.7% daripada jumlah penduduk, manakala jumlah pelanggan perbankan mudah alih meningkat kepada 7.3 juta (2011: 1.6 juta) mewakili 23.5% daripada jumlah penduduk. Saluran digital ini telah memberikan kesan penting dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan, dengan memberikan lebih kemudahan dan fleksibiliti kepada pengguna untuk memantau kewangan peribadi mereka.

Indeks Rangkuman Kewangan

Indeks Rangkuman Kewangan mengukur paras rangkuman kewangan di Malaysia dan keberkesanannya untuk mencapai empat matlamat yang dihasratkan daripada rangkuman kewangan: (i) tahap boleh akses yang mudah; (ii) kadar penerimaan yang tinggi; (iii) penggunaan yang bertanggungjawab; dan (iv) tahap perkhidmatan kewangan yang sangat memuaskan.

Indeks Rangkuman Kewangan dibentuk daripada data dari segi penawaran daripada institusi kewangan dan data dari segi permintaan yang dikumpul menerusi Kaji Selidik Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan, yang dibuat secara berkala oleh Bank.

Pusat Akses Kewangan di Malaysia

Pusat akses kewangan untuk setiap 10,000 orang dewasa
- 4.5 cawangan dan ejen bank
- 5.1 Mesin Juruwang Automatik (ATM)
- 2.3 Mesin Deposit Tunai (CDM)

(ii) Kadar Penerimaan Produk dan Perkhidmatan Kewangan

Kadar penerimaan, yang merupakan penggunaan produk kewangan khusus dalam kalangan penduduk, iaitu akaun deposit, akaun pembiayaan dan polisi insurans, mencatat sedikit penurunan. Meskipun peratusan pelanggan dewasa yang mempunyai akaun deposit kekal tinggi pada 91%, peratus pelanggan dewasa yang mempunyai akaun pembiayaan (termasuk kad kredit) menurun daripada 36% kepada 25%. Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh tumpuan yang lebih terhadap pengurusan hutang yang lebih baik dan kemampuan membayar balik hutang berikutan pengenalan langkah seperti cukai perkhidmatan kad kredit, Garis Panduan Kad Kredit dan Garis Panduan Mengenai Pembiayaan yang Bertanggungjawab. Peratusan pengguna dewasa yang dikaji selidik menunjukkan bahawa jumlah pembeli polisi insurans hayat atau takaful menjadi sederhana daripada 18% kepada 16%. Maklumat ini menunjukkan bahawa meskipun rangkuman kewangan telah meningkat dengan ketara sejak tahun 2011, namun demikian beberapa jurang masih wujud, khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan yang kurang berkemampuan.

Mengambil kira jurang dan peluang yang wujud, Bank telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang menyasarkan golongan ini. Antaranya termasuk menggalakkan institusi kewangan untuk menawarkan produk simpanan

Gambar Rajah 2

Penyelesaian Pembiayaan Mikro Sasaran

Inisiatif Pembiayaan Mikro	Tujuan
Inisiatif oleh Institusi Kewangan:	
Skim Pembiayaan Mikro	Meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk perusahaan mikro
Rangka Kerja Pembiayaan Mikro yang Fleksibel	Membantu perusahaan mikro yang mempunyai aliran pendapatan tidak menentu atau bermusim
Dilengkapi oleh skim yang ditawarkan oleh Institusi Pembiayaan Mikro:	
Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) [1]	Menyediakan pembiayaan mikro terutamanya kepada kaum wanita untuk aktiviti menjana pendapatan
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) [2]	Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan untuk memulakan perniagaan dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka

[1] AIM ditubuhkan pada tahun 1987 dengan matlamat untuk membantu golongan miskin tegar keluar dari kancah kemiskinan. Ini dilaksanakan melalui penyediaan pembiayaan mikro menerusi lebih daripada 130 cawangan di seluruh negara.
[2] TEKUN Nasional ditubuhkan pada tahun 1998. Sejak itu, penjenamaan semula telah dibuat pada tahun 2008. TEKUN telah memainkan peranan bukan sahaja sebagai penyedia kewangan tetapi turut memberikan perkhidmatan pembangunan dan sokongan kepada usahawan. Setakat ini, TEKUN mempunyai lebih daripada 190 cawangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia & Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

Gambar Rajah 3

Skim Pembiayaan Mikro

1. Ciri-ciri

- **Mudah** – tiada cagaran, dokumentasi minimum, prosedur mudah
- **Cepat** – masa pusingan kira-kira 10 hari
- **Mudah** – boleh diakses menerusi lebih daripada 2,000 pusat akses
- **Jumlah pembiayaan** – sehingga RM50,000 untuk tujuan perniagaan

2. Dana Perusahaan Mikro (MEF)

- Dana pusingan sebanyak RM200 juta
- Kadar pendanaan konsesi kepada Institusi Kewangan Peserta untuk pemberian pinjaman seterusnya kepada perusahaan mikro yang berdaya maju

3. Institusi Kewangan Peserta

BSN, AGRO BANK, ALLIANCE BANK, BANKRAKYAT, UOB, Maybank, Bank Muamalat, PUBLIC BANK, CIMB ISLAMIC, AmBank

4. Pencapaian

- Sejak dimulakan pada tahun 2006 sehingga akhir tahun 2015, pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM3.1 bilion kepada lebih daripada 185,000 akaun
- Pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM912.5 juta (pertumbuhan tahunan sebanyak 5.7%) kepada lebih daripada 66,000 akaun

Sumber: Bank Negara Malaysia

mikro dengan komitmen simpanan berkala yang rendah bagi menggalakkan dan memudahkan simpanan berkala dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah dan menyokong penyediaan penyelesaian pembiayaan mikro khusus untuk perusahaan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Syarikat insurans dan pengendali takaful pula menawarkan produk insurans mikro/takaful mikro yang mampu dibayar untuk memberikan perlindungan kewangan kepada pengguna daripada kejadian buruk yang tidak dijangka.

Penyediaan perkhidmatan kewangan juga disokong oleh ekosistem pembiayaan komprehensif yang terdiri daripada: (i) infrastruktur kewangan yang sesuai; (ii) skim pembiayaan dan jaminan; (iii) saluran untuk mendapatkan maklumat dan penyelesaian; (iv) penyelesaian hutang dan pengaturan pengurusan; dan (v) program jangkauan dan kesedaran. Pengaturan ini penting untuk meningkatkan keyakinan dan mengurangkan kebimbangan dalam penggunaan perkhidmatan kewangan, selain menyokong individu dan perniagaan untuk memahami bagaimana sistem kewangan boleh membantu mereka menguruskan risiko untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.

Gambar Rajah 4

Ekosistem Pembiayaan PKS



Pembiayaan PKS di Malaysia

- Kadar kelulusan pembiayaan PKS melebihi 80%.
- 96% atau RM274.5 bilion adalah daripada institusi kewangan.
- Meningkat sebanyak14% sepanjang tiga tahun yang lalu.
- Bahagian pembiayaan bagi syarikat bersaiz kecil (41%), perusahaan mikro (31%) dan PKS bersaiz sederhana (28%).
- 44% daripada kelulusan diberi kepada pelanggan baharu*.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan *Kaji Selidik Suku Ketiga Tahun 2015 SME Corporation Malaysia

Institusi kewangan pembangunan (IKP) juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada penggunaan perkhidmatan kewangan yang lebih tinggi berdasarkan peranan khusus mereka dalam memenuhi objektif sosioekonomi. Ini termasuk menyokong pembangunan PKS, sektor pertanian dan koperasi menerusi penyediaan perkhidmatan kewangan yang inklusif. Bank mengawasi enam IKP yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 yang bertujuan meningkatkan keupayaan mereka untuk memainkan peranan dengan berkesan dan secara berterusan.

(iii) Penggunaan yang Bertanggungjawab


Penggunaan yang bertanggungjawab, yang mengukur sama ada produk kewangan digunakan sewajarnya, kekal tinggi. Peratusan pelanggan perbankan yang mempunyai akaun deposit aktif, yang menunjukkan mereka membuat simpanan secara berkala, telah meningkat kepada 92% daripada 87% pada tahun 2011. Peratusan pelanggan perbankan dengan akaun pembiayaan berbayar pula meningkat kepada 98% daripada 97% pada tempoh yang sama.

Gambar Rajah 5

Inisiatif Rangkuman Kewangan

Dimensi	Inisiatif (2011-2015)	Melangkah ke Hadapan

1 Tahap Boleh Akses yang Mudah



Mukim yang mempunyai sekurang-kurangnya 2,000 penduduk dengan sekurang-kurangnya satu pusat akses

Penduduk yang tinggal di mukim dengan sekurang-kurangnya satu pusat akses



Perbankan Ejen


Perbankan mudah alih & Internet

Dasar pembukaan cawangan

- Meningkatkan bilangan pusat akses di kawasan yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan
- Menggalakkan pembukaan akaun menerusi perbankan ejen

2 Kadar Penerimaan

% penduduk dewasa yang mempunyai produk kewangan



Produk Kewangan

Simpanan asas

Pembiayaan Mikro

Skim pembiayaan langsung CGC

Infrastruktur Sokongan

CREDIT BUREAU MALAYSIA


CGC

CCRIS

Pengawalan yang sewajarnya (DFIA)

- Simpanan mikro & insurans/takaful mikro untuk isi rumah berpendapatan rendah
- Produk simpanan untuk golongan muda
- Mempercepat peralihan kepada e-pembayaran
- Produk pembiayaan untuk golongan muda, wanita & orang kurang upaya
- ASEAN PKS & Kumpulan Kerja Rangkuman Kewangan
- Pembayaran daripada Kerajaan kepada individu (Government-to-person, G2P)
- Buku Panduan Pembiayaan untuk PKS
- Memantapkan rangka kerja pengawalseliaan pembiayaan mikro

3 Penggunaan yang Bertanggungjawab



Pelanggan yang mempunyai akaun deposit aktif

Pelanggan yang mempunyai akaun pembiayaan berbayar

Peraturan

- Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab
- Garis Panduan Kad Kredit

Khidmat Nasihat, Pendidikan dan Bantuan Penyelesaian

AKPK POWER!

Mempromosikan PKS


Small Debt Resolution Scheme

FMB

- Program Melatih Jurulatih mengenai Pembiayaan PKS
- Program celik kewangan untuk peserta 1AZAM[i] dan segmen sasaran (isi rumah berpendapatan rendah, orang kurang upaya, murid sekolah)
- Meningkatkan mekanisme penstrukturan semula & penjadualan semula pembiayaan PKS

[i] 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) – program pembasmian kemiskinan oleh Kerajaan

4 Tahap Kepuasan



Pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kewangan secara keseluruhan

Pengguna dan Amalan Pasaran

- Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk
- Garis Panduan Pengenaan Fi dan Caj ke atas Produk dan Perkhidmatan Kewangan
- ABM-PARTNER mengenai piagam pelanggan dan dokumentasi yang standard

- Menambah baik perkhidmatan khidmat nasihat oleh IKP
- Pendigitalan penyampaian produk dan perkhidmatan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Inisiatif pendidikan kewangan telah memainkan peranan utama untuk menggalakkan penggunaan yang bertanggungjawab dengan membantu pengguna membuat keputusan kewangan yang lebih baik, seterusnya menghasilkan pengalaman positif melalui penyertaan mereka dalam sistem kewangan. Bank terus bekerjasama dengan sektor awam dan swasta untuk menganjurkan dan melaksanakan program keupayaan kewangan, manakala agensi seperti Biro Pengantaraan Kewangan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil berperanan untuk memastikan pengguna kewangan boleh mendapatkan bantuan yang diperlukan untuk menguruskan kewangan mereka dengan berkesan.


(iv) Tahap Perkhidmatan Kewangan yang Memuaskan

Indeks ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tahap kepuasan terhadap perkhidmatan kewangan di Malaysia. Peratusan pelanggan institusi kewangan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kewangan meningkat secara keseluruhan, kepada 73% (2011: 61%), dengan tahap kepuasan yang lebih tinggi bagi semua segmen penduduk, termasuk isi rumah berpendapatan rendah yang turut mencatat peningkatan kepuasan kepada 67% (2011: 60%). Peningkatan ini sebahagiannya mencerminkan peningkatan amalan dan perkhidmatan institusi kewangan hasil daripada pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pengalaman yang positif untuk semua pelanggan kewangan. Yang utama ialah standard yang telah diperkukuh dengan ketara oleh Bank untuk mengawal selia ketelusan dan penzahiran produk, dan pengenaan fi dan caj oleh bank-bank. Inisiatif utama sektor swasta seperti program PARTNER oleh industri perbankan yang memudahkan perihal dokumentasi dan menyingkatkan masa memproses pembiayaan PKS dan pinjaman perumahan turut memainkan peranan penting. Inisiatif yang sama untuk menggunakan bahasa yang mudah dalam perjanjian insurans juga telah dilaksanakan oleh industri insurans.

Gambar Rajah 6

Siapakah 8% Penduduk Dewasa yang Tidak Mempunyai Akses kepada Perkhidmatan Kewangan?

Jurang rangkuman kewangan merentas demografi, dengan kaum wanita, golongan muda dan golongan berpendapatan rendah yang paling kurang mendapat manfaat



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan Tahap Rangkuman Kewangan

Bank terus komited untuk meluaskan tahap rangkuman kewangan. Ini akan disokong oleh tumpuan yang berterusan untuk menggalakkan pembangunan sistem penyampaian yang inovatif, produk yang responsif kepada keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, serta pendidikan, sokongan dan perlindungan yang berkesan untuk pengguna kewangan. Berdasarkan tumpuan ini, Bank menjangkakan baki 8% yang merupakan penduduk Malaysia yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan akan menurun kepada 5% menjelang tahun 2020.

BAB 5

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

91 Memperkukuhkan Rangka Kerja Kehematan

98 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

101 Aktiviti Penguatkuasaan

103 *Rencana: Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti*

Bank Negara Malaysia (Bank) terus memperkukuh tunggak rangka kerja kehematan yang mantap pada tahun 2015. Aktiviti pengawalan dan penyeliaan dilaksanakan dengan berpandukan fokus domestik untuk memastikan tadbir urus yang utuh dan pengambilan risiko yang wajar oleh institusi kewangan dalam persekitaran risiko yang semakin meningkat. Ini termasuk ujian tekanan yang lebih giat oleh Bank dan institusi kewangan. Selain itu, keutamaan dasar Bank mengambil kira kemajuan yang dicapai dalam pembaharuan pengawalseliaan pada peringkat global.

Pada 31 Januari 2016, pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) dikuatkuasakan untuk terus memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan pembangunan (IKP). Pindaan ini bertujuan memberikan sokongan yang lebih baik terhadap mandat khusus IKP secara berterusan di samping mencerminkan peranan IKP yang lebih besar dalam menyokong pembangunan sosioekonomi dan pertumbuhan yang inklusif di negara ini.

Usaha untuk mengukuhkan perlindungan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) terus menjadi prioriti utama Bank. Pada bulan September 2015, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) menerbitkan laporan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) berkaitan dengan rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) Malaysia. Laporan ini mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang mempunyai pengaturan undang-undang dan pengawalseliaan yang telah dibangunkan dengan baik, selain penyelarasan antara agensi yang kukuh dalam penyeliaan ML/TF. Dengan mengambil beberapa saranan daripada Laporan ME, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) telah merumuskan Pelan Strategik AML/CFT Kebangsaan (National AML/CFT Strategic Plan, NSP) lima tahun untuk menggalakkan dan memelihara integriti jangka panjang sistem kewangan Malaysia selain menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah di negara ini. Berdasarkan komitmen Malaysia berhubung dengan pelan tindakannya serta kemajuan berterusan yang dicapai dalam usaha penambahbaikan program AML/CFT, Malaysia diberikan keahlian penuh FATF pada bulan Februari 2016.

Pada peringkat antarabangsa, Bank menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (Multilateral Memorandum of Understanding, MMoU) Persatuan Antarabangsa Penyelia Insurans (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) pada bulan Mei 2015. MMoU ini menyediakan rangka kerja global bagi kerjasama penyeliaan dan pertukaran maklumat untuk menyokong usaha penyeliaan yang berkesan terhadap penanggung insurans yang beroperasi dalam pelbagai negara. Setakat 31 Disember 2015, MMoU ini telah ditandatangani oleh 54 pihak berkuasa penyeliaan lain yang secara kolektif mencakupi lebih 65% daripada premium insurans global.

MEMPERKUKUH RANGKA KERJA KEHEMATAN

Piawaian mudah tunai bagi institusi perbankan
Pada bulan Mac 2015, Bank mengeluarkan piawaian muktamad Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) bagi institusi perbankan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan pakej pembaharuan Basel III di Malaysia. Peraturan ini, yang menghendaki institusi perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk menghadapi kejutan mudah tunai jangka pendek yang ketara untuk tempoh 30 hari, berkuat kuasa pada 1 Jun 2015. Seperti yang dijangka, peralihan institusi perbankan kepada keperluan mudah tunai baharu ini berjalan lancar dengan semua institusi perbankan memenuhi keperluan minimum 60%. Pada 31 Disember 2015, LCR purata sektor perbankan adalah pada 127%, dengan 39 daripada 54 buah institusi perbankan melaporkan paras LCR yang telah pun melebihi keperluan 100%, yang akan hanya mula berkuat

kuasa pada tahun 2019 di bawah pengaturan peralihan. Sejak bulan Ogos 2015, Bank mula menyiarkan kedudukan LCR agregat sistem perbankan bagi melengkapi nisbah pinjaman kepada deposit sebagai penunjuk risiko mudah tunai yang lebih reflektif.

Peralihan institusi perbankan kepada keperluan mudah tunai baharu berjalan lancar dengan semua institusi perbankan memenuhi keperluan minimum 60%

Bank terus memantau kedudukan institusi perbankan dengan peraturan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, Basel Committee). NSFR memperlengkap LCR dengan mengurangkan risiko pendanaan institusi perbankan untuk tempoh jangka panjang. Untuk mencapai matlamat ini, institusi perbankan dikehendaki membiayai aktiviti mereka dengan sumber pendanaan yang cukup stabil. Pada tahun 2015, Bank mengemas kini templat pelaporan NSFR untuk merangkumi peraturan muktamad NSFR Basel Committee yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2014. Perubahan tersebut mengambil kira faktor yang dikemas kini untuk mengukur pendanaan stabil yang tersedia (available stable funding) dan pendanaan stabil yang diperlukan (required stable funding) selain pelaporan derivatif dan dedahan jangka pendek yang lebih terperinci. Berikutan olahan terhadap deposit runcit dan pinjaman berbayar yang lebih baik, perubahan tersebut dijangka boleh meningkatkan pematuhan institusi perbankan negara kepada NSFR.

Data yang dikumpulkan semasa tempoh pemerhatian akan dijadikan input untuk menerangkan pendekatan Bank dalam pelaksanaan NSFR di negara ini. Bank dijangka berbincang dengan pihak industri mengenai cadangan peraturan bagi institusi perbankan pada separuh kedua tahun 2016. Seperti piawaian global yang lain, Bank akan menangani isu yang berbangkit daripada penggunaan peraturan dalam konteks sistem kewangan domestik.

Tadbir urus korporat

Sejak beberapa tahun yang lalu, institusi kewangan di Malaysia menunjukkan penambahbaikan berterusan dalam tadbir urus korporat. Khususnya, institusi kewangan yang lebih besar telah menunjukkan kemajuan dalam usaha meningkatkan kepakaran kolektif lembaga pengarah dan pengurusan kanan bagi menghadapi persekitaran pengawalseliaan dan operasi yang lebih kompleks. Bank telah mengkaji semula piawaian tadbir urus korporatnya untuk institusi kewangan agar mencerminkan perkembangan ini, selain perkembangan dalam piawaian global. Piawaian tadbir urus korporat yang disemak turut mengambil kira perubahan terhadap peraturan sedia ada untuk meliputi amalan institusi kewangan yang lebih pelbagai dalam sistem kewangan. Piawaian yang disemak ini akan dikeluarkan untuk perbincangan pihak industri pada suku pertama 2016.

Antara perubahan penting yang dicadangkan ialah: (i) menghendaki lembaga pengarah institusi kewangan terdiri daripada majoritinya ahli lembaga pengarah bebas; (ii) menetapkan keperluan yang lebih tinggi bagi lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menerapkan budaya korporat yang menggalakkan tingkah laku beretika, berhemat dan profesional; dan (iii) meningkatkan keperluan struktur pampasan untuk memastikan

Komponen Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR)

Pengukuran NSFR adalah seperti formula berikut:

$$\text{NSFR} = \frac{\textit{Available Stable Funding}\ (\text{ASF})}{\textit{Required Stable Funding}\ (\text{RSF})} \geq 100\%$$

Faktor ASF diberikan wajaran berdasarkan kestabilan pelbagai sumber pendanaan manakala faktor RSF mencerminkan amaun pendanaan stabil yang diperlukan untuk aset dan dedahan lain institusi perbankan.

insentif pekerja dijajarkan dengan pengambilan risiko berhemat. Kumpulan kewangan juga dikehendaki menjalankan pengawasan yang lebih berkesan terhadap seluruh kumpulan bagi risiko yang timbul daripada aktiviti dalam kumpulan dan merentas negara mengikut tempat kumpulan itu beroperasi. Bank selanjutnya mencadangkan supaya mengurangkan pertindihan perwakilan dalam lembaga pengarah di semua institusi berlesen dalam sesebuah kumpulan kewangan (interlocking board representations). Ini bagi mengelakkan konflik kepentingan yang mungkin timbul antara kumpulan dan entiti tertentu.

Perubahan penting dalam piawaian tadbir urus korporat yang disemak merangkumi keperluan yang dipertingkatkan terhadap struktur pampasan bagi menjajarkan insentif dengan pengambilan risiko berhemat

Bank menyedari bahawa usaha untuk mendapatkan ahli lembaga pengarah yang berkualiti tinggi adalah mencabar bagi rata-rata institusi kewangan. Oleh yang demikian, Bank mencadangkan pelaksanaan penetapan keperluan yang lebih kukuh bagi komposisi lembaga pengarah dibuat secara berperingkat, dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Pada masa yang sama, usaha untuk mewujudkan Daftar Pengarah sedang dijalankan oleh Forum Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education Programme, FIDE). Forum FIDE menyasarkan untuk mengeluarkan Daftar Pengarah pada bulan April 2016, bersama-sama dengan proses memasukkan nama individu yang berkelayakan ke dalam Daftar tersebut secara berterusan. Ini bagi memenuhi permintaan institusi kewangan yang semakin bertambah untuk pengarah baharu.

Pengurusan risiko kredit dalam institusi perbankan

Dalam keadaan perniagaan yang nyata lebih mencabar pada tahun 2015, institusi perbankan terus mengukuhkan pemantauan terhadap risiko kredit dan pendekatan pengukuran untuk mengenal pasti dan mengurus secara aktif kemungkinan kerugian yang berpunca daripada peminjam yang lebih terdedah kepada tekanan kewangan. Dengan dedahan lebih besar institusi perbankan terhadap syarikat besar yang saling berkait merentas sektor ekonomi, dan bertambahnya bahagian pinjaman dalam mata wang asing, Bank juga telah meningkatkan pengawasannya terhadap amalan industri supaya memasukkan risiko penumpuan, risiko negara dan risiko pindahan.

Sejajar dengan perkembangan ini, Bank membuat kajian semula yang menyeluruh terhadap rangka kerja pengawalseliaan sedia ada bagi pengurusan risiko kredit untuk memastikan piawaian kehematan kekal relevan. Fokus utama kajian semula ini adalah untuk meningkatkan kecanggihan kaedah pengukuran risiko kredit yang digunakan di seluruh industri. Bank mencadangkan supaya keperluan rangka kerja penarafan kredit diperkukuh, termasuk menghendaki semua institusi perbankan untuk membentuk, menguji dan melaksanakan model anggaran kerugian yang mencakupi anggaran dalaman bagi kebarangkalian mungkir, kerugian akibat mungkir dan dedahan semasa kemungkiran. Cadangan ini juga akan memperjelas peranan lembaga pengarah dalam proses membuat keputusan berkaitan kredit bagi mencerminkan tanggungjawab utama lembaga pengarah adalah untuk meluluskan strategi pengurusan risiko kredit (termasuk tahap kesanggupan mengambil risiko) dan dasar kredit yang utama, dan bukan hanya pinjaman secara individu. Bank dijangka mengeluarkan piawaian yang disemak untuk perbincangan oleh pihak industri pada separuh pertama tahun 2016.

Insurans dan takaful

Dengan pelaksanaan piawaian yang disemak bagi peranan aktuari dilantik berkuat kuasa pada 1 Januari 2015, Bank menyiapkan semakannya terhadap empat piawaian berkaitan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful pada tahun 2015 (Jadual 3.1). Secara keseluruhan, perubahan ini menyokong peranan yang utama dan bebas bagi aktuari dilantik dalam usaha menggalakkan pengurusan risiko insurans/takaful dan risiko kewangan yang mantap. Perubahan ini turut menuntut ahli lembaga pengarah memainkan peranan yang lebih

aktif apabila mengawasi urusan kewangan penanggung insurans/pengendali takaful.

Kebebasan aktuari dilantik merupakan elemen penting dalam usaha menggalakkan pengurusan risiko yang mantap

Kewangan Islam

Pada tahun 2015, bank-bank Islam selesai memindahkan akaun pelanggan sedia ada mereka kepada akaun deposit atau akaun pelaburan Islam, seperti ditetapkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA). Sebagai memenuhi keperluan IFSA, bank-bank Islam boleh memindahkan semua akaun pelanggan sedia ada kepada produk deposit yang mematuhi IFSA atau memberikan pilihan kepada pelanggan untuk menyimpan wang mereka dalam akaun deposit atau akaun pelaburan yang mematuhi IFSA. Pada akhir tahun 2015, lapan buah bank Islam memilih untuk menawarkan pilihan akaun deposit atau akaun pelaburan Islam kepada pelanggan mereka. Bank-bank Islam ini terus mengukuhkan pengaturan tadbir urus dan pengurusan risiko bagi akaun pelaburan Islam, termasuk pengaturan yang memastikan dana diasingkan dan diuruskan dengan sewajarnya mengikut mandat akaun pelaburan. Bank-bank Islam yang lain pula telah memindahkan semua akaun pelanggan mereka yang sedia ada kepada produk deposit yang mematuhi IFSA, dengan amaun prinsipalnya terus dijamin dan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Bank juga mencapai lebih banyak kemajuan dalam pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif, yang mengambil kira aspek parameter Syariah dan keperluan operasi. Majlis Penasihat Syariah Bank meluluskan parameter Syariah untuk lima kontrak lagi lantas menjadikan jumlah parameter Syariah yang diluluskan sebanyak 13. Pada tahun 2015, piawaian operasi bagi empat kontrak lain telah dimuktamadkan manakala piawaian bagi lima kontrak baharu telah dikeluarkan untuk perbincangan. Ikhtisar piawaian berasaskan kontrak Syariah yang dibangunkan dan dikeluarkan setakat ini ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Bagi memperlengkap Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT), Bank menggariskan cadangan bagi pelaksanaan

Jadual 3.1

Piawaian yang Disemak bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful

Piawaian	Semakan utama
Pengenalan Produk Baharu oleh Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful	• Memperjelas tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif bagi memastikan produk baharu yang ditawarkan adalah selaras dengan keupayaan institusi menanggung risiko dan kepentingan pelanggan
Pengurusan Perniagaan Hayat Sertaan	• Memperkukuh tanggungjawab aktuari dilantik untuk menyarankan agihan lebihan berdasarkan kajian sokongan bonus tahunan • Meningkatkan akauntabiliti Ketua Pegawai Eksekutif dan lembaga pengarah berhubung dengan prinsip layanan adil kepada pelanggan
Laporan Keadaan Kewangan (Financial Condition Report, FCR)	• Penjajaran FCR yang lebih hampir dengan kitaran pelan perniagaan penanggung insurans yang dibuat oleh aktuari dilantik termasuk penetapan strategi, sejajar dengan tujuan penggunaannya sebagai alat pengurusan modal dan risiko oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan
Ujian Tekanan	• Prinsip dan panduan yang lebih luas terhadap pelaksanaan ujian tekanan yang bertujuan menerangkan penilaian aktuari dilantik dalam FCR. Ini perlu meliputi: - ujian tekanan pelbagai tempoh berpandangan jauh (untuk tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang); - senario yang ditetapkan Bank selain senario yang dibangunkan secara dalaman

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 3.2

Ikhtisar Piawaian Berasaskan Kontrak Syariah

	Parameter Syariah	Keperluan operasi
Murabahah	✓	✓
Musyarakah	✓	✓
Mudarabah	✓	✓
Tawarruq	✓	✓
Istisna`	✓	✓
Qard	✓	✓*
Hibah	✓	✓*
Wakalah	✓	✓*
Wadi`ah	✓	✓*
Kafalah	✓	✓*
Ijarah	✓	✓*
Bai` `inah	✓	-
Wa`d	✓	-
Rahn	✓*	-
Bai` al-sarf	✓*	-

* Dikeluarkan untuk perbincangan dengan pihak industri

Sumber: Bank Negara Malaysia

Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) oleh pengendali takaful dalam kertas konsep yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2015 untuk mendapatkan maklum balas industri. ICAAP bertujuan menggalakkan proses yang lebih rapi untuk pengurusan modal yang sejajar dengan profil risiko setiap pengendali takaful, termasuk di bawah senario tekanan. Seperti juga ICAAP bagi penanggung insurans, pengendali takaful dikehendaki menetapkan dan mematuhi tahap modal sasaran individu (individual target capital levels) yang mencerminkan risiko melangkaui skop yang sedia diambil kira dalam RBCT. Selain itu, pengendali takaful khususnya perlu menilai keperluan untuk memperuntukkan *qard* bagi menangani kemungkinan defisit dalam Dana Risiko Peserta. Keperluan ini dijangka dimuktamadkan oleh Bank pada tahun 2016 untuk pelaksanaan pada tahun 2017.

Pindaan terhadap AIKP

Pindaan terhadap AIKP yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2016, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Bank yang berterusan untuk memastikan terdapat rangka kerja perundangan yang berkesan bagi perkhidmatan kewangan di Malaysia. AIKP menyokong pengawalan dan penyeliaan IKP yang berkesan untuk memastikan mandat tertentu yang diberikan kepada IKP dilaksanakan dalam cara yang mampan dari segi kewangan. Bank kini mengawal dan menyelia enam IKP[1] di bawah AIKP.

Pindaan terhadap AIKP bertujuan memastikan pengurusan kewangan yang mantap selain meningkatkan kecekapan operasi dan daya tahan IKP. Untuk tujuan ini, peruntukan sedia ada dalam AIKP yang berkaitan dengan tadbir urus korporat, aktiviti perniagaan dan skop pengawasan pengawalseliaan Bank telah ditambah baik. Selain itu, pindaan terhadap Akta ini memasukkan peruntukan baharu dalam pengawalan tadbir urus Syariah dan perlindungan pengguna, dengan alat penguatkuasaan tambahan untuk memastikan pematuhan (Gambar Rajah 3.1).

Pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dijangka terus mengukuhkan keupayaan IKP untuk menyokong pembangunan sosioekonomi negara selain menggalakkan pertumbuhan yang inklusif

Seiring dengan kemajuan Malaysia ke arah status ekonomi bernilai tambah tinggi, pindaan terhadap AIKP dijangka terus menyokong peranan penting IKP dalam menggalakkan pertumbuhan yang inklusif, berlandaskan pencapaian sejak sedekad yang lalu (Gambar Rajah 3.2). Yang penting, perundangan lebih kukuh ini akan memastikan IKP adalah mantap dan mampan dari segi kewangan, dan diurus dengan baik untuk memberikan sumbangan yang berkesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kestabilan kewangan negara.

[1] Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Simpanan Nasional (BSN), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Perkembangan antarabangsa

Dalam sektor perbankan, Basel Committee sedang mengkaji semula arkitektur keseluruhan bagi keperluan modal berasaskan risiko. Kajian semula ini dibuat supaya keperluan ini lebih ringkas, lebih setara merentas negara dan lebih peka risiko. Basel Committee akan menjalankan penilaian kesan kuantitatif terhadap keperluan yang dicadangkan pada tahun 2016 dengan matlamat untuk tidak meningkatkan keperluan modal keseluruhan dengan ketara. Jangkaan kesan bagi institusi perbankan Malaysia akan paling ketara dalam bidang kajian semula yang berkaitan dengan keperluan modal untuk risiko kredit dan pasaran.

Berkaitan dengan risiko kredit, kebanyakan institusi perbankan di Malaysia pada masa ini menerima pakai pendekatan standard yang menetapkan peraturan untuk menentukan kuantiti modal diperlukan berdasarkan penarafan luar dedahan kredit. Basel Committee telah mencadangkan perubahan terhadap pendekatan standard bagi mengurangkan pergantungan mekanistik (mechanistic reliance) oleh institusi perbankan terhadap penarafan kredit untuk menentukan keperluan modal pengawalseliaan. Perubahan pada wajaran risiko yang ditetapkan untuk setiap kelas dedahan turut dicadangkan bagi meningkatkan kepekaan risiko dan mencerminkan dengan lebih baik risiko dedahan yang sedia ada.

Rangka kerja risiko pasaran turut dikaji semula. Kajian tersebut, termasuk kajian semula asas akaun dagangan (fundamental review of the trading book), bertujuan menangani isu berkaitan dengan pembahagian antara akaun perbankan dengan akaun dagangan (the boundaries between the banking and trading books) institusi perbankan bagi mengehadkan peluang arbitraj berikutan perbezaan dalam pengiraan keperluan modal. Kajian semula ini

Gambar Rajah 3.1


Pindaan terhadap AIKP

Bidang diperkukuh	1 Tadbir urus korporat	• Pengaturan tadbir urus dan kriteria 'layak dan sesuai' yang diperkukuh bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli lembaga pengarah • Peranan dan akauntabiliti Menteri dan lembaga pengarah yang lebih jelas dalam mengurus IKP • Tanggungjawab lembaga pengarah yang lebih besar untuk memastikan strategi adalah sejajar dengan mandat, dengan disokong kapasiti dan keupayaan IKP yang mencukupi
	2 Aktiviti perniagaan IKP	• Keperluan kehematan yang diperkukuh dan proses pengawalseliaan yang lebih cekap, termasuk proses meluluskan pelaburan IKP yang material dan pembiayaan kepada pihak yang berkaitan
	3 Pengawasan pengawalseliaan	• Mekanisme intervensi penyeliaan yang diperkukuh, termasuk penggunaan pencetus amaran awalan • Skop pemeriksaan dan penyiasatan yang diperluas • Akauntabiliti lebih tinggi untuk mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh Bank dan menjajarkan dasar dan prosedur dalaman dengan piawaian
Bidang baharu	4 Tadbir urus Syariah	• Tadbir urus Syariah yang komprehensif bagi perniagaan kewangan Islam IKP selaras dengan peruntukan di bawah IFSA
	5 Amalan perniagaan dan perlindungan pengguna	• Amalan perniagaan dan perlindungan pengguna yang komprehensif sejajar dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA)
	6 Rangka kerja penguatkuasaan	• Rangka kerja penguatkuasaan yang komprehensif untuk membolehkan langkah menangani ketidakpatuhan yang setara diambil

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3.2

Pencapaian oleh IKP



Sumber: Bank Negara Malaysia

turut memperkenalkan perubahan terhadap pengiraan keperluan modal bagi risiko pasaran untuk meliputi kejadian risiko yang jarang-jarang berlaku (risiko hujung atau tail risk) dengan lebih baik, dengan kekangan tambahan dicadangkan bagi penggunaan pendekatan model dalaman. Berdasarkan hasil analisis kesan interim yang dikeluarkan oleh Basel Committee pada bulan November 2015, keperluan modal risiko pasaran yang ketara lebih tinggi telah dilaporkan dalam kalangan institusi perbankan sampel, tanpa mengira sama ada institusi tersebut menerima pakai pendekatan standard atau model dalaman.

Dalam sektor insurans, pengenalan piawaian modal global bagi penanggung insurans masih menjadi tumpuan utama pembaharuan pengawalseliaan global. Ini sedang dilaksanakan di bawah dua aliran kerja utama yang diketuai oleh IAIS. Aliran kerja pertama ialah pembangunan rangka kerja modal bagi Penanggung Insurans yang Penting dari Segi Sistemik Global (Global Systemically Important Insurers, G-SII). Rangka kerja ini akan digunakan mulai bulan Januari 2019 dan terdiri daripada keperluan modal asas (basic capital requirements, BCR) dan keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi (higher loss absorbency requirements, HLA). BCR ialah ukuran garis dasar dan akan bertindak sebagai asas perbandingan bagi pengiraan HLA, yang telah ditambah untuk mencerminkan dengan sewajarnya kepentingan G-SII dari segi sistemik. Seiring dengan ini, IAIS turut membangunkan piawaian modal insurans (insurance capital standard, ICS) berasaskan risiko dan pada peringkat kumpulan yang akan terpakai pada semua kumpulan insurans yang aktif pada peringkat antarabangsa (internationally-active insurance groups, IAIG). ICS bertujuan mewujudkan metodologi yang sama bagi penyelia menilai kecukupan modal IAIG merentas pelbagai negara. Apabila dilaksanakan pada akhir tahun 2019, ICS dijangka menggantikan BCR sebagai ukuran modal garis dasar bagi HLA.

Dalam bidang pelaporan kewangan, pembangunan rangka kerja pengukuran tunggal bagi kontrak insurans (IFRS 4 Fasa II) oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board, IASB) kini pada peringkat akhir dan piawaian muktamad dijangka dikeluarkan pada tahun 2016. Memandangkan IASB bertujuan membenarkan tempoh pelaksanaan selama tiga tahun selepas penerbitan piawaian kontrak insurans yang muktamad, tarikh berkuat kuasa mandatori paling awal adalah selepas tarikh pelaksanaan IFRS 9 Instrumen Kewangan. Sebagai tindak balas terhadap kebimbangan mengenai kemungkinan peningkatan turun naik untung dan rugi yang dilaporkan oleh entiti insurans akibat tarikh

pelaksanaan yang berlainan bagi IFRS 9 dan IFRS 4 Fasa II, IASB sedang mendapatkan pandangan mengenai cadangan untuk membenarkan penanggung insurans sama ada mengeluarkan sebarang ketidakpadanan perakaunan (accounting mismatches) dan turun naik sementara daripada untung dan rugi berikutan pelaksanaan IFRS 9 (pendekatan overlay), atau memilih pengecualian sementara daripada menerima pakai IFRS 9 (pendekatan tangguhan). Ini merupakan perkembangan yang dialu-alukan memandangkan Malaysia telah menerima pakai IFRS.

Bank memantau perkembangan antarabangsa ini dengan teliti, termasuk melalui penyertaannya dalam proses penetapan piawaian global. Bank juga merupakan ahli yang aktif dalam pelbagai forum perbankan pusat dan penyeliaan serantau yang sering berbincang dan berinteraksi dengan badan penetapan piawaian untuk memastikan cadangan piawaian mempertimbangkan dengan sewajarnya ciri relevan yang mungkin sedia ada dalam sistem kewangan negara. Usaha ini disokong oleh unit pakar Bank yang ditugaskan untuk melaksanakan, dengan kerjasama institusi kewangan domestik, kajian semula dan analisis khusus mengenai kesan piawaian global terhadap aktiviti pengantaraan kewangan di Malaysia.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Penilaian dan kerjasama pada peringkat negara

Malaysia terus mengorak langkah positif dalam mengesan dan mencegah aktiviti jenayah ML/TF. Pada bulan September 2015, FATF telah menerbitkan laporan ME mengenai rangka kerja AML/CFT Malaysia, iaitu penilaian yang dimulakan pada tahun 2014. Laporan ME ialah penilaian bebas mengenai pematuhan sesebuah negara terhadap Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan (International Standards on Combating Money Laundering and the Financing of Terrorism and Proliferation). Setakat ini, 12 negara, termasuk Malaysia, telah dinilai berdasarkan piawaian yang dikemas kini yang diterima pakai oleh FATF pada tahun 2012. Laporan ME mengenai Malaysia memperakui pematuhan teknikal 'tahap tinggi' dan tahap keberkesanan 'ketara hingga sederhana' dalam pelaksanaan piawaian antarabangsa. Laporan ME turut mengesahkan bahawa dapatan daripada Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA), yang dijalankan oleh NCC pada tahun 2013, adalah 'munasabah dan mantap'.

Tambahan lagi, Laporan ME mengenal pasti beberapa bidang keutamaan yang perlu diambil perhatian untuk memperkukuh pertahanan Malaysia terhadap ancaman dan kelemahan pada peringkat negara. Antara lain, laporan itu menekankan keperluan untuk menilai dengan lebih mendalam risiko pengubahan wang haram daripada ancaman sumber luar negara. Malaysia juga digalakkan untuk menambah bilangan siasatan, pendakwaan dan perampasan berhubung dengan kesalahan yang disyaki sebagai kesalahan ML/TF. Turut disarankan ialah penambahbaikan dalam pelaksanaan perlindungan AML/CFT berasaskan risiko oleh perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (designated non-financial businesses and professions, DNFBP). Ini termasuk kasino, ejen harta tanah, peguam dan notari, syarikat amanah, setiausaha syarikat dan penjual logam dan batu berharga. Laporan ME FATF yang lengkap mengenai Malaysia boleh didapati di laman sesawang Bank (amlcft.bnm.gov.my).

Pada bulan September 2015, NCC memuktamadkan NSP komprehensif yang menggunakan saranan Laporan ME dan dapatan daripada penilaian risiko NCC sendiri. NSP lima tahun ini menggantikan pelan interim yang dibangunkan oleh NCC pada tahun 2014 dan bertujuan mencapai sepuluh hasil strategik, termasuk melalui rangka kerja undang-undang yang dipertingkat, kerjasama antarabangsa yang lebih berkesan serta initiatif latihan dan kesedaran yang diperhebat. Formulasi NSP merupakan program yang lebih mampan, dengan lebih penekanan terhadap pengukuhan penyelarasan antara agensi, untuk menggalakkan dan memelihara integriti sistem kewangan Malaysia bagi tempoh yang panjang. Untuk memastikan pelaksanaan NSP yang berkesan dalam garis masa yang disetujui, NCC telah mewujudkan enam kumpulan kerja untuk memantau prestasi semua 16 agensi, dengan pelaporan berkala kepada NCC.

Penilaian AML/CFT entiti pelapor

Sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA), Bank memberikan maklumat mengenai risikan kewangan yang diterima daripada entiti pelapor kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang ditugaskan untuk menyiasat kesalahan ML/TF. Sebahagian besar

risikan yang dikendalikan oleh Bank pada tahun 2015 berkaitan dengan penipuan, rasuah dan aktiviti pengambilan deposit secara haram yang disyaki. Bank turut meningkatkan perbincangan dan interaksi dengan agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan sepanjang tahun 2015. Ini termasuk memberikan penzahiran proaktif dan reaktif kepada agensi-agensi ini, khususnya untuk menyokong penyiasatan jenayah yang dikenal pasti oleh NRA sebagai ancaman pengubahan wang haram paling tinggi, iaitu penyeludupan, pengelakan cukai, rasuah, penipuan dan pengedaran dadah.

Pemerhatian daripada kajian semula Bank berhubung dengan rangka kerja AML/CFT yang dilaksanakan oleh entiti pelapor pada tahun 2015 ditunjukkan di bawah.

Institusi perbankan

Bank telah memerhatikan bahawa terdapat penekanan berterusan terhadap pengukuhan kawalan dan amalan AML/CFT dalam kalangan institusi perbankan. Hal ini jelas dalam peningkatan sumber yang diperuntukkan, dan pelaburan yang dibuat, dalam sistem penyaringan dan pemantauan transaksi. Bank turut mendapati amalan yang lebih baik dalam pelaksanaan usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD). Pengukuhan selanjutnya dalam tadbir urus dan langkah kawalan telah dikenal pasti untuk menambah baik proses bagi mengenal pasti transaksi yang direka untuk mengelakkan cukai dan bagi menilai risiko yang berkaitan dengan individu yang terdedah dari segi politik. Bank akan terus memantau langkah pembetulan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan dalam perkara ini.

Pada tahun 2015, Bank juga melaksanakan inisiatif dalaman untuk meningkatkan penyepaduan risikan kewangan dengan penyeliaan kehematan terhadap institusi perbankan. Ini melibatkan usaha membangunkan proses berstruktur bagi menggabungkan, secara konsisten, hasil penilaian AML/CFT tahunan serta analisis trend dan pola dalam rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko oleh Bank. Pendekatan bersepadu seperti ini bertujuan memanfaatkan aktiviti penyeliaan Bank dengan lebih berkesan. Dengan penyeliaan Bank yang lebih berkesan ini, ia dapat menyokong intervensi Bank yang tepat pada masanya untuk menangani lebih awal kelemahan AML/CFT yang dikenal pasti dalam institusi perbankan. Hasil yang dikehendaki daripada usaha ini ialah institusi perbankan yang mempunyai sistem AML/CFT yang lemah akan tertakluk pada pengawalseliaan yang lebih rapi dan intensif dan tindakan penguatkuasaan oleh Bank.

DNFBP dan institusi kewangan lain

Bank menerima pakai pendekatan berasaskan risiko dalam memantau pematuhan terhadap keperluan AML/CFT oleh DNFBP dan institusi kewangan lain. Di bawah pendekatan ini, sumber penyeliaan diperuntukkan kepada subsektor dan entiti individu yang telah dikenal pasti sebagai menimbulkan risiko yang lebih besar. Pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2015 mendapati bahawa kebanyakan DNFBP dan institusi kewangan lain telah mewujudkan proses dalaman untuk menjalankan penilaian CDD asas. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penuh pemilikan benefisiari dan keperluan pemprofilan risiko klien masih menjadi cabaran bagi entiti-entiti ini. Usaha selanjutnya juga perlu dalam kalangan DNFBP dan institusi kewangan lain untuk mewujudkan kawalan dalaman sewajarnya bagi memastikan penilaian risiko ML/TF yang lebih menyeluruh. Selain menjalankan pemeriksaan di premis dan di luar premis dan pemantauan, Bank kerap berbincang dengan pihak berkuasa pelesenan dan organisasi kawal selia kendiri (self-regulatory organisations) untuk menilai risiko dan perkembangan berkaitan dengan AML/CFT yang timbul.

Sementara DNFBP dan institusi kewangan lain pada masa ini dinilai sebagai menimbulkan risiko ML/TF yang sederhana atau rendah, NSP telah memberikan tumpuan khusus terhadap peningkatan pemahaman isu AML/CFT dalam kalangan entiti tersebut. Bagi tujuan ini, NCC telah menaik taraf Pasukan Petugas DNFBP kepada Kumpulan Kerja DNFBP tetap pada tahun 2015. Bank merupakan Pengerusi dan Sekretariat kumpulan kerja ini, yang dijangka memperkukuh kerjasama antara agensi dalam menjalankan penilaian risiko dan menggalakkan perlindungan yang lebih kukuh terhadap risiko ML/TF dalam kalangan DNFBP. Bank juga merancang untuk menambah sumber yang diperuntukkan kepada penilaian DNFBP bagi merangkumi lebih banyak institusi sedemikian dalam aktiviti penyeliaan yang sedang dijalankan. Ini termasuk menjalankan penilaian bersama dengan ahli Kumpulan Kerja DNFBP yang lain.

Perniagaan perkhidmatan wang

Perkhidmatan pengurupan wang, mata wang borong dan pengiriman wang merupakan bidang tumpuan penting dalam usaha Bank untuk mengurangkan kelemahan kepada risiko ML/TF. Transaksi dalam subsektor perniagaan perkhidmatan wang (money services business, MSB) ini terus berkembang pada tahun 2015 dan disokong oleh penambahbaikan piawaian operasi dan pematuhan.

Pematuhan MSB terhadap keperluan AML/CFT terus meningkat pada tahun 2015. Kemajuan selanjutnya dibuat oleh MSB yang lebih besar dalam melaksanakan pendekatan berasaskan risiko untuk mengurus dan mengurangkan risiko ML/TF, sementara Bank terus bekerjasama rapat dengan industri untuk menyokong peserta industri yang lebih kecil dalam menerapkan pendekatan berasaskan risiko dalam pengurusan risiko ML/TF mereka. Ini termasuk tumpuan khusus terhadap pengukuhan kecekapan pegawai pematuhan yang bekerja dalam industri ini.

Dengan mengambil kira perkara ini, Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia telah menubuhkan Kumpulan Pegawai Pematuhan (Group of Compliance Officers, GOCO) untuk menyelaraskan dan memacu inisiatif pembinaan kapasiti pegawai pematuhan dalam industri. GOCO juga berperanan sebagai pusat rujukan bagi industri tentang urusan pematuhan yang

Perkembangan Penting dalam Industri Perniagaan Perkhidmatan Wang (Money Services Business, MSB)

Pada tahun 2015, transaksi MSB yang dijalankan melalui saluran rasmi terus meningkat.

- Pengiriman wang keluar meningkat dengan kukuh sebanyak 23.2% kepada RM34.8 bilion daripada RM28.2 bilion pada tahun 2014.
- Segmen pengurupan wang runcit kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan 16.4% kepada RM60.6 bilion setelah menurun sedikit pada tahun 2014. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang lebih besar untuk mata wang lazim termasuk dolar Singapura, dolar AS dan rupiah Indonesia terutamanya daripada pelancong ke dalam dan ke luar negeri.
- Pusing ganti bagi perkhidmatan mata wang borong domestik terus meningkat kepada RM7.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 17.2% berbanding dengan RM6.6 bilion yang dicatat pada tahun 2014.

Industri juga terus melaksanakan konsolidasi, dengan bilangan entiti berlesen terus berkurang daripada 414 pada tahun 2013 kepada 380 pada tahun 2015. Meskipun bilangan pemegang lesen berkurang, akses perkhidmatan wang kepada orang ramai masih boleh didapati di merata tempat berikutan rangkaian cawangan dan ejen yang lebih meluas diwujudkan oleh peserta industri berlesen. Bilangan ejen MSB yang diluluskan meningkat daripada 290 pada tahun 2014 kepada 349 pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 273 ejen menjalankan perniagaan pengiriman wang.

Pada tahun 2015, peraturan yang mengawal amalan MSB diperluas kepada institusi perbankan yang menjalankan MSB tetapi tidak tertakluk pada Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA). Ini sangat relevan dalam konteks institusi perbankan yang menjalankan MSB melalui ejen. Ejen dan cawangan bank sedemikian, yang menyediakan perkhidmatan wang kepada orang ramai, kini mesti mematuhi keperluan operasi berkaitan secara konsisten dengan keperluan yang terpakai pada MSB. Peraturan bagi institusi perbankan berkuat kuasa pada bulan Julai 2015.

Pada November 2015, usaha untuk menggalakkan penggunaan saluran pengiriman wang rasmi secara lebih meluas diperhebat di bawah projek kerjasama antara Bank dengan Bank Dunia untuk menjadikan Johor Bahru sebagai bandar peneraju Greenback pertama di Asia. Projek Greenback 2.0 akan menggembleng dan menyalurkan sumber kepada program pendidikan dan inisiatif bersasaran bagi tempoh dua tahun untuk menjadikan saluran pengiriman wang rasmi lebih berdaya saing, mudah dan inklusif.

melibatkan peserta MSB. Perkara utama yang perlu diberikan perhatian segera oleh GOCO ialah membangunkan modul latihan berstruktur tentang urusan AML/CFT. Selain itu, GOCO sedang merancang pelan untuk memberikan pentauliahan kepada pegawai pematuhan yang bekerja dalam industri untuk memastikan standard kompetensi minimum. Inisiatif ini akan menyokong industri dalam memenuhi piawaian minimum pegawai pematuhan yang akan dikeluarkan oleh Bank pada bulan Mac 2016.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkuasaan oleh Bank, termasuk tindakan jenayah, sivil dan pentadbiran, memainkan peranan penting dalam pencegahan yang berkesan terhadap ketidakpatuhan peraturan dan pengawalan yang boleh menjejaskan keyakinan terhadap sistem kewangan dan integriti sistem kewangan. Ringkasan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank pada tahun 2015 ditunjukkan dalam Jadual 3.3. Bank berjaya membuat dakwaan terhadap 182 kesalahan jenayah dan memperoleh enam perintah mahkamah yang menghendaki entiti dan/atau individu menghentikan aktiviti haram. Selain itu, denda berjumlah RM69.5 juta dikenakan terhadap pemegang lesen yang melanggar peraturan berkaitan dengan lebih 240 kesalahan yang dikenal pasti di bawah undang-undang yang ditadbir oleh Bank. Bank turut membuka 26 siasatan baharu pada tahun 2015 berhubung dengan aktiviti yang disyaki menyalahi undang-undang dan pelanggaran terhadap pengawalseliaan.

Jadual 3.3

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2015

Pengambilan deposit secara haram	• Dua individu disabitkan kesalahan atas dua pertuduhan di bawah seksyen 25 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989
Pengubahan wang haram	• Dua individu disabitkan kesalahan atas 28 pertuduhan di bawah seksyen 4 AMLA
Penyediaan perkhidmatan wang yang tidak sah	• Dua pertuduhan dibuat terhadap satu entiti dan dua individu kerana penyediaan perkhidmatan pengurupan wang yang tidak sah di bawah seksyen 4 MSBA • 179 pertuduhan dibuat terhadap tiga entiti dan lapan individu kerana penyediaan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah di bawah seksyen 4 MSBA • Dua entiti dan 12 individu disabitkan kesalahan atas 20 pertuduhan kerana penyediaan perkhidmatan pengurupan wang yang tidak sah di bawah seksyen 4 dan seksyen 23 MSBA, yang mengakibatkan denda berjumlah RM910,000 • Satu entiti dan lapan individu disabitkan kesalahan atas sembilan pertuduhan kerana penyediaan perkhidmatan pengiriman wang yang tidak sah di bawah seksyen 4 MSBA, yang mengakibatkan denda berjumlah RM650,000 • Enam perintah mahkamah diperoleh terhadap entiti dan/atau individu yang menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen
Ketidakpatuhan kepada dasar AML/CFT	• Kompaun berjumlah RM1.05 juta terhadap dua bank Islam atas kegagalan mematuhi Perintah AMLA di bawah seksyen 48 dan seksyen 50 AMLA • Kompaun sebanyak RM530,000 terhadap satu syarikat insurans atas kegagalan berkaitan dengan obligasi pelaporan dan program pematuhan di bawah seksyen 14(1)(b) dan seksyen 19(1) AMLA • Kompaun berjumlah RM82,500 terhadap tiga pengendali MSB atas kegagalan berkaitan dengan program pematuhan di bawah seksyen 19(1) AMLA • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM57.6 juta terhadap tiga institusi perbankan atas kegagalan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Bank di bawah seksyen 48(1) FSA dan seksyen 58(1) IFSA
Ketidakpatuhan kepada keperluan kehematan	• Kompaun sebanyak RM210,000 terhadap satu syarikat insurans atas kegagalan menyenggara daftar polisi dan tuntutan dengan sewajarnya di bawah seksyen 47(3) Akta Insurans 1996 • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM550,000 terhadap satu pengendali takaful atas kegagalan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Bank dan kerana mengemukakan maklumat yang mengelirukan atau tidak tepat masing-masing di bawah seksyen 58(1) dan seksyen 155(3) IFSA
Ketidakpatuhan kepada peraturan pentadbiran pertukaran asing	• Kompaun berjumlah RM8.78 juta terhadap enam institusi perbankan dan RM30,000 terhadap sebuah institusi perbankan kerana memudahkan transaksi pertukaran asing tanpa mendapatkan kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu masing-masing di bawah seksyen 214 FSA dan Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953
Ketidakpatuhan kepada keperluan kehematan bagi MSB	• Kompaun berjumlah RM305,000 terhadap 13 pengendali MSB atas kegagalan mengeluarkan resit mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Bank dan tiga pengendali MSB atas kegagalan menyenggara rekod dengan sewajarnya masing-masing di bawah seksyen 27 dan seksyen 28 MSBA • Kompaun berjumlah RM205,000 terhadap empat pengendali MSB atas kegagalan mendapatkan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu di bawah seksyen 30 atau seksyen 32(2) MSBA • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM17,000 terhadap 11 pengendali MSB atas kegagalan mengekalkan dana modal minimum di bawah seksyen 22 MSBA • Penalti monetari pentadbiran berjumlah RM114,000 terhadap 74 pengendali MSB atas kegagalan menyerahkan laporan audit dalam tempoh yang ditetapkan di bawah seksyen 31(9) MSBA

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti

Bank Negara Malaysia (Bank) mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang formal terhadap institusi kewangan berlesen atau individu lain (other persons) yang gagal mematuhi piawaian pengawalseliaan dan keperluan lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang ditadbirnya. Tindakan sedemikian adalah penting untuk menggalakkan amalan baik dalam industri kewangan yang sejajar dengan amalan perniagaan dan kewangan yang mantap, kepentingan sah pengguna serta usaha membanteras jenayah. Susulan peruntukan kuasa penguatkuasaan yang lebih luas di bawah undang-undang yang ditadbirnya, Bank telah mengkaji semula dan memperkukuh prosedur penguatkuasaan dalamannya. Prosedur ini digariskan dalam Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti yang mentadbir urus proses membuat keputusan dan pendekatan Bank dalam menentukan tindakan penguatkuasaan.

Rangka kerja ini menyelaraskan usaha, aktiviti dan sumber penguatkuasaan Bank untuk mencapai objektif berkanunnya selain memastikan tindakan penguatkuasaan adalah setara dengan tahap salah laku, dan dikenakan secara konsisten kepada semua entiti/individu dalam keadaan yang sama.

Jawatankuasa Penguatkuasaan

Keputusan berkaitan dengan urusan penguatkuasaan dibuat oleh Jawatankuasa Penguatkuasaan (Enforcement Committee, EC). EC dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya terdiri daripada dua Timbalan Gabenor dan lima Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap bidang pengawalan, penyeliaan, perundangan dan penguatkuasaan. EC mengawasi pelaksanaan dasar penguatkuasaan Bank dan menentukan tindakan penguatkuasaan yang perlu diambil dalam kes-kes tertentu, iaitu, sama ada dalam bentuk tindakan pentadbiran, sivil dan jenayah. Menurut undang-undang, persetujuan daripada Pendakwa Raya adalah perlu untuk mengambil tindakan penguatkuasaan jenayah, iaitu mendakwa penjenayah dan mengenakan kompaun terhadap kesalahan. EC boleh mewakilkan kuasanya kepada ketua-ketua jabatan di Bank yang bertanggungjawab mentadbir beberapa fungsi berkanun Bank, untuk membuat keputusan berhubung dengan tindakan penguatkuasaan mengikut takrifan parameter yang jelas. Secara praktiknya, langkah mewakilkan kuasa ini terhad kepada mengeluarkan amaran dan mengenakan penalti pentadbiran atas kegagalan mematuhi keperluan pelaporan yang rutin. Sebahagian besar daripada keputusan penguatkuasaan dikemukakan kepada EC untuk pertimbangan.

Undang-undang yang ditadbir Bank pada masa ini:

- Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA)
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA)
- Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011
- Akta Bank Negara Malaysia 2009
- Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA)[1]

Matlamat penting daripada tindakan penguatkuasaan adalah untuk menggalakkan budaya pematuhan yang kukuh dalam kalangan peserta pasaran, melalui kaedah pencegahan yang berkesan yang akan mengurangkan ketidakpatuhan pada masa akan datang. Semasa mengambil tindakan penguatkuasaan, EC akan mempertimbangkan kebarangkalian yang tindakan penguatkuasaan boleh mencapai matlamatnya dan seterusnya memperkukuh disiplin pasaran, di samping memastikan tindakan tersebut adalah setara dengan tahap keseriusan ketidakpatuhan. Tahap tindakan yang diambil adalah berdasarkan pemeriksaan teliti EC terhadap fakta dan keadaan bagi setiap kes, termasuk tahap keseriusan dan kesan ketidakpatuhan, tahap kebersalahan penyedia perkhidmatan

[1] AMLA dikuatkuasakan secara bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain di Malaysia.

kewangan (PPK), rekod ketidakpatuhan yang lalu, keberkesanan langkah pemulihan (remedial) yang diambil untuk memperbetulkan ketidakpatuhan, dan kekukuhan pengaturan tadbir urus dan fungsi kawalan pengurusan risiko dalam PPK untuk mencegah ketidakpatuhan daripada berulang. Setelah mempertimbangkan setiap kes, EC boleh mencadangkan tindakan yang bersifat penyeliaan dan bukannya tindakan penguatkuasaan. Namun, dalam keadaan tertentu, tindakan penyeliaan dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil bersama. Tindakan penyeliaan ini menjadi sebahagian daripada aktiviti penyeliaan kehematan dan amalan Bank yang dijalankan secara berterusan terhadap PPK. Ini mungkin melibatkan arahan penyeliaan dikeluarkan kepada PPK bagi mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjadikan fungsi pematuhan dan pengawasan lebih baik. Tindakan-tindakan sedemikian perlu dipantau oleh lembaga pengarah dan pengurusan PPK, dan dilaporkan kepada Bank.

Bentuk dan jenis tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan

Di bawah Rangka Kerja Penguatkuasaan, tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan pada amnya dikategorikan sebagai tindakan perlindungan atau pembetulan, dan tindakan punitif (Jadual 1).

Jadual 1

Bentuk dan Jenis Tindakan

Bentuk tindakan	Jenis tindakan
Perlindungan/ pembetulan	• Surat penyeliaan • Aku janji boleh dikuatkuasakan • Arahan pematuhan • Pengambilalihan kawalan • Kuasa melantik pengurus • Arahan memindahkan perniagaan, aset dan liabiliti • Pentadbiran - arahan melakukan atau tidak • Pentadbiran - amaran persendirian • Pentadbiran - arahan mengurangkan • Pemecatan pengarah/ individu utama yang bertanggungjawab • Pembatalan
Punitif	• Pentadbiran - penalti monetari • Pentadbiran - amaran awam • Pentadbiran - penyelesaian atau pemulihan • Tindakan sivil • Jenayah - pendakwaan (mahkamah) • Jenayah - kompaun

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tindakan perlindungan atau pembetulan termasuk tindakan untuk menggalakkan PPK mengambil langkah penyelesaian segera dan ini pada amnya digunakan apabila salah laku dianggap sebagai kes terpencil dan bukan kegagalan pematuhan atau tadbir urus yang meluas hingga mengakibatkan kesan sistemik kepada PPK. Di bawah keadaan ini, Bank boleh menghendaki PPK menambah baik fungsi pengurusan kawalan risiko mereka ataupun mengeluarkan amaran persendirian untuk rekod rasmi. Tindakan lebih berat atau punitif mungkin diambil sekiranya ketidakpatuhan berulang. Dalam kes ketidakpatuhan yang lebih serius, yakni apabila keupayaan PPK untuk meneruskan perniagaannya terjejas, Bank boleh mengambil tindakan pembetulan yang lebih drastik, termasuk melantik seorang pengurus untuk mengendalikan urusan PPK, memecat pengarah atau individu penting yang bertanggungjawab, atau mengambil alih peranan PPK. Tindakan ini pada amnya bertujuan mengembalikan institusi itu kepada kedudukan kewangan yang kukuh dan memastikan institusi diurus dengan sewajarnya, atau membantu PPK pulih dengan teratur.

Bank, pada amnya mengambil tindakan penguatkuasaan punitif dalam kes salah laku yang berpunca daripada tindakan sengaja atau lalai dalam mematuhi keperluan pengawalseliaan, yang

diburukkan lagi oleh kawalan dan tadbir urus yang lemah, atau apabila terdapat unsur-unsur jenayah. Sekiranya salah laku itu menyebabkan kesan buruk yang meluas terhadap kepentingan awam, tindakan penguatkuasaan punitif akan diambil sebagai langkah pencegahan yang berkesan. Tindakan penguatkuasaan punitif, yang meliputi pengenaan penalti monetari, tindakan sivil atau jenayah, menunjukkan bahawa Bank tidak akan bertolak ansur terhadap ketidakpatuhan yang serius, terutamanya ketidakpatuhan yang boleh memberikan kesan kepada kestabilan atau keyakinan terhadap sistem kewangan dan juga integriti pasaran kewangan. Undang-undang ini juga memberi Bank kuasa untuk mengambil tindakan pemulihan pentadbiran (administrative restitution) termasuk mengeluarkan arahan kepada PPK untuk membayar pampasan kepada pendeposit dan pemegang polisi yang menanggung kerugian.

Bank mengambil pendirian tegas terhadap amalan yang menyalahi undang-undang atau aktiviti haram. Dalam kes-kes aktiviti yang disyaki tidak sah atau haram, Bank akan mengambil tindakan sekatan jenayah atau tindakan sivil, atau kedua-duanya sekali. Prosiding sivil antara lain bertujuan untuk mendapatkan bayaran ganti rugi bagi keuntungan yang diperoleh atau kerugian yang dapat dielak berikutan perbuatan melanggar undang-undang. Bank juga boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk menghalang pihak yang melakukan kesalahan daripada meneruskan aktiviti mereka yang tidak sah.

Dalam proses penguatkuasaan, PPK diberikan peluang untuk menjelaskan atau mengemukakan faktor yang boleh mengurangkan hukuman untuk dipertimbangkan oleh EC ketika membuat keputusan.

Penalti monetari
Apabila mengenakan penalti monetari terhadap ketidakpatuhan pada keperluan pengawalseliaan, Bank berpandukan kepada rangka kerja penalti yang berstruktur. Rangka kerja ini menghuraikan parameter bagi pengiraan penalti monetari permulaan serta prinsip dan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh EC semasa menentukan jumlah penalti muktamad yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan tertentu.

Jumlah penalti permulaan yang dikira berdasarkan rangka kerja penalti merangkumi faktor-faktor memburukkan dan mengurangkan (aggravating and mitigating factors). Ini berdasarkan faktor penskalaan yang digunakan bagi jumlah penalti permulaan standard yang berkaitan dengan denda maksimum yang ditetapkan di bawah undang-undang ketidakpatuhan tertentu. Faktor memburukkan dan mengurangkan termasuklah niat pesalah, rekod ketidakpatuhan yang lalu, keuntungan atau kerugian kewangan daripada ketidakpatuhan serta sebarang kesan buruk daripada ketidakpatuhan terhadap PPK dan pelanggannya, atau keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Perlakuan PPK selepas mengenal pasti ketidakpatuhan juga diambil kira semasa menentukan jumlah penalti permulaan. Ini mungkin termasuk tindakan PPK itu sendiri, yang sama ada secara sukarela telah melaporkan dan menyediakan maklumat lengkap tentang keadaan yang menyebabkan ketidakpatuhan kepada Bank, dan secara proaktif telah mengambil langkah-langkah untuk mengenakan tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap ketidakpatuhan, dan mencegah ketidakpatuhan yang serupa daripada berulang pada masa akan datang.

EC mungkin boleh menambah atau mengurangkan jumlah penalti permulaan yang dikira berdasarkan rangka kerja penalti selepas mengambil kira beberapa faktor tambahan, termasuk pertimbangan sama ada penalti itu mempunyai kesan untuk mencegah, takat impaknya terhadap kedudukan kewangan pesalah dan kewajaran penalti yang sama yang pernah dikenakan oleh Bank sebelum ini di bawah keadaan yang sama. Pertimbangan dan keputusan EC didokumentasikan dan disahkan secara rasmi, dan boleh dikaji semula oleh Jawatankuasa Semakan Penalti Kewangan sekiranya terdapat rayuan terhadap keputusan Bank berkaitan dengan penalti monetari pentadbiran tersebut. Semua penalti monetari yang diterima oleh Bank diserahkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Seperti yang diperuntukkan di bawah FSA dan IFSA, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (Monetary Penalty Review Committee, MPRC) yang ahli-ahlinya bebas daripada kuasa eksekutif Bank. MPRC mempertimbangkan rayuan berkaitan dengan kuantum penalti monetari pentadbiran dan penyelesaian kewangan yang dikenakan oleh Bank. Pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Bank boleh memfailkan rayuan kepada MPRC dalam tempoh 21 hari selepas diberitahu tentang keputusan Bank. MPRC akan mempertimbangkan rayuan dan boleh memutuskan sama ada menerima keputusan Bank atau menghendaki Bank mempertimbangkan semula keputusannya berdasarkan maklumat siasatan MPRC. Maklumat lanjut mengenai MPRC, termasuk ahli-ahlinya sekarang, boleh didapati di laman sesawang Bank.

Ketelusan tindakan penguatkuasaan

Undang-undang memperuntukkan kepada Bank, apabila didapati perlu, untuk menerbitkan maklumat berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil. Maklumat terkumpul berkenaan tindakan penguatkuasaan Bank terdapat dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran tahunan Bank. Melangkah ke hadapan, tahap ketelusan yang bersesuaian mengenai tindakan penguatkuasaan oleh Bank yang melebihi daripada yang sedia ada diakui perlu dan boleh membantu memperkukuh kesan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan tersebut, meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan, dan menyediakan maklumat tentang cara Bank melaksanakan tanggungjawabnya demi kepentingan awam. Berdasarkan objektif ini, bagi kes tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat atau individu, Bank akan mempertimbangkan dalam setiap kes, sama ada wajar atau tidak untuk menyiarkan maklumat tindakan yang diambil. Maklumat sedemikian akan mendedahkan identiti pihak-pihak yang pernah dikenakan tindakan, penerangan ringkas mengenai keadaan ketidakpatuhan, dan menggariskan tindakan khusus yang diambil, termasuk apa-apa pertimbangan penting oleh EC apabila membuat keputusan. Bank secara amnya dijangka menerbitkan maklumat mengenai tindakan penguatkuasaan yang diambil, melainkan apabila Bank berpendapat bahawa penyiaran tersebut mempunyai kesan terhadap kestabilan kewangan, kekukuhan sesebuah PPK, mahupun kepentingan pendeposit dan pemegang polisi. Hal ini dijangka meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan bagi menggalakkan kestabilan kewangan.

BAB 5

AMALAN PASARAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA

109 Mengurus Risiko Pengguna Kewangan
112 Memperkukuh Mekanisme Penyelesaian untuk Pengguna
113 Pengguna Kewangan Berpengetahuan dan Bertanggungjawab

Pada tahun 2015, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK). Berlatarkan pertumbuhan yang lebih sederhana, ketidaktentuan pasaran kewangan yang berterusan dan paras hutang isi rumah yang tinggi, Bank mempergiat usahanya ke arah membantu pengguna membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan diperkenalkan untuk memastikan PPK membuat penilaian secukupnya terhadap kesesuaian produk kewangan untuk pengguna serta meningkatkan kualiti dan kejelasan maklumat yang diberikan kepada pengguna. Di samping meneruskan tindakan penguatkuasaan terhadap PPK, sekiranya perlu, beberapa piawaian amalan pasaran telah diperkukuh dengan memasukkan keperluan yang akan memberikan hasil yang lebih adil kepada pengguna. Beberapa langkah pengawalan juga telah diperkenalkan untuk memberikan laluan kepada penubuhan dan pelaksanaan sepenuhnya skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) pada suku kedua 2016. Agenda pendidikan kewangan terus mencapai kemajuan sebagai strategi utama untuk memperkasakan pengguna dan meningkat kesejahteraan kewangan mereka. Ini termasuk pengenalan pendidikan kewangan secara berperingkat sebagai sebahagian daripada kurikulum formal di sekolah di samping pelaksanaan program keupayaan kewangan bersasaran dan pengenalan alat pengurusan kewangan baharu.

MENGURUS RISIKO PENGGUNA KEWANGAN

Risiko utama kepada pengguna kewangan pada tahun 2015 berpunca terutamanya daripada tekanan persaingan dan prestasi pelaburan yang tidak menentu yang seterusnya memberikan tekanan ke atas margin keuntungan PPK serta mempengaruhi kelakuan PPK. Oleh itu, Bank memberikan tumpuan pada amalan jualan yang agresif, promosi produk kewangan yang lebih kompleks kepada pengguna apabila produk tersebut mungkin tidak bersesuaian dengan mereka, dan pemahaman pengguna mengenai produk kewangan. Bank membuat penilaian bahawa risiko kepada pengguna kekal tinggi dalam tempoh terdekat memandangkan keadaan operasi yang terus mencabar untuk PPK. Tumpuan lebih yang diberikan oleh PPK dalam memperkukuh amalan perniagaan yang menitikberatkan kepentingan pengguna akan terus memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko ini.

Akaun pelaburan

Langkah untuk memindahkan akaun deposit Islam pelanggan di bank-bank Islam ke akaun deposit atau akaun pelaburan Islam seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) telah disempurnakan pada bulan Jun 2015. Pelanggan bank-bank Islam yang sedia ada diberikan pilihan sama ada ingin mengekalkan wang mereka dalam akaun deposit yang mematuhi peruntukan di bawah IFSA, atau membuka akaun pelaburan baharu yang berpotensi untuk menjana pulangan lebih tinggi meskipun tiada jaminan atas prinsipal. Bank-bank ini dikehendaki menerangkan dengan jelas kepada pelanggan mereka tentang ciri risiko dan pulangan akaun deposit dan akaun pelaburan Islam yang berbeza, dan mendapatkan persetujuan secara jelas (express consent) daripada pemegang akaun untuk memindahkan wang daripada akaun deposit kepada akaun pelaburan. Bank-bank Islam

Akaun pelaburan boleh didapati dalam bentuk akaun pelaburan terhad atau akaun pelaburan tidak terhad. Akaun pelaburan terhad membolehkan pemegang akaun menentukan mandat pelaburan yang perlu dipatuhi oleh bank-bank Islam, seperti tujuan pelaburan, aset sandaran yang boleh dilaburkan oleh dana dan tempoh pelaburan. Akaun pelaburan tidak terhad pula memberikan fleksibiliti kepada bank-bank Islam untuk membuat keputusan pelaburan bagi pihak pemegang akaun tanpa sekatan atau syarat. Kompleksiti dan risiko sedia ada berkaitan dengan akaun pelaburan adalah berbeza mengikut aset sandaran pelaburan itu.

yang menawarkan akaun pelaburan juga perlu mematuhi keperluan penzahiran dan penilaian kesesuaian bagi pengguna.

Sebagai persediaan untuk melancarkan Platform Akaun Pelaburan (platform) pada bulan Februari 2016, Bank bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk membentuk suatu penyelesaian yang praktikal bagi membuat penilaian kesesuaian bukan secara bersemuka (non face-to-face) terhadap usaha niaga pelaburan yang ditawarkan melalui platform ini (maklumat lanjut mengenai platform ini terkandung dalam bab 'Pembangunan Sektor Kewangan'). Bank-bank Islam juga dikehendaki memastikan supaya maklumat penting berkaitan dengan akaun pelaburan, termasuk penzahiran risiko yang berkenaan, dipaparkan dengan jelas dalam platform ini untuk memudahkan bakal pelabur membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Semakan terhadap pembayaran bonus kepada pemegang polisi insurans hayat sertaan

Polisi insurans hayat sertaan memberikan peluang kepada pemegang polisi untuk turut mendapat keuntungan daripada dana insurans melalui pengagihan bonus yang ditentukan oleh penanggung insurans. Polisi tersebut mencakupi 40% daripada jumlah premium insurans hayat yang kini masih aktif. Pada tahun 2015, Bank mengkaji semula amalan penanggung insurans dalam penentuan pengagihan bonus. Bidang ini merupakan salah satu bidang tumpuan Bank memandangkan prestasi pelaburan yang lemah bagi dana-dana sertaan tertentu mungkin menyebabkan pelarasan bonus. Bank mendapati wujud ruang yang lebih luas untuk menambah baik amalan supaya lebih konsisten, yang akan menggalakkan pembayaran manfaat secara lebih objektif dan saksama kepada semua kumpulan pemegang polisi. Untuk tujuan ini, Bank mengeluarkan piawaian baharu mengenai pengurusan perniagaan insurans hayat sertaan (management of participating life business) pada bulan Julai 2015. Piawaian ini menetapkan keperluan memberikan layanan yang adil kepada pemegang polisi yang perlu dipatuhi oleh penanggung insurans bagi memastikan keuntungan daripada dana insurans diagihkan dengan adil antara kumpulan pemegang polisi. Bank menghendaki sebarang semakan atas bonus perlu mencerminkan prestasi dana, komunikasi dengan pemegang polisi berkaitan pembayaran bonus apabila polisi dijual dan layanan yang saksama kepada pemegang polisi dengan sewajarnya. Piawaian ini juga bertujuan menghentikan amalan lama secara beransur-ansur, terutamanya yang melibatkan polisi yang dikeluarkan sebelum tahun 2005, untuk mengehadkan skop subsidi silang (cross-subsidisation) antara kumpulan pemegang polisi pada masa akan datang. Subsidi silang adalah tidak adil kepada kumpulan pemegang polisi yang berbeza kerana mereka tidak mendapat bahagian yang sewajarnya daripada keuntungan semasa. Bank akan terus meneliti amalan penanggung insurans dalam usaha menentukan semakan pembayaran bonus, terutamanya dalam persekitaran pasaran kewangan semasa yang tidak menentu, untuk memastikan piawaian yang dikeluarkan oleh Bank dipatuhi.

Piawaian baharu mengenai pengurusan perniagaan insurans hayat sertaan akan menggalakkan pembayaran manfaat yang lebih objektif dan saksama kepada semua kumpulan pemegang polisi dalam perniagaan insurans hayat sertaan

Terma dan syarat kontrak yang seragam, dan penggunaan bahasa yang mudah

Industri perbankan dan insurans terus menggalakkan penggunaan huraian terma kontrak yang seragam dan bahasa yang mudah dalam kontrak kewangan. Sejak tahun 2013, bank telah menerima pakai huraian terma dan syarat utama yang seragam yang diwujudkan oleh Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) untuk perjanjian pinjaman dan pembiayaan rumah yang melibatkan jumlah pokok sebanyak RM500,000 atau kurang. Pada tahun 2015, lebih dua pertiga daripada kontrak pinjaman dan pembiayaan rumah yang dikeluarkan oleh bank menerima pakai huraian terma yang seragam. Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM) telah memulakan inisiatif yang sama bagi perjanjian pembiayaan perumahan Islam, dan ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2016.

Dalam industri insurans dan takaful, kontrak insurans dan takaful telah menggunakan bahasa yang mudah bagi polisi insurans pemilik rumah dan penghuni rumah serta polisi kemalangan diri

yang ditawarkan oleh penanggung insurans am dan pengendali takaful. Ini mencakupi hampir satu perlima daripada polisi insurans peribadi (personal line insurance policies) untuk individu pada tahun 2015. Penerangan mengenai 40 penyakit kritikal (critical illnesses, CI) di bawah polisi CI juga telah dipermudah oleh persatuan industri insurans dan takaful, dan akan diterima pakai untuk semua produk CI baharu dan yang sedia ada bermula 1 April 2016. Ini akan disusuli insurans kenderaan persendirian, insurans motosikal, serta insurans hospital dan pembedahan, yang mencakupi dua pertiga daripada polisi insurans peribadi, menjelang akhir tahun 2016.

Membanteras penipuan kewangan

Langkah-langkah yang diambil PPK untuk mempertingkat pengurusan risiko operasi, sistem teknologi maklumat (information technology, IT) dan keupayaan pemantauan mereka telah memperkukuh pengurusan risiko penipuan, terutamanya yang melibatkan saluran elektronik dan platform digital. Langkah-langkah ini turut dilengkapi kerjasama dan penyelarasan tindakan penguatkuasaan antara Bank dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Ini termasuk penyampaian maklumat berkenaan pemegang akaun *mule* (individu yang membenarkan akaun mereka digunakan oleh penipu kewangan untuk memegang atau memindahkan wang yang diperoleh secara haram) untuk memudahkan proses usaha wajar pelanggan PPK. Selain itu, Bank juga memberikan penekanan yang tinggi terhadap usaha penguatkuasaan secara bersama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan, yang menyasarkan penyiasatan kewangan yang lebih berkesan. Pada tahun 2015, peratusan transaksi yang menanggung kerugian kewangan akibat penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan oleh PPK masih rendah, iaitu di bawah 0.001% daripada jumlah transaksi perbankan dalam talian meskipun percubaan penipuan yang lebih kerap dilaporkan. Sikap berwaspada yang berterusan oleh PPK dalam melaksanakan langkah berjaga-jaga adalah penting untuk mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap aspek keselamatan transaksi kewangan dalam talian. PPK juga telah meningkatkan komunikasinya mengenai tip keselamatan dan pemberitahuan tentang transaksi kepada pelanggan untuk mengesahkan ketulenan transaksi dalam talian. Hasilnya, jumlah kerugian yang ditanggung oleh pengguna kewangan menurun sedikit daripada RM7.9 juta pada tahun 2014 kepada RM7.5 juta pada tahun 2015.

Bank terus memanfaatkan pengaruh media sosial serta program jangkauan Bank untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penipuan kewangan dan cara penipuan beroperasi. Ini termasuk mengeluarkan peringatan kepada pengguna mengenai risiko yang timbul apabila berurus niaga dengan entiti yang tidak dibenarkan (unauthorised entity). Bank menyelenggara dan sentiasa mengemas kini Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alert List) yang terdapat di laman sesawang Bank. Orang ramai boleh merujuk kepada senarai ini untuk mengenal pasti entiti yang tidak mendapatkan kebenaran Bank untuk menjalankan sebarang aktiviti kewangan yang dikawal selia oleh Bank. Kini, terdapat 246 entiti yang disenaraikan dalam Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan. Senarai ini telah menarik lebih 44,000 kunjungan pada tahun 2015 dan kini menjadi sumber rujukan yang berguna kepada pengguna untuk menghindari daripada menjadi mangsa kegiatan penipuan.

Tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan

Tumpuan aktiviti penyeliaan amalan pasaran Bank didorong oleh penilaian terhadap perkembangan dan keadaan yang boleh meningkatkan risiko kepada pengguna kewangan. Sepanjang tahun 2015, Bank telah menjalankan penilaian tematik berkaitan dengan: (i) pelaksanaan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh PPK dengan tumpuan pada pemberian pinjaman kepada golongan berpendapatan sederhana; (ii) keberkesanan kawalan PPK dalam melindungi maklumat pelanggan; dan (iii) amalan penyelesaian tuntutan insurans motor. Hasil semakan ini, tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap 38 PPK yang gagal mematuhi keperluan amalan perniagaan seperti yang ditetapkan oleh Bank. Ringkasan tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan utama yang diambil oleh Bank pada tahun 2015 dipaparkan dalam Jadual 4.1.

Tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan diambil terhadap 38 PPK kerana gagal mematuhi keperluan amalan perniagaan

Penilaian tematik berkaitan dengan amalan pengurusan tuntutan motor PPK merupakan

Jadual 4.1

Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan pada Tahun 2015

Bidang Pengawasan	Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan
Kelemahan dalam melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan	• Dua PPK masing-masing diberikan surat amaran dan teguran secara peribadi atas kelemahan kawalan dalaman dan kelemahan pengendalian dokumen serta maklumat pelanggan yang menyebabkan pendedahan kerahsiaan pelanggan.
Kesalahan dalam penjualan produk insurans hayat dan takaful keluarga	• Satu PPK dikehendaki membayar pampasan kepada 6,792 pemegang polisi atas kesalahan dalam penjualan produk insurans sebagai produk simpanan yang menjanjikan pulangan tinggi dalam tempoh pembayaran yang terhad. Pemegang polisi yang terjejas diberi pilihan untuk membatalkan polisi dan menerima bayaran balik premium sepenuhnya berserta faedah atau menukarkan polisi yang sedia ada kepada pelan perlindungan berbayar penuh. Kos pampasan kepada pemegang polisi yang terjejas ditanggung oleh dana pemegang saham PPK. • Satu PPK dikehendaki membayar balik sepenuhnya caruman berjumlah RM742,450 kepada 131 peserta takaful yang terjejas akibat kesalahan dalam penjualan produk takaful.
Mengenakan bayaran fi berlebihan kepada pelanggan	• Enam PPK dikehendaki menarik balik fi yang dikenakan kerana fi tersebut disifatkan sebagai berlebihan. • 162 permohonan daripada PPK untuk mengenakan atau menaikkan fi telah ditolak. 27 permohonan untuk menaikkan fi kemudiannya diluluskan selepas PPK mengurangkan kadar kenaikan fi.
Terma dan syarat yang tidak adil, dan maklumat penting yang mengelirukan atau tidak dizahirkan dalam iklan dan bahan pemasaran	• 14 PPK dikehendaki mengubah suai dan menambah baik tahap penzahiran dalam bahan pemasaran yang berkaitan untuk menerangkan dengan jelas risiko produk masing-masing dan maklumat penting yang berkaitan. • Empat PPK dikehendaki menambah baik tahap penzahiran dalam komunikasi dengan pengguna untuk penentuan semula harga yang membabitkan produk insurans perubatan dan kesihatan. • Dua PPK dikehendaki menyemak terma dalam kontrak yang disifatkan sebagai berat sebelah atau menjejaskan kepentingan pelanggan.
Kegagalan untuk menawarkan pilihan perkhidmatan perbankan asas kepada pelanggan	• 20 PPK diberi teguran kerana gagal memastikan perkhidmatan perbankan asas ditawarkan sebagai pilihan kepada kumpulan pelanggan yang akan mendapat lebih manfaat daripada akaun deposit asas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

suatu usaha penting untuk mengenal pasti bidang utama bagi langkah mengurangkan jangka masa yang diambil bagi penyelesaian tuntutan dan mengurangkan insiden pertikaian berkaitan dengan jumlah bayaran penyelesaian. Kelemahan lazim yang dikenal pasti oleh Bank adalah berkaitan dengan perincian penilaian prestasi kakitangan yang memproses tuntutan yang tidak mendorong tingkah laku profesional yang tinggi, dan kelemahan kualiti maklumat yang menjadi asas kepada keputusan tuntutan yang menyebabkan jumlah tuntutan meningkat lebih daripada kadar yang sewajarnya. PPK dikehendaki menangani isu-isu tersebut. Pada masa yang sama, penyelesaian pada peringkat industri juga sedang diusahakan untuk menyeragamkan proses tuntutan, dan meningkatkan piawaian profesional dan perkhidmatan secara lebih luas merentas semua pihak yang memainkan peranan penting dalam proses tuntutan, termasuk ajuster kerugian, pengendali trak tunda dan bengkel membaiki kenderaan.

MEMPERKUKUH MEKANISME PENYELESAIAN UNTUK PENGGUNA

Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 dan Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 (Peraturan) telah mula berkuat kuasa pada 14 September 2015. Peraturan ini membuka laluan kepada penubuhan FOS seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan untuk menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian kewangan di Malaysia.

Cadangan rangka kerja FOS yang meliputi skop, keahlian, pendanaan, tadbir urus dan proses penyelesaian menyediakan elemen penting bagi Peraturan tersebut dan disiarkan buat kali pertama pada 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai. Bank menerima 55 maklum balas yang menyatakan sokongan meluas terhadap rangka

kerja yang dicadangkan. Sebagai respons kepada maklum balas dan cadangan khusus yang diterima, Bank membuat beberapa penambahbaikan terhadap rangka kerja tersebut sebelum ia dimuktamadkan. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk kajian secara berkala terhadap had ganjaran monetari, menjelaskan tanggungjawab pengarah FOS untuk bertindak berdasarkan kepentingan FOS, memberikan penekanan kepada proses penyelesaian pertikaian dua peringkat, iaitu pengantaraan dan penghakiman untuk memberikan peluang yang mencukupi kepada pihak-pihak yang bertikai untuk mencapai persetujuan secara baik, dan menerima pakai struktur fi yang akan menggalakkan PPK untuk menambah baik cara mereka mengendalikan aduan.

Langkah persediaan untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) yang sedia ada untuk menjadi FOS telah mencapai peringkat selanjutnya. FOS dijangka mula beroperasi pada suku kedua 2016.

Penubuhan FOS akan terus mengukuhkan mekanisme penyelesaian untuk pengguna

Selain FMB dan unit aduan khusus dalam PPK, BNMLINK dan BNMTELELINK terus menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk mencari jalan penyelesaian atau menyelesaikan pertikaian mereka dengan PPK. Sepanjang 10 tahun beroperasi, BNMLINK dan BNMTELELINK mengendalikan jumlah pertanyaan dan aduan yang semakin meningkat sehingga mencecah 480,000 pada tahun 2015. Aduan yang diterima Bank terhadap PPK berkurang pada tahun 2015, terutamanya disebabkan oleh pengurusan aduan yang lebih proaktif oleh PPK dan tumpuan berterusan Bank dalam menggalakkan layanan yang adil kepada pengguna kewangan serta amalan perniagaan yang bertanggungjawab dalam kalangan PPK.

PENGGUNA KEWANGAN BERPENGETAHUAN DAN BERTANGGUNGJAWAB

Kerjasama Bank yang berterusan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mempromosikan keupayaan kewangan sebagai kemahiran hidup yang penting sejak awal usia telah mencapai kemajuan yang menggalakkan. Usaha untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan ke dalam kurikulum sekolah terus mendapat sokongan, dengan matlamat untuk melengkapkan proses integrasi ini bagi semua sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2021. Pada tahun 2015, Bank menyokong KPM dalam usahanya membangunkan bahan pendidikan, termasuk modul pendidikan kewangan dan panduan mengajar untuk membolehkan guru mengajar pendidikan kewangan dengan berkesan. Penilaian terhadap keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan untuk kumpulan pertama murid Tahun Empat dan Tahun Lima juga sedang dijalankan dengan kerjasama KPM. Dapatan dan hasil penilaian ini akan digunakan untuk mempertingkat dan menambah baik usaha pelaksanaan pada masa akan datang.

Tinjauan keseluruhan berkaitan dengan inisiatif pendidikan kewangan utama pada tahun 2015, termasuk yang dilaksanakan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), dipaparkan dalam Jadual 4.2. Bank juga terus memanfaatkan kemajuan teknologi dalam reka bentuk serta penyampaian maklumat dan nasihat kewangannya. Empat aplikasi mudah alih berorientasikan pengguna, iaitu My Ringgit, My Tabung, My BNM dan BNM MyLINK diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pengguna dalam pengurusan kewangan. Inisiatif untuk membangunkan portal pendidikan kewangan (portal) juga dimulakan pada tahun 2015. Fasa pertama portal yang akan menyediakan akses kepada pengguna untuk mendapatkan maklumat pengurusan kewangan peribadi mengikut fasa kehidupan mereka, dijangka siap menjelang akhir tahun 2016. Untuk menyokong keperluan golongan orang kurang upaya, Bank bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memperkenalkan peranti yang dikenali sebagai Kad Ujian Tunai, iaitu kad plastik bersaiz kad kredit dengan alat yang direka khas untuk membantu orang kurang penglihatan mengenal pasti wang kertas dan duit syiling.

Untuk membantu Bank menentukan keutamaannya dan memastikan inisiatif pendidikan kewangan mencapai matlamat yang dikehendaki, Bank menjalankan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side, FCI) di seluruh negara pada bulan

- My Ringgit - Alat untuk belajar mengenai wang kertas Malaysia, termasuk ciri-ciri keselamatan dan piawaian kualiti.
- My Tabung - Alat untuk pengguna memantau dan mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan lebih baik.
- My BNM - Alat untuk pengguna mendapatkan laporan dan pengumuman kewangan terkini, termasuk amaran penipuan yang dikeluarkan oleh Bank.
- BNM MyLINK - Alat untuk pengguna membuat pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan terhadap PPK.

Maklumat lanjut mengenai kesemua aplikasi di atas boleh didapati di laman sesawang Bank, www.bnm.gov.my.

Jadual 4.2

Inisiatif Utama Pendidikan Kewangan pada Tahun 2015

Strategi	Inisiatif
Pendidikan kewangan di sekolah	• Memasukkan elemen pendidikan kewangan dalam kurikulum dan buku teks Tahun Enam bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral. • Memperlengkap 5,000 guru pelatih dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar pendidikan kewangan.
Pendidikan kewangan orang dewasa	• Menyampaikan pendidikan kewangan kepada lebih 373,000 orang dewasa melalui program AKPK yang disasarkan kepada pelbagai segmen pengguna, termasuk: – program pengurusan kewangan peribadi untuk pelajar kolej, pesara dan orang ramai; – panduan kewangan yang disediakan untuk peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia; – jerayawara (roadshow) `Jelajah Bijak Wang´ di enam lokasi utama yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Kewangan mengenai pengurusan kewangan yang baik; dan – permainan celik kewangan dalam talian, `Cent-sible Choice´, yang dilancarkan dengan kerjasama Visa, untuk mendidik generasi muda Malaysia mengenai tanggungjawab pengurusan kewangan. • Mempromosikan Program Pembelajaran Dalam Talian POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) secara berterusan, dengan sebanyak 1,359 individu berjaya mengikuti program ini hingga tamat. • Melatih 48 kaunselor dan jurulatih Polis Diraja Malaysia yang akan mengajar modul pendidikan kewangan kepada anggota polis dan ahli keluarga mereka.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit


Januari 2015 untuk mengukur dan mengesan tahap celik dan keupayaan kewangan pengguna Malaysia. Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Financial Literacy and Capability Index for Malaysia, MYFLIC) dibentuk dengan menggunakan data yang diperoleh dan dianalisis menerusi kaji selidik tersebut (Gambar Rajah 4.1).

Bank terus memanfaatkan kemajuan teknologi dalam reka bentuk dan penyampaian maklumat dan nasihat kewangan

Ringkasan pemerhatian utama Kaji Selidik FCI 2015 terdapat dalam Jadual 4.3. Kaji selidik ini menunjukkan bahawa walaupun infrastruktur kewangan untuk menggalakkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan dibangunkan dengan baik di Malaysia, pengguna masih kurang mahir membuat keputusan kewangan yang baik. Responden dalam kumpulan berpendapatan rendah tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyertai sistem kewangan secara berkesan kerana sumber pendapatan mereka sebahagian besarnya digunakan untuk memenuhi keperluan asas hidup. Oleh itu, strategi pendidikan kewangan juga diperlukan untuk membantu individu menambah pendapatan mereka secara bertanggungjawab, termasuk melalui agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, yang menyediakan bantuan untuk segmen penduduk yang mudah terjejas. Golongan yang berkemungkinan besar akan terpinggir dari segi kewangan seperti golongan penduduk lebih muda, golongan miskin bandar, golongan berpendapatan rendah dan pesara juga

Gambar Rajah 4.1

Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) 2015



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 4.3

Kaji Selidik FCI 2015: Pemerhatian Utama Mengenai Tahap Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia

Pengetahuan (55.0)

- Terdapat kesedaran umum mengenai produk dan perkhidmatan kewangan, di samping pemahaman konsep asas kewangan seperti risiko dan pulangan serta inflasi.
- Kebanyakan pengguna kurang memahami konsep dan kepentingan pempelbagaian. Pengguna juga sukar memahami konsep numerasi, pengiraan nilai wang mengikut masa (time value of money), faedah dan prinsipal serta faedah kompaun.
- Pelanggan AKPK dan usahawan mikro menunjukkan pemahaman yang lebih baik mengenai produk kewangan lazim, numerasi dan konsep kewangan.

Tingkah Laku (58.4)

- Pengguna pada amnya menyatakan bahawa mereka berhemat dalam perbelanjaan dan mampu membayar balik hutang. Hanya 19% responden mengakui hutang mereka membebankan.
- Sebilangan besar pengguna tidak bersedia menanggung perbelanjaan yang tidak dijangka, dengan 76% responden mengakui bahawa mereka akan menghadapi kesukaran untuk menyediakan wang sebanyak RM1,000 apabila diperlukan semasa kecemasan.
- Kebanyakan pengguna menyatakan mereka akan menghadapi tekanan kewangan sekiranya hilang punca pendapatan, dengan hanya 6% responden yakin mereka akan dapat memenuhi obligasi kewangan sekurang-kurangnya untuk tempoh enam bulan selepas hilang punca pendapatan.
- Hanya 40% responden bersedia dari segi kewangan untuk tempoh persaraan, manakala 92% bimbang akan kedudukan kewangan mereka apabila usia semakin lanjut.

Sikap (56.3)

- Pengguna cenderung untuk tidak berfikir panjang serta memberi tumpuan pada keperluan jangka pendek dengan mengorbankan keperluan masa akan datang.
- Pelanggan AKPK kurang kawalan kendiri dalam pengurusan kewangan mereka dan pada amnya mempunyai pandangan jangka pendek apabila membuat pilihan kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

menunjukkan tahap celik kewangan yang lebih rendah, dan secara khususnya akan mendapat manfaat daripada intervensi bersasaran dalam pendidikan kewangan. Pemerhatian ini akan digunakan oleh Bank untuk membangunkan dan melaksanakan intervensi pendidikan kewangan yang lebih berkesan dengan tujuan menambah baik indeks MYFLIC dari semasa ke semasa.

Tahap keupayaan kewangan pengguna Malaysia diukur melalui Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan di seluruh negara untuk melaksanakan intervensi pendidikan kewangan yang lebih berkesan

Bank terus menyumbang dan belajar daripada pertukaran pengalaman antarabangsa dalam bidang pendidikan kewangan. Sejak beberapa tahun lalu, penyertaan Bank dalam forum yang berkaitan membantu memantapkan keutamaan domestik, memperkukuh perkongsian dan memperluas perspektif dalam pelaksanaan inisiatif pendidikan kewangan. Sebagai sebahagian daripada perbincangan yang berterusan, Bank menjadi penganjur bersama simposium global Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan/Rangkaian Antarabangsa mengenai Pendidikan Kewangan (Organisation for Economic Co-operation and Development/International Network on Financial Education, OECD/INFE) pada bulan September 2015. Simposium yang berjaya menarik lebih 230 penggubal dasar dan pendidik kewangan ke negara ini, menyediakan platform yang produktif untuk membincangkan perkembangan dalam pendidikan kewangan, serta strategi dan dasar perlindungan pengguna untuk meneruskan inisiatif celik kewangan yang disasarkan kepada kumpulan pengguna yang berlainan. Sebagai anggota INFE dalam OECD, Bank juga terlibat secara aktif dalam usaha-usaha penyelidikan dan pengumpulan data, yang membolehkan Bank menggubal lebih banyak dasar dan melaksanakan intervensi pendidikan kewangan berdasarkan bukti.

2015

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

119 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

123 Trend dan Perkembangan Utama Dalam Sistem Pembayaran Runcit

130 Kerjasama Serantau Dalam Sistem Pembayaran

Pada tahun 2015, Bank terus menggalakkan keselamatan, kebolehpercayaan dan kecekapan sistem dan instrumen pembayaran sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya yang lebih luas untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan negara. Aktiviti pengawasan Bank terus tertumpu pada pengurusan risiko dan pengaturan kesinambungan perniagaan yang mencukupi untuk memastikan sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik dan seluruh sistem terus berdaya tahan. Sistem tersebut, iaitu Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun, dengan masing-masing menjelaskan dan menyelesaikan nilai urus niaga sebanyak 46.3 kali dan 1.6 kali daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Langkah turut diambil untuk memperkukuh pengurusan risiko dan keupayaan sistem bagi sistem pembayaran runcit yang lain khususnya pindahan kredit, untuk memenuhi keperluan jumlah urus niaga sistem pembayaran ini yang semakin meningkat.

Inisiatif mempercepat perpindahan kepada sistem pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) juga terus menjadi prioriti utama Bank untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Di bawah pelan hala tuju strategik 10 tahun untuk mempercepat perpindahan Malaysia kepada e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, Bank terus menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk mendorong penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas. Teras utama strategi yang diterima pakai Bank adalah dengan menggalakkan kecekapan dan persaingan dalam pasaran pembayaran runcit untuk menyediakan lebih banyak pilihan dan merangsang penyediaan perkhidmatan pembayaran yang lebih berkualiti untuk individu dan peniaga. Pada lima tahun pertama (2011-2015), usaha yang ketara dijuruskan ke arah mempertingkatkan rangka kerja pengawalseliaan, menangani herotan pasaran dan mewujudkan struktur insentif. Usaha juga diambil untuk menambah baik infrastruktur pasaran serta menggalakkan kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi dalam penggunaan e-pembayaran. Pada separuh kedua tempoh pelan hala tuju tersebut (2016-2020), Bank menyasarkan untuk mengukuhkan penyelarasan di kalangan pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif ini di seluruh industri untuk mendorong pencapaian matlamat e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Selain itu, penambahbaikan selanjutnya terhadap infrastruktur pembayaran utama kekal penting supaya berkembang seiring dengan inovasi dan memenuhi jangkaan keperluan masa depan (Gambar Rajah 5.1).


MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan RENTAS

RENTAS memudahkan pindahan dan penyelesaian urus niaga pembayaran dan sekuriti antara bank yang bernilai tinggi. Ketersediaan sistem kekal tinggi dengan mencapai tempoh beroperasi (uptime) sepenuhnya (100%) pada tahun 2015 dan menjelaskan urus niaga berjumlah RM53.6 trilion. Secara purata, sebanyak 17,897 urus niaga harian bernilai sebanyak RM217.8 bilion diselesaikan menerusi RENTAS, dan dari segi jumlah dan nilai masing-masing meningkat 0.8% dan 9% (Rajah 5.1). Seperti

Rajah 5.1

RENTAS: Purata Harian Mengikut Jumlah dan Nilai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5.1

Peringkat Perpindahan kepada E-pembayaran (2011-2020)



2011 hingga 2015

- Memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan, menangani herotan dan mewujudkan struktur insentif
- Mengembangkan dan mempertingkatkan infrastruktur pasaran
- Menggalakkan kesedaran dan keyakinan

2016 hingga 2020

- Memperkukuh penyelarasan dan penjajaran untuk memacu pencapaian sasaran e-pembayaran
- Penambahbaikan infrastruktur yang berterusan seiring dengan inovasi dan keperluan pengguna

Bidang tumpuan	Pindahan kredit untuk menggantikan cek	Kad debit untuk menggantikan wang tunai
1. Isyarat harga	• IBG (Maksimum 10 sen) • IBFT (Maksimum 50 sen)	• Had fi pertukaran • Mengasingkan MDR
2. Kualiti & tawaran nilai	• Masa pengkreditan yang lebih pantas untuk IBG • Butiran transaksi dalam penyata bank • Perkhidmatan IBG tarikh hadapan	• Ciri tanpa sentuhan
3. Pusat akses	• Pindahan kredit melalui perbankan dalam talian dan ATM	• 800,000 terminal menjelang tahun 2020
4. Struktur insentif pasaran	• Dana Insentif E-pembayaran	• Dana Pembangunan Pasaran
5. Kesedaran & keyakinan	• Jerayawara e-pembayaran • Perbincangan dan interaksi dengan media • Bengkel • Memperkukuh keperluan keselamatan	• Jerayawara e-pembayaran • Perbincangan dan interaksi dengan media • Kempen perbandaran • Memperkukuh keperluan keselamatan

Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun-tahun yang lalu, pindahan pasaran wang dan dana pihak ketiga mencakupi sebahagian besar daripada aktiviti RENTAS iaitu sebanyak 68% daripada jumlah nilai urus niaganya pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dari segi jumlah menjadi perlahan disebabkan terutamanya oleh penurunan pindahan dana pihak ketiga sebanyak 2% berbanding dengan kadar pertumbuhan purata 11.4% sepanjang tiga tahun yang lalu. Penurunan ini yang terutamanya terdiri daripada urus niaga RENTAS yang bernilai kurang daripada RM1 juta, sebahagiannya mencerminkan perpindahan urus niaga RENTAS yang bernilai lebih rendah kepada perkhidmatan pindahan kredit lain seperti GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) yang menawarkan perkhidmatan yang lebih baik termasuk waktu operasi berakhir (cut-off time) yang lebih panjang bagi membolehkan akaun pelanggan dikreditkan pada hari yang sama serta fi yang lebih rendah. Perpindahan pembayaran bernilai lebih rendah kepada sistem pembayaran runcit juga mengurangkan penumpuan risiko di RENTAS. Oleh itu, RENTAS terus digunakan terutamanya bagi urus niaga pembayaran antara bank yang bernilai lebih tinggi.

Pengendali RENTAS, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), menjalankan 11 ujian pemulihan bencana secara langsung pada tahun 2015, termasuk satu ujian yang dijalankan tanpa pemberitahuan lebih awal. Ini bertujuan menguji keberkesanan pengaturan kesinambungan perniagaan di bawah simulasi gangguan. Senario ini termasuklah gangguan pelayan (server), kegagalan komponen pengesahan dan gangguan hubungan rangkaian di pusat data utama. Ujian secara langsung ini mengesahkan tahap kewaspadaan yang mampan bagi MyClear dan peserta RENTAS serta tahap ketersediaan mereka apabila berlakunya gangguan, dengan sistem penyambungan semula perkhidmatan berjaya dibuat dalam tempoh pemulihan satu jam bagi setiap ujian seperti yang ditetapkan. Bank juga mengkaji semula peserta utama terpilih pada tahun 2015 dan mendapati

pengaturan kesinambungan perniagaan yang wajar telah disediakan.

Perkembangan RENTAS

Dengan pelaksanaan Kemudahan Pendanaan Semalaman Berkolateral Secara Automatik (Automated Collateralised Overnight Funding Facility, ACOFF) pada bulan Disember 2014, peserta RENTAS kini boleh menggunakan kolateral untuk mendapatkan mudah tunai selepas tamat waktu perniagaan sehingga pukul 9.00 malam bagi memenuhi obligasi sewaktu jendela penyelesaian waktu petang IBG. Kemudahan ini menyediakan saluran kepada sistem pembayaran runcit lain untuk memanfaatkan jendela penyelesaian waktu petang di RENTAS bagi mengurus mudah tunai antara bank dan mengurangkan risiko kredit. Pada tahun 2015, kira-kira 7.7% daripada penyelesaian IBG waktu petang harian diselesaikan menggunakan ACOFF. Walaupun di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan, Malaysia telah dinilai sebagai negara yang mematuhi sepenuhnya Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan yang dirumuskan oleh Bank for International Settlements (BIS) dan Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (International Organisation of Securities Commissions), usaha meningkatkan prestasi RENTAS terus menjadi prioriti utama Bank. Dalam hal ini, penambahbaikan juga dibuat untuk mentransformasikan RENTAS secara beransur-ansur kepada sistem pelbagai mata wang yang menerima pakai piawaian pesanan Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT) lengkap dengan pelbagai saluran akses dan fungsi tambahan untuk peserta terus meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan risiko mereka. Proses penambahbaikan ini dijangka selesai menjelang akhir tahun 2016 dan akan meliputi mekanisme penyelesaian kebuntuan pembayaran (gridlock) dan kemudahan automasi kredit intrahari mata wang bersilang. Ini akan mengukuhkan mekanisme pengurangan risiko sedia ada seperti fungsi Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) untuk renminbi, dolar Amerika Syarikat dan ringgit. Penerapan piawaian SWIFT, iaitu platform pelbagai mata wang dan langkah pengurangan risiko yang lebih baik, akan turut memudahkan usaha meningkatkan kecekapan dan integrasi RENTAS dengan infrastruktur pasaran kewangan serantau yang lain bagi urus niaga kewangan merentas sempadan yang lancar, selamat dan cekap.

Penerapan piawaian SWIFT dan langkah pengurangan risiko yang lebih baik akan meningkatkan kecekapan dan integrasi RENTAS dengan infrastruktur pasaran kewangan serantau yang lain bagi urus niaga kewangan merentas sempadan yang lancar, selamat dan cekap

Pengawasan pembayaran runcit

eSPICK dan sistem pembayaran runcit utama

Pada tahun 2015, eSPICK berfungsi dengan lancar dan mencapai 99.9% ketersediaan sistem. Walaupun tiga kejadian kecil menyebabkan gangguan sementara terhadap pautan peserta dengan sistem hos eSPICK, kejadian ini dapat diselesaikan dengan cepat. Dalam ketiga-tiga kejadian tersebut, ketepatan masa penjelasan cek dan penyelesaian antara bank tidak terjejas dengan teruk dan bank dapat mengkreditkan akaun penerima dalam tempoh maksimum dua hari perniagaan (T+1). Pada bulan November 2015, MyClear menjalankan langkah penggantian teknologi (technology refresh) berjadual untuk eSPICK, yang meliputi usaha menaik taraf perisian sistem dan komponen perkakasan bagi mengekalkan prestasi sistem pada tahap optimum untuk lima tahun akan datang.

Kecuali urus niaga eSPICK yang terus menunjukkan trend menurun, jumlah urus niaga yang diproses menerusi pelbagai sistem pembayaran runcit terus meningkat. Penggunaan perkhidmatan pindahan kredit yang terdiri daripada IBG dan Pindahan Dana Antara Bank (Interbank Fund Transfer, IBFT), terus mencatat pertumbuhan dua angka. Ini mencerminkan langkah pengguna cek yang semakin pantas beralih kepada perkhidmatan pindahan dana yang lebih cekap. MyClear dan Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) yang masing-masing mengendalikan perkhidmatan IBG dan IBFT juga telah memulakan usaha menaik


taraf infrastruktur rangkaian untuk memastikan kebolehpercayaan dan daya tahan sistem ini apabila menghadapi jangkaan pertambahan jumlah urus niaga dalam jangka sederhana. Pada tahun 2015, ketersediaan sistem pembayaran runcit kekal tinggi pada 99.8% tempoh beroperasi.

Penipuan pembayaran

Berikutan perpindahan kepada kad pembayaran berasaskan cip pada tahun 2005, kerugian akibat penipuan yang berkaitan dengan kad pembayaran kekal rendah, pada kurang 0.04% daripada jumlah nilai urus niaga dalam tempoh tahun 2006 hingga 2015 (Rajah 5.2). Urus niaga dalam talian tanpa kebenaran kekal sebagai jenis penipuan yang paling lazim, mencakupi 60% daripada jumlah penipuan kad pembayaran yang dilaporkan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, 97% daripada kerugian ditanggung oleh institusi kewangan di luar negara yang masih belum melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh. Ini selaras dengan peraturan skim kad pembayaran antarabangsa yang menghendaki pihak yang mempunyai ciri keselamatan lebih lemah menanggung kerugian akibat penipuan. Dalam hal ini, Malaysia telah melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh untuk urus niaga dalam talian sejak tahun 2012 yang memerlukan pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik setiap kali mengesahkan urus niaga dalam talian mereka.

Rajah 5.2

Nilai dan Jumlah Penipuan Kad Pembayaran[1], % daripada Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



[1]Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj

Sumber: Bank Negara Malaysia

Untuk terus meningkatkan perlindungan daripada urus niaga tanpa kebenaran, penggunaan kad debit dan kad prabayar untuk urus niaga di luar negara dan urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (seperti pesanan melalui pos, telefon atau urus niaga dalam talian yang tidak disahkan dengan menggunakan kaedah pengesahan yang kukuh) hanya akan dibenarkan apabila diminta oleh pemegang kad. Pada masa yang sama, industri perbankan sedang berusaha menggantikan pengesahan secara tandatangan kepada pengesahan melalui nombor pengenalan peribadi (Personal Identification Number, PIN) bagi urus niaga kad pembayaran di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS), yang dijangka siap menjelang 1 Januari 2017.


Sejak pengenalan langkah pengurusan risiko yang lebih kukuh pada tahun 2012, kerugian akibat penipuan dalam talian kekal kecil sebanyak kurang daripada 0.0002% daripada jumlah nilai urus niaga dalam tempoh tahun 2012 hingga 2015 (Rajah 5.3). Namun demikian, kegiatan mencuri maklumat (phishing) yang meliputi penggunaan e-mel, khidmat pesanan ringkas (short message services, SMS) atau panggilan telefon yang mendakwa kononnya daripada institusi kewangan untuk mengumpan mangsa supaya mendedahkan maklumat log masuk dan kod laluan mereka, terus berleluasa dan mencakupi 95.2% daripada jumlah penipuan perbankan dalam talian yang dilaporkan pada tahun 2015.

Penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran dan perbankan dalam talian kekal rendah pada tahun 2015, pada 0.04% daripada jumlah nilai urus niaga kad pembayaran dan 0.0002% daripada jumlah nilai urus niaga perbankan dalam talian

Pada tahun 2015, institusi kewangan terus mengukuhkan amalan pengurusan risiko untuk menangani ancaman penipuan dalam talian yang kian berubah. Ini termasuk penambahbaikan langkah pencegahan penipuan. Selain itu, institusi kewangan juga terus meningkatkan kesedaran

Rajah 5.3

Nilai dan Jumlah Penipuan Perbankan Dalam Talian, % daripada Jumlah Nilai dan Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengguna dengan memaparkan amaran penipuan di laman sesawang perbankan dalam talian. Inisiatif ini selaras dengan keperluan yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Disember 2014, yang memperkukuh obligasi institusi kewangan untuk memastikan pengurusan risiko dan langkah keselamatan kekal teguh, serta melaksanakan langkah yang berkesan untuk mendidik pelanggan tentang amalan perbankan dalam talian yang selamat.

Memandangkan kebanyakan kes penipuan melibatkan *phishing*, Bank akan mempergiat usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jenis penipuan sebegini dan langkah pencegahan yang boleh diambil oleh pelanggan apabila membuat urus niaga perbankan dalam talian. Ini akan dilengkapi keperluan pengawalseliaan yang lebih ketat terhadap institusi kewangan bagi meningkatkan keberkesanan inisiatif pendidikan pengguna bagi mengurangkan cubaan penipuan yang menggunakan taktik memperdaya untuk memanipulasi mangsa supaya mendedahkan maklumat sensitif atau rahsia mereka. Selain itu, Bank berusaha meningkatkan amalan pengurusan risiko institusi kewangan tertentu yang masih mempunyai kelemahan. Ini termasuk menghendaki institusi kewangan terbabit untuk menambah baik pengurusan risiko seperti menggunakan sistem pengesanan penipuan automatik melalui analisis tingkah laku untuk mengenal pasti aktiviti yang mencurigakan, melakukan pengesahan imej atau perkataan untuk membolehkan pelanggan menentukan kesahihan laman sesawang perbankan Internet institusi kewangan dan melaksanakan langkah pengesahan dua faktor yang lebih kukuh bagi urus niaga yang berisiko tinggi.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Pembayaran runcit bukan tunai


Pembayaran runcit bukan tunai terus berkembang (Rajah 5.4), dengan purata jumlah urus niaga bukan tunai per kapita meningkat kepada 87 urus niaga pada tahun 2015 berbanding dengan 56 pada tahun 2011. Pembayaran bukan tunai yang paling lazim ialah urus niaga wang elektronik (e-money), terutamanya pembayaran transit menggunakan kad prabayar. Ini diikuti pindahan kredit antara akaun bank dan urus niaga kad pembayaran di cawangan perniagaan (merchant outlets). Sebaliknya, penggunaan cek oleh pengguna dan peniaga terus merosot dengan jumlah cek per kapita yang dikeluarkan terus berkurang daripada tujuh cek pada tahun 2011 kepada lima cek pada tahun 2015, manakala urus niaga debit terus kekal kecil.

Strategi mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran

Sepanjang lima tahun yang lalu, pengurangan dalam penggunaan cek dan peningkatan dalam penggunaan perkhidmatan e-pembayaran adalah menggalakkan (Gambar Rajah 5.2). Jumlah cek yang dikeluarkan setiap tahun menurun 27.8% daripada 205 juta pada tahun 2011 kepada 148 juta pada tahun 2015, manakala e-pembayaran per kapita meningkat 67.2% daripada 49 kepada 82 dalam tempoh yang sama. Jumlah terminal POS dan urus niaga kad debit per kapita juga dijangka meningkat dengan pesat berikutan pelaksanaan Rangka

Rajah 5.4


Jumlah Urus Niaga Bukan Tunai per Kapita



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Gambar Rajah 5.2

Status Pencapaian Sasaran Pelan Sektor Kewangan 2011-2020



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) pada tahun 2015, yang berkemungkinan mengurangkan kos penerimaan kad debit dan menggalakkan penerimaan kad pembayaran oleh golongan peniaga kecil. Selaras dengan pengurangan kos penerimaan kad pembayaran, pihak industri sedang melaksanakan inisiatif memperluas rangkaian terminal POS, memperkenalkan ciri baharu kad yang meningkatkan kemudahan dan keselamatan serta menggalakkan penggunaan kad debit.

Strategi utama untuk mencapai sasaran e-pembayaran seperti yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 adalah dengan mempertingkatkan penggunaan perkhidmatan pindahan kredit (untuk menggantikan cek) dan penggunaan kad debit dan pembayaran mudah alih (untuk menggantikan wang tunai), memandangkan terdapat ketersediaan dan potensi yang besar untuk menjadikan kaedah pembayaran tersebut sebagai alternatif pembayaran yang berkesan dari segi kos. Langkah ini akan memanfaatkan infrastruktur pembayaran sedia ada untuk mengelakkan pertindihan dari segi sumber dan pelaburan oleh industri. Dalam hal ini, Bank telah bekerjasama dengan industri untuk mengukuhkan lima bidang utama bagi menjadikan e-pembayaran lebih berpatutan dari segi kos serta lebih mudah diakses dan digunakan (Gambar Rajah 5.3). Yang penting dalam strategi ini ialah usaha menggalakkan kecekapan dan persaingan dalam landskap pembayaran untuk merangsang penyediaan penawaran produk yang lebih baik selain menyediakan lebih banyak pilihan kepada pengguna dan peniaga. Memandangkan kadar penembusan mudah alih di Malaysia yang tinggi, usaha juga sedang diambil untuk menggalakkan inovasi dan keyakinan dalam saluran mudah alih sebagai cara mudah untuk menjalankan urus niaga perbankan dan pembayaran.


Penggunaan perkhidmatan pindahan kredit, kad debit dan pembayaran mudah alih akan dipertingkatkan untuk mengurangkan penggunaan cek dan wang tunai

Penggunaan pindahan kredit runcit semakin meningkat

Pada tahun 2015, jumlah cek yang dikeluarkan menurun dengan lebih ketara pada 16.5% berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya (2014: -10.1%; 2013: -3.3%). Jumlah urus niaga perkhidmatan pindahan kredit runcit yang terdiri daripada IBG dan IBFT, masing-masing terus mencatat peningkatan dua angka sebanyak 31.2% (2014: 36.2%) dan 76.7% (2014: 67.8%) (Rajah 5.5). Hal ini antara lain didorong oleh fi urus niaga yang lebih rendah, insentif yang ditawarkan oleh bank, ketersediaan yang lebih meluas, ciri-ciri yang

Gambar Rajah 5.3

Instrumen dan Bidang Tumpuan Utama untuk Mempercepat Perpindahan kepada E-pembayaran



[1] Jumlah akaun semasa dan akaun simpanan
[2] Anggaran berdasarkan dapatan Kaji Selidik Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan yang menunjukkan 92% daripada individu berumur 15 tahun atau lebih mempunyai akaun deposit


Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih baik serta kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi untuk menggunakan perkhidmatan ini.

Urus niaga IBFT menerusi perbankan dalam talian secara purata meningkat lebih cepat pada 170.8% berbanding urus niaga menerusi mesin juruwang automatik (automated teller machines, ATM) yang meningkat 30.4% sepanjang dua tahun yang lalu. Pada tahun 2015, urus niaga IBFT dalam talian meningkat kepada 26.1 juta, mengatasi buat kali pertamanya jumlah urus niaga IBFT melalui ATM (Rajah 5.6). Pencapaian ini berikutan bertambahnya jumlah bank yang menawarkan perkhidmatan IBFT menerusi perbankan dalam talian, pengurangan fi IBFT dalam talian dan kebiasaan pengguna yang semakin bertambah mengenai perkhidmatan IBFT dalam talian.

Rajah 5.5

Jumlah Urus Niaga Cek, IBG dan IBFT




Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkhidmatan pindahan kredit runcit yang berkesan dari segi kos

Pelaksanaan pembaharuan terhadap struktur penentuan harga pembayaran sejak tahun 2013 (Jadual 5.1) telah menyebabkan pelanggan memilih untuk beralih secara beransur-ansur daripada menggunakan cek kepada perkhidmatan pindahan kredit yang lebih berkesan dari segi kos. Antara lain, pembaharuan penentuan harga termasuk pelaksanaan had fi IBG sebanyak 10 sen bagi setiap urus niaga dan fi pemprosesan cek sebanyak 50 sen. Ini dilengkapi dengan pengenalan rangka kerja Dana Insentif e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF) pada bulan Januari 2015, yang menghendaki institusi kewangan menyalurkan fi pemprosesan cek untuk disumbangkan kepada usaha penyediaan insentif bagi menggalakkan pelanggan berpindah kepada e-pembayaran.

Rajah 5.6

Jumlah Urus Niaga IBFT Melalui ATM dan Perbankan Dalam Talian



Sumber: Bank Negara Malaysia

MEPS juga mengambil langkah menggalakkan penggunaan e-pembayaran pada tahun 2015. Berkuat kuasa pada 1 Jun 2015, MEPS menetapkan had maksimum sebanyak 50 sen bagi perkhidmatan IBFT untuk pengguna. Sebelum ini, pengguna dikenakan caj antara RM1 hingga RM4 bagi setiap urus niaga. Melalui kerjasama dengan institusi kewangan, MEPS juga melancarkan kempen di seluruh negara untuk memansuhkan fi urus niaga untuk tempoh tiga bulan bermula pada bulan Oktober 2015.

Pelbagai pusat akses kepada perkhidmatan pindahan kredit runcit

Sepanjang tiga tahun yang lalu, jumlah pelanggan perbankan dalam talian aktif yang menjalankan urus niaga dalam talian sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan meningkat pada kadar pertumbuhan purata 19%. Pada tahun 2015, terdapat 7.8 juta pelanggan aktif setiap bulan secara purata. Namun, perkembangan ini hanya mewakili 14.1% daripada jumlah akaun semasa dan simpanan (current and savings accounts, CASA) di Malaysia. Inisiatif utama untuk memperluas ketersediaan perkhidmatan e-pembayaran kepada segmen ekonomi yang masih belum menggunakan perbankan dalam talian adalah melalui penyediaan perkhidmatan pindahan kredit menerusi ATM. Ini akan menyediakan saluran alternatif kepada orang ramai untuk mengakses perkhidmatan pindahan kredit. Setakat ini, 15 bank menawarkan perkhidmatan IBG dan 20 bank menawarkan perkhidmatan IBFT menerusi ATM masing-masing, dengan itu menyediakan akses kepada perkhidmatan e-pembayaran kepada kira-kira 96.3% dan 99.9% daripada jumlah CASA (Jadual 5.2). Pada tahun 2015, jumlah urus niaga IBG menerusi ATM meningkat lebih dua kali daripada 255,310 urus niaga pada tahun 2014 kepada 658,832 urus niaga pada tahun 2015.

Perkhidmatan IBG dan IBFT lebih mudah diakses menerusi perbankan dalam talian dan ATM. Jumlah urus niaga IBG yang dijalankan menerusi ATM meningkat lebih dua kali daripada 255,310 urus niaga pada tahun 2014 kepada 658,832 urus niaga pada tahun 2015

Ciri pindahan kredit runcit berkualiti tinggi dan bernilai tambah

Satu lagi pendorong utama penggunaan e-pembayaran ialah kepantasan masa pemindahan dana antara bank. Perkhidmatan IBG telah ditambah baik pada bulan Disember 2014 untuk memudahkan dana dikreditkan pada hari yang sama bagi arahan pembayaran yang dibuat sebelum pukul 5.00 petang, berbanding pukul 12.30 tengah hari sebelum ini. Perkhidmatan

Jadual 5.1

Struktur Fi bagi Cek, IBG dan IBFT

	Fi Terdahulu	Fi Semasa (Tertinggi*)	
		Fi	Tarikh Berkuat Kuasa
IBG:			
Dibuat:			
- Perbankan dalam talian	RM2	10 sen*	2 Mei 2013
- ATM	RM2	30 sen*	1 Oktober 2014
Cek	TIADA	50 sen	2 Januari 2015
IBFT	RM1 - RM4	50 sen*	1 Jun 2015

Jadual 5.2

Akses kepada Perkhidmatan IBG dan IBFT Melalui ATM dan Perbankan Dalam Talian

	IBG	IBFT
Bilangan bank yang menawarkan melalui perbankan dalam talian	30	17
Bilangan bank yang menawarkan melalui ATM	15	20
- Bilangan mesin ATM	11,356	12,287

IBFT pula menyediakan pengkreditan ke dalam akaun pelanggan pada asas hampir masa nyata. Masa pengkreditan bagi perkhidmatan IBG dan IBFT nyata lebih cepat berbanding dengan cek. Bagi penggunaan cek, akaun pelanggan hanya akan dikreditkan pada akhir hari perniagaan keesokannya bagi cek yang didepositkan ke dalam bank sebelum pukul 4.00 petang (Jadual 5.3). Untuk terus meningkatkan tawaran nilai perkhidmatan IBG dan IBFT, butiran rujukan pembayaran, termasuk nama penerima dan pembayar, kini tercatat dalam penyata bank lantas memudahkan penyelarasan antara penerima dan pembayar.

Pelancaran JomPAY, iaitu platform pembayaran bil secara elektronik kebangsaan pada 9 April 2015, merupakan satu lagi inisiatif yang direka khusus untuk meningkatkan kecekapan dan kemudahan pembayaran bil. JomPAY membolehkan pelanggan bank peserta membuat bayaran kepada pengeluar bil yang berdaftar dengan semua bank peserta JomPAY. Platform terbuka ini memansuhkan keperluan bagi pengeluar bil untuk mempunyai akaun dengan pelbagai bank bagi menerima pembayaran daripada pelanggan mereka. Pada akhir tahun 2015, JomPAY telah ditawarkan oleh 29 bank melalui perbankan dalam talian dan empat bank menerusi ATM, dengan 472 pengeluar bil berdaftar menerima pembayaran menerusi platform ini. Pada tahun 2015, sebanyak 302,595 urus niaga berjumlah RM99 juta dibuat menggunakan JomPAY. Terdapat perancangan untuk meluaskan pasaran pembayaran bil elektronik yang merangkumi sektor peniaga baharu, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro, untuk mencapai sasaran 5,000 pengeluar bil berdaftar pada tahun 2020.

Menggalakkan ketelusan dan persaingan

Untuk menggalakkan ketelusan dan persaingan dalam kalangan bank berhubung dengan penawaran produk mereka, butiran mengenai perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan oleh bank dipaparkan di semua cawangan bank dan laman sesawang institusi perbankan, Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Orang ramai boleh memilih perkhidmatan terbaik yang ditawarkan oleh bank sesuai dengan keperluan mereka dengan membandingkan butiran seperti fi urus niaga, saluran akses, masa pengkreditan dan had urus niaga.

Memudahkan penggunaan kad pembayaran yang lebih meluas

Trend urus niaga dan bahagian pasaran bagi kad pembayaran

Penggunaan kad pembayaran terus meningkat dari segi jumlah dan nilai urus niaga, masing-masing pada 8.4% dan 9.9%, dan mencecah sebanyak

Jadual 5.3

Ciri-ciri Nilai Ditambah bagi Perkhidmatan IBG dan IBFT

	IBG	IBFT	Cek
Masa pengkreditan	Pada hari urus niaga yang sama jika pembayaran dibuat sebelum 5.00 petang	Hampir serta-merta	Hari urus niaga berikutnya jika cek didepositkan sebelum 4.00 petang
Bilangan bank yang menyediakan rujukan pembayaran bagi urus niaga yang dibuat melalui perbankan dalam talian pada akhir 2015			
– Maklumat pembayar dalam penyata penerima	Kesemua 30 bank menawarkannya	16 daripada 17 bank menawarkannya	Tiada rujukan pembayaran
– Maklumat penerima dalam penyata pembayar	29 daripada 30 bank menawarkannya	14 daripada 17 bank menawarkannya	


453.9 juta urus niaga bernilai RM141.5 bilion pada tahun 2015 (2014: 418.8 juta; RM128.8 bilion) (Rajah 5.7). Kad kredit kekal sebagai kad pembayaran paling meluas digunakan tetapi bahagiannya daripada jumlah urus niaga kad pembayaran menurun kepada 79.2% pada tahun 2015 (2014: 82.5%). Bahagian kad debit daripada jumlah urus niaga kad pembayaran bertambah kepada 19.8% (2014: 16.4%), mencerminkan pertumbuhan tahunan 31% dengan jumlah urus niaga sebanyak 90.1 juta dan bernilai RM20 bilion (2014: 68.7 juta; RM14.8 bilion). Bahagian urus niaga kad caj secara relatif kekal rendah pada 0.9% (2014: 1%).

Kos penerimaan kad pembayaran lebih rendah

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha mengurangkan kos penerimaan kad pembayaran dengan pelaksanaan PCRF yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2015. PCRF menangani isu kenaikan sewenang-wenangnya dalam fi pertukaran dan juga herotan lain dalam pasaran kad pembayaran yang sebelum ini telah menyebabkan kenaikan kos penerimaan kad pembayaran yang tidak wajar. Ini dicapai menerusi penetapan had maksimum bagi fi pertukaran yang disokong oleh beberapa siri langkah menggalakkan kecekapan dan persaingan dalam pasaran kad pembayaran. Langkah ini bertujuan mengurangkan kos dan pada masa yang sama memberikan lebih banyak pilihan dan kawalan terhadap kos penerimaan kad pembayaran kepada peniaga (Jadual 5.4). Langkah ini juga telah menyebabkan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) secara purata yang dikenakan oleh pemeroleh (acquirer) mulai menurun sedikit dan seterusnya dapat menggalakkan penerimaan kad pembayaran secara lebih meluas (Rajah 5.8).

Rajah 5.7

Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 5.4

Langkah-langkah untuk Membolehkan Peniaga Mengawal Kos Penerimaan Kad Pembayaran dengan Lebih Baik

Langkah-langkah	Rasional
1. Mengasingkan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) bagi kad pembayaran	Untuk memastikan MDR mencerminkan struktur kos kad pembayaran yang berbeza
2. Penzahiran kadar MDR dan fi pertukaran (interchange fee) dalam penyata peniaga	Untuk memberikan penzahiran yang lebih jelas kepada peniaga mengenai kos penerimaan kad pembayaran yang berbeza
3. Memperkasakan peniaga untuk mendorong pelanggan supaya menggunakan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos	Untuk memudahkan peniaga mengurangkan kos penerimaan kad pembayaran dengan menggalakkan pelanggan untuk menggunakan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos
4. Memperkasakan peniaga untuk menetapkan rangkaian utama untuk kad debit pelbagai aplikasi[1]	Untuk membolehkan peniaga mengutamakan penerimaan rangkaian kad pembayaran dengan kos yang paling rendah bagi mengurangkan kos penerimaan kad pembayaran


[1] Kad debit pelbagai aplikasi yang mempunyai aplikasi debit jenama domestik (iaitu MyDebit) dan aplikasi debit jenama antarabangsa (contohnya Visa atau MasterCard) dalam kad yang sama.

Akses lebih luas melalui penyediaan terminal POS

Pada tahun 2015, jumlah terminal POS dalam pasaran meningkat 18.1% kepada 280,704 (2014: 4.9%; 237,657). Untuk terus menggalakkan peluasan rangkaian terminal POS, PCRF memberikan pilihan kepada skim kad pembayaran untuk membentuk Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund, MDF) bagi menyokong penyediaan terminal POS baharu (Gambar Rajah 5.4). MDF akan dibiayai sebahagiannya daripada fi pertukaran yang diterima, iaitu sebanyak 0.1% daripada nilai urus niaga kad kredit. Pengeluar kad yang menerima dana MDF akan diberi sasaran tertentu bagi penyediaan terminal POS. Pengeluar kad yang gagal mencapai sasaran dikehendaki memulangkan dana MDF

Gambar Rajah 5.4

Mekanisme MDF



Sumber: Bank Negara Malaysia


tersebut kepada akaun terkumpul secara pro rata. Dana yang dipulangkan ini kemudiannya akan ditawarkan kepada pengeluar kad lain yang boleh menampung kekurangan dalam penyediaan terminal POS. Dua skim kad pembayaran utama kini telah pun membentuk MDF untuk manfaat peserta masing-masing dan dijangka menyalurkan kira-kira RM455 juta untuk peluasan rangkaian terminal POS antara bulan Julai 2015 hingga tahun 2020.

Inisiatif ``Cip dan PIN´´ serta Spesifikasi Kad Cip Malaysia

Penambahbaikan infrastruktur kad pembayaran kini sedang dijalankan dengan jangkaan perpindahan daripada pengesahan secara tandatangan kepada pengesahan secara PIN bagi urus niaga kad pembayaran di terminal POS ("Cip dan PIN") dan pengeluaran kad pembayaran dan terminal yang memenuhi Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification, MCCS), masing-masing menjelang 1 Januari 2017 dan 1 Januari 2018 (Gambar Rajah 5.5). Untuk menyokong penambahbaikan infrastruktur tersebut dan penambahan terminal POS, pihak industri menyatakan komitmen untuk melabur kira-kira RM1.1 bilion antara tahun 2015 hingga 2020. Penggunaan pengesahan ``Cip dan PIN´´ akan terus meningkatkan keselamatan urus niaga kad pembayaran di terminal POS, manakala penggunaan piawaian antarabangsa Europay-MasterCard-Visa (EMV) dan fungsi tanpa sentuhan di bawah inisiatif MCCS pula akan meningkatkan fungsi saling boleh kendali dan kecekapan kad debit domestik. Ciri-ciri penambahbaikan kad ini akan memberikan lebih kemudahan dan terus meningkatkan keyakinan pengguna untuk menggunakan kad pembayaran.

Rajah 5.8

MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran*



*Berdasarkan data yang diperoleh daripada 10 pemeroleh yang mempunyai 61% bahagian pasaran daripada jumlah terminal POS pada akhir tahun 2015.


Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan penggunaan perbankan dan pembayaran mudah alih

Bank juga memantau dengan rapi perkembangan dalam perbankan dan pembayaran mudah alih. Dengan kadar penembusan sebanyak kira-kira 1.5 telefon mudah alih per kapita, telefon mudah alih berpotensi menjadi saluran urus niaga perbankan dan pembayaran yang mudah. Pada masa ini, perkhidmatan perbankan mudah alih ditawarkan oleh 13 bank, yang secara kolektif mencakupi 86.1% daripada jumlah CASA. Langganan kepada perkhidmatan perbankan mudah alih juga meningkat dengan ketara, dengan jumlah pelanggan perbankan mudah alih bertambah 29.1% kepada 7.3 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, 1.6 juta merupakan pelanggan aktif. Perkembangan ini turut disokong oleh peningkatan jumlah urus niaga kewangan perbankan mudah alih sebanyak 35.6% kepada 31.6 juta urus niaga. Terdapat juga peningkatan dalam perkhidmatan pembayaran mudah alih yang ditawarkan

Gambar Rajah 5.5

Inisiatif Seluruh Industri untuk Menambah Baik Landskap Kad Pembayaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh pengendali rangkaian mudah alih, lantas menjadikan urus niaga pembayaran mudah alih meningkat 15.9% kepada 0.3 juta pada tahun 2015. Trend ini dijangka berterusan berikutan kemajuan pesat dalam teknologi mudah alih di samping kesedaran dan keyakinan pengguna yang lebih tinggi. Tumpuan utama Bank adalah untuk menggalakkan inovasi dan meningkatkan keyakinan dalam perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih. Meskipun beberapa langkah keselamatan telah menjadi sebahagian daripada ciri keselamatan perbankan dalam talian seperti kod pengesahan urus niaga (transaction authorisation code, TAC), usaha untuk meningkatkan piawaian keselamatan terus giat dijalankan dan yang paling ketara ialah pengenalan kaedah pengesahan biometrik oleh beberapa bank.

Memupuk kesedaran untuk merangsang penggunaan e-pembayaran

Sejak tiga tahun yang lalu, Bank bekerjasama rapat dengan industri perbankan untuk memulakan beberapa program jangkauan untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi dan menggalakkan penggunaan instrumen pembayaran dan perkhidmatan yang berkesan dari segi kos kepada pengguna dan peniaga. Ini termasuk jerayawara (roadshow) 'Gunalah IBG' ('Experience IBG'), 'Hari Terbuka' di cawangan bank serta Forum dan Pameran Sistem Pembayaran tahunan. Pendekatan secara bersama ini diteruskan pada tahun 2015 dengan Jerayawara e-Pembayaran Nasional diadakan di enam bandar utama di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur. Jerayawara ini memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan penerimaan kad pembayaran, pindahan dana menerusi ATM, perkhidmatan perbankan dalam talian, dan amalan yang selamat semasa membuat urus niaga perbankan dalam talian. Jerayawara ini disertai terutamanya oleh PKS dan perusahaan mikro. Melalui jerayawara ini, bank turut melancarkan kempen di lebih 40 bandar terpilih untuk menggalakkan sektor perniagaan menerima kad pembayaran dengan tawaran insentif dan pakej promosi yang menarik semasa kempen tersebut berlangsung. Ini termasuk fi MDR yang lebih rendah dan pengecualian bayaran sewa terminal kad pembayaran kepada peniaga yang mendaftar untuk perkhidmatan penerimaan kad.

KERJASAMA SERANTAU DALAM SISTEM PEMBAYARAN

Bank terus meningkatkan kerjasama kewangan serantaunya pada tahun 2015 dengan menyertai pelbagai kumpulan serantau seperti Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat

Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), Forum Infrastruktur Penyelesaian Merentas Sempadan ASEAN+3 (ASEAN+3 Cross-border Settlement Infrastructure Forum, CSIF) dan Jawatankuasa Kerja ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS). Bank kini mempengerusikan secara bersama WCPSS ASEAN yang berusaha untuk meningkatkan kesalinghubungan dalam infrastruktur pembayaran ASEAN. Inisiatif yang sedang diambil termasuklah meningkatkan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan dan menggalakkan penumpuan lebih meluas antara rangka kerja pengawalseliaan dalam negeri dalam bidang seperti perlindungan pengguna dan pengurusan risiko. Langkah-langkah ini dijangka membentuk sistem pembayaran bersepadu ASEAN yang selamat, inovatif, berdaya saing, cekap dan berkesan dari segi kos. Ini seterusnya dijangka memberikan pilihan yang lebih banyak dan akses saluran e-pembayaran yang lebih luas kepada pengguna serta kos dan risiko urus niaga yang lebih rendah selain penyelesaian yang lebih cepat. Untuk mencapai matlamat integrasi pembayaran dalam ASEAN, usaha akan terus dijuruskan ke arah menyeragamkan piawaian teknikal dan operasi dalam bidang seperti format pesanan, kitaran penyelesaian, ketersediaan perkhidmatan, penyelesaian pertikaian dan pengurusan liabiliti. Namun, usaha-usaha tersebut perlu disokong oleh kerjasama dan pengaturan penyelarasan merentas sempadan, termasuk bina upaya dan bantuan teknikal. Dalam melaksanakan usaha-usaha tersebut, pelbagai peringkat pembangunan ekonomi, rangka kerja institusi dan keutamaan domestik di seluruh negara ASEAN turut diambil kira.

2015

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Perangkaan Penting Kewangan dan Sistem Pembayaran

Sistem Kewangan

A.1 Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama MS 1
A.2 Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful MS 2

Sistem Perbankan

A.3 Sistem Perbankan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 3
A.4 Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 4
A.5 Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 5
A.6 Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 6
A.7 Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja MS 7
A.8 Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi MS 7
A.9 Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi MS 8

Sektor Insurans
Perniagaan Insurans Hayat

A.10 Insurans Hayat: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 8

Perniagaan Insurans Am

A.11 Insurans Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian MS 9

Sektor Takaful
Perniagaan Takaful Keluarga

A.12 Takaful Keluarga: Pendapatan dan Perbelanjaan MS 9

Perniagaan Takaful Am

A.13 Takaful Am: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian MS 10

Institusi Kewangan Pembangunan

A.14 Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana MS 11
A.15 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana MS 12
A.16 Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi MS 13
A.17 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi MS 14
A.18 Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih MS 15

Perniagaan Perkhidmatan Wang

A.19 Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk MS 16

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

A.20	Penunjuk Pembayaran Asas	MS 17
A.21	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga	MS 18
A.22	Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga	MS 18
A.23	Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 19
A.24	Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS	MS 20
A.25	Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga	MS 21
A.26	Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran	MS 21
A.27	Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM di Malaysia	MS 22
A.28	Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)	MS 22
A.29	Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran	MS 23
A.30	Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen	MS 24

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.7	15.7	-	-	-
Nisbah Modal Teras	13.7	13.9	-	-	-
Nisbah Jumlah Modal[1]	-	-	14.9	15.9	16.1
Nisbah Modal Kumpulan 1[1]	-	-	13.5	14.0	13.8
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[1]	-	-	12.6	13.3	12.8
Pulangan atas Aset	1.6	1.6	1.5	1.5	1.3
Pulangan atas Ekuiti	17.4	17.4	15.9	15.2	12.4
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset[2]	16.0	13.8	11.6	13.3	-
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Liabiliti Jangka Pendek[2]	45.4	42.5	36.5	42.6	-
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai[3]	-	-	-	-	129.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.8	1.4	1.3	1.2	1.2
Caj Modal untuk Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas[1]	1.7	1.7	1.5	1.4	1.2
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas[1]	6.7	6.1	5.7	4.7	6.1
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas[1]	0.9	0.6	0.8	1.3	0.7
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	222.5	219.1	246.1	251.9	251.9
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	12.7	17.9	13.2	13.8	12.0
Premium / Caruman Perniagaan Baharu (RM bilion)	10.9	12.0	12.1	12.9	13.3
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	248.5	242.3	260.9	259.2	260.8
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.5	1.7	1.8	1.8	1.3
Keuntungan Kendalian (RM bilion)	1.7	2.9	3.2	3.2	2.7
Premium / Caruman Langsung Kasar (RM bilion)	15.4	16.6	17.8	19.1	19.5
Nisbah Tuntutan	66.7	57.3	57.1	57.5	60.2
Nisbah Kecukupan Modal (konvensional sahaja)	222.9	227.7	231.7	279.7	263.4
Sektor Isi Rumah (IR)					
Jumlah Hutang IR (RM bilion)	694.2	782.3	877.6	960.2	1,030.6
Jumlah Aset Kewangan IR (RM bilion)	1,519.6	1,712.3	1,904.9	2,018.2	2,116.1
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	76.1	80.5	86.1	86.8	89.1
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	218.9	218.9	217.1	210.2	205.3
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	154.7	156.3	155.7	147.9	142.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	1.8	1.5	1.3	1.2	1.1
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	5.5	5.1	4.9	4.7	3.9*
Pulangan atas Ekuiti	10.2	9.0	9.3	8.1	6.8*
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	45.5	42.5	40.0	41.5	46.8*
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.9	5.4	7.6	7.3	5.3*
Margin Operasi	13.2	12.2	12.9	11.8	13.4*
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	4.1	3.0	2.8	2.6	2.5
Institusi Kewangan Pembangunan[4]					
Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	7.1	10.1	8.1	7.0	5.5
Deposit Digembleng (% perubahan)	16.1	7.1	7.2	5.3	1.9
Nisbah Pinjaman Terjejas	7.3	6.3	5.6	4.7	4.7
Pulangan atas Aset	2.7	2.5	2.2	1.6	1.5

[1] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
[2] Mulai bulan Januari 2012, deposit antara bank tidak termasuk dalam pengiraan aset mudah tunai
[3] Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 dan menggantikan garis panduan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan pada 1 Julai 1998
[4] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
*Berdasarkan data dari Januari hingga September 2015
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama - Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah aset[1,2]	434,665.5	494,705.2	558,295.0	615,190.0	685,391.9
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1,2]	22.4	23.8	25.0	25.5	26.8
Jumlah pembiayaan[1,2]	268,251.5	314,973.3	370,673.8	427,887.8	495,004.6
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1,2]	24.3	25.8	27.5	29.2	31.3
Jumlah deposit dan akaun pelaburan[1,3]	-	-	-	-	550,139.7
Jumlah deposit	340,695.8	386,196.8	436,327.6	494,738.3	502,992.4
Jumlah akaun pelaburan	-	-	-	-	47,147.3
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1,3]	24.4	25.6	26.7	28.2	30.0
	%				
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.0	14.5	-	-	-
Nisbah Modal Teras	12.1	12.0	-	-	-
Nisbah Jumlah Modal[4]	-	-	15.1	16.2	16.1
Nisbah Modal Kumpulan 1[4]	-	-	12.8	12.9	12.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1[4]	-	-	12.8	12.8	12.3
Pulangan atas Aset	1.0	1.3	1.2	1.1	1.0
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.6	1.2	1.0	0.9	0.9
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	16,948.2	19,045.6	20,934.2	22,746.3	24,753.2
Keluarga	14,377.2	16,289.8	17,952.2	19,619.3	21,434.8
Am	2,570.9	2,755.9	2,982.0	3,127.0	3,318.4
% daripada industri insurans dan takaful	8.8	9.0	9.0	9.1	9.4
Pendapatan Caruman Bersih	4,863.0	5,887.8	6,204.4	6,330.6	6,809.7
Keluarga	3,703.6	4,574.8	4,803.9	4,787.2	5,098.4
Am	1,159.4	1,313.0	1,400.5	1,543.4	1,711.3
% daripada industri insurans dan takaful	13.0	14.3	14.1	12.5	12.9
Takaful Keluarga					
Caruman Perniagaan Baharu	2,695.1	3,474.5	3,563.5	3,500.3	3,638.4
Takaful Am					
Caruman Langsung Kasar	1,599.1	1,737.6	1,908.8	2,163.7	2,295.9
Nisbah Tuntutan (%)	67.8	56.9	53.6	47.8	51.9

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[2] Mulai 1 Julai 2015, termasuk aset / pembiayaan yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira
[3] Mulai 1 Julai 2015, deposit Islam dan akaun pelaburan hendaklah diasingkan. Angka bagi akaun pelaburan termasuk akaun yang direkodkan di dalam dan luar kunci kira-kira
[4] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal yang dilaporkan adalah berdasarkan *Basel III Capital Adequacy Framework*
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.3

Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	73,681.0	83,760.1	83,079.3	89,416.7	96,797.4
Tolak: Perbelanjaan faedah	38,918.2	46,292.9	43,621.4	47,911.5	54,625.6
Pendapatan faedah bersih	34,762.8	37,467.3	39,457.8	41,505.1	42,171.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	8,951.8	9,125.5	9,617.6	10,103.0	9,667.3
Tolak: Kos kakitangan	12,841.9	13,810.3	13,561.5	13,628.7	15,206.3
Kos overhed	11,751.1	12,666.5	13,383.7	14,171.8	15,216.3
Keuntungan operasi kasar	19,121.6	20,116.0	22,130.2	23,807.6	21,416.5
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	2,835.6	1,501.9	2,427.1	1,472.0	2,851.4
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	16,286.0	18,614.1	19,703.1	22,335.6	18,565.1
Campur: Pendapatan lain	9,909.6	10,604.9	10,054.5	9,593.3	10,454.9
Untung sebelum cukai	**26,195.6**	**29,219.0**	**29,757.6**	**31,928.9**	**29,020.0**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.6	1.5	1.5	1.3
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.4	17.4	15.9	15.2	12.4
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	213.3	231.9	236.2	255.0	237.4
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	45.9	46.3	45.6	45.4	48.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	70.7	70.7	68.3	67.0	72.1
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	91.5	91.7	98.7	104.0	100.1
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	102.7	108.8	108.4	108.8	127.6

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.4

Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	71,668.9	81,931.8	81,085.9	87,707.9	95,041.0
Tolak: Perbelanjaan faedah	37,417.0	44,943.9	42,165.1	46,598.7	53,361.0
Pendapatan faedah bersih	34,251.8	36,988.0	38,920.9	41,109.2	41,680.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	6,904.9	7,620.1	7,874.4	8,179.1	8,061.2
Tolak: Kos kakitangan	11,736.6	12,789.4	12,399.9	12,488.5	14,071.0
Kos overhed	10,747.1	12,031.4	12,571.6	13,232.2	14,381.8
Keuntungan operasi kasar	18,673.1	19,787.3	21,823.8	23,567.5	21,288.4
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	2,938.6	1,509.0	2,467.4	1,487.0	2,893.5
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	15,734.5	18,278.3	19,356.4	22,080.5	18,395.0
Campur: Pendapatan lain	9,360.4	9,920.3	9,409.3	8,675.3	9,892.4
Untung sebelum cukai	**25,094.9**	**28,198.5**	**28,765.7**	**30,755.8**	**28,287.4**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.6	1.6	1.5	1.5	1.3
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	17.7	17.4	16.0	15.4	12.6
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	219.9	242.3	246.3	264.6	249.2
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	44.5	45.5	44.4	44.4	47.7
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	65.6	67.1	64.2	62.6	68.3
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	91.6	94.1	101.4	106.0	102.2
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	102.8	109.0	106.7	107.5	127.0

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Bank Pelaburan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan faedah	2,012.1	1,828.3	1,993.3	1,708.8	1,756.4
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,501.1	1,349.0	1,456.4	1,312.8	1,264.6
Pendapatan faedah bersih	511.0	479.3	536.9	396.0	491.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,046.9	1,505.4	1,743.2	1,923.9	1,606.1
Tolak: Kos kakitangan	1,105.3	1,020.9	1,161.5	1,140.1	1,135.3
Kos overhed	1,004.0	635.1	812.2	939.6	834.5
Keuntungan operasi kasar	448.5	328.7	306.4	240.1	128.1
Tolak: Peruntukan jejas nilai[1] dan lain-lain	-103.1	-7.1	-40.4	-15.0	-42.0
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	551.6	335.8	346.8	255.1	170.1
Campur: Pendapatan lain	549.2	684.6	645.2	918.0	562.5
Untung sebelum cukai	**1,100.8**	**1,020.4**	**991.9**	**1,173.1**	**732.6**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.7	1.6	1.7	2.1	1.4
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	12.3	11.5	10.6	11.4	6.9
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)	117.4	108.4	107.7	130.8	83.8
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	67.9	62.0	67.5	64.2	74.0
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih (sen)	412.8	345.5	367.6	525.2	400.6
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	90.8	62.2	69.9	82.4	73.5
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)	117.9	106.2	131.8	125.0	135.8

[1] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.6

Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Pendapatan[1]	13,643.1	16,415.7	18,106.3	20,416.1	23,519.6
antaranya: diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan	-	-	-	-	1,148.5
Tolak: Perbelanjaan[1]	6,535.8	7,965.1	9,422.9	10,888.9	13,738.6
antaranya: keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan	-	-	-	-	564.6
Pendapatan bersih	7,107.4	8,450.6	8,683.3	9,527.2	9,781.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi[2]	835.7	1,055.2	1,048.4	1,056.9	1,105.9
Tolak: Kos kakitangan	1,377.6	1,636.7	1,740.0	1,741.9	1,754.7
Kos overhed	2,388.1	3,016.8	3,079.2	3,225.5	3,495.6
Keuntungan operasi kasar	4,177.3	4,852.3	4,912.5	5,616.8	5,636.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	1,692.1	609.0	443.8	758.2	1,047.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	2,485.2	4,243.2	4,468.7	4,858.6	4,589.6
Campur: Pendapatan lain	541.7	608.9	444.0	253.1	450.0
Untung sebelum cukai	**3,026.9**	**4,852.1**	**4,912.7**	**5,111.7**	**5,039.6**
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.0	1.3	1.2	1.1	1.0
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	13.5	18.2	17.0	15.7	14.0
Untung sebelum cukai / Kakitangan purata (RM'000)[4]	119.0	173.8	167.0	173.1	168.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh (sen)	25.1	25.7	24.6	22.9	20.9
Kos dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan bersih (sen)	53.0	55.1	55.5	52.1	53.7
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	173.4	184.3	177.0	185.2	199.2
Kos bagi setiap kakitangan (RM'000)[4]	54.1	58.6	59.1	59.0	58.8

[1] Mulai 1 Julai 2015, pendapatan dan perbelanjaan termasuk daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan dan keuntungan yang diagihkan kepada pemegang akaun pelaburan
[2] Termasuk pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dibiayai oleh akaun pelaburan yang direkodkan luar lembaran imbangan
[3] Merujuk kepada peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Garis Panduan Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman / Pembiayaan
[4] Anggaran bilangan kakitangan adalah berdasarkan peratusan aset perbankan Islam institusi terbabit
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Sistem Perbankan: Rangkaian dan Tenaga Kerja

	Pada akhir tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
Bilangan institusi	56	56	55	54	54
Bank perdagangan	*25*	*27*	*27*	*27*	*27*
Bank pelaburan	*15*	*13*	*12*	*11*	*11*
Bank-bank Islam	*16*	*16*	*16*	*16*	*16*
Rangkaian pejabat	2,435	2,481	2,479	2,494	2,500
Bank perdagangan	*2,050*	*2,056*	*2,029*	*2,045*	*2,048*
Bank pelaburan	*133*	*148*	*135*	*135*	*119*
Bank-bank Islam[1]	*2,147*	*2,171*	*2,177*	*2,192*	*2,206*
Bilangan bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Internet	27	28	31	31	31
Bilangan pekerja	125,065	126,902	125,071	125,307	119,162
Bank perdagangan	*106,274*	*107,541*	*106,006*	*106,783*	*101,823*
Bank pelaburan	*9,577*	*9,610*	*8,814*	*9,122*	*8,361*
Bank-bank Islam	*9,214*	*9,751*	*10,251*	*9,402*	*8,978*

[1] Termasuk cawangan bank-bank Islam yang berkongsi tempat dengan cawangan bank konvensional
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.8

Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	6,509.9	6,053.5	5,284.8	6,762.4	8,852.4
Komitmen pengeluaran pinjaman	409,756.4	444,293.6	470,299.8	472,472.5	490,961.9
Pengganti kredit langsung	21,302.3	24,960.5	33,087.9	29,897.3	32,830.2
Kontrak berkaitan pertukaran asing	476,725.8	518,150.2	577,388.4	760,062.7	891,122.5
Kontrak berkaitan kadar faedah	695,982.4	716,494.7	772,958.0	791,736.1	858,058.7
Kontingensi berkaitan perdagangan	11,721.1	10,644.2	10,677.4	13,724.3	13,505.9
Kontingensi berkaitan urus niaga	41,059.9	45,928.8	50,561.5	57,964.8	60,492.9
Obligasi penajajaminan	789.5	445.0	522.0	466.0	76.0
Lain-lain	65,938.4	72,179.0	55,541.2	63,046.9	58,523.2
Jumlah	**1,729,785.7**	**1,839,149.5**	**1,976,320.9**	**2,196,133.0**	**2,414,423.9**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.9

Bank Pelaburan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan kredit	20.4	19.2	12.4	77.0	4.5
Komitmen pengeluaran pinjaman	3,353.6	3,666.1	5,454.8	5,609.1	5,802.7
Pengganti kredit langsung	322.6	201.5	316.6	418.0	543.0
Kontrak berkaitan pertukaran asing	3,958.7	5,536.6	7,548.1	7,941.7	8,736.5
Kontrak berkaitan kadar faedah	10,573.4	9,161.6	9,779.4	8,957.2	7,370.6
Kontingensi berkaitan perdagangan	1.1	1.1	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	10.5	10.5	10.5	10.5	10.5
Obligasi penajajaminan	717.5	190.3	680.8	90.2	218.4
Lain-lain	1,523.1	2,205.8	3,402.7	3,296.3	2,944.5
Jumlah	**20,480.9**	**20,992.6**	**27,205.4**	**26,399.9**	**25,630.7**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.10

Insurans Hayat[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Premium bersih	22,877.7	25,005.7	26,458.1	28,824.8	30,043.6
Tolak: Faedah polisi bersih	14,015.5	14,342.4	16,357.7	17,997.2	20,541.1
Imbuhan agensi	3,384.1	3,551.9	3,667.9	3,837.0	3,901.4
Jumlah perbelanjaan pengurusan	2,092.9	2,287.6	2,481.8	2,626.5	2,997.6
Baki transaksi	3,385.2	4,823.8	3,950.7	4,364.1	2,603.5
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	6,039.5	6,706.8	7,208.4	7,623.2	8,056.9
Perolehan modal bersih (kerugian)	659.0	2,181.6	-1,344.2	-856.2	-214.7
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	1,112.7	1,735.7	1,272.8	512.9	-112.6
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**11,196.4**	**15,447.8**	**11,087.7**	**11,643.9**	**10,333.1**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan insurans hayat global
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

Insurans Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Pendapatan premium diperoleh	11,236.9	12,418.7	13,821.3	14,885.6	15,631.8
Tolak: Tuntutan bersih	7,483.7	7,126.7	7,934.2	8,699.6	9,554.6
Komisen bersih	1,374.3	1,587.4	1,789.8	1,963.4	2,016.7
Jumlah perbelanjaan pengurusan	1,990.2	2,220.2	2,477.1	2,656.4	2,932.7
Keuntungan pengunderaitan	388.7	1,484.3	1,620.1	1,566.2	1,127.8
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	924.6	970.1	1,015.7	1,063.9	1,151.1
Perolehan modal bersih (kerugian)	18.9	19.6	24.8	-29.2	3.1
Pendapatan lain bersih	127.2	114.9	180.5	197.3	75.9
Keuntungan kendalian	**1,459.5**	**2,588.9**	**2,841.1**	**2,798.2**	**2,357.9**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global insurans am
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.12

Takaful Keluarga[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Caruman bersih	3,703.6	4,574.8	4,803.9	4,787.2	5,098.4
Tolak: Faedah sijil bersih	1,660.9	1,635.9	1,999.2	2,027.6	2,437.2
Komisen bersih	599.2	711.2	761.2	731.5	846.6
Jumlah perbelanjaan pengurusan	476.5	574.6	642.5	731.4	741.4
Baki transaksi	967.0	1,653.2	1,401.0	1,296.7	1,073.2
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	494.2	590.1	659.1	736.9	830.9
Perolehan modal bersih (kerugian)	27.8	54.6	-164.4	-56.1	16.4
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	78.1	155.8	204.4	138.5	-260.3
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	**1,567.1**	**2,453.7**	**2,100.1**	**2,116.0**	**1,660.2**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful keluarga
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

Takaful Am[1]: Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

	Untuk tahun kalendar				
	2011	2012	2013	2014	2015*a*
	RM juta				
Pendapatan caruman diperoleh	1,090.3	1,282.1	1,390.0	1,466.8	1,671.4
Tolak: Tuntutan bersih	738.9	730.0	743.2	700.6	867.7
Komisen bersih	96.7	156.7	192.4	91.9	105.0
Jumlah perbelanjaan pengurusan	155.9	206.0	247.4	416.7	502.9
Keuntungan pengunderaitan	98.7	189.5	207.0	257.6	195.8
Campur: Pendapatan pelaburan bersih	84.5	96.3	102.8	110.6	119.1
Perolehan modal bersih (kerugian)	35.8	41.6	80.4	11.8	6.9
Pendapatan lain bersih (perbelanjaan)	17.5	-18.3	-7.7	-2.2	-1.3
Keuntungan kendalian	**236.5**	**309.1**	**382.5**	**377.8**	**320.5**

[1] Angka-angka berdasarkan perniagaan global dan perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana takaful am
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
	RM juta					
Sumber:						
Ekuiti pemegang saham	28,646.3	30,466.4	5,112.4	5,751.2	33,758.7	36,217.6
antaranya:						
Modal berbayar	*11,111.1*	*11,121.3*	*2,844.5*	*2,859.5*	*13,955.6*	*13,980.8*
Rizab	*7,854.6*	*7,844.8*	*752.0*	*-2,207.8*	*8,606.6*	*5,637.0*
Perolehan/Kerugian tertahan	*7,436.5*	*9,023.1*	*1,621.7*	*1,404.5*	*9,058.2*	*10,427.6*
Liabiliti	163,710.0	167,696.5	65,275.2	70,894.5	228,985.2	238,591.0
antaranya:						
Deposit diterima	113,511.7	117,248.4	55,457.6	60,243.6	168,969.3	177,492.0
Peminjaman	17,691.1	15,085.0	7,034.7	7,950.3	24,725.8	23,035.3
Kerajaan	*13,391.3*	*9,227.9*	*1,975.0*	*2,163.7*	*15,366.3*	*11,391.6*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*2,499.8*	*3,917.1*	*18.2*	*13.2*	*2,518.0*	*3,930.3*
Lain-lain	*1,800.0*	*1,940.0*	*5,041.5*	*5,773.4*	*6,841.5*	*7,713.4*
Sekuriti hutang diterbitkan	15,546.7	17,692.3	-	-	15,546.7	17,692.3
Jumlah	**192,356.3**	**198,162.9**	**70,387.6**	**76,645.7**	**262,743.9**	**274,808.6**
Kegunaan:						
Aset	192,356.3	198,162.9	70,387.6	76,645.7	262,743.9	274,808.6
antaranya:						
Penempatan deposit	10,419.3	7,157.9	8,066.9	12,330.5	18,486.2	19,488.4
Pelaburan	42,086.0	42,198.0	41,792.9	45,116.8	83,878.9	87,314.8
antaranya:						
Sekuriti Kerajaan	*9,645.9*	*25,683.6*	*-*	*-*	*9,645.9*	*25,683.6*
Saham	*861.7*	*632.7*	*14,190.0*	*16,312.3*	*15,051.7*	*16,945.0*
Disenaraikan	*812.3*	*583.7*	*14,053.6*	*16,175.6*	*14,865.9*	*16,759.3*
Tidak disenaraikan	*49.4*	*49.0*	*136.4*	*136.7*	*185.8*	*185.7*
Sekuriti hutang korporat	*5,160.6*	*9,184.5*	*12,880.0*	*13,577.8*	*18,040.6*	*22,762.3*
Pinjaman dan pendahuluan	128,463.2	135,584.0	8,587.4	9,283.5	137,050.6	144,867.5
Aset tetap	3,770.1	4,001.6	5,661.7	6,208.8	9,431.8	10,210.4
Jumlah	**192,356.3**	**198,162.9**	**70,387.6**	**76,645.7**	**262,743.9**	**274,808.6**
Kontingensi:						
Jaminan	594.9	625.9	6,668.9	6,877.5	7,263.8	7,503.4
Insurans kredit eksport	1,072.9	1,366.8	-	-	1,072.9	1,366.8
Jumlah	**1,667.8**	**1,992.7**	**6,668.9**	**6,877.5**	**8,336.7**	**8,870.2**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

[3] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.15

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun 2015						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Sumber:							
Ekuiti pemegang saham	13,812.6	2,310.2	7,511.5	2,520.2	3,039.3	1,272.6	30,466.4
antaranya:							
Modal berbayar	*2,983.9*	*-*	*3,078.7*	*1,000.0*	*2,708.7*	*1,350.0*	*11,121.3*
Rizab	*4,552.7*	*1,058.6*	*1,851.5*	*423.7*	*0.2*	*-41.9*	*7,844.8*
Perolehan/Kerugian tertahan	*4,448.6*	*1,138.0*	*2,333.3*	*940.9*	*258.4*	*-96.1*	*9,023.1*
Liabiliti	80,475.2	31,920.7	22,138.7	10,632.7	12,989.1	9,540.1	167,696.5
antaranya:							
Deposit diterima	71,234.1	27,588.6	8,127.7	6,902.7	-	3,395.3	117,248.4
Peminjaman	2,138.1	31.2	4,404.2	2,191.0	3,611.1	2,709.4	15,085.0
Kerajaan	*198.1*	*31.2*	*3,954.1*	*2,191.0*	*170.1*	*2,683.4*	*9,227.9*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*-*	*-*	*450.1*	*-*	*3,441.0*	*26.0*	*3,917.1*
Lain-lain	*1,940.0*	*-*	*-*	*-*	*-*	*-*	*1,940.0*
Sekuriti hutang diterbitkan	2,718.9	-	6,059.0	-	7,394.6	1,519.8	17,692.3
Jumlah	**94,287.8**	**34,230.9**	**29,650.2**	**13,152.9**	**16,028.4**	**10,812.7**	**198,162.9**
Kegunaan:							
Aset	94,287.8	34,230.9	29,650.2	13,152.9	16,028.4	10,812.7	198,162.9
antaranya:							
Penempatan deposit	1,725.5	213.9	1,123.0	557.6	2,155.2	1,382.7	7,157.9
Pelaburan	24,115.6	9,148.5	2,098.8	4,105.0	200.2	2,529.9	42,198.0
antaranya:							
Sekuriti Kerajaan	*16,648.3*	*5,815.3*	*865.6*	*1,204.4*	*-*	*1,150.0*	*25,683.6*
Saham	*294.0*	*141.9*	*186.8*	*0.8*	*-*	*9.2*	*632.7*
Disenaraikan	*282.3*	*141.9*	*158.7*	*0.8*	*-*	*-*	*583.7*
Tidak disenaraikan	*11.7*	*-*	*28.1*	*-*	*-*	*9.2*	*49.0*
Sekuriti hutang korporat	*3,211.8*	*480.6*	*1,041.5*	*2,899.7*	*200.2*	*1,350.7*	*9,184.5*
Pinjaman dan pendahuluan	64,463.7	20,674.1	24,850.9	7,482.5	12,723.6	5,389.2	135,584.0
Aset tetap	1,317.4	1,364.4	200.6	521.8	134.5	462.9	4,001.6
Jumlah	**94,287.8**	**34,230.9**	**29,650.2**	**13,152.9**	**16,028.4**	**10,812.7**	**198,162.9**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.16

Institusi Kewangan Pembangunan: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	IKP[1] di bawah AIKP[2]		IKP[3] bukan di bawah AIKP[2]		Jumlah IKP	
	Pada akhir tahun					
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
	RM juta					
Pertanian, perhutanan dan perikanan	7,714.2	8,031.7	271.2	689.0	7,985.4	8,720.7
Perlombongan dan kuari	166.8	657.1	37.8	25.6	204.6	682.7
Perkilangan	5,461.6	4,992.0	498.8	515.6	5,960.4	5,507.6
Bekalan elektrik, gas dan air	3,554.3	4,792.9	468.1	467.5	4,022.4	5,260.4
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	3,414.0	4,398.6	150.6	144.1	3,564.6	4,542.7
Sektor harta benda yang luas	22,028.5	22,168.3	3,388.1	3,269.1	25,416.6	25,437.4
Pembinaan	*12,635.8*	*11,818.2*	*1,965.5*	*1,990.4*	*14,601.3*	*13,808.6*
Pembelian harta kediaman	*8,588.9*	*9,510.3*	*90.0*	*74.2*	*8,678.9*	*9,584.5*
Pembelian harta bukan kediaman	*211.5*	*214.4*	*28.5*	*27.5*	*240.0*	*241.9*
Harta tanah	*592.3*	*625.4*	*1,304.1*	*1,177.0*	*1,896.4*	*1,802.4*
Maritim	2,401.2	1,931.4	-	-	2,401.2	1,931.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	10,234.5	10,000.4	37.1	37.9	10,271.6	10,038.3
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	4,109.6	4,572.0	523.6	616.8	4,633.2	5,188.8
Kredit penggunaan	66,014.4	70,072.2	2,159.7	2,325.9	68,174.1	72,398.1
antaranya:						
Pembelian kenderaan bermotor	*1,456.5*	*1,714.2*	*1.9*	*1.2*	*1,458.4*	*1,715.4*
Kad kredit	*804.3*	*866.8*	*2,157.7*	*2,324.6*	*2,962.0*	*3,191.4*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	2,825.0	3,351.0	3.2	5.9	2,828.2	3,356.9
Pembelian sekuriti	150.5	259.2	-	-	150.5	259.2
Sektor lain	388.6	357.2	1,049.2	1,186.1	1,437.8	1,543.3
Jumlah	**128,463.2**	**135,584.0**	**8,587.4**	**9,283.5**	**137,050.6**	**144,867.5**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
[3] Merujuk kepada Lembaga Tabung Haji (LTH), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sabah Credit Corporation (SCC), Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak) dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah)

Jadual A.17

Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Pembiayaan Mengikut Sektor Ekonomi

	Pada akhir tahun 2015						
	Bank Rakyat	BSN	Bank Pembangunan	Agrobank	EXIM Bank	SME Bank	Jumlah
	RM juta						
Pertanian, perhutanan dan perikanan	366.0	-	-	7,482.5	174.6	8.6	8,031.7
Perlombongan dan kuari	-	-	-	-	613.7	43.4	657.1
Perkilangan	189.3	178.6	1,460.1	-	2,232.7	931.3	4,992.0
Bekalan elektrik, gas dan air	100.4	-	2,047.8	-	2,612.5	32.2	4,792.9
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	117.9	349.4	1,381.7	-	1,168.7	1,380.9	4,398.6
Sektor harta benda yang luas	3,431.4	7,794.0	8,081.5	-	2,046.0	815.4	22,168.3
Pembinaan	*1,139.6*	-	*8,081.5*	-	*1,908.0*	*689.0*	*11,818.1*
Pembelian harta kediaman	*1,767.0*	*7,743.3*	-	-	-	-	*9,510.3*
Pembelian harta bukan kediaman	*163.7*	*50.7*	-	-	-	-	*214.4*
Harta tanah	*361.1*	-	-	-	*138.0*	*126.4*	*625.5*
Maritim	-	-	1,931.4	-	-	-	1,931.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	155.6	4.2	7,424.5	-	1,619.2	796.9	10,000.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,981.0	108.0	-	-	1,935.1	547.9	4,572.0
Kredit penggunaan *antaranya:*	58,020.7	12,051.5	-	-	-	-	70,072.2
Pembelian kenderaan bermotor	*1,240.0*	*474.2*	-	-	-	-	*1,714.2*
Kad kredit	*476.8*	*390.0*	-	-	-	-	*866.8*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan lain-lain	29.4	…	2,513.6	-	-	808.0	3,351.0
Pembelian sekuriti	72.0	187.2	-	-	-	-	259.2
Sektor lain	-	1.2	10.3	-	321.1	24.6	357.2
Jumlah	**64,463.7**	**20,674.1**	**24,850.9**	**7,482.5**	**12,723.6**	**5,389.2**	**135,584.0**

[1] Merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

… Terlalu kecil

Jadual A.18

Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih

	Pada akhir tahun					
	2014			2015		
IKP di bawah AIKP[1]:	Cawangan	ATM	Kakitangan	Cawangan	ATM	Kakitangan
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	174	650	4,642	148	699	5,153
Bank Simpanan Nasional	403	885	6,961	400	862	7,084
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	331	-	-	342
Bank Pertanian Malaysia Berhad	190	258	3,347	187	255	3,102
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	-	-	298	-	-	312
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	29	-	1,028	29	-	1,029
Jumlah kecil	796	1,793	16,607	764	1,816	17,022
IKP bukan di bawah AIKP[1]:						
Lembaga Tabung Haji	121	-	2,090	122	-	2,118
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	16	-	500	16	-	541
Sabah Development Bank Berhad	-	-	88	-	-	83
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	5	-	293	5	-	284
Sabah Credit Corporation	12	-	184	13	-	185
Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad	-	-	36	-	-	35
Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad	-	-	20	-	-	21
Jumlah kecil	154	-	3,211	156	-	3,267
Jumlah	**950**	**1,793**	**19,818**	**920**	**1,816**	**20,289**

[1] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.19

Jumlah Kiriman Wang Keluar dan Masuk

	2011	2012	2013	2014	2015
	RM juta				
Jumlah kiriman keluar[1]	**15,703.8**	**18,357.5**	**22,717.1**	**28,207.9**	**34,753.1**
Dihantar melalui:					
Bank[2]	7,812.8	7,543.3	8,577.2	10,739.9	14,084.8
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang[3]	7,891.0	10,814.2	14,139.9	17,468.0	20,668.3
Jumlah kiriman masuk[4]	**5,215.8**	**4,966.6**	**5,764.8**	**6,866.0**	**8,433.3**
Dihantar melalui:					
Bank	4,654.7	4,362.9	4,984.6	5,885.3	7,111.9
Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang	561.1	603.7	780.2	980.7	1,321.4
Pada akhir tempoh					
Bilangan penyedia perkhidmatan kiriman wang	**80**	**79**	**77**	**77**	**76**
Bank perdagangan	41	43	43	43	43
Institusi kewangan pembangunan	2	2	2	3	3
Penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank yang berlesen	37	34	32	31	30

[1] Merujuk kepada gaji dan pampasan pekerja asing di Malaysia, serta ganjaran pekerja yang dikirim dari Malaysia ke negara-negara lain

[2] Transaksi kiriman wang diselaraskan bagi dana yang disalurkan melalui Malaysia, dari sesebuah negara asal ke negara destinasi. Ini merangkumi terutamanya kiriman wang pekerja asing di negara lain yang dikirim melalui penyedia perkhidmatan kiriman wang berlesen yang dibenarkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

[3] Merujuk kepada penyedia perkhidmatan kiriman wang dan institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011

[4] Merujuk kepada gaji dan pampasan warganegara Malaysia yang bekerja di negara asing serta ganjaran pekerja yang dikirim dari negara-negara lain ke Malaysia

Sumber: Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa, e-SURVEY untuk transaksi kiriman wang oleh bank dan Laporan Statistik Kiriman Wang oleh Perniagaan Perkhidmatan Wang

Jadual A.20

Penunjuk Pembayaran Asas

	2011	2012	2013	2014	2015
Penduduk (juta)	29.1	29.5	30.2	30.6	31.0
KDNK (RM juta)	911,733	971,252	1,018,821	1,106,580	1,156,881
Tunai dalam edaran (RM juta)	53,488.5	57,395.6	62,710.2	68,029.4	76,642.9
Jumlah Urus Niaga Per Kapita (unit):					
Cek[1]	7.1	6.9	6.5	5.8	4.8
E-pembayaran:	49.1	55.0	63.4	70.9	82.0
Kad kredit	10.9	11.0	11.0	11.3	11.6
Kad caj	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Kad debit	0.9	1.2	1.6	2.2	2.9
Wang elektronik	27.7	31.3	34.7	38.4	44.7
Instrumen bukan tunai lain[2]	0.2	0.9	1.0	1.0	1.1
Sistem GIRO Antara Bank	2.1	2.4	2.8	3.7	4.8
Debit Terus[3]	…	…	…	…	0.1
ATM[4]	1.3	1.5	1.4	1.7	2.1
Perbankan Internet[5]	5.6	6.3	7.2	8.7	10.5
Perbankan mudah alih[5]	0.1	0.2	0.5	0.7	0.9
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6]	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	-	3.0	2.9	3.1
Nilai Urus Niaga Per Kapita (RM):					
Tunai dalam edaran	1,840.5	1,945.0	2,075.5	2,223.3	2,472.7
Cek[1]	68,125.3	68,899.4	68,163.9	63,344.6	57,908.7
E-pembayaran:	446,802.4	512,226.1	535,343.6	565,573.9	538,474.7
Kad kredit	3,055.4	3,188.2	3,300.9	3,447.9	3,635.1
Kad caj	185.4	218.9	239.1	279.8	287.3
Kad debit	215.3	292.1	379.1	483.3	643.9
Wang elektronik	119.7	143.8	162.8	172.7	193.4
Instrumen bukan tunai lain[2]	1.0	2.6	4.3	3.2	3.3
Sistem GIRO Antara Bank	5,716.8	7,172.5	9,441.6	14,136.1	20,537.0
Debit Terus[3]	166.3	279.5	372.4	483.6	623.0
ATM[4]	1,163.7	1,255.6	1,356.6	1,701.0	1,815.3
Perbankan Internet[5]	64,264.0	62,650.4	74,809.0	87,504.4	90,174.9
Perbankan mudah alih[5]	24.4	124.2	257.8	396.4	500.3
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6]	371,890.5	436,898.4	424,296.4	444,783.3	409,979.6
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	-	20,723.7	12,182.2	10,081.6
Bahagian daripada KDNK:					
Tunai dalam edaran (%)	5.9	5.9	6.2	6.1	6.6
Cek[1] (kali)	2.2	2.1	2.0	1.8	1.6
E-pembayaran (kali):	14.2	15.6	15.9	15.6	14.4
% daripada KDNK:					
Kad kredit	9.7	9.7	9.8	9.5	9.7
Kad caj	0.6	0.7	0.7	0.8	0.8
Kad debit	0.7	0.9	1.1	1.3	1.7
Wang elektronik	0.4	0.4	0.5	0.5	0.5
Instrumen bukan tunai lain[2]	…	…	…	…	…
Sistem GIRO Antara Bank	18.2	21.8	28.0	39.1	55.0
Debit Terus[3]	0.5	0.8	1.1	1.3	1.7
ATM[4]	3.7	3.8	4.0	4.7	4.9
Perbankan Internet[5]	204.8	190.4	221.9	242.0	241.6
Perbankan mudah alih[5]	0.1	0.4	0.8	1.1	1.3
RENTAS - Urus niaga pihak ketiga[6] (kali)	11.9	13.3	12.6	12.3	11.0
Debit terus dan arahan tetap intrabank[7]	-	-	61.5	33.7	27.0

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Merujuk kepada kad pembayaran satu tujuan
[3] Merujuk kepada urus niaga debit terus antara bank
[4] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
[5] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan dan urus niaga kad kredit, Sistem GIRO Antara Bank dan pihak ketiga RENTAS secara dalam talian
[6] Merujuk kepada pembayaran Kerajaan, duti kastam dan pihak ketiga melalui Sistem Pemindahan Dana Antara Bank. Pembayaran pihak ketiga merujuk kepada urus niaga dengan nilai minimum RM10,000, di mana pihak benefisiari atau pihak yang membuat urus niaga bukan ahli RENTAS
[7] Merujuk kepada bayaran yang didebit secara terus oleh bank daripada akaun semasa dan simpanan. Data diperoleh sejak 2013
… Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.21

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Jumlah Urus Niaga

	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	Juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**204.9**	**203.8**	**197.1**	**177.1**	**148.0**	**-10.1**	**-16.5**
Kad kredit	**316.9**	**325.3**	**332.4**	**345.7**	**359.6**	**4.0**	**4.0**
Kad caj	**3.9**	**4.1**	**4.1**	**4.4**	**4.2**	**7.5**	**-4.1**
Kad debit	**25.1**	**36.0**	**49.4**	**68.7**	**90.1**	**39.3**	**31.0**
Kad debit jenama antarabangsa	*19.8*	*29.7*	*41.9*	*60.4*	*79.7*	*44.0*	*31.9*
Kad debit jenama domestik[2]	*5.4*	*6.3*	*7.4*	*8.4*	*10.4*	*12.7*	*24. 8*
Wang elektronik	**804.8**	**923.0**	**1,048.0**	**1,175.0**	**1,384.7**	**12.1**	**17.8**
Berasaskan kad	*797.4*	*914.6*	*1,028.0*	*1,153.0*	*1,360.9*	*12.2*	*18.0*
Berasaskan rangkaian	*7.4*	*8.5*	*20.1*	*22.0*	*23.7*	*9.4*	*8.1*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.22

Instrumen Pembayaran Bukan Tunai: Nilai Urus Niaga

	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	RM juta					% Perubahan tahunan	
Cek[1]	**1,979,858**	**2,033,221**	**2,059,504**	**1,938,218**	**1,794,937**	**-5.9**	**-7.4**
Kad kredit	**88,797**	**94,085**	**99,733**	**105,498**	**112,675**	**5.8**	**6.8**
Pembelian	*85,364*	*91,270*	*97,291*	*103,112*	*110,346*	*6.0*	*7.0*
Pendahuluan tunai	*3,432*	*2,815*	*2,442*	*2,386*	*2,328*	*-2.3*	*-2.4*
Kad caj	**5,388**	**6,459**	**7,223**	**8,560**	**8,906**	**18.5**	**4.0**
Pembelian	*5,359*	*6,435*	*7,202*	*8,542*	*8,892*	*18.6*	*4.1*
Pendahuluan tunai	*28*	*24*	*21*	*18*	*14*	*-13.5*	*-21.9*
Kad debit	**6,256**	**8,619**	**11,454**	**14,785**	**19,957**	**29.1**	**35.0**
Kad debit jenama antarabangsa	*3,239*	*4,954*	*7,092*	*10,042*	*14,219*	*41.6*	*41.6*
Kad debit jenama domestik[2]	*3,016*	*3,665*	*4,362*	*4,743*	*5,738*	*8.8*	*21.0*
Wang elektronik	**3,477**	**4,244**	**4,919**	**5,284**	**5,995**	**7.4**	**13.5**
Berasaskan kad	*2,424*	*2,983*	*3,361*	*3,837*	*4,537*	*14.1*	*18.3*
Berasaskan rangkaian	*1,054*	*1,261*	*1,557*	*1,447*	*1,458*	*-7.1*	*0.7*

[1] Cek yang dijelaskan melalui eSPICK
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.23

Sistem Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	Juta/RM bilion					% Perubahan tahunan	
RENTAS[1]							
Jumlah urus niaga	3.4	3.6	4.0	4.4	4.4	10.1	0.8
Nilai urus niaga	47,175.6	46,169.4	46,437.7	49,127.4	53,570.5	5.8	9.0
Sistem GIRO Antara Bank							
Jumlah urus niaga	60.4	70.1	83.4	113.6	149.1	36.2	31.2
Nilai urus niaga	166.1	211.7	285.3	432.5	636.6	51.6	47.2
	'000/RM juta						
FPX[2]							
Jumlah urus niaga	878.4	1,440.9	2,211.7	3,099.7	4,648.8	40.2	50.0
Nilai urus niaga	618.9	821.6	1,372.2	4,191.4	8,602.5	205.4	105.2
Debit Terus							
Jumlah urus niaga	575.7	708.8	924.2	1,278.4	1,678.7	38.3	31.3
Nilai urus niaga	4,832.0	8,248.2	11,251.9	14,796.2	19,310.7	31.5	30.5

[1] Sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
[2] Bursa Pemprosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.24

Urus Niaga Pembayaran dan Sekuriti Melalui RENTAS

Jumlah Urus Niaga	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	'000					% Perubahan tahunan	
Jumlah	**3,425.0**	**3,588.7**	**3,967.1**	**4,367.2**	**4,402.7**	**10.1**	**0.8**
IFTS[1]	**3,310.3**	**3,467.5**	**3,847.7**	**4,257.3**	**4,283.4**	**10.6**	**0.6**
Operasi pasaran wang	95.9	90.8	87.3	88.1	86.8	0.9	-1.5
Penyelesaian pertukaran asing	85.9	91.8	100.0	107.6	126.8	7.6	17.8
antaranya: USD CHATS[2]	*44.4*	*41.2*	*47.8*	*53.7*	*63.0*	*12.3*	*17.3*
Urus niaga pihak ketiga	2,449.4	2,701.5	3,020.2	3,383.8	3,317.5	12.0	-2.0
Lain-lain	679.0	583.4	640.2	677.8	752.3	5.9	11.0
SSDS[3]	**114.7**	**121.2**	**119.4**	**110.0**	**119.3**	**-7.9**	**8.5**
Nilai Urus Niaga	RM bilion						
Jumlah	**47,175.6**	**46,169.4**	**46,437.7**	**49,127.4**	**53,570.5**	**5.8**	**9.0**
IFTS[1]	**44,227.9**	**43,153.2**	**43,903.3**	**46,743.1**	**51,330.8**	**6.5**	**9.8**
Operasi pasaran wang	21,473.2	17,520.1	18,656.7	18,935.5	23,741.9	1.5	25.4
Penyelesaian pertukaran asing	3,831.6	3,955.7	3,839.6	4,966.6	5,190.4	29.4	4.5
antaranya: USD CHATS[2]	*2,414.3*	*2,401.6*	*2,594.8*	*3,595.2*	*3,700.9*	*38.6*	*2.9*
Urus niaga pihak ketiga	10,807.9	12,892.9	12,819.7	13,609.5	12,707.7	6.2	-6.6
Lain-lain	8,115.2	8,784.4	8,587.2	9,231.5	9,690.8	7.5	5.0
SSDS[3]	**2,947.7**	**3,016.3**	**2,534.5**	**2,384.3**	**2,239.7**	**-5.9**	**-6.1**
Pusing Ganti kepada KDNK (kali)	**51.7**	**47.5**	**45.6**	**44.4**	**46.3**		
Purata Harian:							
Bilangan urus niaga ('000)	14.0	14.6	16.1	17.8	17.9	10.5	0.8
Nilai urus niaga (RM bilion)	192.6	188.4	188.0	199.7	217.8	6.2	9.0

[1] Sistem Pemindahan Dana Antara Bank
[2] Pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment versus Payment, PvP) yang dilancarkan pada 2006, untuk penyelesaian antara bank bagi perdagangan ringgit-dolar AS melalui RENTAS USD CHATS
[3] Sistem Depositari Sekuriti Tanpa Skrip untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, bil Perbendaharaan dan sekuriti hutang awam tanpa skrip
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.25

Saluran Pembayaran: Jumlah dan Nilai Urus Niaga

Jumlah Urus Niaga	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	Juta					% Perubahan tahunan	
Perbankan Internet[1]	198.4	227.3	269.8	350.7	452.0	30.0	28.9
Individu	*141.3*	*161.7*	*194.8*	*252.2*	*321.3*	*29.5*	*27.4*
Korporat	*57.1*	*65.6*	*75.0*	*98.5*	*130.6*	*31.3*	*32.7*
Perbankan mudah alih[1]	2.2	7.1	16.1	23.3	31.6	45.1	35.6
ATM[2]	38.5	43.0	42.4	51.3	66.5	21.0	29.7
Nilai Urus Niaga	RM juta						
Perbankan Internet[1]	1,934,208	2,978,435	3,457,627	4,108,271	4,773,641	18.8	16.2
Individu	*153,648*	*171,825*	*224,852*	*304,177*	*407,784*	*35.3*	*34.1*
Korporat	*1,780,560*	*2,806,610*	*3,232,775*	*3,804,094*	*4,365,857*	*17.7*	*14.8*
Perbankan mudah alih[1]	852	4,237	9,243	14,677	20,565	58.8	40.1
ATM[2]	33,818	37,052	40,987	52,047	56,269	27.0	8.1

[1] Tidak termasuk urus niaga bukan kewangan
[2] Merujuk kepada urus niaga pembayaran melalui ATM, termasuk pindahan dana akaun sendiri dan pihak ketiga. Tidak termasuk pengeluaran wang tunai
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.26

Urus Niaga Pembayaran Mengikut Saluran

Jumlah Urus Niaga	2014			2015		
	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM	Perbankan Internet	Perbankan mudah alih	ATM
	Juta					
Pindahan dana	162.2	11.5	38.7	237.7	17.1	53.1
Pembayaran bil[1]	62.7	4.1	1.6	74.0	5.1	1.9
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	6.3	…	0.1	6.6	-	0.1
Tambah nilai	23.1	5.9	2.8	24.9	6.9	3.0
Pembayaran balik kad dan pinjaman	22.2	1.6	8.1	26.0	2.2	8.4
Nilai Urus Niaga	RM juta					
Pindahan dana	2,669,945	11,965	43,042	3,037,540	16,770	46,478
Pembayaran bil[1]	16,588	536	389	26,297	684	520
Pelaburan dalam saham dan amanah saham	66,165	…	1,475	59,752	-	1,174
Tambah nilai	433	92	128	501	123	148
Pembayaran balik kad dan pinjaman	29,382	1,947	6,913	48,948	2,703	7,848

[1] Termasuk pembayaran insurans
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.27

Pengeluaran Wang Tunai Melalui ATM Di Malaysia

	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
Jumlah pengeluaran wang tunai	Juta					% Perubahan tahunan	
	556.8	565.7	526.5	579.2	704.8	10.0	21.7
Nilai pengeluaran wang tunai	RM juta						
	279,484.7	294,149.1	286,491.2	315,144.5	356,630.4	10.0	13.2
Purata nilai setiap urus niaga (RM)	501.9	520.0	544.1	544.1	506.0	...	-7.0

... Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.28

Bilangan Terminal Pindahan Dana Elektronik Jualan Semasa (Electronic Funds Transfer at Point-of-Sale)

Pada akhir tempoh	2011	2012	2013	2014	2015
	Unit				
Jumlah terminal[1]	206,984	219,758	226,599	237,657	280,704
antaranya:					
Kad pembayaran jenama antarabangsa	204,443	217,236	223,957	229,433	268,546
Kad debit jenama domestik[2]	129,478	140,127	159,357	190,444	218,451
Terminal bagi setiap 1,000 penduduk	7	7	7	8	9

[1] Terminal yang menerima kad pembayaran jenama antarabangsa dan/ atau kad debit domestik. Termasuk terminal milik institusi bukan bank
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.29

Bilangan Kad dan Pengguna Instrumen Pembayaran dan Saluran Pembayaran

Pada akhir tempoh	2011	2012	2013	2014	2015	2014	2015
	'000					% Perubahan tahunan	
Bilangan kad/akaun:							
Kad kredit	8,281	8,150	8,128	8,048	8,741	-1.0	8.6
Kad caj	154	138	155	142	143	-8.9	0.8
Kad debit	29,869	34,630	38,226	41,439	42,962	8.4	3.7
antaranya: Kad debit jenama domestik[1]	*17,301*	*17,237*	*17,363*	*16,785*	*15,315*	*-3.3*	*-8.8*
Wang elektronik	84,178	91,008	97,735	45,557	55,825	-53.4	22.5
Bilangan pelanggan:							
Perbankan Internet	11,873	13,678	15,524	17,600	19,751	13.4	12.2
Individu	*11,637*	*13,430*	*15,225*	*17,254*	*19,176*	*13.3*	*11.1*
Korporat	*236*	*248*	*299*	*346*	*575*	*15.6*	*66.2*
Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)	*40.9*	*46.4*	*51.4*	*57.5*	*63.7*		
Perbankan mudah alih	1,560	2,446	4,379	5,639	7,279	28.8	29.1
Kadar penembusan kepada jumlah penduduk (%)	*5.4*	*8.3*	*14.5*	*18.4*	*23.5*		

[1] Kad ATM domestik berasaskan PIN

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.30

Bilangan Peserta dan Pengeluar Instrumen

Pada akhir tempoh	2011	2012	2013	2014	2015
	Unit				
RENTAS	**68**	**68**	**68**	**68**	**68**
Bank Negara Malaysia	*1*	*1*	*1*	*1*	*1*
Bank	*56*	*56*	*55*	*55*	*55*
Institusi Kewangan Pembangunan	*6*	*6*	*6*	*6*	*6*
Bukan bank	*5*	*5*	*6*	*6*	*6*
eSPICK	**46**	**48**	**47**	**46**	**46**
Kad kredit	**25**	**26**	**25**	**26**	**27**
Bank	*21*	*22*	*22*	*23*	*24*
Bukan bank	*4*	*4*	*3*	*3*	*3*
Kad debit[1]	**22**	**22**	**25**	**25**	**26**
Kad debit jenama antarabangsa	*9*	*10*	*12*	*13*	*14*
Kad debit jenama domestik[2]	*13*	*13*	*13*	*13*	*13*
Lain-lain[3]	*11*	*10*	*11*	*11*	*11*
Kad caj	**6**	**6**	**7**	**6**	**6**
Bank	*4*	*4*	*6*	*5*	*5*
Bukan bank	*2*	*2*	*1*	*1*	*1*
Wang elektronik[4]	**21**	**25**	**25**	**24**	**23**
Bank	*6*	*7*	*6*	*7*	*5*
Bukan bank	*15*	*18*	*19*	*17*	*18*
Perbankan Internet	**26**	**29**	**29**	**30**	**30**
Perbankan mudah alih	**13**	**13**	**13**	**13**	**13**
FPX[5]	**7**	**10**	**12**	**13**	**16**
Bank	*7*	*7*	*9*	*10*	*13*
Bukan bank	*-*	*3*	*3*	*3*	*3*
Debit terus	**13**	**16**	**17**	**17**	**14**
Bank	*13*	*13*	*14*	*14*	*14*
Bukan bank	*-*	*3*	*3*	*3*	*-*
Sistem GIRO Antara Bank	**26**	**28**	**29**	**30**	**30**

[1] Terdapat bank yang mengeluarkan lebih daripada satu jenis kad debit
[2] Kad ATM domestik berasaskan PIN
[3] Merujuk kepada kad yang mempunyai fungsi kad debit jenama antarabangsa dan kad debit domestik berasaskan PIN
[4] Termasuk kad prabayar jenama antarabangsa
[5] Bursa Pemprosesan Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia